

# JURNAL

# PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

JOURNAL OF PSYCHOLOGY AND COUNSELLING



TAHUN 2020 | BILANGAN 11 | ISSN 1985-3602

**Kesejahteraan Psikologi Dan Keperluan Perkhidmatan Kaunseling  
Dalam Kalangan Guru Di Kementerian Pendidikan Malaysia**  
Normazwin Binti Yahya, Halawiah Safinas Binti Ishak,  
Nordiana Binti Abd Rahim, Halimatun Saadiah Binti Usuldin

**Pengaruh Personaliti Terhadap Kompetensi Kaunselor Pelatih**  
Mohd Khairuddin Bin Mohamed, Mohd Haniff Bin Zawawi, Azizi Bin Lamat

**Perancangan Persaraan Dan Kebimbangan Dalam Kalangan Penjawat Awam**  
Norwazni Binti Abd Wahab, Salamiah Binti Hasan, Faradilla Binti Mhd Sidin

**Meneroka Kesejahteraan Emosi Dalam Kalangan Guru  
Hubungan Jarak Jauh Di Lembah Klang**  
Mohamad Supian Bin Taharim, Zaidi Bin Korib, Rosli Bin Suyot

**Perbezaan Domain Tingkah Laku Kognitif Dalam Kalangan Pemimpin Pertengahan  
Kementerian Pendidikan Malaysia Berdasarkan Jantina Dan Tempat Bertugas**  
S. Vigneswara Rao, Rushdan Bin Nordin, Mohd Haris Faruqi Bin Nor Rahim,  
Wan Syarmiella Binti Wan Samsudin

**Persepsi Kendiri Kaunselor Pendidikan Terhadap  
Pengurusan Perkhidmatan Psikologi Dan Kaunseling Abad Ke 21**  
Siti Suraiyah Binti M.Horsi, Che Mohamad Padali Bin Che Mat,  
Nor Hasnan Bin Sarabani, Shahbani Bin Othman

**Hubungan Antara Tahap Kecerdasan Pelbagai Dan  
Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Murid Tahun Enam**  
Azizi Bin Lamat, Mazli Sham Binti Abdullah PhD

**Tahap Pengaturan Kendiri Remaja Di Kawasan Bandar**  
Normazwin Binti Yahya, Salmiah Binti Monshie,  
Mazli Sham Binti Abdullah PhD, Azizi Bin Lamat

**Hubungan Faktor Tekanan Akademik Dengan Kebimbangan  
Dalam Kalangan Siswa Pendidik Di Institut Pendidikan Guru**  
Nadiana Binti Bujang, Norisham Binti Abd Ghani PhD, Norhanita Binti Othman,  
Zaipul Hasni Binti Mat Salleh, Nor Hafizah Binti Mohammad Hanafi

**Profil Personaliti Belia *Malaysia Future Leaders School* (MFLS)  
Sebagai Bakal Pemimpin Masa Hadapan Negara**  
Sharifah Hanizah Binti Syed Jaafar, Linda Binti Jamaludin PhD,  
Wan Mohd Agil Bin Mat Yamin, Nurul Azwa Binti Kassim

**Tret Personaliti Dominan Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (12pk)  
Pegawai Pendidikan Di Sebuah Bahagian Di Kementerian Pendidikan Malaysia**  
Maheran Binti Alias, Azizurrahman Bin Hj. Samian, Zulazan Bin Mohamed Yusoff,  
Sharifah Hanizah Binti Syed Jaafar, Haslinda Binti Hussein



## Kandungan

---

<b>Sidang Pengarang</b>	iv
<b>Pengenalan Ringkas</b>	v
<b>Dari Meja Penyunting</b>	vi
<b>Kesejahteraan Psikologi Dan Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Dalam Kalangan Guru Di Kementerian Pendidikan Malaysia</b>	1
Normazwin Binti Yahya Halawiah Safinas Binti Ishak Nordiana Binti Abd Rahim Halimatun Saadiah Binti Usuldin	
<b>Personaliti Dan Kompetensi Dalam Kalangan Kaunselor Pelatih</b>	33
Mohd Khairuddin Bin Mohamed Mohd Haniff Bin Zawawi Azizi Bin Lamat	
<b>Perancangan Persaraan Dan Kebimbangan Dalam Kalangan Penjawat Awam</b>	47
Norwazni Binti Abd Wahab Salamiah Binti Hasan Faradilla Binti Mhd Sidin	
<b>Meneroka Kesejahteraan Emosi Dalam Kalangan Guru Hubungan Jarak Jauh Di Lembah Klang</b>	71
Mohamad Supian Bin Taharim Zaidi Bin Korib Rosli Bin Suyot	

<b>Perbezaan Domain Tingkah Laku Kognitif Dalam Kalangan Pemimpin Pertengahan Kementerian Pendidikan Malaysia Berdasarkan Jantina Dan Tempat Bertugas</b>	85
S. Vigneswara Rao Rushdan Bin Nordin Mohd Haris Faruqi Bin Nor Rahim Wan Syarmiella Binti Wan Samsudin	
<b>Persepsi Kendiri Kaunselor Pendidikan Terhadap Pengurusan Perkhidmatan Psikologi Dan Kaunseling Abad Ke 21</b>	101
Siti Suraiyah Binti M.Horsi Che Mohamad Padali Bin Che Mat Nor Hasnan Bin Sarabani Shahbani Bin Othman	
<b>Hubungan Antara Tahap Kecerdasan Pelbagai Dan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Murid Tahun Enam</b>	119
Azizi Bin Lamat Mazli Sham Binti Abdullah PhD	
<b>Tahap Pengaturan Kendiri Remaja Di Kawasan Bandar</b>	141
Normazwin Binti Yahya Salmiah Binti Monshie Mazli Sham Binti Abdullah PhD Azizi Bin Lamat	
<b>Hubungan Faktor Tekanan Akademik Dengan Kebimbangan Dalam Kalangan Siswa Pendidik Di Institut Pendidikan Guru</b>	159
Nadiana Binti Bujang Norisham Binti Abd Ghani PhD Norhanita Binti Othman Zaipul Hasni Binti Mat Salleh Nor Hafizah Binti Mohammad Hanafi	

<b>Profil Personaliti Belia <i>Malaysia Future Leaders School</i> (MFLS) Sebagai Bakal Pemimpin Masa Hadapan Negara</b>	173
Sharifah Hanizah Binti Syed Jaafar Linda Binti Jamaludin PhD Wan Mohd Agil Bin Mat Yamin Nurrul Azwa Binti Kassim	
<b>Tret Personaliti Dominan Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (I2pk) Pegawai Pendidikan Di Sebuah Bahagian Di Kementerian Pendidikan Malaysia</b>	195
Maheran Binti Alias Azizurahman Bin Hj. Samian Zulazan Bin Mohamed Yusoff Sharifah Hanizah Binti Syed Jaafar Haslinda Binti Hussein	
<b>Biodata Penulis</b>	217

## **SIDANG PENGARANG**

### **Ketua Penyunting**

Puan Normazwin Binti Yahya

### **Penyunting**

Puan Maheran Binti Alias

### **Jawatankuasa Penyelidikan**

Puan Halawiah Safinas Binti Ishak

Puan Nordiana Binti Abd Rahim

Dr. Mazli Sham Binti Abdullah

### **Pewasit**

Asmah Binti Ismail PhD (UPM)

Yusni Binti Mohamad Yusop PhD (UPM)

Izwan Bin Mahmud PhD (UKM)

Jurnal Psikologi dan Kaunseling diterbitkan setiap tahun oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulisan yang diterbitkan adalah dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Pandangan para penulis dalam jurnal ini tidak mewakili pandangan Bahagian Psikologi dan Kaunseling atau Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Alamat Surat-menyurat**

#### **Ketua Penyunting**

Jurnal Psikologi dan Kaunseling  
Bahagian Psikologi dan Kaunseling  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1, Blok E9, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya

Telefon: 03 88721681

Faks: 03 88721680

Website: <https://www.moe.gov.my/index.php/my/>



## PENGENALAN RINGKAS

### **Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk)**

Ditubuhkan secara rasminya pada 1 Mac 2008 dengan memainkan peranan untuk memenuhi aspirasi merealisasikan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18/2005 : Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12/2009 : Pelaksanaan Aplikasi Psikologi Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan**. Hasrat ini seiring dengan visi BPsk iaitu **Peneraju, Pemeraksanaan Kesejahteraan Insan** dan juga misi BPsk dalam **Pembestarian Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Untuk Memperkembangkan Potensi Individu Bagi Memenuhi Aspirasi Negara**.

### **Objektif penubuhan BPsk adalah untuk :**

- menyediakan dan menguruskan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti;
- memberi kesedaran kepada warga KPM akan kepentingan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam menguruskan kehidupan seharian;
- meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kaunselor organisasi ke tahap optimum dan berterusan;
- menyediakan pendidikan kesihatan dan kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan perundangan;
- melestarikan kelangsungan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada *stake-holder*.

Dalam usaha untuk memantapkan modal insan maka sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda serta warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran global. Sehubungan itu, objektif dan peranan Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk) dari aspek Psikologi dan Kaunseling perlulah merentasi semua inisiatif yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tersebut serta disiplin kerja di KPM itu sendiri. Kaunselor Organisasi perlulah berusaha melengkapkan diri untuk sama-sama berperanan membantu warga KPM dalam menjayakan PPPM. Pelaksanaan aktiviti BPsk yang menjurus kepada aspek pembangunan, pencegahan dan pemulihan perlu di terjemahkan menerusi aktiviti penyelidikan, pembangunan modul, sesi kaunseling, ujian psikometrik, klinik kaunseling bergerak, sarana psikososial dan sebagainya. Komitmen dan usaha yang berterusan mampu meningkatkan kualiti profesionalisme kaunselor organisasi BPsk ke arah menjamin kesejahteraan modal insan pada masa kini dan untuk masa hadapan.

## **DARI MEJA PENYUNTING**

Segala puji-pujian dan pengabdian hanya untuk Allah S.W.T., Tuhan yang mentadbir dan mencipta alam semesta. Selawat dan salam kepada Rasulullah S.A.W., para sahabat serta para pencinta ilmu sekalian. Penerbitan Jurnal Psikologi dan Kaunseling bilangan kesebelas ini merupakan kompilasi hasil kajian dan penulisan para kaunselor dan juga pengamal-pengamal kaunseling yang sentiasa mencari sesuatu pembaharuan dalam perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Jurnal ini memuatkan artikel berbentuk hasil penyelidikan daripada kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kesemua hasil tulisan adalah dari kaunselor-kaunselor dan ahli psikologi sama ada psikologi kaunseling, psikologi pendidikan atau bidang-bidang yang menjurus kepada psikologi dan kaunseling itu sendiri. Ini adalah selaras dengan objektif penerbitan jurnal ini bagi memberikan peluang kepada para penyelidik dalam bidang psikologi dan kaunseling untuk berkongsi pengalaman dan hasil penyelidikan mereka agar dapat dimanfaatkan oleh pengamal-pengamal psikologi dan kaunseling.

Penyelidikan merupakan satu kaedah untuk mendapatkan penyelesaian terhadap sesuatu persoalan. Memahami sesuatu persoalan merupakan langkah pertama bagi menangani sesuatu masalah. Justeru penyelidikan membolehkan kita lebih memahami masalah yang dihadapi, memahami isu yang kita perhatikan serta bergerak secara progresif ke arah penambahbaikan secara berterusan. Bagi memperolehi manfaat ini, budaya penyelidikan yang beretika yang bersifat saintifik dan empirikal wajar menjadi amalan, maka jurnal ini merupakan sebahagian daripada proses berkenaan.

Budaya penyelidikan perlu diterapkan dalam kalangan pengamal perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Penyelidikan-penyelidikan dikongsi bersama dalam kalangan pengamal kaunseling serta penyelidik di dalam bidang ini agar dapat meningkatkan lagi profesionalisme perkhidmatan psikologi dan kaunseling di Malaysia. Pihak sidang editor jurnal amat mengalu-alukan hasil penulisan ilmiah sama ada berbentuk konseptual atau hasil penyelidikan untuk dimuatkan di dalam jurnal seterusnya.

Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyumbang artikel, pewasit-pewasit, editor-editor dan semua pihak yang telah bertungkus lumus berusaha bagi memastikan jurnal ini berjaya diterbitkan.

***Sekian. Salam Negaraku Malaysia  
Ketua Penyunting***

## Kesejahteraan Psikologi Dan Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Dalam Kalangan Guru Di Kementerian Pendidikan Malaysia

Normazwin Yahya<sup>1</sup>, Halawiah Safinas Ishak<sup>2</sup>,

Nordiana Abd Rahim<sup>3</sup>, Halimatun Saadiah Usulidin<sup>4</sup>

<sup>123</sup>*Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*

<sup>4</sup>*Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia*

<sup>1</sup>*normazwin.yahya@moe.gov.my*, <sup>2</sup>*halawiah.ishak@moe.gov.my*,

<sup>3</sup>*nordiana.rahim@moe.gov.my*, <sup>4</sup>*halimatun.ahmad@moe.gov.my*

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Guru-guru yang terlibat sebagai responden dikategorikan kepada 4 jenis iaitu guru baharu, guru senior, guru sakit dan guru duka lara. Sampel kajian adalah seramai 8,000 guru-guru di KPM. Instrumen kajian yang digunakan adalah daripada soal selidik kesejahteraan psikologi yang telah di terjemahkan dan diubahsuai dalam versi Bahasa Melayu oleh Salina Mokhtar (2017). Instrumen ini mengandungi 29 item dan mempunyai kebolehpercayaan Alpha Cronbach .917. Selain itu, kajian ini turut menggunakan soal selidik keperluan perkhidmatan kaunseling oleh Siti Taniza (2003) di mana ianya mengandungi 40 item dengan nilai Alpha Cronbach .74. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi guru-guru di KPM berada pada tahap sederhana tinggi iaitu sebanyak 58.9% (79214) dan tahap keperluan perkhidmatan kaunseling guru-guru di KPM berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 71.9% (725). Seterusnya, hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kesejahteraan psikologi guru-guru dengan keperluan perkhidmatan kaunseling guru-guru di KPM. Pengkaji mencadangkan agar dapat menjalankan program-program pembangunan, pencegahan, pemulihan dan itervensi mengikut dapatan yang diperolehi.*

**Kata Kunci:** *Kesejahteraan Psikologi; Keperluan Perkhidmatan Kaunseling; Guru Baharu; Guru Senior; Guru Duka Lara; Guru Sakit*

## PENGENALAN

Profesion keguruan adalah bidang perkhidmatan sosial yang penting dalam membangunkan modal insan. Guru dan pengurus pendidikan seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber dan pencapaian matlamat pendidikan. Dalam era global yang semakin pesat, negara menuntut supaya proses pendidikan dilaksanakan dengan strategi-strategi baharu selaras dengan kemajuan negara khususnya dalam kalangan pendidik. Hal ini memerlukan guru memperkasakan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga dalam aspek pengurusan kesejahteraan psikologi.

Myers, Sweeney & Witmer (2000) menghuraikan kesejahteraan sebagai kemampuan seseorang mencapai tahap kesihatan dan kesejahteraan diri yang optimum merangkumi fizikal, mental dan spiritual yang diintegrasikan oleh individu untuk kehidupan yang berkualiti di dalam masyarakat. Levy & Guttman, (1975) pula menyatakan bahawa konsep ini boleh juga disebut sebagai kesejahteraan psikologi, kesihatan mental, penyesuaian subjektif, ataupun kebahagiaan. Ryff, (1995) melihat kesejahteraan psikologi apabila seseorang memperoleh kebahagiaan, kepuasan hidup dan tidak adanya gejala-gejala kemurungan. Bradburn, Norman dan Noll (1969) menyatakan kebahagiaan merupakan hasil dari kesejahteraan psikologi dan merupakan tujuan tertinggi yang ingin dicapai oleh setiap manusia.

Menyedari kepentingan guru-guru dalam menyumbang kepada pembangunan modal insan, maka KPM mengambil inisiatif untuk memastikan kesejahteraan psikologi guru-guru mencapai tahap optimum. Oleh itu, peranan Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK), Sektor Psikologi dan Kaunseling (SPsK) di Jabatan Pendidikan Negeri dan Unit Psikologi dan Kaunseling di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlu melaksanakan sesi kaunseling individu dan kelompok selain daripada merancang program dan aktiviti pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi (3PI) kepada guru-guru mengikut tahap kesejahteraan psikologi melalui perkhidmatan kaunseling yang bersesuaian.

Kajian ini dijalankan rentetan daripada Cabutan Minit Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 20/2018 bertarikh 23 November 2018 para 3.5 mengenai Pelan Tindakan Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Mental Dalam Kalangan Guru. Menurut Cooper dan Roy (dalam Lui Ah Kan; 1997) kesan daripada masalah psikologikal boleh menyebabkan insomnia, kebimbangan dan ketakutan, kemurungan atau rasa kurang ceria, kecenderungan untuk menangis, meragam atau cepat marah, ketidakmampuan

untuk membuat keputusan, ketidakmampuan untuk menganalisis masalah dan ketidakmampuan untuk menyelesaikan masalah.

Sehubungan itu, kaunseling merupakan satu bidang yang telah lama wujud dalam segenap aspek kehidupan manusia. Ia diamalkan dalam pelbagai pendekatan, sama ada secara formal atau tidak formal dan berlaku di mana sahaja. Justeru itu, bidang kaunseling telah diberi penekanan yang serius dan semakin ketara pengamalannya di organisasi seperti di jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta dan pusat-pusat kebajikan.

### **Pernyataan Masalah**

Isu kesihatan mental yang semakin meningkat dalam kalangan guru memberi impak kepada perkhidmatan yang menyebabkan berlakunya kegagalan dalam mengawal tingkah laku dan bertindak di luar batasan individu. Keadaan ini boleh menggugat kesejahteraan psikologi murid. Kajian yang dijalankan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, KPM (2018) menunjukkan 4.4% guru mengalami stres pada tahap sederhana tinggi. Menurut Prof Dr. Nor Zuraida Zainal (bekas presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, 2018), sebanyak 71.1% guru di Kuala Lumpur dan Selangor telah mengalami stres di mana kesan stres tersebut menyebabkan berlakunya kemurungan.

Kesukaran pihak KPM dalam menguruskan isu pertukaran yang semakin meningkat setiap tahun menyebabkan isu ini perlu diambil perhatian. Pada November 2018, sebanyak 23,000 permohonan pertukaran guru melalui e-GTukar tetapi hanya 2,245 sahaja diluluskan. Pada 2019 pula, sebanyak 24,158 permohonan pertukaran guru. Peranan kaunselor dalam menangani isu kesejahteraan psikologi adalah penting. Justeru itu, keperluan perkhidmatan kaunseling diperlukan sebagai intervensi dalam mengatasi isu kesejahteraan psikologi terutamanya dalam kalangan guru-guru.

Masalah kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru-guru, menyebabkan mereka mudah menghadapi tekanan, kemurungan, *burnout* dan berprestasi rendah. Oleh itu, guru-guru yang mengalami masalah kesejahteraan psikologi perlu mendapat perkhidmatan kaunseling. Berdasarkan statistik tahun 2018, yang dikeluarkan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK), KPM seramai 37 orang mengalami kemurungan, 62 orang mengalami tekanan emosi, dan 10 orang mengalami kebimbangan. Data ini menunjukkan guru-guru mengalami masalah kesejahteraan psikologi. Keadaan ini secara tidak langsung memberi impak negatif kepada organisasi dan murid-murid. Pada tahun 2019, kira-kira 24,158 orang guru yang memohon pertukaran melalui e-GTukar, 25.4%

(5,417) merupakan guru duka lara. Manakala guru sakit kronik yang memohon pertukaran sekolah rendah adalah 85 orang dan sekolah menengah seramai 198 orang. (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), 2019).

Merujuk kepada Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) pada tahun 2018, tahap kesejahteraan atau psikologi penjawat awam sebagai sederhana. IKPM merupakan satu inisiatif yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mengukur tahap kesejahteraan mental dan emosi rakyat mencakupi pelbagai dimensi kesejahteraan psikologi. Perkhidmatan kaunseling dalam konteks komuniti diperkasa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Hasil kajian Datuk Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam terhadap penjawat awam mendapati nilai komposit indeks kesejahteraan psikologi penjawat awam adalah pada kadar 6.9 daripada skala maksimum 10.

Oleh itu kesejahteraan psikologi merupakan matlamat utama yang perlu dicapai oleh setiap individu untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan. Ini sesuai dengan pernyataan oleh Ryff (1989) yang menyatakan secara ekstensif bahawa kesejahteraan psikologi sebagai persepsi berkaitan kebebasan dan tanggungjawab manusia dalam membentuk kehidupan sendiri dan mengalami kehidupan sepenuhnya.

### **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru di Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Objektif Kajian**

1. Mengetahui tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru baharu, guru senior, guru duka lara dan guru sakit di Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Mengetahui tahap keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu, guru senior, guru duka lara dan guru sakit di Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Mengetahui hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu, guru senior, guru duka lara dan guru sakit di Kementerian Pendidikan Malaysia.


## **Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap kesejahteraan psikologi kalangan guru baharu, guru senior, guru duka lara dan guru sakit di Kementerian Pendidikan Malaysia?
2. Apakah tahap keperluan perkhidmatan kaunseling kalangan guru baharu, guru senior, guru duka lara dan guru sakit di Kementerian Pendidikan Malaysia?
3. Adakah terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling kalangan guru baharu, guru senior, guru duka lara dan guru sakit di Kementerian Pendidikan Malaysia?

## **Hipotesis Kajian**

- Ho1: Tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu di KPM.
- Ho2: Tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru senior di KPM.
- Ho3: Tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri berlainan) di KPM.
- Ho4: Tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan dalam negeri sama melebihi jarak 200 km) di KPM.
- Ho5: Tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru sakit di KPM.

**Kerangka Konseptual**



**Kajian Lepas**

Menurut Salina Mokhtar dan Rahimi binti Che Aman (2018) dalam kajian kesejahteraan spiritual faktor peramal kepada kesejahteraan psikologi guru pendidikan khas masalah pembelajaran telah menjalankan kepada responden seramai 322 GPKMP di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Kajian ini telah menggunakan teknik pensampelan pelbagai peringkat digunakan dan dijalankan melalui teknik pensampelan rawak strata mengikut kadar dan teknik pensampelan rawak mudah berkelompok. Terdapat 2 alat instrumen iaitu soal selidik Kesejahteraan Spiritual (Paloutzian & Ellison, 1982) dan Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989). Kaedah analisis yang sistematik digunakan dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Penganalisan data kajian menggunakan Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) berbantuan perisian Smart PLS 3.0. Hasil kajian mendapati kesejahteraan spiritual mempunyai hubungan yang signifikan dan merupakan faktor peramal kepada kesejahteraan psikologi. Ini menunjukkan bahawa amalan yang berkaitan dengan spiritual perlu dititiberatkan secara praktikal dan berterusan agar GPKMP sentiasa sejahtera dari segi psikologi dan spiritual. Penglibatan dengan amalan-amalan kerohanian (spiritualiti) seperti menganjur, menghadiri dan mengikuti program, kursus, bengkel, atau aktiviti berbentuk kerohanian (spiritualiti) adalah

sangat membantu untuk meningkatkan kesejahteraan spiritual. Sebagai contoh Islam menuntut umatnya agar melaksanakan ibadah-ibadah tertentu dalam kehidupan seharian seperti mengerjakan solat, berpuasa, bersedekah, berdoa, membaca Al-Quran, mentelaah bahan-bahan berbentuk keagamaan, mendengar kuliah-kuliah agama dan sebagainya.

Manchelah A/PNatesan (2015) dalam kajian Keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Menengah Di Malaysia telah menjalankan kepada responden seramai 420 guru kaunseling di sekolah-sekolah menengah di 5 zon kebangsaan dan 5 orang guru bukan kaunseling ditemu bual untuk mengetahui keberkesanan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah. Hasil temu bual berhubung maklumat Objektif dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) di kalangan guru-guru kaunseling dan bukan kaunseling menunjukkan guru-guru kaunseling menunjukkan keberkesanan tinggi dalam dimensi konteks ini. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input, proses dan produk berada pada tahap tinggi. Hasil Ujian Manova menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (B&K) dari dimensi input, proses dan produk antara guru lelaki dan guru perempuan kaunseling. Ujian Regresi berganda pula menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input dimensi pembolehubah bersandar terhadap proses perkhidmatan B&K. Juga terdapat pengaruh yang signifikan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses terhadap produk perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah Malaysia.

Kajian Ramlah dan rakan-rakan (2015) mendapati bahawa sikap positif guru senior bagi aktiviti pelaksanaan aktiviti pentaksiran adalah di tahap rendah telah memberi impak kepada pelaksanaan aktiviti tersebut. Kajian yang dijalankan oleh Lim Yek Chin dan Norzaini Azman (2017), guru Sekolah Menengah Lawas yang berjauhan dengan keluarga mengalami tahap tekanan kerja yang lebih tinggi berbanding dengan guru tempatan manakala dapatan kajian juga menunjukkan tahap kepuasan kerja lebih rendah berbanding guru tempatan. Kajian Hibatullah dan rakan-rakan (2017) menyatakan bahawa terdapat guru baharu yang lemah kekuatan dalaman/ psikologi mengakibatkan berlaku ketidakpuasan bekerja dan tingkah laku menjadi tidak profesional. Kajian Siti Fardaniah dan Salma (2017) menunjukkan bahawa kualiti kehidupan bekerja mempengaruhi kualiti perkhidmatan guru. Kualiti perkhidmatan dapat ditingkatkan sekiranya kualiti kehidupan bekerja dalam keadaan sejahtera dan baik. Kajian Tengku Sarina Aini Tengku Kasih dan Fatimah Sahida (2018) telah mendapati bahawa guru yang bekerja berjauhan dengan pasangan mempunyai tekanan kerja yang lebih tinggi.

## **Teori dan Model Kajian**

### **Teori Hierarki Keperluan Maslow**

Abraham Maslow (1970) telah memperkenalkan Teori Hierarki Keperluan Maslow yang merupakan asas dalam memainkan peranan setiap individu dalam memenuhi keperluan hidup terdiri dari beberapa elemen. Menurut Maslow, keperluan manusia dapat disusun mengikut hierarki yang dikategorikan kepada 6 peringkat yang mempengaruhi tahap keselesaan dan motivasi individu dalam kehidupan mereka seharian iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan kehormatan diri, keperluan kesempurnaan sendiri dan keperluan intrinsik.

### **Model Kesejahteraan Psikologi Ryff (1989)**

*Psychological Well-Being* menurut Carol D. Ryff adalah sebuah konsep dinamik yang mencakupi dimensi subjektif, sosial dan psikologi serta perilaku yang berhubungan dengan kesejahteraan. Terdapat 6 aspek dalam dimensi ini:

1. Penerimaan sendiri (*self acceptance*). Contoh: saya suka sebahagian besar aspek keperibadian saya.
2. Hubungan positif dengan orang lain (*positive relations with others*). Contoh: Individu akan menggambarkan saya sebagai orang yang memberi, bersedia untuk mempunyai masa dengan yang lain.
3. Rasa autonomi dalam berfikir dan bertindak (*autonomy*). Contoh: saya memiliki keyakinan dalam pendapat saya, bahkan jika mereka bertentangan dengan pendapat umum.
4. Kemampuan untuk menangani lingkungan yang kompleks untuk memenuhi keperluan peribadi dan nilai-nilai (*environment mastery*). Contoh: secara umum, saya merasa bertanggungjawab atas situasi di mana saya tinggal.
5. Untuk mendapatkan makna hidup (*sense of purpose*) (*purpose of life*). Contoh: beberapa orang berjalan tanpa tujuan melalui kehidupan, tapi saya tidak salah satu dari mereka.
6. Terus berkembang sebagai seorang individu (*personal growth*). Contoh: saya fikir memiliki pengalaman baru adalah penting yang menentukan bagaimana anda berfikir tentang diri dan dunia.

## **Definisi Dimensi Teori Oleh Well-Being :**

### **Penerimaan Kendiri (*Self-Acceptance*)**

**Skala tinggi:** Memiliki sikap positif terhadap diri, mengakui dan menerima pelbagai aspek diri, termasuk kualiti yang baik dan buruk; merasa positif tentang kehidupan masa lalu.

**Skala rendah:** Merasa tidak puas dengan diri, berasa kecewa dengan apa yang telah terjadi dengan kehidupan masa lalu, terganggu tentang kualiti peribadi tertentu; ingin menjadi berbeza dari apa yang diinginkan.

### **Hubungan Positif Dengan Orang Lain (*Positive Relations With Others*)**

**Skala Tinggi:** Mempunyai hubungan baik dengan orang di sekeliling, mewujudkan hubungan saling percaya dengan orang lain; prihatin dengan kesejahteraan orang lain; seorang yang berempati, mudah memberikan kasih sayang kepada orang lain dan mudah mesra dengan orang lain.

**Skala rendah:** Sukar mewujudkan hubungan positif dengan orang lain; tidak dapat mengendalikan cabaran untuk bersikap lebih terbuka, dan memperhatikan orang lain, menghadapi tekanan dalam hubungan interpersonal, tidak bersedia untuk membuat kompromi untuk mempertahankan hubungan penting dengan orang lain.

### **Autonomi (*Autonomy*)**

**Skala Tinggi:** Membuat keputusan sendiri; mampu menahan tekanan sosial untuk berfikir dan bertindak dengan cara tertentu; membentuk tingkah laku dari dalam; menetapkan matlamat pengurusan peribadi

**Skala rendah:** Sangat bimbang tentang harapan dan pemikiran orang lain; bergantung pada penilaian orang lain untuk membuat keputusan penting; sesuai dengan tekanan sosial untuk berfikir dan bertindak dengan cara tertentu.

### **Menguasai Persekitaran (*Environmental Mastery*)**

**Skala tinggi:** Memiliki rasa penguasaan dan kompetensi dalam mengelola lingkungan hidup; mengawal kompleks kegiatan eksternal; membuat penggunaan efektif dari kesempatan sekitarnya; mampu memilih atau membuat konteks yang sesuai untuk keperluan peribadi dan nilai-nilai.

**Skala rendah:** Kesukaran yang timbul dalam seharian tidak mampu untuk diubah atau diperbaiki; tidak mampu mengawal diri di dalam kehidupan harian

### **Matlamat Hidup (*Purpose In Life*)**

**SkalaTinggi:** Memiliki tujuan dalam hidup, merasa ada makna pada kehidupan sekarang dan masa lalu; memegang keyakinan yang memberikan tujuan hidup anda; memiliki maksud dan tujuan untuk hidup.

**Skala Rendah:** Kurang rasa makna dalam hidup; memiliki tujuan atau beberapa tujuan, tidak memiliki rasa arah; tidak melihat tujuan hidup masa lalu, tidak memiliki pandangan atau keyakinan yang memberi erti kehidupan.

### **Perkembangan Kendiri (*Personal Growth*)**

**Skalatinggi:** Memiliki perasaan perkembangan lebih lanjut; melihat perkembangan sendiri, mengalami pengalaman baru; memiliki potensi diri; melihat kelemahan diri dan bersedia untuk berubah, berubah dengan cara yang lebih baik dan efektif.

**Skala rendah:** Memiliki rasa kelemahan peribadi; tidak memiliki rasa untuk berubah, merasa bosan dan tidak tertarik dengan kehidupan; merasa tidak mampu untuk mengembangkan sikap atau tingkah laku baharu.

### **Kepentingan Kajian**

#### Kementerian Pendidikan Malaysia

Merancang program dan aktiviti pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi (3Pi) kepada guru-guru mengikut tahap kesejahteraan psikologi melalui perkhidmatan kaunseling yang bersesuaian.

#### Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pentadbir Sekolah.

Mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi guru-guru di bawah pentadbiran masing-masing. Pihak pentadbiran dapat membantu menyediakan program intervensi yang bersesuaian.

## **Definisi Kajian**

## **Definisi Konsep**

### Kesejahteraan Psikologi

Kesejahteraan psikologi merupakan sesuatu yang bersifat multidimensional dan didefinisikan dalam pelbagai bentuk (Hupert & So, 2013; Diener et al., 2010). Walaupun secara amnya, tiada definisi tunggal, namun terdapat kesepakatan umum dalam kalangan sarjana bahawa individu yang sejahtera dari segi psikologinya seharusnya mempunyai mood dan emosi positif (contohnya gembira, bahagia, bersemangat); rendah emosi negatif (contohnya takut, bimbang); berpuas hati dengan kualiti kehidupannya (umum; khusus seperti pekerjaan; kekeluargaan); dan berfungsi secara positif (memiliki autonomi; makna dan tujuan hidup).

Siti Taniza Toha (2003) menyatakan bahawa kesejahteraan psikologi merujuk kepada pengalaman dan kefungisian psikologi yang optimum. Pengukuran kesejahteraan psikologi tidak hanya terdiri daripada perasaan positif, perasaan negatif dan kepuasan hidup tetapi kesejahteraan disusun sebagai suatu pemboleh ubah multi dimensi yang merangkumi 6 dimensi iaitu autonomi, menguasai persekitaran, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain, matlamat hidup dan penerimaan sendiri.

Kementerian Kesihatan Malaysia (2005) pula telah mendefinisikan kesejahteraan psikologi sebagai kemampuan individu untuk menangani stres, mengelakkan konflik, meningkatkan ketenangan, merangsang motivasi dan meningkatkan keyakinan diri dalam kehidupan. Mengikut Kamus Dewan Edisi Empat, kesejahteraan membawa maksud keselamatan, kesenangan hidup, kesentosaan dan ketenteraman. Manakala psikologi bermaksud pola pemikiran dan pelakuan seseorang.

### Perkhidmatan Kaunseling

Blocher (1974) mendefinisikan kaunseling satu proses untuk menolong individu supaya individu menjadi lebih sedar tentang dirinya dan bagaimana individu dapat bertindak balas dalam alam persekitarannya. Corey (1977) sepertimana dengan Blocher menekankan tentang proses di mana seorang klien diberi peluang untuk menerokai aspek diri dan kehidupannya yang menimbulkan masalah pada dirinya.

James (1992), pula mendefinisikan kaunseling sebagai suatu proses pembelajaran yang lebih menekankan kepada proses membantu individu untuk mencapai kehendaknya, membimbing dan menilai kompetensi yang ada pada diri individu tersebut.

Akta Kaunselor 1998 mendefinisikan kaunseling sebagai proses yang sistematis untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip dan asas psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai suatu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistik dan sukarela kepada klien supaya perubahan dapat dikekalkan.

## **Definisi Operasional**

### Guru

Warga pendidik yang berkhidmat di sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

### Guru Baharu

Menurut Modul Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB) 2015, guru yang pertama kali memasuki perkhidmatan pendidikan dan ditempatkan di sekolah dalam tempoh 1 hingga 3 tahun.

### Guru Sakit

Guru yang mengalami sakit berpanjangan melebihi 6 bulan dan sukar sembuh dalam masa terdekat dan dijangkakan mendapat sijil sakit daripada Pegawai Perubatan Kerajaan berterusan selama 180 hari atau lebih.

Guru yang menghidap Sakit Tibi, Kusta atau Barah dan Penyakit Lain yang setaraf dan mendapat sijil sakit daripada Pegawai Perubatan Kerajaan selama 180 hari atau lebih (SPP KPM 2/2009 3.1.1 – 3.1.2)

### Guru Duka Lara

Merujuk kepada guru yang terpaksa berjauhan dengan pasangan (Mahadzir Khalid 28 November 2015).

Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, 2017 guru duka lara bermaksud guru yang tinggal berjauhan dengan pasangan.

Menurut Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, guru yang tinggal berasingan dengan pasangan di negeri yang berlainan dan guru yang tinggal berasingan dengan pasangan dalam negeri yang sama melebihi jarak 200 kilometer.

### Guru Senior

Guru yang berkhidmat dalam pendidikan melebihi 4 tahun.

## **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu dengan menjalankan tinjauan menggunakan soal selidik. Ini kerana kaedah soal selidik berupaya mengumpul data secara terperinci, tersusun, piawai, mudah ditadbir dan menjimatkan (Majid 2005). Kajian ini juga berbentuk deskriptif dan korelasi. Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip & Mohd Dahlan A Malek (2007), mengatakan bahawa kaedah tinjauan deskriptif sesuai digunakan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara dua pemboleh ubah.

## **Tempat kajian**

Kajian dijalankan kepada guru-guru sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia seluruh negara.

## **Populasi dan Sampel Kajian**

Berdasarkan data e-operasi Kementerian Pendidikan Malaysia pada 31 Januari 2019, mendapati jumlah guru seramai 419,904 orang di Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengkaji mengambil saiz sampel berdasarkan jadual penentuan saiz sampel (Cohen 1992), saiz sampel yang dapat mewakili populasi adalah sebanyak 8000 orang. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah. Sampel kajian adalah heterogenous yang merangkumi pelbagai peringkat jawatan, tahap pendidikan, jantina, tempoh perkhidmatan dan lokasi perkhidmatan.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik digunakan untuk mengumpul segala maklumat mengenai demografi, kesejahteraan psikologi dan keperluan perkhidmatan kaunseling. Terdapat 3 bahagian dalam soal selidik ini, iaitu Bahagian A adalah Kesejahteraan Psikologi, Bahagian B adalah Keperluan Perkhidmatan Kaunseling dan Bahagian C adalah demografi. Soal selidik ini menggunakan skala likert 1 hingga 5 iaitu angka 1 mewakili 'sangat tidak setuju' dan angka 5 mewakili 'sangat setuju'.

Soal selidik Kesejahteraan Psikologi dibangunkan oleh Carol Ryff (Ryff & Singer, 1998) dalam versi Bahasa Inggeris, kemudian telah diterjemahkan dan diubahsuai dalam versi Bahasa Melayu oleh Salina Mokhtar (2017). Instrumen ini mengandungi 29 item terdiri daripada enam dimensi. Dimensi-dimensi tersebut adalah autonomi, menguasai persekitaran, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain, matlamat hidup dan penerimaan sendiri. Merujuk kepada jadual 1, dilihat pembahagian item mengikut dimensi. Semua 29 item adalah item positif.

**Jadual 1: Item Setiap Dimensi Instrumen Kesejahteraan Psikologi**

<b>Dimensi</b>	<b>No. Item</b>	<b>Jumlah Item</b>
Autonomi	1, 7,21,28 2, 8,13,17,22	45
Perkembangan Peribadi	3,9,14,18,26	5
Hubungan Positif dengan Orang Lain	4,10,15,19,23	5
Matlamat Hidup	5,11,16,24,27	5
Penerimaan Kendiri	6,12,20,25,29	5

Kesahan dan kebolehpercayaan telah diperolehi oleh pengkaji terdahulu. Dapatan kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi kesejahteraan psikologi adalah .917, manakala kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi dimensi autonomi adalah .86, dimensi menguasai persekitaran adalah 0.885, dimensi perkembangan peribadi adalah .815, dimensi hubungan positif dengan orang lain adalah .789, dimensi matlamat hidup adalah .754, dan dimensi penerimaan sendiri adalah .809.

Oleh itu melalui instrumen ini individu dapat mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi diri sendiri. Terdapat 5 tahap kesejahteraan psikologi dimana skor min 0 hingga 1.4 adalah tahap rendah, 1.5 hingga 2.3 tahap sederhana rendah, 2.4 hingga 3.2 tahap sederhana, 3.3 hingga 4.1 tahap sederhana tinggi dan 4.2 hingga 5.00 adalah tahap tinggi. Jadual 2 menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi.

**Jadual 2: Tahap Kesejahteraan Psikologi**

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi Skor</b>	<b>Maksud / Istilah</b>
0 hingga 1.4	Tahap Rendah	Tidak Sejahtera
1.5 hingga 2.3	Tahap Sederhana Rendah	Kurang Sejahtera
2.4 hingga 3.2	Tahap Sederhana	Sederhana sejahtera
3.3 hingga 4.1	Tahap Sederhana Tinggi	Sejahtera
4.2 hingga 5.00	Tahap Tinggi	Sangat sejahtera

Soal selidik Keperluan Perkhidmatan Kaunseling daripada kajian Siti Taniza (2003) mengandungi 40 item yang dibahagikan kepada 3 subskala iaitu pengetahuan terhadap kaunseling, ciri-ciri kaunseling dan keperluan perkhidmatan

kaunseling. Dapatan kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi pengetahuan terhadap kaunseling adalah .74, ciri-ciri kaunseling adalah .80, dan keperluan perkhidmatan kaunseling adalah .81. Namun begitu, pengkaji telah mengubah suai soal selidik Keperluan Perkhidmatan Kaunseling dengan mengurangkan item kepada 16 item sahaja iaitu yang berkaitan dengan keperluan perkhidmatan kaunseling. Kesemua 16 item adalah item positif. Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* adalah .944

Justeru itu, melalui soal selidik ini, individu dapat mengenal pasti tahap keperluan perkhidmatan kaunseling terhadap diri sendiri. Terdapat tiga tahap keperluan perkhidmatan kaunseling dimana skor min 0.00 hingga 1.6 adalah tahap rendah, 1.7 hingga 2.3 tahap sederhana, dan 2.4 hingga 3.00 adalah tahap tinggi. Jadual 3 adalah menerangkan berkaitan tahap keperluan perkhidmatan kaunseling.

**Jadual 3: Tahap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling**

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi Skor</b>	<b>Maksud / Istilah</b>
0 hingga 1.6	Tahap Rendah	Menyedari serta sangat memerlukan perkhidmatan kaunseling di organisasi dan mendapati perkhidmatan kaunseling itu dapat membantu perkembangan individu.
1.7 hingga 2.3	Tahap Sederhana	Menyedari serta kurang memerlukan perkhidmatan kaunseling di organisasi dan mendapati perkhidmatan kaunseling itu dapat membantu perkembangan individu.
2.4 hingga 3.0	Tahap Tinggi	Menyedari tetapi tidak memerlukan perkhidmatan kaunseling di organisasi dan mendapati perkhidmatan kaunseling itu dapat membantu perkembangan individu.

Tahap rendah bermaksud menyedari serta sangat memerlukan perkhidmatan kaunseling di organisasi dan mendapati perkhidmatan kaunseling itu dapat membantu perkembangan individu, tahap sederhana menyedari tetapi tidak memerlukan perkhidmatan kaunseling di organisasi dan mendapati perkhidmatan kaunseling itu dapat membantu perkembangan individu dan tahap tinggi menyedari tetapi tidak memerlukan perkhidmatan kaunseling di organisasi dan mendapati perkhidmatan kaunseling itu dapat membantu perkembangan individu.

## Tatacara Kajian

Kajian dijalankan dalam beberapa peringkat. Peringkat pertama dimulakan dengan memohon kebenaran menggunakan instrumen dan setelah kebenaran diperolehi, pengkaji telah membuat pengubahsuaian item kajian keperluan perkhidmatan kaunseling.

Peringkat kedua adalah proses mengukur kesahan kandungan (*content validity*) setiap item telah dijalankan. Kesahan kandungan melibatkan seramai 15 orang pakar bidang kaunseling yang mengamalkan perkhidmatan kaunseling di organisasi dalam tempoh perkhidmatan 15 hingga 30 tahun dan merupakan kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor. Othman (2004) mengutarakan pendapat bahawa jumlah yang bersesuaian bagi mendapatkan nilai kesahan adalah antara enam hingga sembilan orang panel pakar penilai. Semakan pakar bidang adalah perlu untuk memastikan ketepatan konstruk serta kejelasan kandungan (Kline, 2005; dan Hulse, 2006). Kesahan kandungan merujuk pada proses yang bertujuan untuk memberi jaminan bahawa instrumen atau ujian psikologi yang dibina ini mengukur kandungan yang dalam konteks bidang yang diukur (Ayre and Scally 2014 dalam Norisham, et al, 2017).

Pada peringkat ketiga, kajian rintis dijalankan melibatkan 120 orang guru dari negeri Selangor secara rawak mudah. Hasil daripada dapatan kajian rintis yang dijalankan, didapati aras Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* adalah .81. Kebolehpercayaan merupakan darjah ketekalan sesuatu alat ukur mengukur perkara yang diukur (Gay, Mills & Airasian, 2012). Tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang baik menghasilkan keputusan kajian yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan serta berkualiti. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi memastikan ketepatan pengukuran yang dibuat.

Interpretasi nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi keseluruhan item dan setiap sub-skala dibuat berdasarkan teori yang dikemukakan Vallete (1997) yang menyatakan nilai kebolehpercayaan yang paling minimum .50. Menurut Kerlinger (1973) dan Majid Konting (1998) menyatakan pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada .60 sering digunakan iaitu nilai *Cronbach Alpha* .60-.80 dianggap sederhana tinggi dan nilai yang melebihi .80 adalah tinggi.

Pada peringkat terakhir sebelum analisis data, soal selidik kajian ditebar kepada sampel secara atas talian menerusi pautan yang diberikan menggunakan perisian *google doc*.

## Analisis Kajian

Dalam kajian ini, huraian secara deskriptif dilakukan dengan menggunakan kaedah frekuensi bagi melihat taburan demografi responden dan juga untuk menjawab beberapa persoalan yang dikemukakan di atas. Selain daripada analisis deskriptif tersebut, kajian ini dianalisis menggunakan kaedah inferensi iaitu *korelasi pearson* untuk menjawab beberapa hipotesis kajian. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 20.

**Jadual 4: Tahap Dan Pengertian Pada Sekala Likert**

<b>Tahap</b>	<b>Penerangan</b>
Tinggi	Individu ini mempunyai kesejahteraan psikologi pada tahap yang tinggi. Program Kaunseling dapat membantu mengekalkan kualiti kesejahteraan psikologi individu.
Sederhana Tinggi	Individu ini mempunyai kesejahteraan psikologi pada tahap sederhana tinggi. Program Kaunseling dapat membantu mempertingkatkan kualiti kesejahteraan psikologi individu.
Sederhana	Individu ini mempunyai kesejahteraan psikologi pada tahap sederhana. Adalah dicadangkan individu ini menjalani sesi kaunseling.
Sederhana Rendah	Individu ini mempunyai kesejahteraan psikologi pada tahap sederhana rendah. Adalah dicadangkan individu ini menjalani sesi kaunseling.
Rendah	Individu ini mempunyai kesejahteraan psikologi pada tahap yang rendah. Adalah dicadangkan individu ini menjalani sesi kaunseling.

**KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

**Dapatan Kajian**

Maklumat Demografi

**Jadual 5: Pembahagian Responden Berdasarkan Jantina**

<b>Demografi</b>	<b>Bilangan N</b>	<b>Responden (n=134434) %</b>
Jantina		
Lelaki	35852	26.7
Perempuan	98582	73.3
Bangsa		
Melayu	95150	70.8
India	7368	5.5
Cina	20179	15.0
Lain-Lain	11737	8.7
Agama		
Islam	100514	74.8
Budha	15123	11.2
Hindu	6574	4.9
Kristian	12223	9.1
Umur		
21-30 tahun	13966	10.4
31-40 tahun	51097	38.0
41-50 tahun	44108	32.8
51 tahun ke atas	25263	18.8
Status		
Bujang	15885	11.8
Berkahwin	113657	84.5
Janda/Duda/Balu	4892	3.6
Gred Jawatan		
DG29-DG38	14222	10.6
DG41-DG44	102987	76.6
DG48-DG54	17212	12.8
JUSA ke atas	13	0.0

Tempoh Perkhidmatan		
0-3 tahun	8291	6.2
4-10 tahun	34091	24.4
11-20 tahun	47617	35.4
21 tahun ke atas	44435	33.1
Lokasi Organisasi		
Bandar	61816	46.0
Luar Bandar	69557	51.7
Pendalaman	3061	2.3
Kumpulan Perkhidmatan		
Pentadbir Sekolah	15358	11.4
Guru Penolong (termasuk guru luar norm (GBK/Guru Data dsb)	119076	88.6
Kriteria Organisasi		
Program TS25/Transformasi Sekolah 2025	24461	18.2
Sekolah Amanah	2151	1.6
TMUA(Tahfiz Model Ulul Albab)	849	0.6
Sekolah Kluster	8738	6.5
Tiada	98235	73.1

Seramai 134434 orang responden telah terlibat dalam kajian ini yang merangkumi guru-guru sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia di seluruh Malaysia. Daripada 134434 orang ini, 73.3% daripadanya adalah perempuan dan selebihnya 26.7% adalah lelaki. Manakala mengikut bangsa pula, didapati seramai 95150 iaitu 70.8% adalah melayu, 7368 dengan peratusan 5.5% adalah india, 20179 iaitu 15% merupakan cina dan 11737 dengan peratusan 8.7% adalah lain-lain. Dari aspek agama pula, sebanyak 100514 iaitu 74.8% adalah beragama islam, 15123 dengan 11.2% adalah beragama budha, 6574 iaitu 4.9% merupakan agama hindu dan 12223 dengan peratusan sebanyak 9.1% adalah agama Kristian. Selain itu, daripada jumlah keseluruhan responden, didapati seramai 13966 responden dengan peratusan sebanyak 10.4% yang berumur 21-30 tahun, 51097 iaitu 38.% berumur 31-40 tahun, 44108 dengan peratusan 32.8% berumur 41-50 tahun dan 25263 dengan peratusan sebanyak 18.8% responden yang berumur 51 tahun ke atas. Manakala, daripada aspek status pula, didapati seramai 15885 iaitu 11.8% merupakan bujang, 113657 iaitu 84.5% adalah berkahwin dan 4892 dengan peratusan sebanyak 3.6% adalah janda/duda/balu. Dari segi gred jawatan pula, seramai 14222 dengan peratusan sebanyak 10.6% merupakan gred DG29-DG38, 102987 iaitu 79.6% merupakan gred jawatan DG41-DG44, 17212 iaitu 12.8% merupakan gred jawatan DG48-DG54 dan seramai 13 dengan peratusan 0.0%

merupakan gred jawatan JUSA ke atas. Selain itu, bagi tempoh perkhidmatan pula, didapati seramai 8290 dengan peratusan 6.2% mempunyai tempoh perkhidmatan selama 0-3 tahun, seramai 34091 iaitu 25.4% mempunyai tempoh perkhidmatan selama 4-10 tahun, seramai 47617 dengan peratusan sebanyak 35.4% mempunyai tempoh perkhidmatan selama 11-20 tahun dan seramai 44435 iaitu 33.1 mempunyai tempoh perkhidmatan selama 21 tahun ke atas. Seterusnya, bagi lokasi organisasi pula, responden yang berada di bandar adalah seramai 61816 dengan peratusan sebanyak 46%, responden yang berada di luar bandar pula adalah seramai 69557 iaitu 51.7% dan responden yang berada di pendalaman pula adalah seramai 3061 dengan peratusan sebanyak 2.3%. Bagi kumpulan perkhidmatan pula, didapati seramai 15358 iaitu 11.4% merupakan pentadbir sekolah dan 119076 dengan peratusan sebanyak 88.6% merupakan guru penolong (termasuk guru luar norm (GBK/Guru Data dsb). Manakala, bagi kriteria organisasi pula, didapati seramai 24461 iaitu 18.2% merupakan dari program TS25/Transformasi Sekolah 2025, seramai 2152 iaitu 1.6% dari sekolah amanah, 849 dengan peratusan sebanyak 0.6% dari sekolah TMUA, seramai 8738 iaitu 6.5% dari sekolah kluster dan 98235 dengan peratusan sebanyak 73.1% tiada.

**Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan/Hipotesis Kajian**

Persoalan 1 : Apakah tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru baharu, guru senior, guru duka lara dan guru sakit di Kementerian Pendidikan Malaysia?

**Jadual 6 : Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru-Guru di Kementerian Pendidikan Malaysia**

<b>Kategori</b>	<b>Tahap Kesejahteraan Psikologi</b>	<b>Bilangan (N)</b>	<b>Responden (n=134434) %</b>
Keseluruhan	Tinggi	41664	31
	Sederhana Tinggi	79214	58.9
	Sederhana	13049	9.7
	Sederhana Rendah	428	0.3
	Rendah	79	0.1
Guru Baharu	Tinggi	2391	27.5
	Sederhana Tinggi	5428	62.5
	Sederhana	845	9.7
	Sederhana Rendah	20	0.2
	Rendah	3	0.1

Guru Senior	Tinggi	38924	32.4
	Sederhana Tinggi	72454	60.3
	Sederhana	8509	7.1
	Sederhana Rendah	194	0.2
	Rendah	36	0.0
Guru Sakit	Tinggi	453	26.4
	Sederhana Tinggi	922	53.7
	Sederhana	291	17.0
	Sederhana Rendah	41	2.4
	Rendah	7	0.4
Guru Duka Lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri yang berlainan)	Tinggi	666	23
	Sederhana Tinggi	1886	65
	Sederhana	322	11.1
	Sederhana Rendah	23	0.8
	Rendah	1	0.0
Guru Duka Lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri yang sama, melebihi jarak 200 KM)	Tinggi	267	26.5
	Sederhana Tinggi	622	61.6
	Sederhana	106	10.5
	Sederhana Rendah	10	1.0
	Rendah	4	0.4

Dapatan kajian menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi keseluruhan guru-guru di KPM adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 58.9 % (79214 orang). Manakala terdapat 31% (41664 orang) berada pada tahap tinggi, 9.7% (13049 orang) berada pada tahap sederhana, 0.3% (428 orang) berada pada tahap sederhana rendah dan 0.1% (79 orang) berada pada tahap kesejahteraan psikologi yang rendah.

Seterusnya tahap kesejahteraan psikologi guru baharu adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 62.5% (5428 orang). Data juga mendapati 27.5% (2391 orang) berada pada tahap tinggi, 9.7% (845 orang) berada pada tahap sederhana, 0.2% (20 orang) pada tahap sederhana rendah dan 0.1% (3 orang) pada tahap rendah.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati, tahap kesejahteraan psikologi guru senior adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 60.3% (72454 orang). Data juga mendapati 32.4% (38924 orang) berada pada tahap tinggi, 7.1% (8509 orang) berada pada tahap sederhana, 0.2% (194 orang) pada tahap sederhana rendah dan 0.0% (36 orang) pada tahap rendah.

Dapatan kajian bagi tahap kesejahteraan psikologi guru sakit adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 53.7% (922 orang). Data juga mendapati 26.4% (453 orang) berada pada tahap tinggi, 17.0% (291 orang) berada pada tahap sederhana, 2.4% (41 orang) pada tahap sederhana rendah dan 0.4% (7 orang) pada tahap rendah.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati, tahap kesejahteraan psikologi guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri yang berlainan) adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 65% (1886 orang). Data juga mendapati 23% (666 orang) berada pada tahap tinggi, 11.1% (322 orang) berada pada tahap sederhana, 0.8% (23 orang) pada tahap sederhana rendah dan 0.0% (seorang) pada tahap rendah.

Manakala dapatan kajian tahap kesejahteraan psikologi guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri yang sama, melebihi jarak 200 KM) adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 61.6% (622 orang). Data juga mendapati 26.5% (267 orang) berada pada tahap tinggi, 10.5% (106 orang) berada pada tahap sederhana, 1.0% (10 orang) pada tahap sederhana rendah dan 0.4% (4 orang) pada tahap rendah.

Persoalan 2 : Apakah tahap keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu, guru senior, guru duka lara dan guru sakit di Kementerian Pendidikan Malaysia?

**Jadual 7: Tahap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Guru-Guru di Kementerian Pendidikan Malaysia**

<b>Kategori</b>	<b>Tahap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling</b>	<b>Bilangan (N)</b>	<b>Responden (n=134434) %</b>
Keseluruhan	Tinggi	99618	74.1
	Sederhana	32898	24.5
	Rendah	1918	1.4
Guru Baharu	Tinggi	6848	78.8
	Sederhana	1588	18.3
	Rendah	47	0.5
Guru Senior	Tinggi	86710	72.2
	Sederhana	31826	26.5
	Rendah	1581	1.3

Guru Sakit	Tinggi	1237	72.1
	Sederhana	447	26
	Rendah	32	1.9
Guru Duka Lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri yang berlainan)	Tinggi	2149	74.1
	Sederhana	716	24.7
	Rendah	36	1.2
Guru Duka Lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri yang sama, melebihi jarak 200 KM)	Tinggi	725	71.9
	Sederhana	266	26.4
	Rendah	18	1.8

Dapatan kajian menunjukkan tahap keperluan perkhidmatan kaunseling keseluruhan guru-guru di KPM adalah pada tahap tinggi iaitu 74.1% (99618 orang). Manakala terdapat 24.5% (32898 orang) tahap sederhana, dan 1.4% (1918 orang) tahap yang rendah.

Seterusnya, dapatan kajian keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu adalah pada tahap tinggi iaitu 78.8% (6848 orang). Selain itu, 18.3% (1588 orang) pada tahap sederhana dan 0.5% (47 orang) memerlukan perkhidmatan kaunseling pada tahap yang rendah.

Selain itu, dapatan kajian mendapati keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru senior adalah pada tahap tinggi iaitu 72.2% (86710 orang). Selain itu, 26.5% (31826 orang) pada tahap sederhana dan 1.3% (1581 orang) memerlukan perkhidmatan kaunseling pada tahap yang rendah.

Seterusnya, dapatan kajian keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru sakit pula adalah pada tahap tinggi iaitu 72.1% (1237 orang). Selain itu, 26% (447 orang) pada tahap sederhana dan 1.9% (32 orang) memerlukan perkhidmatan kaunseling pada tahap yang rendah.

Dapatan kajian juga mendapati keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri yang berlainan) adalah pada tahap tinggi iaitu 74.1% (2149 orang). Selain itu, 24.7% (716 orang) pada tahap sederhana dan 1.2% (36 orang) memerlukan perkhidmatan kaunseling pada tahap yang rendah.

Manakala dapatan kajian mendapati keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri

yang sama, melebihi jarak 200 KM) adalah pada tahap tinggi iaitu 71.9% (725 orang). Selain itu, 26.4% (266 orang) pada tahap sederhana dan 1.8% (18 orang) memerlukan perkhidmatan kaunseling pada tahap yang rendah.

Ho1: Tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu di KPM.

Hasil Korelasi Pearson antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu di KPM, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif pada nilai  $r = .341$ ,  $p < .01$ . Justeru itu Ho1 yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu di KPM adalah ditolak.

Ho2: Tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru senior di KPM.

Hasil Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru senior di KPM pada nilai  $r = .282$ ,  $p < .01$ . Justeru itu Ho2 yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru senior di KPM adalah ditolak.

Ho3: Tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara di KPM.

Hasil Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri berlainan) di KPM pada nilai  $r = .278$ ,  $p < .01$ .

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan dalam negeri sama melebihi jarak 200 km) di

KPM pada nilai  $r = .323$ ,  $p < .01$ . Justeru itu Ho3 yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara di KPM adalah ditolak.

Ho4: Tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru sakit di KPM.

Hasil Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru sakit di KPM pada nilai  $r = .354$ ,  $p < .01$ . Justeru itu Ho4 yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru sakit di KPM adalah ditolak.

Jadual 8 menunjukkan hasil Korelasi Pearson antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu, guru senior, guru duka lara dan guru sakit di sekolah KPM.

**Jadual 8: Analisis Hubungan Antara Kesejahteraan Psikologi Dengan Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Dalam Kalangan Kalangan Guru Baharu, Guru Senior, Guru Duka Lara Dan Guru Sakit Di KPM.**

Kategori Responden	Pembolehubah 1	Pembolehubah 2	Nilai r	Nilai p
Guru Baharu	Kesejahteraan Psikologi	Keperluan Perkhidmatan Kaunseling	.341**	.000
Guru Senior	Kesejahteraan Psikologi	Keperluan Perkhidmatan Kaunseling	.282**	.000
Guru Duka Lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri berlainan)	Kesejahteraan Psikologi	Keperluan Perkhidmatan Kaunseling	.287**	.000

Guru Duka Lara tinggal berasingan dengan pasangan dalam negeri yang sama melebihi jarak 200km	Kesejahteraan Psikologi	Keperluan Perkhidmatan Kaunseling	.323**	.000
Guru Sakit	Kesejahteraan Psikologi	Keperluan Perkhidmatan Kaunseling	.354**	.000

\*signifikan pada nilai  $\alpha = .01$

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian, kesemua persoalan kajian dan hipotesis kajian telah dijawab berdasarkan data-data yang dianalisa dengan menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi. Bagi persoalan pertama kajian iaitu melihat tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru senior, guru baharu, guru duka lara dan guru sakit di KPM, didapati bahawa keseluruhannya keempat-empat katogori guru tersebut berada pada tahap sederhana tinggi dengan 58.9% (79214). Bagi guru baharu tahap kesejahteraan Psikologi berada pada tahap sederhana tinggi dengan peratusan sebanyak 62.5% (5428), guru senior sebanyak 60.3% (72454), guru sakit peratusan sebanyak 53.7% (922) dan guru duka lara sebanyak 63.3% (2508).

Selain itu, dapatan kajian turut menjawab persoalan yang kedua iaitu tahap keperluan perkhidmatan kaunseling keempat-empat kategori guru di KPM di mana tahap yang tettinggi adalah berada di tahap tinggi iaitu sebanyak 74.1% (99618). Bagi guru baharu tahap keperluan perkhidmatan Kaunseling berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 78.8% (6848), guru senior pada tahap tinggi iaitu sebanyak 72.2% (86710), guru sakit berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 72.1% (1237) dan guru duka lara berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 73% (2874).

Seterusnya, hasil dapatan turut menjawab empat hipotesis kajian. Hipotesis kajian yang pertama mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu di KPM iaitu hubungan yang signifikan positif pada nilai  $r = .341$ ,  $p < .01$ . Justeru itu  $H_0$  yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru baharu di KPM adalah ditolak. Seterusnya, hipotesis kedua

menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru senior di KPM pada nilai  $r = .282, p < .01$ . Justeru itu Ho<sub>2</sub> yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru senior di KPM adalah ditolak. Hipotesis ketiga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan di negeri berlainan) di KPM pada nilai  $r = .278, p < .01$ . Manakala hipotesis keempat menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara (tinggal berasingan dengan pasangan dalam negeri sama melebihi jarak 200 km) di KPM pada nilai  $r = .323, p < .01$ . Justeru itu Ho<sub>3</sub> yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru duka lara di KPM adalah ditolak. Hipotesis kelima menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru sakit di KPM pada nilai  $r = .354, p < .01$ . Justeru itu Ho<sub>4</sub> yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan guru sakit di KPM adalah ditolak.

Pengkaji mencadangkan agar program-program pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi dapat dijalankan kepada responden mengikut dapatan tahap kesejahteraan dan keperluan perkhidmatan Kaunseling masing-masing. Antaranya sesi bimbingan dan Kaunseling, ceramah, bengkel, advokasi serta terapi-terapi yang bersesuaian. Diharapkan dengan adanya tindakan susulan, dapat meningkatkan lagi kesejahteraan Psikologi dan keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam kalangan guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## RUJUKAN

- Abdul Halim Othman (2007), *Kaunseling Untuk Kesejahteraan Insan. Satu Pengalaman di Malaysia*, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Amir Awang, (1984), Bimbingan dan Kaunseling Untuk Kesejahteraan Masyarakat, *Jurnal PERKAMA*, 1, 1-12.
- Asmawati Desa, Fatimah Yusoff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba' Yah Abdul Kadir & Mohd Norahim Mohamed Sani (2015). Kemahiran keibubapaan, kefungisian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia* 29 (2) (2015): 32-42
- Azahar Che Latiff & Najib Ahmad Marzuki (2010), Masalah persekitaran kerja dan kesihatan Psikologikal serta hubungannya dengan kepuasan kerja. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia*, Jun 2010 Bil. 5 ISSN: 2229-810X.
- Azizi Yahya, Peter Voo, Ismail Maakip & Mohd Dahlan A Malek. (2017). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Azrul Ubaidillah (2014). Hubungan Antara Kesejahteraan Psikologis dan Penyesuaian Diri Terhadap Stres Akademik Pada Mahasiswa Baru Fakultas Psikologi Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim. *Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim*. Pautan dimuat turun <https://fdokumen.com/document/hubungan-antara-kesejahteraan-psikologis-dan-pendahuluanpdf-telah-memberikan.html>
- Ayre.C & Scally, A.J (2014). Critical values for Lawshe's content validity ratio: Revisiting the original methods of calculation. *Measurement and Evaluation in Counseling and Development*, 47 (1), 79-86; Sagepub.
- Bernama (9 Oktober 2018). Kajian: Tahap Kesejahteraan Psikologi Penjawat Awam Sederhana. Pautan dimuat turun <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/10/09/kajian-tahap-kesejahteraan-psikologi-penjawat-awam-sederhana/>
- Cohen,J.1992. A Power Primer. *Psychological Bulletin*, 112(1) : 155-159  
Gay, Mills & Airasian. (2012). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications, 10th Edition*. Pearson. Boston.

- Kamal Abd. Manaf (1996) *Manusia dan personaliti : Membentuk insan yang sempurna*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB). Bahagian Pendidikan Guru. ISBN 978-983-9264-19-7*. Pautan dimuat turun [http://www.moe.gov.my/images/ Terbitan/Buku-Panduan/Panduan-Pelaksanaan-Program-Pembangunan-Guru-Baharu-2015/Panduan%2](http://www.moe.gov.my/images/Terbitan/Buku-Panduan/Panduan-Pelaksanaan-Program-Pembangunan-Guru-Baharu-2015/Panduan%2)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Statistik Bilangan Sekolah, Murid dan Guru*. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my/index.php/statistik-menu/statistik-bil>
- Kline,R.B. (2005). *Methodology in the social sciences. Principles and practice of structural equation modelling (2nd ed)*. New York, NY,US: Guilford Press
- Lee Keok Cheong, Zakri Abdullah, Chua Lay Nee (2018). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Oxford Fajar Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2011). *Indeks kesejahteraan keluarga Malaysia 2011, Bahagian Kependudukan, LPPKN*. Kuala Lumpur.
- Manchelah A/P Natesan (2017). *Keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Di Malaysia*.Pautan Dimuat turun [http://studentsrepo.um.edu.my/7949/8/1.\\_MANCHELAH\\_NATESAN\\_TESIS\\_FINAL.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/7949/8/1._MANCHELAH_NATESAN_TESIS_FINAL.pdf)
- Mohammad Izzat Akmal Shariff & Wan Shahrazad Wan Sulaiman (2018), *Penerokaan Ciri-ciri Psikometrik Skala Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Sampel Malaysia. Jurnal Psikologi Malaysia 32 (3):1-11*.
- Mohd Khir Johari Abas (2018). *Faktor Perkembangan Kaunseling Islam Di Malaysia Satu Kajian. Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak*.
- Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan (Edisi ke-4)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamad Sattar Rasul (2013), *Amalan Kaunseling Sekolah Di United Kingdom Dalam Meningkatkan Kesihatan Mental Kanak-kanak dan Remaja*. ISSN: 1985-7012, Januari-Jun.
- Nazri Yasin, Jamiah Manap & Arena Che Kassim (2018), pengaruh penghargaan sendiri Terhadap kesejahteraan psikologi mualaf. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Vol. 13, No.3 (2018) 173-182, ISSN: 1823-884x*  
<http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/26958/8291>
- Norisham, Mohd Taufiq, Halimatun Saadiah, Nor Hafizah & Nordiana (2017). Kesahan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen personaliti psikologi kaunseling. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling Kementerian pendidikan Malaysia*. Bilangan 8;249-267.
- Norsayyidatina Binti Che Rozubi (2017). Kesan Program Kesejahteraan Psikologi Menggunakan Kaedah Bermain Kepada Kanak-Kanak Sekolah Rendah. *Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur*. Pautan dimuat turun [file:///D:/KAJIAN%20KESEJAHTERAAN%20PSIKOLOGI%20DAN%20KESIHATAN%20MENTAL/17\\_nov\\_phd-pdf.pdf](file:///D:/KAJIAN%20KESEJAHTERAAN%20PSIKOLOGI%20DAN%20KESIHATAN%20MENTAL/17_nov_phd-pdf.pdf)
- Nurul Aini Mudayat, Fatanah Mohamed (2014), Kesejahteraan psikologi dalam kalangan Warga emas di rumah perlindungan orang tua di selangor. [https://www.academia.edu/9687343/Kesejahteraan\\_Psikologi\\_Dalam\\_Kalangan\\_Warga\\_Emas\\_Di\\_Rumah\\_Perlindungan\\_Orang\\_Tua\\_Di\\_Selangor](https://www.academia.edu/9687343/Kesejahteraan_Psikologi_Dalam_Kalangan_Warga_Emas_Di_Rumah_Perlindungan_Orang_Tua_Di_Selangor)
- Othman Mohamed (2004). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Kuala Lumpur: Penerbit UPM
- Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa (2002), Keperluan Kaunseling Dalam Organisasi Di Alaf 21, Jabatan Pendidikan Sosial, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bharu.
- Rozana Reduan (2011), Keperluan pendekatan kaunseling dalam menangani masalah kemurungan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pautan dimuat turun daripada = <https://chandrasetiawan6.wordpress.com/2011/11/04/kesejahteraan-psikologi-oleh-carol-d-ryff/>

- Ruziati Ahamad Ariffin, Abdul Jalil Hassan, Amran Hassan, Zuraini Ismail & Ami Haji Patola (Jun 2018). Keperluan Indeks Kesejahteraan Psikologi Dalam Perkhidmatan Awam: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia. Bil 13, 2229-810X.*
- Ryff, C.D & Singer, B. (1998). The Contours of positive human health, *Psychological Inquiry*, 9(1), 1-28.
- Salina Mokhtar & Rahimi Che Aman (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kesejahteraan psikologi versi bahasa melayu. *Universiti Sains Malaysia.*
- Salina Mokhtar & Rahimi binti Che Aman (2018). Kesejahteraan spiritual faktor peramal kepada kesejahteraan psikologi guru pendidikan khas masalah pembelajaran. *International postgraduate conference on research in education (ipcore 2018)*. Pautan dimuat turun daripada <http://web.usm.my/education/PPG/eproceeding.pdf>
- Shamzaeffa Samsudin & Kevin Tan Chee Hong (2016). Hubungan Antara Tahap Kesihatan Mental dan Prestasi Pelajar Sarjana Muda: Satu Kajian di Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia 14(1) 2016: 11-16*. Pautan dimuat turun <http://journalarticle.ukm.my/9724/1/12264-33450-1-SM.pdf>
- Siti Marziah Zakaria, Noremy Md Akhir, Faradillah Iqmar Omar (2018). Kesejahteraan Psikologi ibu tunggal: cabaran sebagai ibu tunggal dan tekanan hidup. *e-prosiding persidangan antarabangsa sains sosial dan kemanusiaan 2018, KUIS*. [http://conference.kuis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3\\_1128.pdf](http://conference.kuis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3_1128.pdf)
- Siti Taniza Toha (2003). Masalah psikologi guru dan hubungannya dengan Burnout serta keperluan perkhidmatan kaunseling. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Taip Abu & Abdul Halim Othman (2009). Kaunseling untuk kesejahteraan - satu kajian kes perkhidmatan kaunseling di universiti kebangsaan malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar Bil. 12 Jun/June 2009 (1 – 17)*.

- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatimah Sahida Abdurajak (2018). Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi Terhadap Reka Bentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43 (159-66).
- Yusmini Binti Mohd Yusoff, Jurnal Usuluddin, Bil. 18 (2003), *Kepentingan Kaunseling Dalam Menangani Masalah Rumah Tangga*.
- Zamzam Amin, Nor Saidatul Rajeah (1999). Keperluan perkhidmatan kaunseling kerjaya kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam pemilihan kerjaya: satu kajian kes. *Masters thesis, Universiti Malaysia Sarawak*. Pautan dimuat turun <https://ir.unimas.my/id/eprint/3711/1/Keperluan%20perkhidmatan%20kaunseling%20kerjaya%20kepada%20pelajarpelajar%20institusi%20pengajian%20tinggi%20di%20Malaysia%20dalam%20pemilihan%20kerjaya%20satu%20kajian%20kes.pdf>

## Personaliti Dan Kompetensi Dalam Kalangan Kaunselor Pelatih

Mohd Khairuddin Mohamed<sup>1</sup>, Mohd Haniff Zawawi<sup>2</sup>, Azizi Lamat<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>*Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*  
<sup>1</sup>khairudin@moe.gov.my, <sup>2</sup>haniff.zawawi@moe.gov.my, <sup>3</sup>azizi.lamat@moe.gov.my

### ABSTRAK

*Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tahap personaliti ekstrovert dan introvert serta tahap kompetensi dalam kalangan kaunselor pelatih pelajar sarjana yang melanjutkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah). Kajian ini melibatkan seramai 30 orang responden yang mendaftar diri secara pelajar sepenuh masa di Universiti Malaysia Sabah. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A berkaitan dengan latar belakang responden kajian. Bahagian B terdiri daripada soal selidik Inventori Personaliti Sidek (IPS) yang mana penyelidik hanya mengambil tret personaliti ekstrovert dan introvert sahaja. Bahagian C pula terdiri daripada soal selidik Efikasi Kendiri Kaunselor (Counseling Self-Estimate Inventory – COSE). Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (versi 21.0). Analisis deskriptif digunakan untuk menjawab kesemua objektif dalam kajian ini.. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 20 orang responden (66%) mempunyai tahap sederhana dalam personaliti ekstrovert dan 13 orang orang responden (43.3%) mempunyai tahap sederhana dalam personaliti introvert. Manakala seramai 16 orang (53%) mempunyai tahap sederhana dalam kompetensi kaunselor pelatih. Justeru, kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan sebagai asas untuk memahami dan mempertingkatkan efikasi kendiri bakal kaunselor.*

**Kata Kunci:** *Kompetensi Kaunselor; Personaliti*

## PENDAHULUAN

Kepakaran seorang kaunselor merupakan elemen yang penting dalam menentukan keberkesanan proses kaunseling (Whiston & Coker, 2000). Namun, kompetensi adalah lebih penting kerana pakar-pakar terapi berpendapat bahawa ia merupakan faktor yang paling utama dalam pemilihan calon kaunselor (Grunebaum, 1983; Neukrug & Williams, 1993; Neukrug, Miliken, & Shoemaker, 2001). Oleh yang demikian, setiap kaunselor bertanggungjawab untuk memastikan dirinya pakar dan kompeten sebagai syarat utama untuk memberikan perkhidmatan kaunseling dengan lebih berkesan dan cemerlang.

Secara umum, kecemerlangan seseorang individu itu amat bergantung kepada keupayaannya untuk mengeksploitasi tiga aset utama: pengetahuan, kemahiran, serta kreativiti (*Treasury Board of Canada*, 2000), demi mengharungi era globalisasi. Kenyataan ini adalah bertepatan dengan pendapat Neukrug (2007) yang mengatakan bahawa kaunselor yang cemerlang dan kompeten sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan serta berminat untuk meneliti trend dan pendekatan-pendekatan kaunseling terkini agar tidak ketinggalan dalam bidang yang diceburinya.

Selain penguasaan pengetahuan dan pendekatan terkini dalam kemahiran kaunseling, kesepaduan antara kedua-duanya dengan aspek personaliti telah terbukti menjadikan seseorang kaunselor itu kompeten kerana menurut Boyatzis (1982), aspek-aspek seperti kebolehan, keupayaan, tret personaliti, dan sikap juga merupakan faktor-faktor yang menentukan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas.

Sebagai rumusan, jelas menunjukkan bahawa kompetensi-kompetensi ini bukan sahaja merangkumi kemahiran-kemahiran intelektual yang terdiri daripada pengetahuan dan kemahiran-kemahiran teknikal, tetapi juga kemahiran-kemahiran insani, seperti keupayaan-keupayaan intrapersonal dan interpersonal yang berdasarkan kecerdasan emosi (Goleman, 1995). Keupayaan-keupayaan ini ternyata berkait rapat dengan kemantapan personaliti.

### Latar Belakang Kajian

Kebanyakan model dan profil kompetensi mengandungi elemen-elemen yang berhubung kait dengan aspek personaliti setiap individu (Vathanopas & Thai-Ngam, 2007). Begitu juga bagi seorang kaunselor, personaliti yang ada pada dirinya sangat penting dalam mengintegrasikan kemahiran komunikasi dan kaunseling (Mohamed Sharif, Roslee, Sulaiman, & Azizi, 2005).

Boyatzis (2002) berpendapat, untuk menjadi seorang kaunselor yang berkesan dan pembimbing eksekutif, seseorang itu perlu sensitif akan perasaan orang lain dan persekitaran serta pandai bergaul, yang merujuk aspek empati dan ekstrovert. Di samping itu, personaliti introvert ialah seorang yang tidak suka bergaul dan lebih suka menyendiri dan jika diamati personaliti ini adalah tidak sesuai dengan kerja sebagai kaunselor yang lebih memerlukan pendekatan interpersonal dengan klien. Kedua-dua kompetensi di atas, amat signifikan dan juga tidak pada tahap kemahiran interpersonal. Para kaunselor memerlukan latihan dan pembangunan kompetensi-kompetensi tersebut. Oleh yang demikian, proses bimbingan pasti akan menjadi lebih berkesan jika kaunselor-kaunselor tersebut berada pada tahap personaliti yang mantap.

Justeru, kajian ini telah mengambil kira ciri-ciri personaliti dan tahap kompetensi kaunseling di kalangan kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, dengan dapatan yang membuktikan bahawa kesepaduan antara personaliti dengan komponen kompetensi kaunseling merupakan syarat utama yang memenuhi keperluan profesional mereka dalam mengendalikan perkhidmatan kaunseling.

Kompetensi kemahiran dalam kajian ini dibahagikan kepada dua faktor iaitu kemahiran asas mikro dan kemahiran kebudayaan dan kepekaan nilai (Larson et al., 1992). Dimensi personaliti yang diukur dalam kajian ini merangkumi dua tret personaliti diri yang terkandung dalam Inventori Personaliti Sidek iaitu ekstrovert dan introvert (Sidek Mohd Noah, 1998).

Hasil penemuan daripada kajian ini memaparkan tahap dan sejauh mana dimensi personaliti ini berhubung dan mempengaruhi kompetensi dan kecekapan kaunseling dalam kalangan kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

## **Definisi Konsep**

Kompetensi dilihat sebagai keupayaan-keupayaan berdasarkan kecerdasan yang memperlihatkan kelakuan-kelakuan atau kemahiran-kemahiran yang memberikan kesan kepada prestasi kerja (Mitrani, Dalziel, & Fitt, 1992; Ulrich, Brockbank, Yeung, & Lake, 1995; Catano, 2001)

Manakala personaliti merupakan organisasi dinamis sistem-sistem psiko fizikal yang wujud dalam diri individu yang menentukan ciri-ciri tingkah laku dan pemikirannya (Allport, 1971). Personaliti sebagai suatu yang berkaitan dengan kesemua tingkah laku individu sama ada secara dalaman atau luaran dan

mbolehkan kita membuat ramalan apa yang akan dilakukan oleh individu dalam situasi tertentu. (Cattell, 1996).

Di dalam kajian ini, dua tret personaliti digunakan untuk melihat tahap personaliti kaunselor pelatih iaitu ekstrovert dan introvert. Jadual 1 dibawah menunjukkan maksud setiap skala personaliti yang digunakan dalam kajian ini.

**Jadual 1: Skala personaliti yang terkandung dalam alat ukuran pemboleh ubah bebas**

<b>Skala</b>	<b>Keterangan Mengenai Tret Personaliti</b>
Ekstrovert	Tret personaliti yang menunjukkan individu suka dikelilingi, berinteraksi dan bekerja dengan orang ramai.
Introvert	Tret personaliti yang menunjukkan individu suka mengelak situasi-situasi yang akan memaksa mereka berkomunikasi di samping suka bersendirian menyelesaikan sesuatu tugasan.

### **Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk melihat tahap personaliti dan tahap kompetensi kaunselor pelatih di Universiti Malaysia Sabah. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap personaliti ekstrovert kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.
2. Mengenal pasti tahap personaliti introvert kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.
3. Mengenal pasti tahap kompetensi kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

## **Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap personaliti ekstrovert kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah?
2. Apakah tahap personaliti introvert kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah?
3. Apakah tahap kompetensi kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini bersifat kuantitatif untuk mengenal pasti tahap personaliti ekstrovert dan introvert serta tahap kompetensi kaunselor pelatih. Reka bentuk kajian kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian tinjaun.

Menurut Azizi et al. (2007), populasi adalah keseluruhan kumpulan manusia, objek mahupun peristiwa yang mempunyai sedikit persamaan secara umumnya dan ia mestilah didefinisikan secara spesifik. Sampel ialah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya. Dalam kajian ini, populasi merupakan seluruh pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan dan sampel kajian adalah semua pelajar tahun kedua yang mengikuti program Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah iaitu seramai 30 orang. Sampel dalam kajian ini merupakan seluruh populasi tersebut. Oleh itu, persampelan jenis ini dikenali sebagai persampelan bertujuan. Menurut Mohd. Najib (1999), sampelan bertujuan adalah keadaan pengkaji sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi.

Dalam kajian ini, kedua-dua soal selidik kajian digabungkan dalam satu buku yang mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A borang soal selidik ini merangkumi maklumat demografi responden, bahagian B pula digunakan untuk mengukur dimensi personaliti manakala bahagian C pula untuk mengukur kompetensi sendiri kaunselor pelatih. Borang soal selidik diedarkan dan diberi kepada responden. Para responden diberi masa secukupnya untuk menjawab item-item yang terdapat dalam borang soal selidik. Borang soal selidik tersebut dikembalikan semula setelah para responden selesai menjawab.

Bagi menganalisis data yang diperolehi, penyelidik menggunakan perisian “*Statistical Package For Social Science (SPSS) for Window*” versi 21. Hasil analisis kajian soalan dipersembahkan dalam bentuk jadual beserta penghuraian dalam bentuk statistik deskriptif.

**Kebolehpercayaan Dan Kesahihan Alat Instrumen Kajian**

**Inventori Personaliti Sidek (IPS)**

Alat ukuran IPS ini telah dikaji kesahan dan kebolehpercayaannya. Analisis item menggunakan analisis reabiliti, model alpha yang dijalankan oleh Sidek Mohd Noah (1998) telah menghasilkan *standardized item alpha* yang bernilai lebih daripada .95. Keputusan ini memperlihatkan bahawa item-item yang terkandung dalam inventori personaliti ini homogenius, sekaligus memberi gambaran tentang kesahan kandungan inventori ini. dengan nilai *standardized item alpha* yang diperolehi menunjukkan bahawa keseluruhan item yang terkandung dalam alat ukuran IPS adalah signifikan dari sudut statistik dan dengan itu dapatlah dirumuskan bahawa item yang digunakan dalam kajian ini adalah baik dan bermutu. Berikut adalah dua skala yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan kajian Sidek Mohd Noah (1998).

**Jadual 2: Kebolehpercayaan Alat Ukuran Inventori Personaliti Sidek (IPS)**

<b>Faktor</b>	<b><i>Alpha Cronbach</i></b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
FEkstrovert	.89	7.29	2.50
Introvert	.91	7.53	2.23

**Efikasi Kendiri Kaunselor (*Counseling Self-Estimate Inventory* - COSE)**

Alat ukuran Efikasi Kendiri Kaunselor (*Counseling Self-Estimate Inventory* - COSE) ini dihasilkan oleh Larson et al. (1992) untuk kegunaan kaunselor di America dan telah diterjemah ke Bahasa Melayu oleh Wan Marzuki Wan Jaafar (2007). Inventori ini mengandungi lima dimensi iaitu kemahiran mikro, proses kaunseling, tingkah laku sukar klien, kemahiran kebudayaan dan kepekaan terhadap nilai klien. Inventori ini menghasilkan *standardized item alpha* yang bernilai .93 dan stabil sepanjang masa. Kajian ini hanya menggunakan dua dimensi iaitu kemahiran mikro dan kepekaan terhadap nilai dan kebudayaan klien sebagai pemboleh ubah terikat.

## Kebolehpercayaan Alat Ukuran

Kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Package For Social Science (SPSS) for Window*” versi 21 untuk melihat kebolehpercayaan alat ujian. Analisis realibiliti yang telah dijalankan ke atas faktor ekstrovert dan introvert (pembolehubah bebas) dan kompetensi kaunselor (pembolehubah terikat) telah menghasilkan pekali kebolehpercayaan yang bernilai antara .811 hingga .911. Ini menunjukkan alat ukuran yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi apabila nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi melebihi .60 dan secara tidak langsung alat ukuran ini boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan.

**Jadual 3: Pekali Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach*, Min Dan Sisihan Piawai Keseluruhan Alat Ukuran Berasaskan Faktor**

<b>Faktor</b>	<b><i>Alpha Cronbach</i></b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Ekstrovert	.911	33.96	6.8
Introvert	.875	30.9	6.5
Kompetensi	.811	77.43	7.41

## DAPATAN KAJIAN

### Keputusan Analisis Deskriptif

Keputusan analisis deskriptif ini melibatkan taburan demografi 30 orang pelajar Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah). Subjek kajian ini terdiri daripada 14 (46.7%) orang lelaki dan 16 (53.3%) orang perempuan. Subjek kajian ini majoritinya berada dalam lingkungan umur pertengahan iaitu antara 30 – 39 tahun (17 orang) diikuti umur antara 20 -29 tahun (9 orang) dan umur 40 – 49 tahun (4 orang). Mereka terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Melayu 17 orang (56.7%), Bumiputra Sabah dan Sarawak 9 orang (30%), Cina 3 orang (10%) dan India 1 orang (3.3%)

**Jadual 4: Taburan Demografi Profil Subjek Kajian**

Pemboleh ubah		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	14	46.7
	Perempuan	16	53.3
	Jumlah	30	100
Umur	20 – 29 tahun	9	30
	30 – 39 tahun	17	57
	40 – 49 tahun	4	13
	Jumlah	30	100
Bangsa	Melayu	17	56.7
	Pribumi Sabah / Sarawak	9	30
	Cina	3	10
	India	1	3.3
	Jumlah	30	100.0

**Keputusan Kajian**

Persoalan Kajian 1

Apakah tahap personaliti ekstrovert kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah?

**Jadual 5: Tahap Personaliti Ekstrovert**

Tahap	Kekerapan (n=30)	Peratus
Rendah	7	23.3
Sederhana	20	66.7
Tinggi	3	10.0

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti tahap personaliti ekstrovert responden berada pada tahap sederhana iaitu 66.7%. Ini diikuti berada pada tahap rendah seramai tujuh orang (23.3%) dan hanya 3 orang (10%) berada pada tahap tinggi. Justeru, adalah didapati bahawa majoriti responden berada pada tahap sederhana personaliti ekstrovert mereka.

## Persoalan Kajian 2

Apakah tahap personaliti introvert kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah?

**Jadual 6: Tahap Personaliti Introvert**

Tahap	Kekerapan (n=30)	Peratus
Rendah	7	23.3
Sederhana	13	43.3
Tinggi	10	33.3

Jadual 6 menunjukkan tahap personaliti introvert. Adalah didapati bahawa tahap personaliti introvert responden berada pada tahap sederhana seramai 13 orang (43.3%), tinggi seramai 10 orang (33.3%) dan rendah seramai tujuh orang (23.3%). Sungguhpun demikian, apabila disatukan peratus responden yang berada pada tahap sederhana dan tinggi, adalah didapati peratusannya meningkat menjadi 76.6%. Justeru, dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap sederhana ke tinggi tahap personaliti introvert mereka.

Persoalan Kajian 3

Apakah tahap kompetensi kaunselor pelatih di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah?

**Jadual 7: Tahap Kompetensi**

<b>Tahap</b>	<b>Kekerapan (n=30)</b>	<b>Peratus</b>
Rendah	3	10.0
Sederhana	16	53.3
Tinggi	11	36.7

Dapatan kajian menunjukkan bahawa separuh tahap personaliti ekstrovert responden berada pada tahap sederhana iaitu seramai 53.3%. Ini diikuti berada pada tahap tinggi seramai sebelas orang (36.7%) dan hanya 3 orang (10%) berada pada tahap tinggi. Justeru, adalah didapati bahawa majoriti responden berada pada tahap sederhana dan tinggi tahap kompetensi mereka iaitu bersamaan dengan 90%.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa majoriti tahap personaliti ekstrovert responden berada pada tahap sederhana dan hampir separuh responden juga mempunyai tahap sederhana dalam personaliti introvert. Ini memberi gambaran bahawa kaunselor pelatih dalam kajian ini mempunyai personaliti yang seimbang antara personaliti ekstrovert dan introvert. Mereka boleh dan pandai menyesuaikan diri mengikut situasi yang diperlukan pada ketika itu.

Kajian yang dijalankan oleh Nurulamin dan Ku Suhaila (2018) juga menunjukkan kaunselor pelatih iaitu Guru Pelatih Bimbingan dan Kaunseling di Institut Pendidikan Guru Raja Melewar mempunyai tret personaliti keterbukaan pada tahap yang sederhana. Tret personaliti keterbukaan pada tahap sederhana dalam kajian ini membawa maksud di mana ada masa mereka lebih selesa bersendirian dan ada masa mereka boleh beradaptasi dalam semua situasi.

Manakala dari aspek tahap kompetensi kaunselor pelatih dalam kajian ini, majoriti berada pada tahap sederhana. Tahap efikasi sendiri kaunseling kaunselor pelatih yang rendah adalah disebabkan oleh rendahnya keyakinan terhadap kebolehan kaunselingnya. Ini bermakna efikasi sendiri kaunseling merupakan penunjuk terhadap prestasi kaunseling seorang kaunselor. Ianya disokong oleh Wan Marzuki Wan Jaafar, Othman Mohamed, Ab. Rahim Bakar & Rohani Ahmad Tarmizi (2011) yang mendapati efikasi sendiri kaunseling adalah peramal yang signifikan terhadap prestasi kaunselor. Ini bermakna skor kaunseling efikasi diri adalah penting untuk memastikan kaunselor melaksanakan tugas kaunseling dengan cara yang sangat baik.

## CADANGAN

Kajian ini boleh diperluaskan juga kepada kaunselor yang sedang bekerja bagi melihat tret personaliti yang mempengaruhi kompetensi kaunselor. Kaunselor yang kompeten dapat dilahirkan sekiranya bersedia menyelami dan melengkapkan diri dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan berkecenderungan memiliki personaliti seorang kaunselor. Kecenderungan memiliki personaliti yang selaras dengan latar belakang kerjaya dapat membantu individu mencapai kestabilan kerja (Sidek, 2008).

Tidak dinafikan dapatan tret personaliti ini dapat membantu pihak pengurusan ataupun bersesuaian dengan pelan perancangan penyeliaan untuk kaunselor. Seterusnya, data yang disediakan mampu untuk menjadi data pintar untuk menyokong rancangan diagnosis kompetensi kaunselor dalam mencapai hala tuju yang dinamik mengikut trend masyarakat dan situasi yang berlaku masa kini. Dapatan tret personaliti ini juga memberikan suatu panduan dalam menyusun semula kemahiran dan kompetensi sedia ada pada kaunselor pelatih di IPT.

Selain itu, kajian ini boleh dikembangkan dengan melihat pelbagai lagi tret personaliti yang terdapat pada bakal kaunselor. Dengan melihat kesemua tret personaliti ini, ianya dapat memberi gambaran keseluruhan tret personaliti yang ada pada diri seorang kaunselor. Kajian ini di masa akan datang boleh juga dilaksanakan kepada kalangan kaunselor yang telah bekerja bagi melihat tret personaliti di kalangan kaunselor yang telah berada dalam iklim pekerjaan. Ini secara tidak langsung boleh mewujudkan profil personaliti dalam kalangan kaunselor di Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membantu pengurusan sumber manusia dalam merangka aspek perkembangan kerjaya, kompetensi, kemajuan kerjaya laluan pakar bidang khusus (*Subject Matter Expert – SME*) dan lain-lain.

Kajian tinjauan ini mempunyai kekurangannya iaitu tidak memperincikan faktor demografi yang lain seperti tahun pengalaman berkhidmat dan umur dalam perolehan tret personaliti dan kompetensi. Di samping itu, jumlah responden yang dikaji tidak memberikan gambaran sebenar kepada tret personaliti dan kompetensi kaunselor pelatih yang sedang mengikuti pengajian di semua IPT. Walau bagaimanapun, kajian ini memberikan gambaran awal keberkesanan personaliti dan kompetensi kaunselor masa kini dalam meningkatkan lagi kualiti dalam memberikan perkhidmatan kaunseling.

## RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Daniel Goleman (1995), *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. Bloomsbury Publishing PLC
- Larson et. al (1992). Development and Validation of the Counseling Self-Estimate Inventory. *Journal of Counseling Psychology*, Vol 39(1) : 105-120
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Sharif and Ahmad, Roslee and Mohd. Noor, Sulaiman Shakib and Yahaya, Azizi (2005) *Kemahiran lanjutan dalam kaunseling*. Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru
- Muhammad Nurul Amin A Aziz & Ku Suhaila Ku Johari, *Personaliti Dalam Kalangan Guru Pelatih Bimbingan dan Kaunseling Melalui Profil Personaliti TAJMA*, *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*, Bilangan 9 Tahun 2018.
- Neukrug, E., & Williams, G. (1993). Counseling counselors: A survey of values. *Counseling and Values*, 38 (1), 51 -62.
- Neukrug, E., Milliken, T., & Shoemaker, J. (2001). Counselor seeking behaviors of NOHSE practitioners, educators, and trainees. *Human Service Education*, 21, 45 - 58
- Neukrug, E. S. (2007). *The world of the counselor* (3rd ed.). Belmont, CA: Brooks/Cole.
- Sidek Mohd Noah, 2005. *Pengujian dan Penilaian dalam Kaunseling: Teori dan Aplikasi*. Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah, 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Sidek Noah. (2008). *Perkembangan Kerjaya Teori dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Treasury Board of Canada Secretariat, 2000–2001 Estimates, Part III, Report on Plans and Priorities

Wan Marzuki Wan Jaafar (2007). Pengaruh perkembangan penyeliaan dan efikasi swadiri kaunseling terhadap prestasi kaunselor pelatih. Tesis yang tidak diterbitkan.

Wan Marzuki Wan Jaafar, Othman Mohamed, Ab. Rahim Bakar & Rohani Ahmad Tarmizi (2011). Counseling self-efficacy among trainee counselor malaysia. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*. 30(2011) 676 - 679

Whiston, S. C., & Coker, K. J. (2000). Reconstructing clinical training: Implications from research. *Counselor Education & Supervision*, 39(4), 228-254.

## Perancangan Persaraan Dan Kebimbangan Dalam Kalangan Penjawat Awam

Norwazni Abd Wahab<sup>1</sup>, Salamiah Hasan<sup>2</sup>, Faradilla Mhd Sidin<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>*Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*

<sup>1</sup>*norwazni.wahab@moe.gov.my*, <sup>2</sup>*salamiah.hasan@moe.gov.my*,

<sup>3</sup>*faradilla.mhdsidin@moe.gov.my*

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan bagi melihat hubungan perancangan persaraan dengan kebimbangan dalam kalangan penjawat awam di Kementerian Pendidikan Malaysia. Seramai 221 responden yang terdiri daripada mereka yang akan bersara pada tahun 2015 sehingga 2020 telah dipilih bagi menjawab instrumen yang diedarkan. Seramai 140 sampel telah dipilih bagi memenuhi keperluan kajian ini. Kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Instrumen yang digunakan adalah Indeks Persediaan Persaraan Ismail dan Depression Anxiety Stress Scale (DASS). Hasil kajian mendapati terdapat korelasi negatif antara faktor perancangan kewangan ( $r = -.223^{**}$ ), faktor perancangan kesihatan ( $r = -.255^{**}$ ), faktor perancangan masa lapang ( $r = -.344^{**}$ ) dan faktor perancangan menangani masalah psikologikal ( $r = -.378^{**}$ ) dengan kebimbangan. Manakala tahap kebimbangan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya menunjukkan 76.4% adalah rendah, 22.9% pada tahap sederhana dan hanya 0.7% menunjukkan tahap kebimbangan yang tinggi. Faktor kebimbangan pula tidak menunjukkan pengaruh terhadap perancangan persaraan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.*

**Kata Kunci:** *Perancangan Persaraan; Kebimbangan*

## PENGENALAN

Fenomena bersara bagi sesetengah pekerja merupakan pengalaman yang tidak menyenangkan dan merupakan satu fasa transisi dalam kehidupan seseorang khususnya yang bekerja (Adi Fahrudin, 2016). Asri et al, (2017) Persaraan merupakan situasi yang akan dilalui oleh semua individu yang bekerja secara formal termasuklah penjawat awam. Pada tahun 1954, kerajaan inggeris telah memanjangkan sistem persaraan dalam kalangan penjawat awam pentadbiran di negara di bawah jajahannya termasuk Malaysia. Pentadbiran persaraan di Negeri Melayu Bersekutu dikendalikan oleh cawangan persaraan di Pejabat Perjawatan Persekutuan (Jabatan Perkhidmatan Awam). Malah dalam Perlembagaan Malaysia juga telah termaktub Perkara 147 (i) telah menyatakan jaminan dan perlindungan kepada anggota perkhidmatan awam dan pesara-pesaranya. Melalui Akta 227 dan Akta 239 (Akta Pencen 1980) perihal persaraan ini diperjelaskan lagi. Beberapa pindaan juga telah dibuat kerana pelaksanaan skim gaji baharu dan sebagai menjamin kebajikan pesara kerajaan.

Apabila mengambil keputusan untuk bersara situasi kehidupan seharian juga akan mengalami perubahan dan isu-isu persaraan juga telah mendapat tempat dalam kalangan pengkaji antaranya Jami'ah (1984); Abdullah (1987); Maznah dan Lourdusamy (1987); Song (1990); Tee (1993); Tan (1995); Tey (1995) dan Teo (1995). Umumnya persaraan merujuk kepada pengakhiran tempoh perkhidmatan seseorang dan merupakan perkara wajib dihadapi oleh seseorang pekerja. Oleh itu, persiapan dan persediaan dalam menghadapi persaraan perlu dilakukan (Hendricks & Hendricks 1997; AARP 1988; Anderson & Weber 1992). Persiapan dan persediaan amatlah penting di mana Rikers (1978), menyatakan walaupun hasil kajian banyak menunjukkan reaksi positif namun terdapat juga segelintir daripada mereka yang merasakan tekanan dan kesukaran apabila berada di dunia persaraan.

Persiapan dan persediaan dalam kehidupan semasa bersara adalah bergantung kepada perancangan persaraan (AARP 1985, Atchley 1976, Ismail 2000). Perancangan persaraan yang dirangka itu boleh menimbulkan rasa lebih yakin dalam menangani kehidupan dan ia akan bersifat lebih positif melihat kehidupan masa depan kehidupan (Myers & Salmon 1984; AARP 1985; Pollan & Levine 1995; Riker & Myers 1990). Schlossberg (1980) menyatakan perancangan persaraan termasuklah perancangan kewangan, kesihatan, aktiviti masa lapang dan perancangan menangani masalah psikologikal. Faridah Hanam (2000) perancangan persaraan adalah faktor kedudukan kewangan, status jawatan, tahap kesihatan, sokongan sosial dan masalah psikologi menjadi perkara yang

dibimbangi oleh bakal pesara. Ismail Alias (2000) pula mengariskan persediaan perancangan seperti kehilangan pekerjaan, tidak tahu aktiviti yang dapat dijalankan apabila bersara kelak, hubungan dengan ahli keluarga, urusan tempat tinggal, faktor kematian dan kehilangan pasangan.

Namun begitu, bakal pesara turut mengalami kebimbangan dalam merancang keperluan-keperluan sebelum bersara. Kebimbangan merujuk kepada “perasaan tertekan, ketakutan, gementar dan bimbang yang boleh membangkitkan atau menimbulkan perasaan gementar secara automatik” (Horwitz, et.al., 1986:125). Prince (2002) menjelaskan kebimbangan tidak seperti tanda-tanda stres yang lain kerana kebimbangan menghasilkan bahan toksik. Apabila dilanda kebimbangan seseorang akan hilang kawalan terhadap emosinya. Keadaan ini juga terjadi dalam kalangan bakal pesara apabila mengenangkan bakal mengharungi zaman persaraan. Kebimbangan yang dialami oleh pekerja-pekerja yang akan bersara dalam tempoh peralihan persaraan pra mungkin akan mempunyai beberapa kesan ke atas prestasi mereka di tempat kerja di mana Charness, (1985) menyatakan terdapat penurunan yang berkaitan dengan usia dalam prestasi kerja teknikal

Untuk tujuan memberi persediaan kepada bakal pesara serta mengurangkan kebimbangan, maka bakal pesara di sektor awam mula didedahkan dengan pelbagai program dan intervensi berkaitan bagi menghadapi persaraan. Secara tidak langsung program dan intervensi ini telah mula membuka mata mereka untuk lebih bersedia bagi menghadapi persaraan serta merancang persaraan. Oleh itu kajian ini ingin melihat sejauh mana perancangan yang telah dibuat serta adakah mempunyai implikasi terhadap kebimbangan para bakal pesara.

## **Pernyataan Masalah**

Persaraan merupakan fenomena yang unik yang dialami oleh seorang individu yang bekerja secara formal. Salah satu penanda dari persaraan adalah kehilangan dalam berbagai aspek termasuk pendapatan, aktiviti, identiti diri dan rakan-rakan sebagai sumber sokongan. Bagi individu yang tidak memiliki persiapan, persaraan merupakan bebanan yang dapat memberi implikasi psikososial tidak saja kepada dirinya tapi juga kepada keluarga dan masyarakat. Sehubungan itu, perancangan persaraan merupakan satu usaha bagi setiap individu dalam memastikan tempoh persaraan dapat dilalui tanpa rasa bimbang. Kebergantungan kepada sumber wang pencen mahupun KWSP semata-mata akan memberikan kesan pesara untuk memenuhi keperluan lain sekiranya berhadapan dengan isu kesihatan, pengisian aktiviti masa lapang dan mampu mempengaruhi interaksi

sosial seharian. Perancangan persediaan persaraan ini penting sebagai bantuan kepada bakal persara dalam mengatur persediaan persaraan serta mengurangkan kebimbangan dalam kalangan bakal persara.

### **Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya membuat perancangan dan bersedia terhadap alam persaraan mereka serta sejauh mana kebimbangan mempengaruhi bakal pesara. Secara khususnya objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap faktor perancangan persaraan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.
2. Mengetahui tahap kebimbangan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.
3. Mengenal pasti perbezaan faktor perancangan persaraan antara jantina dalam kalangan bakal pesara di Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.
4. Mengenal pasti perbezaan kebimbangan antara jantina dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.
5. Mengetahui hubungan antara faktor perancangan persaraan dengan kebimbangan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.
6. Mengetahui pengaruh faktor perancangan persaraan terhadap kebimbangan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap faktor perancangan persaraan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?
2. Apakah tahap kebimbangan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?
3. Adakah terdapat perbezaan faktor perancangan persaraan antara jantina dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap kebimbangan antara jantina dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?
5. Adakah terdapat hubungan antara faktor perancangan persaraan dengan kebimbangan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?

1. Adakah terdapat pengaruh faktor perancangan persaraan terhadap kebimbangan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?

## **Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian ini telah dibuat selaras dengan pernyataan masalah dan objektif kajian yang telah di kenalpasti. Berikut adalah hipotesis kajian iaitu

- Ha1: Terdapat perbezaan faktor perancangan persaraan antara jantina dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.
- Ha2: Terdapat perbezaan tahap kebimbangan antara jantina dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.
- Ha3: Terdapat hubungan antara faktor perancangan persaraan dengan kebimbangan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.
- Ha4: Terdapat pengaruh antara faktor perancangan persaraan terhadap kebimbangan dalam kalangan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap perancangan persediaan bagi bakal pesara di Kementerian Pendidikan Malaysia. Tahap perancangan persediaan akan memberikan data-data kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merangka modul yang sesuai kepada bakal pesara melalui program pembelajaran serta intervensi. Modul yang dibangunkan turut merujuk kebimbangan sebagai faktor yang mampu untuk memberikan ketidakupayaan kepada bakal pesara dalam merancang persaraan mereka.

## **Teori Bersara Beehr (1986)**

Kajian ini merujuk Teori Bersara Beehr (1986) adalah satu teori yang mempunyai model komprehensif berkaitan tingkah laku tentang persaraan. Beehr (1996) melihat penglibatan faktor-faktor personal dan desakan persekitaran yang boleh menentukan tingkah laku yang akan dipamerkan oleh pesara. Faktor persekitaran termasuk kesihatan dan kesejahteraan ekonomi, manakala persekitaran termasuk

dua kategori yang berkaitan dengan kerja dan bukan kerja. Berdasarkan model Beehr ini maka faktor dalaman dan faktor luaran diri pekerja memainkan peranan kepada wujudnya masalah psikososial menjelang seseorang itu bersara. Dalam konteks kajian ini bakal pesara menghadapi faktor dalaman seperti pengurusan perancangan kesihatan dan menangani masalah psikologikal dan faktor luaran seperti aspek kewangan dan perancangan masa depan di persekitarannya diandaikan sebagai sumber stres. Faktor dalaman dan luaran ini perlu disesuaikan bagi menghasilkan tingkah laku yang positif dan mengurangkan kadar kebimbangan pesara.

### **Teori Kebimbangan Drever (1952)**

Manakala kebimbangan dalam kalangan bakal pesara merujuk kepada Teori Kebimbangan Drever (1952)Kebimbangan boleh ditafsirkan secara ringkas sebagai persepsi terhadap sesuatu pantulan persekitaran akan berlaku sesuatu jika tidak dipenuhi dengan sempurna yang mungkin. Kebimbangan ini akan menimbulkan rasa ketakutan apabila difikirkan secara mendalam dan berterusan tanpa berbuat sesuatu perkara bagi mengatasinya. Menurut Drever (1952) kebimbangan ialah perasaan takut yang kronik dan kompleks. Ia wujud dalam pelbagai jenis kecelaruan mental dan saraf. Manakala Jersid (1960) menyatakan, kebimbangan adalah tindak balas keseluruhan pada bahaya yang subjektif. Altrocchi (1980) menyebut, ahli psikologi mentakrifkan kebimbangan sebagai perasaan yang dirasai oleh seseorang semasa ketiadaan sebarang bahaya luaran yang dikenal pasti dan ia hanya sebagai tindak balas terhadap bahaya dalaman yang tidak realistic. DSM-III pula mentakrifkan kebimbangan sebagai gangguan yang pradominan atau ia dialami jika individu cuba menguasai simptom-simptomnya.

Sikap seseorang pada penyebab kecelaruan mempunyai implikasi yang ketara kepada individu. Sikap ini juga mempengaruhi tanggapan, bagaimana menguruskan kecelaruan ini bagi memulihkannya. Oleh itu, kebimbangan dapat dianggap sebagai satu petanda bahawa bahaya akan berlaku. Walau bagaimanapun, beberapa masalah psikologi kanak-kanak dan remaja timbul yang disebabkan kebimbangan tidak menunjukkan ia berkaitan dengan bahaya secara fizikal. Dalam kajian ini kebimbangan bakal pesara adalah terhadap faktor dalaman dan luaran iaitu persekitaran yang tidak mampu dikawal oleh mereka dan akan menyebabkan bakal pesara sukar menghadapi saat-saat persaraan.

### **Kajian Lepas**

Faridah Hanam (2000) menyatakan hasil kajian beliau mendapati ketidakkukuhan status kewangan, kepuasan dalam kehidupan dan sokongan sosial mempunyai

perkaitan negatif yang signifikan dengan tahap kebimbangan. Tidak terdapat perkaitan yang signifikan diantara tahap kebimbangan dengan status kesihatan, penghargaan sendiri, kehilangan peranan dalam pekerjaan dan prestasi kerja. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap kebimbangan diantara bakal pesara yang mempunyai status jawatan tinggi dan rendah dan juga diantara bakal pesara lelaki dan wanita. Ketidakkukuhan status kewangan, status kesihatan, kepuasan hidup, penghargaan sendiri, kehilangan peranan, dan sokongan sosial menyumbang kepada variasi kebimbangan. Ku Yusoff et.al (2013) dalam kajiannya menggariskan masalah kewangan, kesihatan dan pengisian masa lapang sebagai antara masalah yang dibimbangi oleh bakal pesara ini dan masalah-masalah ini saling berkaitan. Masalah kesihatan bukan sahaja melibatkan diri sendiri malah pasangan dan ahli keluarga yang lain dan sejumlah peruntukan perlu disediakan bagi mendapatkan rawatan dan juga suplemen-suplemen tambahan.


Robinson et al (dalam Bryalt, 1995) mendapati bahawa transisi dari pekerjaan kepada pesara merupakan perubahan besar dan menimbulkan stres. Hal ini kerana menjadi pesara akan melibatkan kehilangan sumber kewangan, jawatan, status sosial, struktur aktivita serta masa lapang (Osborne, 2012). Sebagai tambahan, pencen merupakan transisi kehidupan yang penuh tekanan yang mempengaruhi hubungan dengan keluarga, teman dan komuniti yang luas (Bryalt & Colmanl, in Bryalt, 1995). Pernyataan ini disokong oleh Lissy and Garry (Kaplan & Sadock, 1989) yang menyatakan bahawa banyak penyakit berkaitan dengan penurunan fizikal dan perubahan imej badan, kehilangan pekerjaan atau disebabkan bersara sama ada secara sukarela atau terpaksa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian korelasi amat menekankan kepada perkaitan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. (Mohd. Majid Konting, 1990). Kajian korelasi adalah untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah dengan menggunakan kaedah statistik korelasi. Kajian ini berbentuk deskriptif kerana boleh menerangkan hubungan yang wujud dan dapat menerangkan tahap hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah. Jadi berdasarkan kajian yang dibuat ini adalah untuk melihat sejauh mana hubungan kebimbangan dengan perancangan persaraan dalam kalangan penjawat awam di Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.

## Kerangka Kajian

Rajah 1 : Kerangka Kajian




- A : Perbandingan Jantina Lelaki
- B : Perbandingan Jantina Perempuan
- C : Regresi
- D : Korelasi

## Lokasi Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya menjadi tempat pilihan kajian ini dijalankan. Lokasi ini dipilih kerana pengkaji merasakan populasi kakitangan di sini mampu memenuhi keperluan dan kehendak kajian. Tambahan pula kakitangan di Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan antara kumpulan penjawat awam teramai di Malaysia. Populasi di sini juga dilihat sangat bertepatan untuk menjawab keperluan kajian selain daripada lokasinya yang strategik di Putrajaya. Tambahan pula lokasi kajian ini amat mudah bagi pengkaji untuk menguruskannya

## Pengumpulan Data

### Carta Alir 1 : Pengumpulan Data



Carta Alir 1 di atas menunjukkan satu urutan kerja yang telah dijalankan oleh pengkaji bagi melaksanakan kajian ini. Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada Setiausaha Bahagian, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merealisasikan kajian ini. Dengan kebenaran beliau juga pengkaji telah memperoleh data-data kakitangan daripada Unit Modal Insan yang bertanggungjawab mengumpulkan maklumat berkenaan bakal pesara di bahagian ini. Pengkaji akan mengedarkan instrumen kepada kakitangan kementerian ini yang bakal bersara pada tahun 2015 hingga 2020. Setelah kebenaran dan maklumat tersebut diperolehi pengkaji mula menyediakan instrumen yang dirasakan sesuai bagi memenuhi kehendak kajian yang dibuat. Intrumen ini terbahagi kepada Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi item-item demografi manakala Bahagian B pula berkaitan dengan perancangan persaraan dan kebimbangan.

## **Kajian Rintis**

Satu kajian rintis telah dijalankan bagi melihat kebolehpercayaan dan kesahan instrumen ini. Seramai 45 kakitangan yang bakal bersara dalam tempoh 1-6 tahun telah dipilih bagi menjawab instrumen tersebut. Pemilihan bilangan kakitangan ini adalah disokong dengan pendapat yang dikemukakan oleh Norusis (1998) bahawa 25 merupakan jumlah minima bagi mengira ketekalan dalam sesebuah ujian rintis. Jadi bilangan 45 kakitangan adalah sah untuk dilaksanakan dalam ujian rintis tersebut. Kajian ini juga dijalankan bagi melihat sejauh mana item-item dalam instrumen tersebut perlu dikekalkan atau diubahsuai (Mohd Najib, 1999). Selain daripada itu pengkaji juga boleh mengenal pasti masalah yang akan timbul sebelum kajian sebenar dijalankan. Daripada sini juga tahap kefahaman kakitangan dengan setiap item yang dikemukakan akan dapat diketahui. Setelah itu edaran instrumen kepada populasi yang telah dikenalpasti dibuat. Kakitangan diberi masa selama lima hari untuk menjawab dan menghantar kembali instrumen tersebut kepada pengkaji. Setelah jumlah yang dikumpulkan memenuhi jumlah persampelan yang ditetapkan, pengkaji menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) untuk menganalisis data yang diperolehi.

## **Populasi**

Kumpulan populasi kajian ini terdiri daripada kumpulan kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya yang akan bersara dari perkhidmatan sedia ada pada tahun 2015 hingga 2020. Kumpulan ini juga terdiri daripada daripada semua peringkat perkhidmatan di kementerian ini di Putrajaya.

## **Sampel Kajian**

Sampel kajian yang dikenalpasti adalah mereka yang akan bersara pada tahun 2015 hingga 2020. Kumpulan sampel ini terdiri daripada kakitangan lelaki dan perempuan yang akan bersara secara wajib atau pilihan sama ada lelaki mahupun perempuan. Jumlah keseluruhan bakal pesara Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya bagi tahun 2015 hingga 2020 ialah seramai 221 orang. Daripada jumlah tersebut bilangan populasi adalah seramai 99 orang bagi lelaki dan 122 orang bagi perempuan. Menurut Krejcie dan Morgan (1970) pemilihan sampel secara rawak daripada jumlah populasi yang tepat akan mempunyai 95% aras keyakinannya. Daripada kaedah yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) ini pengkaji memilih sampel sebanyak 140 bagi mewakili populasi kakitangan seramai 221 orang.

Pemilihan sampel ini dibuat secara rawak mudah di mana kakitangan telah ditandakan dengan nombor. Kertas-kertas nombor ini dimasukkan ke dalam sebuah balang dan cabutan dibuat satu persatu sehingga jumlah persampelan yang diperlukan mencukupi. Untuk memastikan probabiliti bagi setiap sampel yang dipilih adalah sama, setiap kali selepas membuat cabutan kertas nombor tersebut perlu dimasukkan kembali ke dalam balang yang tersedia. (Sidek Mohd Noah, 2011). Hasil cabutan yang telah dijalankan sebanyak 48 orang terdiri daripada lelaki manakala 92 lagi terdiri daripada kakitangan lelaki.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah diedarkan kepada 221 bakal pesara yang berada di Kementerian Pendidikan Malaysia, Putarajaya. Instrumen ini mempunyai Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi item-item berkenaan Demografi. Bahagian B pula terbahagi kepada dua iaitu Bahagian B (i) mengandungi item-item berkenaan Perancangan Persaraan dan Bahagian B (ii) pula mengandungi item-item Kebimbangan. Perincian berkenaan bahagian-bahagian ini adalah seperti berikut :

a) Bahagian A : Demografi

Pengkaji membina sendiri bahagian ini. Pemilihan item-item seperti jantina, umur, status perkahwinan, tahun persaraan, jenis persaraan, bangsa, kumpulan pekerja dan pandangan terhadap kerjaya adalah bagi memenuhi keperluan kajian yang dijalankan ini.

b) Bahagian B :Instrumen Indeks Persediaan Persaraan dan *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS).

Bahagian B (i) ini mengandungi soal selidik Perancangan Persaraan. Instrumen ini mempunyai 20 soalan. Instrumen ini telah dibangunkan oleh Ismail Alias (2000). 20 item tersebut dibahagikan kepada empat sub skala iaitu perancangan kewangan, perancangan kesihatan, perancangan aktiviti masa lapang dan perancangan psikologi. Item-item ini diukur dengan 5 skala likert iaitu dari 1 (sangat sedikit) hingga 5 (sangat lengkap) seperti jadual 1;

**Jadual 1: Skala Soal Selidik Perancangan Persaraan**

1	2	3	4	5
Sangat Sedikit	Sedikit	Sederhana	Lengkap	Sangat Lengkap

Setiap sub skala yang terdapat dalam instrumen ini mempunyai 5 item. Ismail Alias (2000) telah membangunkan instrumen ini berdasarkan keperluan tempatan. Instrumen ini asalnya mempunyai 3 bahagian utama iaitu Tahap Pengetahuan Persaraan, Perancangan Persaraan dan Pengetahuan Psikologi. Namun begitu pengkaji telah memilih hanya item-item Perancangan Persaraan dan digabungkan dengan item-item Kebimbangan daripada instrumen Depression Anxiety Stress Scale (DASS).

Pemilihan item ini adalah bagi memenuhi keperluan kajian yang dijalankan pengkaji. Bagi Instrumen Perancangan Persaraan terdapat 4 sub skala iaitu sub skala Perancangan Kewangan, Perancangan Kesihatan, Perancangan Aktiviti Masa Lapang dan Perancangan Menangani Masalah Psikologikal. Setiap sub skala ini mempunyai 5 item menjadikan jumlahnya sebanyak 20 item.

Di Bahagian B (ii) pula merupakan item-item kebimbangan yang diambil daripada instrumen Depression Anxiety Stress Scale (DASS). Terdapat 7 item daripada sub skala kebimbangan.

**Kebolehpercayaan Instrumen**

Jadual di bawah menunjukkan kebolehpercayaan bagi sub skala dalam instrumen yang di nyatakan seperti di jadual 2;

**Jadual 2: Kebolehpercayaan Instrumen**

	<i>Cronbach's Alpha</i>	<b>N of Items</b>
Faktor Perancangan Kewangan	.733	5
Faktor Perancangan Kesihatan	.791	5
Faktor Perancangan Aktiviti Masa Lapang	.710	5

Faktor Perancangan Menangani Masalah Psikologikal	.886	5
Faktor Kebimbangan	.725	7

### Ujian Normal

Berdasarkan pendapat yang diutarakan oleh Nornadiah dan Yap (2011) kaedah-kaedah yang perlu dijalankan bagi menjalankan ujian normal adalah seperti kaedah grafik, kaedah berangka dan ujian normal formal. Ujian normal dijalankan bagi memenuhi keperluan bagi statistik inferensi. Kaedah-kaedah ini adalah untuk menilai sama ada melanggar keluar normal andaian. Kline (2010) telah mencadangkan nilai yang boleh diterima untuk kepencongan adalah di antara 3 dan -3 manakala nilai kurtosis mesti di antara 10 dan -10. Hair (1998) turut menyatakan bacaan skewness yang normal adalah dari 3 hingga -3 dan bacaan bagi kurtosis juga adalah normal iaitu antara 10 dan -10 (Siti Aishah dan Ruziah,2012). Dapatan ujian normal bagi instrumen kajian ini adalah seperti jadual 3 di bawah;

**Jadual 3: Dapatan Ujian Normal Instrumen**

	Skewness	Kurtosis
Perancangan kewangan	-.285	-.300
Perancangan Kesihatan	.152	-.316
Perancangan Masa Lapang	.079	-.916
Perancangan Tangani Masalah Psikologikal	-.195	*.710
Kebimbangan	.918	.382

## DAPATAN KAJIAN

### Persoalan Kajian 1

Apakah tahap faktor perancangan kewangan, kesihatan, aktiviti masa lapang, menangani masalah psikologikal dan kebimbangan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?

**Jadual 4: Tahap Perancangan Persaraan**

<b>Faktor</b>	<b>Rendah</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Tinggi</b>
Perancangan kewangan	10	114	16
Perancangan Kesihatan	6	107	27
Perancangan Masa Lapang	1	112	27
Perancangan Tangani Masalah Psikologikal	15	107	18
Kebimbangan	107	32	1

Jadual 4 menunjukkan tahap faktor perancangan kewangan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya. Seramai 7.2% responden mempunyai perancangan kewangan yang rendah. Manakala 81.4% menunjukkan tahap perancangan kewangan yang sederhana dan 16 orang lagi yang mewakili 11.4% menunjukkan tahap perancangan kewangan yang tinggi. Faktor perancangan kesihatan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya. Seramai 4.3% responden mempunyai perancangan kesihatan yang rendah. Manakala 76.4% menunjukkan tahap perancangan kesihatan yang sederhana dan 19.3% lagi menunjukkan tahap perancangan kesihatan yang tinggi. Faktor perancangan aktiviti masa lapang dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya. Seramai 7% responden mempunyai perancangan aktiviti masa lapang yang rendah. Manakala 80% menunjukkan tahap perancangan aktiviti masa lapang yang sederhana dan 19.3% lagi menunjukkan tahap perancangan aktiviti masa lapang yang tinggi.

Faktor perancangan menangani masalah psikologikal dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya menunjukkan seramai 10.7% responden mempunyai perancangan menangani masalah psikologikal yang rendah. Manakala 76.4% menunjukkan tahap perancangan menangani masalah psikologikal yang sederhana dan 12.9% lagi menunjukkan tahap perancangan menangani masalah psikologikal yang tinggi. Tahap kebimbangan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya. Seramai 76.4% responden mempunyai tahap kebimbangan yang rendah. Manakala 22.9% menunjukkan tahap kebimbangan yang sederhana dan hanya 0.7% lagi menunjukkan tahap kebimbangan yang tinggi.

## Persoalan Kajian 2

Apakah tahap kebimbangan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?

**Jadual 5: Tahap Kebimbangan**

<b>Faktor</b>	<b>Rendah</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Tinggi</b>
Kebimbangan	107	32	1

Jadual 5 menunjukkan tahap kebimbangan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya. Seramai 76.4% responden mempunyai tahap kebimbangan yang rendah. Manakala 22.9% menunjukkan tahap kebimbangan yang sederhana dan hanya 0.7% lagi menunjukkan tahap kebimbangan yang tinggi.

## Persoalan Kajian 3

Adakah terdapat perbezaan faktor perancangan persaraan antara jantina dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?

**Jadual 6: Analisis Ujian T Faktor Perancangan Persaraan Dengan Jantina**

	<b>T</b>	<b>df</b>	<b>Sig. (2-tailed)</b>
Faktor Kewangan	1.651	138	.101
Faktor Kesihatan	4.303	138	.000
Faktor Perancangan Masa Lapang	1.988	138	.049
Faktor Perancangan Psikologikal	1.963	138	.052

Analisis Ujian T menunjukkan faktor kesihatan dan faktor perancangan masa lapang menunjukkan terdapat perbezaan antara jantina iaitu faktor kesihatan  $t=4.303$   $p<0.05$ , min lelaki adalah berbeza dengan min perempuan iaitu 2.32 dan 2.00. Manakala bagi faktor perancangan masa lapang  $t=1.988$   $p>0.05$ , min lelaki mempunyai perbezaan dengan min perempuan iaitu 2.26 dan 2.12. Faktor lain menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara jantina iaitu faktor kewangan  $t=1.651$   $p>0.05$ , dengan min lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan iaitu 2.11 bagi lelaki dan 1.99 bagi perempuan. Faktor perancangan psikologikal juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara jantina iaitu  $t=1.963$   $p>0.05$ , dengan min lelaki ialah 2.11 dan min bagi perempuan 1.95.

**Jadual 7: Perbezaan Min Skor Faktor Perancangan Persaraan Dengan Jantina (N=140)**

<b>Faktor</b>	<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>
Kewangan	Lelaki	66	2.11
	Perempuan	77	1.99
Kesihatan	Lelaki	66	2.32
	Perempuan	74	2.00
Perancangan Masa Lapang	Lelaki	66	2.26
	Perempuan	74	2.12
Perancangan Psikologikal	Lelaki	66	2.11
	Perempuan	74	1.95

**Persoalan Kajian 4**

Adakah terdapat perbezaan tahap kebimbangan antara jantina dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?

**Jadual 8: Analisis Perbezaan Tahap Kebimbangan**

	<b>t</b>	<b>df</b>	<b>Sig. (2-tailed)</b>
Tahap Kebimbangan	-1.534	138	.127

Berdasarkan jadual 8 didapati terdapat perbezaan tahap kebimbangan ( $t = -1.534$ ;  $p < 0.05$ ) antara jantina dengan min lelaki adalah pada 1.18 dan min perempuan adalah pada 1.30. dalam kalangan kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya.

**Persoalan Kajian 5**

Adakah terdapat hubungan antara faktor perancangan persaraan dengan kebimbangan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?

**Jadual 9: Analisis Hubungan Faktor Perancangan Persaraan  
Dengan Kebimbangan**

	<b>Bimbang</b>		
	<b>Pearson Correlation</b>	<b>Sig. (2-tailed)</b>	<b>N</b>
Perancangan Kewangan	-.223**	.008	140
Perancangan Kesihatan	-.255**	.002	140
Perancangan Masa Lapang	-.344**	.000	140
Perancangan Tangani Masalah Psikologikal	-.378**	.000	140

Berdasarkan jadual 9 Terdapat korelasi negatif ( $r = -.223^{**}$ ) dan  $p = .008$  yang bermakna nilai  $p$  adalah lebih kecil dari  $.05$  ini bererti wujudnya perhubungan yang signifikan antara faktor perancangan kewangan dengan kebimbangan. Ini bermakna semakin tinggi perancangan kewangan semakin rendah kebimbangan. Terdapat korelasi negatif ( $r = -.255^{**}$ ) dan  $p = .002$  yang bermakna nilai  $p$  adalah lebih kecil dari  $.05$  ini bererti wujudnya perhubungan yang signifikan antara faktor perancangan kesihatan dengan kebimbangan. Ini bermakna semakin tinggi perancangan kesihatan semakin rendah kebimbangan.

Terdapat korelasi negatif ( $r = -.344^{**}$ ) dan  $p = .000$  yang bermakna nilai  $p$  adalah lebih kecil dari  $.05$  ini bererti wujudnya perhubungan yang signifikan antara faktor perancangan masa lapang dengan kebimbangan. Ini bermakna semakin tinggi perancangan masa lapang semakin rendah kebimbangan. Terdapat korelasi negatif ( $r = -.378^{**}$ ) dan  $p = .000$  yang bermakna nilai  $p$  adalah lebih kecil dari  $.05$  ini bererti wujudnya perhubungan yang signifikan antara faktor perancangan menangani masalah psikologikal dengan kebimbangan. Ini bermakna semakin tinggi perancangan menangani masalah psikologikal semakin rendah kebimbangan.

## **Persoalan Kajian 6**

Adakah terdapat pengaruh faktor perancangan persaraan terhadap kebimbangan dalam kalangan penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya?

**Jadual 10: Analisis Regrasi Pengaruh Faktor Perancangan Persamaan Terhadap Kebimbangan**

<b>R Square</b>	<b>Nilai P</b>
.163	0.00

Berdasarkan jadual 10, didapati keempat-empat faktor perancangan persamaan menerangkan 16% varians terhadap faktor kebimbangan.

### KEPUTUSAN KAJIAN

Alam pekerjaan adalah merupakan suatu alam dimana individu mengalami alam peningkatan dewasa iaitu setelah menghabiskan alam persekolahan. Segala bentuk dan lapisan kehidupan individu adalah berkisar dalam dunia pekerjaan iaitu bermulanya kehidupan bekerja individu, alam perkahwinan, penambahan ahli keluarga, perkembangan ahli keluarga, dan kenaikan pangkat dalam dunia pekerjaan. Seterusnya kematangan individu berlaku semasa individu berada dalam dunia pekerjaan. Setelah berakhirnya dunia pekerjaan, maka persamaan adalah sesuatu yang individu perlu lalui setelah menjangkau usia persamaan. Pelbagai reaksi kerap kali timbul setelah dunia persamaan menjelang tiba (Ismail, 2000). Seandainya perancangan persamaan tidak dibuat dengan baik dan teratur, maka berlakulah keluh kesah dan tekanan yang amat hebat bagi diri individu.

Kajian ini berhasrat untuk mendapatkan gambaran tentang pegawai di Kementerian Pendidikan tentang perancangan persamaan berasaskan empat faktor utama iaitu faktor perancangan dari segi kewangan, perancangan persamaan dari segi kesihatan, perancangan persamaan dari segi masa lapang dan perancangan persamaan dari segi psikologikal. Seterusnya, kajian ini ingin melihat sama ada terdapat perbezaan faktor-faktor perancangan persamaan antara jantina untuk mengetahui kumpulan jantina yang mana yang telah merancang persamaan dengan baik. Perbezaan juga ingin dilihat bagi faktor kebimbangan antara jantina. Hubungan antara faktor perancangan persamaan dengan faktor kebimbangan juga di lihat dalam kajian ini dan yang akhir, kajian ini juga ingin mengetahui sumbangan faktor-faktor perancangan persamaan dengan faktor kebimbangan. Kajian ini telah dijalankan ke atas pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia yang akan bersara dalam masa lima tahun atau kurang dari masa mereka menjawab soal selidik yang diedarkan. Seramai 140 orang terpilih untuk menjawab soal selidik dengan menggunakan kaedah pemilihan sampel secara rawak mudah. Soal

selidik kajian ini terdiri daripada Ismail (2000) dengan lima mata skala Likert yang dibangunkan oleh Ismail Alias (2000) telah digunakan sebagai instrumen untuk mengukur perancangan persaraan responden. Untuk mengukur faktor kebimbangan pula, soalselidik DASS (*Depression, Anxiety, Stress Scale*) telah digunakan dengan skala likert sebanyak empat mata.

Karakteristik responden telah dikutip untuk mengetahui secara terperinci sama ada terdapat perbezaan faktor-faktor persaraan. Ujian rintis telah dijalankan untuk mengetahui ketekalan instrumen. Kebolehpercayaan setiap faktor melalui *Alpha Cronbach* yang diukur amat penting diketahui supaya apabila digunakan instrument ini kepada kumpulan lain, hasil yang sama diperolehi. *Alpha Cronbach* bagi kedua-dua instrumen telah diterima antara 0.701 dan 0.803. Keseluruhan markah daripada 140 responden dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 22 untuk mendapatkan keputusan statistik deskriptif dan inferensi. Data dianalisis berdasarkan objektif kajian. Penerangan hasil kajian berikut adalah berasaskan objektif kajian:

### **Mengetahui Tahap Faktor Perancangan Persaraan Dalam Kalangan Penjawat Awam Yang Bertugas Di Kementerian Pendidikan Malaysia Putrajaya**

Objektif kajian pertama adalah bagi mengetahui tahap faktor persaraan dalam kalangan penjawat awam yang bertugas di Kementerian Pendidikan Malaysia. Analisis deskriptif telah digunakan untuk menganalisis tahap faktor perancangan persaraan. Dapatan kajian menunjukkan tahap faktor perancangan persaraan bagi kewangan. Sebanyak 81.4% menunjukkan tahap perancangan kewangan yang sederhana dan 16 orang lagi yang mewakili 11.4% menunjukkan tahap perancangan kewangan yang tinggi. Ini menunjukkan majoriti penjawat awam telah pun membuat perancangan kewangan yang baik dan teratur. Bagi faktor perancangan kesihatan pula, 76.4% menunjukkan tahap perancangan kesihatan yang sederhana dan 19.3% lagi menunjukkan tahap perancangan kesihatan yang tinggi.

Ini bermakna, kebanyakan penjawat awam yang dikaji mempunyai tahap perancangan kesihatan yang baik. Seterusnya, untuk tahap perancangan masa lapang, 7% penjawat awam mempunyai perancangan aktiviti masa lapang yang rendah. Manakala 80% menunjukkan tahap perancangan aktiviti masa lapang yang sederhana dan 19.3% lagi menunjukkan tahap perancangan aktiviti masa lapang yang tinggi. Justeru, tahap perancangan masa lapang juga adalah merupakan perancangan yang telah dilakukan dengan baik oleh penjawat awam. Bagi tahap perancangan masalah psikologikal pula, seramai 10.7% responden mempunyai

perancangan menangani masalah psikologikal yang rendah. Manakala 76.4% menunjukkan tahap perancangan menangani masalah psikologikal yang sederhana dan 12.9% lagi menunjukkan tahap perancangan menangani masalah psikologikal yang tinggi. Ini menunjukkan tahap perancangan menangani masalah psikologikal juga berada di tahap yang baik dan memuaskan. Pada keseluruhannya, tahap perancangan untuk persaraan bagi penjawat awam adalah berada ditahap yang baik kerana keempat-empat tahap perancangan persaraan adalah memuaskan. Dapatan ini bersetuju dengan Ismail (2000) yang menyatakan perancangan persediaan untuk penjawat awam adalah memuaskan.

### **Untuk Mengetahui Tahap Kebimbangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Yang Bertugas Di Kementerian Pendidikan Malaysia Di Putrajaya**

Bagi menjawab objektif kedua pula, tahap kebimbangan telah dilihat untuk mengetahui sama ada penjawat awam berada dalam keadaan bimbang menjelang persaraan mereka. Peratus kebimbangan adalah berada ditahap yang rendah kebanyakan nya iaitu 76.4% diikuti dengan sederhana 22.9% berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan kebanyakan penjawat awam tidak bimbang tentang perancangan persaraan.

### **Mengenal Pasti Perbezaan Faktor Perancangan Persaraan Antara Jantina Dalam Kalangan Penjawat Awam Yang Bertugas Di Kementerian Pendidikan Malaysia Di Putrajaya**

Objektif ketiga menggunakan Ujian t-test untuk mengetahui perbezaan antara jantina dalam faktor perancangan persaraan telah dijalankan. Kajian ini menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) bagi faktor perancangan persaraan kewangan antara jantina dalam kalangan penjawat awam di Kementerian Pendidikan Malaysia, dalam skor lelaki (Min= 31.55, SD = 3.00) dan perempuan (Min = 30.32, SD = 3.05);  $t(150) = 2.50, p = .014$ . Dengan itu, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara penjawat awam lelaki dan perempuan terhadap faktor perancangan kewangan penjawat awam yang bertugas di Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya. Untuk perancangan kesihatan didapati tidak terdapat perbezaan tahap perancangan kesihatan ( $t=4.303; p > 0.05$ ) antara jantina dalam kalangan kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya. Untuk perancangan aktiviti masa lapang, didapati tidak terdapat perbezaan tahap perancangan aktiviti masa lapang ( $t=1.988; p > 0.05$ ) antara jantina dalam kalangan kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya. Seterusnya, tidak terdapat perbezaan tahap perancangan menangani masalah psikologikal ( $t=1.963; p > 0.05$ ) antara jantina dalam kalangan kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya

## **Untuk Mengenal Pasti Perbezaan Faktor Kebimbangan Antara Jantina Dalam Kalangan Penjawat Awam Yang Bertugas Di Kementerian Pendidikan Malaysia Di Putrajaya**

Seterusnya, ujian t-test juga telah dijalankan bagi mengetahui perbezaan faktor kebimbangan antara jantina bagi penjawat awam yang bertugas di Putrajaya bagi menjawab objektif keempat. Berdasarkan dapatan menunjukkan tiada perbezaan ( $p > 0.05$ ) di antara penjawat awam lelaki dan perempuan di mana skor lelaki dan perempuan [ $t(138) = -1.534, p = .126$ ] dalam faktor kebimbangan. Ini bermakna, hasil kajian telah dibuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan dari segi faktor kebimbangan antara jantina dalam kalangan penjawat awam di Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **Untuk Mengetahui Hubungan Antara Faktor Perancangan Persaraan Dengan Kebimbangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Yang Bertugas Di Kementerian Pendidikan Malaysia Di Putrajaya**

Objektif kelima adalah mengenai hubungan yang ingin dikaji antara faktor perancangan persaraan dengan faktor kebimbangan. Terdapat korelasi negatif ( $r = -.223^{**}$ ) dan  $p = .008$  yang bermakna nilai  $p$  adalah lebih kecil dari  $.05$  ini bererti wujudnya perhubungan yang signifikan antara faktor perancangan kewangan dengan kebimbangan. Ini bermakna semakin tinggi perancangan kewangan semakin rendah kebimbangan. Faktor perancangan kesihatan pula, terdapat korelasi negatif ( $r = -.255^{**}$ ) dan  $p = .002$  yang bermakna nilai  $p$  adalah lebih kecil dari  $.05$  ini bererti wujudnya perhubungan yang signifikan antara faktor perancangan kesihatan dengan kebimbangan. Ini bermakna semakin tinggi perancangan kesihatan semakin rendah kebimbangan. Untuk perancangan masa lapang pula, terdapat korelasi negatif ( $r = -.344^{**}$ ) dan  $p = .000$  yang bermakna nilai  $p$  adalah lebih kecil dari  $.05$  ini bererti wujudnya perhubungan yang signifikan antara faktor perancangan masa lapang dengan kebimbangan. Ini bermakna semakin tinggi perancangan masa lapang semakin rendah kebimbangan.

Akhirnya, terdapat korelasi negatif ( $r = -.378^{**}$ ) dan  $p = .000$  yang bermakna nilai  $p$  adalah lebih kecil dari  $.05$  ini bererti wujudnya perhubungan yang signifikan antara faktor perancangan menangani masalah psikologikal dengan kebimbangan. Ini bermakna semakin tinggi perancangan menangani masalah psikologikal semakin rendah kebimbangan. Kesimpulan untuk objektif ini mendapati, keseluruhan faktor perancangan persaraan untuk penjawat awam adalah didapati terdapat perhubungan yang songsang, iaitu semakin tinggi persediaan perancangan persaraan, semakin kurang kebimbangan pada penjawat awam. Ini bertepatan dengan Charness (1985) yang menyatakan penurunan kadar

kebimbangan dalam memikirkan tentang persaraan, apabila penjawat awam semakin hampir untuk bersara. Ini bertentangan dengan pandangan Ku Yusuf et al (2013) yang menyatakan terdapat kebimbangan pada bakal pesara mengenai faktor-faktor perancangan persaraan.

### **Untuk Mengetahui Pengaruh Faktor Perancangan Persaraan Terhadap Kebimbangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Di Kementerian Pendidikan Malaysia Di Putrajaya.**

Bagi objektif keenam, kajian ini ingin mengetahui sama ada keempat-empat faktor perancangan persaraan ada mempunyai pengaruh terhadap kebimbangan. Hasil analisis regresi mendapati kesemua faktor perancangan persaraan menerangkan 14% varians terhadap faktor kebimbangan. Ini bermakna, terdapat pengaruh faktor perancangan persaraan terhadap faktor kebimbangan. Dapatan ini bersesuaian dengan hasil kajian Dennis, 1989 yang dipetik dari Hays, 1994, yang menyatakan bahawa kehidupan dalam persaraan amat bergantung kepada perancangan yang teliti semasa dalam perkhidmatan.

### **RUMUSAN**

Kajian ini yang pada awalnya ingin mengetahui persiapan atau perancangan persaraan penjawat awam dalam mengharungi dunia persaraan, perbezaan faktor-faktor tersebut antara jantina, perkaitan dengan faktor kebimbangan dan akhirnya telah dapat mengetahui hubungan pengaruh faktor perancangan persaraan terhadap kebimbangan penjawat awam. Kajian ini mendapati pada keseluruhannya penjawat awam telah pun membuat persediaan yang rapi dan memuaskan dalam menghadapi dunia persaraan. Kajian ini telah dapat membuktikan bahawa tidak ada perbezaan antara jantina dalam merancang untuk bersara, baik dari faktor perancangan untuk bersara atau pun faktor kebimbangan. Manakala dari segi hubungan pula, terdapat hubungan signifikan yang negatif antara faktor perancangan persaraan dengan faktor kebimbangan. Ini bermakna, apabila perancangan dibuat dengan baik, semakin kurang rasa bimbang dalam diri. penjawat awam. Akhirnya, faktor-faktor perancangan persaraan juga telah dibuktikan mempunyai sedikit pengaruh ke atas faktor kebimbangan dalam merancang untuk bersara. Horner, (2012; James et al., (2012); Cohen & Sneed; (2013) dalam kajian mereka penglibatan diri dalam aktiviti sukarelawan boleh meningkatkan tahap kesejahteraan psikologi, kepuasan hidup, mengurangkan kadar simptom-simptom kemurungan dan hipertensi dalam kalangan individu. Situasi ini di lihat sangat positif bagi mengelakkan kebimbangan dalam kalangan bakal pesara penjawat awam.

## RUJUKAN

- Christoffel and Gallagher (2006). *Social and Behavioral Foundations of Public Health*, SAGE Publications Inc. United Kingdom
- Faridah Hanam Mohd. Rashid. (2000). *Anxiety Among Retiring Employees And Its Relationship With Performance At Work Place*. Desetasi Ph.D, Universiti Putra Malaysia.
- Faridah Hanam Mohd. Rashid (2000), *Anxiety among retiring employees in the workplace*, Tesis Universiti Putra Malaysia
- Friedmann, E. & Havihurst, R. I. (1954). *The meaning of work and retirement*. Chicago: University of Chicago Press.
- Ismail Alias. (2002). *Tahap Kebimbangan Persaraan Di Kalangan Bakal Pesara Perkhidmatan Awam*. Jurnal Pengurusan Awam, Jilid 1 Bil 1, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
- Ismail Alias dan Faridah Hanam Mohd Rashid. (2006). *Persediaan Dan Perancangan Persaraan*. Kajang, Selangor. Aras Mega (M) Sdn. Bhd
- Jami'ah Mohamad. (1984). *Masalah penyesuaian diri dan perancangan: satu kajian kes di kalangan pesara tentera di Kampung Pandan, Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ku Yussof Engku Ismail et.al. (2013). *Meneroka Persediaan Emosi Bakal-Bakal Pesara Warga Kementerian Pelajaran Malaysia Melalui Kaunseling Kelompok Dan Art Therapy*. Jurnal Psikologi dan Kaunseling. Bilangan 4, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Psikologi dan Kaunseling
- Mohd. Asri Hj Husain, Rozana Kamdani, Alliza Ayob, Noorfazira Zainol Rashid, Marsita Md Nor, Razman Ibrahim & Dr Mazlynda Md Yusof (2017) *Mengukur Tahap Kesedaran Penyediaan Pelan Persaraan Untuk Kakitangan Awam: Kajian Kes Kakitangan Pengurusan Dan Profesional (P & P) Di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan*

- Myers, J.E., & Salmon, H.E. (1984). *Counseling Program For Older Person: Status, Shortcomings, And Potentialities*. *The Counseling Psychologist*, 12(2): 39-53
- Quinn, J. F. & Burkhauser, R.V. (1990). Work and retirement. Dalam R.H. Binstock & L.K.George (Eds.), *Handbook of aging and the social sciences* (pp. 308-327). New York: Academic Press.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang. Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Siti Aishah & Ruziah. (2012). *Quick Tips Fast Track Conducting Quantitative Research*. Selangor. Quty Researcher.

## Meneroka Kesejahteraan Emosi Dalam Kalangan Guru Hubungan Jarak Jauh Di Lembah Klang

Mohamad Supian Taharim<sup>1</sup>, Zaidi Korib<sup>2</sup>, Rosli Suyot<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>*Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*  
<sup>1</sup>*supian.taharim@moe.gov.my, <sup>2</sup>zaidi.korib@moe.gov.my, <sup>3</sup>rosli.suyot@moe.gov.my*

### ABSTRAK

*Isu pertukaran guru telah memberi kesan terhadap kesejahteraan emosi kepada guru-guru yang tinggal berjauhan dengan pasangan atau keluarga. Fenomena ini memberi kesan dalam pencapaian ke arah merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 terutamanya di dalam fasa gelombang yang kedua. Maka kajian meneroka reaksi kesejahteraan emosi yang dialami oleh guru hubungan jarak jauh ini dijalankan agar intervensi kaunseling dapat diberikan kepada mereka yang memerlukan. Pendekatan kajian dijalankan secara kualitatif melalui kajian kes. Pengumpulan data kajian dilakukan melalui sesi kaunseling kelompok secara maraton selama 12 jam (6 sesi). 7 orang guru hubungan jarak jauh yang dibahagikan kepada empat kelompok telah mengikuti sesi kaunseling kelompok maraton tersebut. Terdapat 4 tema yang telah dikenalpasti iaitu buntu, cemburu, geram dan tidak puas hati. Dapatan kajian menunjukkan reaksi kesejahteraan psikologi peserta kajian lebih cenderung kepada reaksi emosi, pemikiran dan tingkah laku negatif yang mengganggu kesejahteraan hidup mereka.*

**Kata Kunci:** *Kesejahteraan Emosi; Guru Hubungan Jarak Jauh*

## PENGENALAN

Menurut Atchley (2004) kesejahteraan adalah perasaan bebas daripada tekanan, rasa gembira mengatasi rasa sedih dalam jangka masa panjang, perasaan positif dengan kehidupan dan memperoleh apa yang diinginkan seiring dengan matlamat. Billson (2005) merujuk kesejahteraan sebagai satu keadaan optima yang diukur berdasarkan aspek kepuasan, keyakinan, ketahanan dan kesihatan fizikal. Costanza et al. (2007) berpendapat kesejahteraan sebagai satu respon individu atau kumpulan terhadap kegembiraan, kepuasan hidup dan kebajikan, manakala Bretones dan Gonzales (2011) menyatakan kesejahteraan sebagai satu konsep yang mampu menjelaskan pelbagai bentuk kesejahteraan seperti pekerjaan, kebendaan mahupun perkahwinan.

Oleh itu, kesejahteraan merupakan satu bentuk pengukuran kualiti hidup yang diukur secara psikologi atau dalaman yang melibatkan beberapa dimensi seperti kegembiraan, kepuasan hidup, harga diri, kecekapan diri, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan. (Magrabi et al., 1991; Atchley, 2004; Billson, 2005; Costanza et al., 2007; McLead, 2009; Bretones, 2011).

Kesejahteraan di tempat kerja mempunyai kaitan dengan mood atau emosi guru. Menurut Diener, Larsen, Levine dan Emmons (1985), kesejahteraan merupakan salah satu elemen bagi mood positif. Mood atau emosi positif mendorong seseorang untuk berfikir, merasa dan bertindak ke arah meningkatkan pembangunan sumber dan pencapaian matlamat (Seligman, Steen, Park & Peterson, 2005)

Sejak kebelakangan ini, kisah penempatan guru berjauhan dari pasangan menjadi isu yang sukar untuk mencari jalan penyelesaiannya. Kerajaan amat memandang serius perkara ini sehingga ia dibangkitkan dalam Persidangan Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Keempat, Mesyuarat ketiga pada 14 November 2016 dan Persidangan Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Ketiga bertarikh 19 November 2017. Antara perkara yang diperbincangkan adalah berkaitan mekanisma dalam menyelesaikan kemelut yang dialami oleh guru-guru yang berjauhan ini, sehingga mereka digelar sebagai ‘Guru Hubungan Jarak Jauh’.

Melalui sistem EGtutar, guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang ingin memohon pertukaran diberi peluang untuk memilih lokasi yang mereka ingini. Namun demikian tidak semua guru berjaya ditempatkan di lokasi yang dipilih. Ini kerana Kementerian Pendidikan Malaysia akan menempatkan dan memindahkan guru-guru berdasarkan permintaan opsyen

di sesuatu tempat (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015). Penempatan guru ini merujuk kepada tempat bertugas yang telah ditentukan sama ada berdekatan dengan keluarga atau berjauhan dengan keluarga. Statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian pada tahun 2015, mendapati seramai lebih 30,000 orang guru berjauhan dengan pasangan. Kenyataan ini secara tidak lansung telah memberi gambaran sebagaimana yang dinyatakan oleh Siaw Yan Li, (2015) bahawa kira-kira 25 peratus populasi di Lembah Klang terlibat dalam perkahwinan jarak jauh.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 Panduan Pertukaran Pegawai Awam telah dikeluarkan bagi tujuan menjelaskan urusan pertukaran pegawai supaya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan seragam. Terdapat 8 kriteria yang boleh dipertimbangkan untuk pertukaran. Salah satunya ialah kerana mengikut suami atau isteri. Dengan adanya pekeling ini, guru-guru yang terpisah dengan suami atas faktor jarak dapat memohon pertukaran melalui sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu EGTukar.

Sungguhpun demikian, tidak semua guru yang memohon pertukaran akan berjaya. Bagi guru-guru yang tidak berjaya, ia akan mengundang reaksi emosi yang pelbagai sehingga diistilahkan sebagai 'hubungan jarak jauh' (Chong Sin Woon (2016). Fenomena ini boleh menjejaskan prestasi guru tersebut. Liu & Cheung (2015) menyatakan tekanan dan kepuasan kerja guru boleh terjejas oleh pelbagai faktor dan salah satu daripadanya ialah konflik antara kerja-keluarga. Pendapat ini disokong oleh Duxbury, Lyons dan Higgins (2008), konflik kerja-keluarga boleh juga timbul disebabkan keadaan pekerja yang tinggal berjauhan dengan keluarga. Konflik ini sudah pasti boleh mengundang reaksi emosi, pemikiran dan tingkah laku yang akhirnya memberi kesan terhadap kesejahteraan guru di tempat kerja dan keluarga.

## **Objektif Kajian**

Objektif di dalam kajian ini:

1. Mengenal pasti kesejahteraan psikologi yang dialami oleh guru hubungan jarak jauh.

## **Soalan Kajian**

Persoalan kajian adalah:

1. Apakah kesejahteraan emosi yang dialami oleh guru hubungan jarak jauh?

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini bagi membolehkan pengkaji meneroka fenomena dengan lebih mendalam reaksi kesejahteraan emosi guru hubungan jarak jauh akibat tinggal berjauhan dengan pasangan atau keluarga. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemilihan sampel bertujuan dengan memilih guru yang tinggal berjauhan dengan keluarga melalui senarai nama guru yang memohon perpindahan melalui sistem EGtutar. Reka bentuk kajian kes ini telah dijalankan ke atas 7 orang guru yang telah dikenal pasti tinggal berjauhan dengan pasangan atau keluarga. Peserta kajian terdiri daripada guru yang mengajar di sekitar Lembah Klang. Namun pasangan mereka tinggal di luar Lembah Klang dengan jarak melebihi 90 kilometer. Kaedah pengumpulan data adalah melalui kaedah kumpulan berfokus yang dijalankan dalam kaunseling kelompok secara maraton selama 12 jam (6 sesi).

### **Analisis Data**

Data diperoleh daripada sesi kelompok kaunseling yang dijalankan selama 6 jam. Sesi kaunseling kelompok telah dirakam menggunakan video dan alat perakam audio MP3. Semua peserta kajian telah dimaklumkan peranan mereka sebagai peserta kajian dan permohonan kebenaran bertulis telah diperolehi dari semua peserta. Rakaman sesi kelompok telah ditranskrip menjadi verbatim dan dianalisis sebagai data. Data ini dianalisis menggunakan NVivo 11 dengan cara mendengar kembali, menyediakan transkrip, mengorganisasi data, membiasakan diri dengan data, membuat koding, menetapkan tema dan membuat laporan berdasarkan perbualan yang berlangsung antara kaunselor dengan klien dalam sesi kaunseling kelompok marathon.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperoleh ini dijelaskan mengikut persoalan dan objektif kajian yang telah dinyatakan pengkaji. Dapatan kajian menunjukkan reaksi kesejahteraan emosi peserta kajian lebih cenderung kepada reaksi emosi negatif yang mengganggu kesejahteraan hidup mereka. Hampir semua peserta kajian yang merupakan guru hubungan jarak jauh yang telah memohon pindah melebihi tempoh 3 tahun. Analisis data dalam kajian ini menunjukkan peserta kajian mengalami kategori kesejahteraan psikologi iaitu buntu, curiga, geram dan tidak puas hati.

## **Buntu**

Kehidupan menjadi serba tidak kena apabila pelbagai perkara menerjah dalam diri. Apabila sesuatu perkara tidak dapat diselesaikan, datang pula masalah yang lain secara berturut-turut dalam masa yang singkat, menyebabkan pemikiran guru menjadi buntu. Tinggal berjauhan di seberang laut bersendirian, tinggal pula dalam masyarakat yang berlainan budaya serta tiada saudara mara terdekat, menjadikan emosi berkecamuk dan akhirnya menjadikan pemikiran buntu. Situasi itu telah dijelaskan oleh PK-4 seperti berikut:

*Dalam masa seminggu ni, saya sangat serabut la. Saya tahu apa benda tu.... Cuma... yang mana satu nak kena buat dari yang sekolah punya awal tahun.... Macamana nak cakap....memang saya nak balik....(PK-4)*

### KK/PK-4/Buntu

Bagi guru tinggal berjauhan PK-7 pula, kesukaran melalui kehidupan berjauhan ini ada ketikanya menyebabkan beliau hilang fokus dalam melakukan sesuatu perkara. Ada ketikanya berasa keliru dengan tindakan yang dibuat. Ada kalanya kerana terlalu menahan perasaan ia membawa kemudaratan kepada mental. Keadaan yang dialami oleh PK-7 adalah seperti berikut:

*Ada ketikanya saya lupa saya nak pegi mana.... Jalan pun saya keliru. Kadang-kadang jadi gelap, dan lepas tu saya rasa sakit kepala.*

### KK/PK-7/Hilang tumpuan

## **Curiga**

Pepatah Melayu ada menyatakan jauh di mata, namun dekat di hati. Namun bagi guru berjauhan PK-6, berjauhan itu hampir mengundang kepada keruntuhan rumahtangga. Keadaan fizikal yang mengalami keletihan serta kurangnya masa yang berkualiti menyebabkan kurangnya peluang untuk berkomunikasi ketika pasangan yang berjauhan ini bertemu. Keadaan ini telah menyebabkan peluang untuk menjelaskan sesuatu perkara yang penting tidak dapat dilakukan. Akhirnya, pasangan membuat kesimpulan sendiri tanpa berbincang dan bertanya terlebih dahulu. Perkara ini telah dijelaskan oleh PK-6 seperti berikut:

*Sebagai contoh, ..... pengalaman saya.... Bekas teman wanita saya.... Saya pun tak tahu dia kat mana sebab dah lama tak berhubung....kebetulan dia massage saya. Masa tu dia ada di luar negara. Masa tu dia massage waktu tu,, saya*

*baru sampai dalam pukul 3 pagi. Massage dia Assalamualaikum... apa khabar sekarang? Itu aje ayatnya. Saya bila balik, telefon saya tak peduli. Hari Ahad bila nak balik baru saya cari handphone. Jadi isteri saya baca....bila baca, saya masa tu tengah penat, jadi isteri jadikan itu isu dan dikaitkan dengan sebab taknak tukar. Semua diungkit sampai nak bercerai.*

Cabaran getir yang dialami oleh guru berjauhan adalah mengekalkan rasa kepercayaan pada pasangan masing-masing. Duduk berjauhan tanpa dapat dilihat oleh mata kasar boleh mengundang kekusaran terhadap apa yang dilakukan oleh pasangan.

### **Geram**

Geram merupakan satu perasaan dalaman individu. Emosi boleh menjadi sesuatu yang positif kerana apabila seseorang itu tidak menyukai sesuatu perkara, maka dia boleh meyakinkannya. Namun sejauh mana sifat marah itu baik kepada seseorang adalah bergantung kepada kekerapan dan cara ia meluakannya. Bagi guru PK-2, program yang dijalankan pada hari Sabtu membangkitkan perasaan marah dalam dirinya. Perasaan PK-2 dinyatakan seperti berikut :

*Kalau program hari Sabtu...tu yang saya marah!*

KK/PK-2/Marah

Antara punca yang mengundang kemarahan ialah apabila hasrat tidak tertunai, diri rasa ditipu atau merasakan layanan yang diberikan itu tidak adil. Dalam keadaan permohonan untuk bertukar tidak diluluskan, tiba-tiba data tahu ada rakan lain yang situasinya tidak seperti yang beliau alami dapat berpindah. Situasi sebegini pasti akan mengundang kemarahan seperti yang dinyatakan oleh PK-3:

*Ada kawan saya lagi baru dari saya.... Dia dari Langkawi.... Dapat tukar... kalau dia ada anak kecil, saya pun ada anak kecil. Saya ada jaga emak yang sakit. Dia hanya alasan nak ikut suami... dapat pindah! Saya ada tanya pegawai pasal alasan tu... setakat ni tak adalah sampai marah-marah.*

KK/PK-3/Marah

### **Tidak Puas Hati**

Perasaan cemburu tidak berlaku secara tiba-tiba, tetapi ia melalui satu proses. Apabila melihat ada orang lain yang bernasib baik atau apa yang diharapkan itu

tidak menyebelahi diri, maka perasaan yang tidak tenteram itu mengganggu jiwa. Sungguhpun apa yang diperolehi orang lain itu satu rezeki namun bagi PK-4 ia tetap mengndang perasaan tidak puas hati. Keadaan tersebut telah dinyatakan oleh PK-4 seperti berikut :

*Saya minta maaf la.... Ada guru-guru baru ni yang dipostingkan berhampiran dengan rumah. Bila dapat tahu lagi la menambahkan gelora di hati. Kita tak jelous... itu rezeki kan. Tapi ada juga terdetik di hati sedikit perasaan.... Ermmmm*

KK/PK-4/Tidak puas hati

## PERBINCANGAN

Merujuk kepada hasil dapatan kajian, terdapat tiga tema yang muncul hasil perkongsian pengalaman hidup empat belas orang guru duka lara yang terlibat dengan kajian ini iaitu faktor reaaaksi kesejahteraan emosi yang ditunjukkan dalam kehidupan dan faedah kaunseling kelompok.

### **Reaksi Kesejahteraan Psikologi**

Perkongsian oleh peserta kajian tentang kehidupan yang mereka lalui sepanjang berjauhan dengan pasangan dan keluarga telah mencetuskan reaksi kesejahteraan psikologi iaitu buntu, curiga, tidak puas hati dan marah.

Setiap reaksi yang ditunjukkan boleh memberi impak kepada diri, keluarga dan perkhidmatan yang diberikan. Guru yang memiliki psikologi yang stabil amat penting dalam melahirkan pelajar yang mempunyai emosi, pemikiran dan tingkah laku yang positif. Bagi guru-guru duka lara ini, didapati mereka mengalami suatu keadaan yang sangat sukar. Antara tuntutan kerja dengan tanggungjawab terhadap keluarga. Situasi ini mengundang konflik yang akhirnya mengganggu emosi, pemikiran dan tingkah laku mereka. Dapatan kajin ini menyamai dapatan kajian oleh Duxbury, Lyons dan Higgins (2008), kajian Liu dan Cheung (2015) dan kajian Noor dan Zainuddin (2011). Kajian Duxbury, Lyons dan Higgins telah mendapati pekerja yang berjauhan dengan keluarga demi pekerjaan merupakan salah satu faktor timbulnya konflik kerja-keluarga. Manakala Liu dan Cheung serta Noor dan Zainuddin telah mendapati konflik kerja-keluarga merupakan pengantara tekanan kerja bagi guru perempuan. Justeru, dapatan kajian ini menunjukkan keadaan guru yang berjauhan dengan keluarga telah menimbulkan konflik kerja-

keluarga yang menjadi pemangkin kepada tekanan kerja mereka sehingga tahap tekanan kerja mereka lebih tinggi berbanding dengan guru yang tidak berjauhan dengan keluarga.

Sikap guru berjauhan yang mengalami reaksi kesejahteraan emosi negatif mempunyai kaitan dengan impian hidup berkahwin dan berkeluarga. Perkahwinan merupakan suatu cara yang dapat mengikat perhubungan antara suami isteri. Antara yang mengeratkan perhubungan ini adalah melalui ikatan emosi serta seksualiti. Menurut pandangan Garcia & Gomez (2014) menjelaskan bahawa ikatan pernikahan yang sihat serta memberi kebahagiaan menuntut supaya adanya rasa percaya terhadap pasangan, bekerja sama dengan baik, saling memahami dan tidak melakukan pengabaian terhadap pasangan secara seksual dan emosional. Pendapat ini selari dengan kenyataan oleh Laurenceau dan rakan-rakan (2005) telah menemui bahawa sikap terbuka atau 'self-disclosure' dan kebertanggungjawapan pasangan secara signifikan memberi pengaruh terhadap keintiman. Bagi memastikan agar pasangan ini kekal intim, mereka perlulah sentiasa bersikap terbuka serta sentiasa mengamalkan sifat kebertanggungjawapan walaupun dalam keadaan berjauhan.

Selain dari reaksi kesejahteraan psikologi, berjauhan dengan pasangan dan keluarga juga memberi kesan terhadap reaksi kognitif seperti buntu, cemburu, persepsi minda yang tidak stabil, tekanan serta rasa takut. Secara teoritikalnya dapatan kajian ini telah menyokong kajian yang dijalankan oleh Merolla (2012) yang menjelaskan bahawa perpisahan yang lama, tidak terduga, ada ketikanya mengundang tekanan akan mengaktifkan seseorang itu untuk membuat pertimbangan untuk duduk dekat dengan pasangan agar rasa selamat.

Kesan dari reaksi kesejahteraan psikologi yang ditunjukkan sepanjang tempoh berjauhan ini didapati telah mencetuskan beberapa isu yang perlu dipandang serius. Jarak yang jauh akan mengundang kesukaran untuk berulang alik bertemu pasangan dan keluarga, peningkatan kos perjalanan, makan minum dan tempat tinggal serta kekangan waktu tempoh bersama di rumah. Situasi ini sudah pastinya menjadi satu tempoh masa yang sangat sukar dalam usaha untuk mengeratkan ikatan emosi, rutin harian dan keintiman dalam perhubungan yang akhirnya akan memberi kesan kepada pasangan, anak-anak, keluarga sekaligus memberikan kesan terhadap masa depan anak-anak serta pelajar yang dididik.

### **Faedah Kaunseling Kelompok**

Kaunseling kelompok maraton ini didapati dapat menjadi tempat untuk guru-guru duka lara meluahkan perasaan. Selain itu kaunseling kelompok juga dapat

meningkatkan kefahaman dan pengetahuan baru terhadap sesuatu isu yang terjadi pada diri mereka. Daripada kajian ini, didapati ahli-ahli dalam kumpulan merasa lega, fikiran lapang dan memperoleh celik akal. Secara tidak langsung ini dapat mengubah pemikiran, emosi dan tingkah laku mereka. Dapatan ini disokong oleh Corey (2012), yang menjelaskan bahawa, ahli kelompok diberikan galakkan dalam usaha mereka untuk menjadi jujur, mengambil risiko, melakukan eksperimen terhadap tingkah laku baru, berusaha mengambil inisiatif dan melibatkan diri dengan aktif dalam kelompok. Kejelekitan dalam kelompok dibentuk agar ahli merasakan bahawa mereka tidak berseorangan dalam menghadapi masalah.

Kaunseling kelompok maraton yang dijalankan ini menjadi medium untuk guru duka lara berkongsi isu dan masalah. Tekanan yang dirasakan menjadi kurang apabila adanya sokongan sosial. Ternyata sokongan dari rakan-rakan dan pihak yang menyediakan sesi ini dilihat dapat memberi kesan positif kepada ahli dalam kelompok.

Pendapat sama disokong oleh Lim Hon Pee, 2002 dan Travers & Cooper, 1998 yang menjelaskan bahawa sokongan sosial berkemampuan untuk memberi kesan yang positif kepada pekerja yang mengalami simptom-simptom tekanan. Ia selari dengan pandangan dari Fisher (2004), Ghosh Anjali (2000) dan Hall & Torres (2002) yang melihat bahawa sokongan sosial itu sebagai satu alat sosial yang sangat bernilai dalam sesebuah komuniti. Manakala Folkman & Lazarus, 1999 pula menjelaskan bahawa terdapat banyak bukti yang menyokong andaian bahawa seandainya tekanan meningkat seseorang itu akan lebih memerlukan sokongan sosial.

## **RUMUSAN DAPATAN KAJIAN**

Daripada keseluruhan perbincangan, dapatan kajian menggambarkan bahawa keperluan untuk memohon pertukaran agar dapat tinggal dengan pasangan dan keluarga ada asasnya. Bagi guru-guru yang memiliki anak kecil, suami yang sakit atau ibu bapa yang telah uzur, tanggungjawab untuk memberi perhatian yang lebih merupakan sesuatu yang dituntut. Apatah lagi dalam lingkungan budaya masyarakat Malaysia yang sangat menitik beratkan hal berkaitan keluarga.

Meskipun teknologi menjadi perantaraan atau pemudahcara untuk berhubung, namun ianya bukalah satu alternatif terbaik untuk menyelesaikan segala isu berkaitan masalah perhubungan atau komunikasi. Kepuasan tentulah tidak sama berbanding berinteraksi secara bersemuka. Dapatan ini dilihat

menyokong kajian oleh Brym, Zhang dan Lin (2004) di mana ia menjelaskan bahawa komunikasi secara bersua muka menjadi kaedah atau cara yang paling dominan dan terbaik bagi tujuan menjalin hubungan dengan sesiapa sahaja.

## **IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan tentang implikasi dapatan kajian yang merangkumi implikasi terhadap bidang keilmuan, implikasi kajian terhadap amalan kaunseling, latihan dan kursus.

### **Implikasi Kajian Terhadap Bidang Keilmuan**

Secara keseluruhannya, melalui tema-tema yang muncul hasil dari sesi kaunseling kelompok maraton yang dijalankan dan analisis dokumen visual dari kesemua peserta kajian, penyelidik mendapati terdapat beberapa perkara menarik yang ingin dikupas supaya menjadi satu sumbangan agar dapat diaplikasikan dalam fenomena kehidupan guru-guru yang tinggal berjauhan dengan pasangan dan keluarga.

Guru yang memiliki emosi yang stabil amat penting dalam melahirkan pelajar yang mempunyai emosi yang positif. Bagi guru-guru duka lara ini, didapati mereka mengalami suatu keadaan yang sangat sukar. Antara tuntutan kerja dengan tanggungjawab terhadap keluarga. Situasi ini mengundang konflik yang akhirnya mengganggu emosi mereka. Dapatan kajian ini menyamai dapatan kajian oleh Duxbury, Lyons dan Higgins (2008), kajian Liu dan Cheung (2015) dan kajian Noor dan Zainuddin (2011). Kajian Duxbury, Lyons dan Higgins telah mendapati pekerja yang berjauhan dengan keluarga demi pekerjaan merupakan salah satu faktor timbulnya konflik kerja-keluarga.

Bagi guru-guru yang tinggal berjauhan dengan pasangan serta keluarga, jelas menampakkan reaksi emosi yang tidak bahagia. Mereka masih tidak dapat menerima bahawa situasi berjauhan itu merupakan suatu perkara yang sudah menjadi lumrah dalam kehidupan di zaman moden ini. Sebagai individu yang telah berumah tangga atau berkeluarga, hidup bersama itu merupakan matlamat dalam pengakhiran zaman bujang mereka. Selain itu kepuasan hidup akan dicapai apabila mereka berada dalam persekitaran yang diinginkan.

## **Implikasi Kajian Terhadap Amalan Kaunseling**

Tidak dinafikan bahawa dinamika keluarga memerlukan pemahaman yang mendalam disebabkan sistem kekeluargaan merupakan suatu bentuk perhubungan yang sangat kompleks. Fenomena semasa yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini dilihat semakin mencabar keutuhan institusi perkahwinan dan kekeluargaan. Ia secara langsung atau tanpa disedari sedikit sebanyak akan mempengaruhi kualiti perhubungan suami isteri. Perubahan konteks dan susunan masyarakat yang kaya telah mencetuskan kepelbagaian dimensi dalam hidup berkeluarga. Pola dan jangkaan perkahwinan telah berubah, fungsi & bentuk keluarga semakin mengelirukan serta corak perhubungan intim menjadi semakin kompleks. Fenomena perkahwinan jarak jauh telah menjadi suatu yang lumrah bagi negara-negara maju dan ianya mula menjadi bentuk kekeluargaan alaf baru di Malaysia. Sistem kekeluargaan alaf baru ini dilihat bakal menggantikan kehidupan berkeluarga secara konvensional pastinya memerlukan para kaunselor atau pengamal kaunseling untuk merancang dan membina modul intervensi bagi menangani isu dan permasalahan yang berkemungkinan akan muncul disebabkan perhubungan yang terpisah antara pasangan yang berkahwin.

## **CADANGAN**

Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan panduan pertukaran Pegawai Awam perlulah diteliti dan dipatuhi sepenuhnya bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan seragam. Usaha seperti menjalankan intervensi aktiviti kaunseling kelompok, kaunseling individu dan kaunseling keluarga adalah intervensi yang perlu dipertingkatkan penawaran oleh pihak Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi mengurangkan reaksi emosi negatif sistem sokongan di sekolah guru duka lara perlulah diwujudkan bagi membantu guru duka lara memiliki reaksi emosi yang positif walaupun duduk berjauhan dengan keluarga. Persekitaran tempat kerja yang tinggi semangat kekeluargaan mampu mengurangkan rasa rindu dan kehilangan guru duka lara kepada keluarga. Dengan adanya juga sistem sokongan ini mereka dapat berkongsi masalah dan kaedah dalam menyelesaikan sesuatu urusan.

## **Pembinaan Modul Intervensi Guru Duka Lara**

Berdasarkan realitinya tidak semua guru yang memohon untuk bertukar berjaya di tempatkan ke lokasi yang diinginkan. Sebahagian besarnya perlu melalui kehidupan berjauhan dengan pasangan dan keluarga walupun tanpa rela demi memnuhi tuntutan kerjaya. Berdasarkan tema yang muncul, pengkaji akan datang dicadangkan agar dapat membina modul yang bersifat universal terutamanya dalam memberi intervensi kepada guru-guru duka lara ini.

## **Pemilihan Peserta Kajian Dalam Penyelidikan**

Pada kajian ini, pengkaji menggunakan peserta kajian yang terdiri dalam kalangan guru-guru yang berjauhan dengan pasangan dan keluarga. Perspektif yang diberikan hanya berfokus kepada budaya guru atau pendidik semata-mata. Maka penyelidik menyarankan agar peserta kajian terdiri dari pasangan kepada guru berkenaan atau lebih baik jika peserta kajian adalah berpasangan agar boleh menjana dapatan kajian yang lebih menyeluruh serta bersifat silang budaya.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan hasil dapatan temubual pengkaji mendapati emosi guru-guru hubungan jarak jauh dalam keadaan terkawal. Namun demikian, setiap reaksi kesejahteraan emosi yang ditunjukkan oleh guru-guru berjauhan ini perlulah ditangani dengan baik agar ianya tidak mengganggu tugas dan peranan mereka di organisasi. Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malysia, garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan panduan pertukaran Pegawai Awam perlulah diteliti dan dipatuhi sepenuhnya bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan seragam. Usaha seperti menjalankan intervensi aktiviti kaunseling kelompok, kaunseling individu dan kaunseling keluarga adalah intervensi yang perlu dipertingkatkan penawaran oleh piak Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi mengurangkan reaksi kesejahteraan emosi negatif sistem sokongan di sekolah guru hubungan jarak jauh perlulah diwujudkan bagi membantu guru hubungan jarak jauh memiliki reaksi emosi yang positif walaupun duduk berjauhan dengan keluarga. Persekitaran tempat kerja yang tinggi semangat kekeluargaan mampu mengurangkan rasa rindu dan kehilangan guru hubungan jarak jauh kepada keluarga. Dengan adanya juga sistem sokongan ini mereka dapat berkongsi masalah dan kaedah dalam menyelesaikan sesuatu urusan.

## RUJUKAN

- Atchley RC (2004). Social forces and aging. *An introduction to social gerontology. 10th edition.* Thomson Learning, United States.
- Billson JM. (2005). The complexities and defining female well-being. In: Billson JM, Fluehr-Lobban C. *Female well-being.* Zed Books Ltd. London.
- Bretones FD & Gonzales MJ. (2011). Subjective and accupational well-being in a sample of Mexican workers, *Social Indicator research*, 100, 273-285.
- Costanza R, Fisher B, Ali S., et al. (2007). Quality of life: An approach integrating opportunities, human needs and subjective well-being *Ecological Economics*. 161, 267-276.
- Cummins, R.A. (1997). *Comprehensive quality of life scale-adults (5th edition).* Australia: Deakin University.
- Duxbury, L., Lyons, S. & Higgins, C. (2008). Too much to do, and not enough time: an examination of role overload. Dlm Korabik, K., Lero, D.S. dan Whitehead, D.L, (pnyt) *Handbook of Work-family Integration Research, Theory, and Best Practices.* Amsterdam: Elsevier.
- Harunnaja Najmuddin. (2002). *Psikologi ketenangan hati.* Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Henle, C.A, Giacalone, R.A. & Jurkiewicz, C.L. (2005). The role of ethical ideology in workplace deviance. *Jounal of Bussiness Ethics* 56: 219-230.
- Kashdan, T.B. (2004). The assessment of subjective well-being (issues raised by the Oxford Happiness Questionnaire). *Personality and Individual Differences*, 36, 1225-1232.
- Khairudin Che Tak, (2017) *Dimensi Kebahagiaan Golongan dewasa Melayu.* Universiti Malaya.
- Kyriacou, C., & Sutcliffe, J. (1978). Tezcher stress : *Prevalence, sources and Symptoms.* British Journal of Education Psychology, 48, 159-167.
- LeBlac, M.M. & Kelloway, EK. (2002). Predictors and outcomes of workplace violence and aggrassion. *Jornal of Apphed Psychology* 87: 444-453

- Liu, Huimin & Cheung, F.M. (2005). The role of work-family role integration in a job demands-resources model among chinese secondary school teacher. *Asian Journal of Social Psychology* 18(4): 288-298.
- Mubayyad, Ma'mum. (1995). *Al-Mursyid fi al-'Amrad al-Nafsiyyah wa Idtirabat al-Suluk*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2002). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Noraini, M. & Zainuddin Masyitah. (2011). Emotional labor and burnout among female teachers. Work-family conflict as mediator. *Asian Journal of Social Psychology* 14(4): 283-293.
- Norsafatul Aznin A. Razak. (2015) *Pengalaman kelangsungan hidup wanita dalam perkahwinan jarak jauh*. Universiti Malaysia.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2004). *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 Panduan pertukaran Pegawai Awam*. Kerajaan seri Paduka Baginda Malaysia.
- Ryff, C. D. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57, 1069-1081.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2010). *Kaedah Mengatasi Kebimbangan Dalam Kaunseling: Analisis Dari Perspektif Al-Ghazali*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schafer, W. (1982). *Stress Management For Wellness*. Chicago: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Schultz, D. P & Schultz S. E. (2005). *Theories of Personality*. USA: Thomson Wadsworth.
- Laporan Persidangan Dewan Rakyat , Parlimen Ketiga Belas, Penggal Keempat, Mesyuarat ketiga pada 14 November 2016
- Laporan Persidangan Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Ketiga bertarikh 19 November 2017.

**Perbezaan Domain Tingkah Laku Kognitif  
Dalam Kalangan Pemimpin Pertengahan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Berdasarkan Jantina Dan Tempat Bertugas**

S.Vigneswara Rao<sup>1</sup>, Rushdan Nordin<sup>2</sup>

Mohd Haris Faruqi Nor Rahim<sup>3</sup>, Wan Syarmiella Wan Samsudin<sup>4</sup>

<sup>1234</sup>*Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*

<sup>1</sup>*vigneswararao@moe.gov.my*, <sup>2</sup>*rushdan.nordin@moe.gov.my*,

<sup>3</sup>*harisfaruqi.rahim@moe.gov.my*, <sup>4</sup>*wansyarmiella@moe.gov.my*

**ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan domain tingkah laku kognitif berdasarkan jantina dan tempat bertugas dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM (DG48 dan DG52) di tiga organisasi yang berbeza iaitu di Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Sampel kajian terdiri daripada 2088 orang responden. Kajian ini menggunakan Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (i2PK) iaitu ujian personaliti yang telah dibangunkan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling untuk mengenali tret personaliti individu. Instrumen ini mempunyai lima domain dan 11 sub domain untuk memenuhi keperluan pengumpulan profil personaliti warga Kementerian Pendidikan Malaysia. Instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan Alpha Cronbach .916. Hasil dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan domain tingkah laku dari aspek analitikal dan kreatif berdasarkan jantina dan tempat bertugas dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM. Pengkaji mencadangkan agar pemimpin dan ketua jabatan organisasi di KPM perlu menyediakan peluang dan ruang kepada pemimpin pertengahan dalam menangani perubahan yang berlaku dengan menyediakan satu modul latihan kepimpinan.*

**Kata Kunci:** *Tingkah Laku Kognitif; Pemimpin Pertengahan; Tempat bertugas; Personaliti; Kepimpinan*

## PENDAHULUAN

Sistem pendidikan negara sentiasa mengalami transformasi dan penambahbaikan bersesuaian dengan zamannya. Perubahan-perubahan tersebut menuntut banyak komitmen dan perubahan cara berfikir serta cara bekerja para warganya (Koh Lee Chin, 2014). Dunia pendidikan era globalisasi sekarang sentiasa berubah sejajar dengan peredaran zaman serta tuntutan keperluan negara. Justeru, organisasi KPM yang ada sekarang bertanggungjawab dalam menangani perubahan yang berlaku. Oleh yang demikian, sistem pendidikan pada zaman ini amat memerlukan seorang pemimpin yang berkesan serta berkaliber dalam mencapai matlamat dan juga wawasan negara. Bidang pendidikan menjadi salah satu bidang penting sebagai agen perubahan kepada generasi akan datang. Oleh itu, golongan pemikir dalam kalangan pemimpin di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia menjadi orang penting bagi memastikan bidang ini sentiasa berkembang dan mampu melahirkan generasi yang berkualiti untuk negara. Golongan pemimpin adalah sebagai pemikir dan penggerak utama bagi memastikan sistem pendidikan sentiasa ke hadapan. Tingkah laku turut memberi pengaruh kepada individu dalam membuat keputusan. Mengikut konsep dasar *Cognitive Behavior Therapy* (CBT) pemikiran dan perasaan kita memainkan peranan penting dalam tingkah laku kita. Mengikut Albert Bandura dalam teori pembelajaran sosialnya menyatakan pembelajaran tingkah laku seseorang itu adalah melalui pemerhatian yang dibuat ataupun peniruan. Seseorang itu akan melakonkan apa yang diperhati dan dipelajari dalam kehidupan seharian mereka. Tingkah laku yang berulang-ulang kali melalui peniruan terhadap tingkah laku orang lain tadi menjadi sebatian dan akhirnya menjadi sikap dan tingkah laku sendiri.

Kajian yang dijalankan oleh Aritz dan Walker (2014) menyatakan bahawa tingkah laku kepimpinan yang berbeza-beza boleh menjejaskan penyertaan dan sumbangan ahli organisasi serta mengurangkan tahap penglibatan dalam kumpulan. Kepimpinan yang berorientasikan arahan menunjukkan tingkah laku kepimpinan yang paling kurang seimbang dan kadar penyertaan adalah rendah bagi semua ahli organisasi. Tingkah laku kepimpinan ini menunjukkan tahap kepuasan ahli organisasi adalah rendah. Manakala tingkah laku kepimpinan yang berorientasikan penyertaan iaitu pemimpin yang memberikan kerjasama dalam melakukan sesuatu kerja merupakan salah satu tingkah laku kepimpinan yang lebih seimbang dari segi penyertaan dan sumbangan terutamanya bagi pekerja di Asia. Hal ini kerana tingkah laku kepimpinan seperti itu mencerminkan nilai-nilai masyarakat yang lebih bertimbang rasa dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Manakala tingkah laku kepimpinan yang berorientasikan arahan melihatkan sifat pemimpin yang lebih agresif dan sukar untuk melakukan perbincangan.

Kajian-kajian yang dijalankan berkaitan jantina dan kepimpinan kebiasaannya menjadikan gaya dan kepimpinan lelaki sebagai piawai dalam kepimpinan (Chliwniak 1997). Belum ada kepimpinan wanita yang dikaji dijadikan piawai dalam bidang kepimpinan. Lelaki lebih dikenali sebagai pemimpin yang berkesan dan wanita kebiasaannya memanfaatkan gaya dan kelakuan kepimpinan lelaki dalam pentadbirannya. Walau bagaimanapun, semakin wanita berkuasa sebagai pemimpin, prejudis kepada golongan wanita akan bertambah hebat (Eagly, Makhinjani & Klonsky 1992). Dalam kajian Brunner dan Schumaker (1998) pula menyatakan lelaki lebih gemar menggunakan kuasanya untuk mencapai perkara atau matlamat, daripada menggunakan jawatannya, sebagai contoh konsep '*power over*' jika dibandingkan dengan ciri wanita yang berkonsep '*power with*'.

Globalisasi dan tekanan perubahan dalam sistem pengurusan pendidikan menyebabkan KPM memerlukan pemimpin yang mempunyai kualiti diri yang unggul. Oleh itu, menurut Abdul Rafie (2004) adalah wajar bagi pemimpin KPM menyediakan dirinya sebagai pemimpin yang mampu memimpin ke arah kecemerlangan. Justeru cabaran KPM memerlukan pemimpin pertengahan yang mempunyai tret personaliti yang berkesan untuk menghadapi kemajuan dunia yang semakin pesat dalam konteks dunia tanpa sempadan pada hari ini.

Kini, pemimpin sesebuah organisasi berhadapan dengan pelbagai cabaran dimana fleksibiliti dan kebijaksanaan mereka diperlukan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan menggunakan gaya kepimpinan yang bersesuaian demi kepentingan bersama. Kenyataan ini disokong oleh Mosadeghrad (2006) iaitu dengan menggunakan gaya kepimpinan yang sesuai, pemimpin mampu mempengaruhi kepuasan kerja, komitmen dan juga produktiviti. Azman Mat Haasan (2012) menyatakan bahawa kepimpinan adalah suatu proses mendorong pekerja bawahannya ke hadapan bagi melaksanakan kerja serta menanam sifat kerjasama di kalangan ahli organisasi sehingga mencapai kepuasan kerja semaksima yang mungkin. Menerusi gaya kepimpinan juga dapat dilihat sejauhmana seseorang pemimpin itu menghormati pekerja, jujur dalam melaksanakan tugas, berintegriti, menggalakkan kecekapan pekerja dan lebih terbuka menerima pandangan pekerja. Mosadeghrad (2006) menyatakan bahawa terdapat banyak gaya kepimpinan tetapi gaya kepimpinan yang berbeza diperlukan mengikut kesesuaian dalam budaya organisasi.

## **Pernyataan Masalah**

Tingkah laku Kepimpinan merupakan kebolehan mempengaruhi pengikut dan melibatkan penggunaan kuasa oleh pemimpin serta tahap penerimaan pengikut. Kebolehan mempengaruhi pengikut berhubung kait dengan memenuhi keinginan

kepuasan pengikut (Daft, 2004). Pada masa kini pemimpin tidak boleh lagi dilabelkan sebagai seorang pemimpin yang baik atau tidak baik, tetapi hanya boleh mengatakan bahawa seseorang pemimpin itu berkesan atau tidak berkesan dalam satu situasi yang tertentu, tetapi tidak berkesan dalam situasi yang lain. Keberkesanan dalam kepimpinan juga dicadangkan boleh dipertingkatkan dengan cara sama ada dengan memodifikasikan faktor situasi supaya menjadi lebih selesa atau mengubah gaya kepimpinan pemimpin.

Kepimpinan berkesan merupakan faktor penting dalam mempengaruhi serta menentukan kejayaan dan keberkesanan institusi pendidikan. Pernyataan ini disokong oleh Najib Razak (2010) & Mohd Shafie Afdal (2013), pemimpin perlu memastikan supaya modal insan yang lahir mempunyai keperibadian yang tinggi dan mampu berdaya saing diperingkat global. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 telah dirangka untuk meningkatkan kualiti modal insan dengan meletakkan sistem pendidikan pada tahap yang lebih tinggi serta lebih efektif dan efisien (Muhyiddin Yassin, 2013). Ini secara tidak langsung jelas menggambarkan kejayaan dalam sistem pendidikan sesebuah negara dikaitkan dengan kecemerlangan kepimpinan (Kantrowitz & Wingert, 2000).

Jelas menerusi pernyataan serta sokongan daripada pengkaji-pengkaji terdahulu, kajian mengenai kepimpinan amat sesuai dijalankan memandangkan natijah dan hasilnya akan mewujudkan pemimpin yang berkesan dan organisasi yang cemerlang.

### **Tujuan kajian**

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan domain tingkah laku kognitif melalui instrumen personaliti psikologi Kaunseling (i2PK) di kalangan pemimpin pertengahan KPM di tiga setting yang berbeza iaitu di setting Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (i2PK) adalah merupakan ujian personaliti yang telah dibangunkan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling untuk mengenali tret personality individu. i2PK juga digunakan untuk memenuhi keperluan pengumpulan profil personaliti warga Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kajian ini juga secara tidak langsung memberi peluang kepada pengkaji lain untuk melihat perbezaan dalam domain penerimaan, introspeksi diri, komunikasi dan struktur di kalangan pemimpin pertengahan KPM.

## **Objektif kajian**

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti perbezaan domain tingkah laku kognitif berdasarkan jantina dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM.
2. Mengenal pasti domain tingkah laku kognitif berdasarkan tempat bertugas dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM.

## **Persoalan kajian**

Kajian ini menjawab persoalan berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan dapatan domain tingkah laku kognitif berdasarkan jantina dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM?
2. Adakah terdapat perbezaan dapatan domain tingkah laku kognitif berdasarkan tempat bertugas dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM?

## **Hipotesis kajian**

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi domain tingkah laku Kognitif berdasarkan jantina dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi domain tingkah laku kognitif berdasarkan tempat bertugas dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM

## **Kepentingan kajian**

Kepimpinan tidak boleh dipisahkan dalam dunia pendidikan. Begitu juga halnya kepimpinan di organisasi KPM. Kajian ini memfokuskan kepada kumpulan pemimpin pertengahan oleh kerana pemimpin pertengahan merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi (Baharom, M. Johdi Salleh, Che Noraini Hashim, 2009).

Oleh itu, dalam mengharungi dan menghadapi apa jua perubahan dalam dunia pendidikan, setiap Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah memerlukan kepimpinan yang berkesan. Ini amat bersesuaian dengan pernyataan daripada Mohd Yatim 2006 ; & Bush 2008, tugas pemimpin memainkan peranan sebagai pembimbing dan penggerak kepada staf di bawah tanggungjawabnya untuk tujuan mencapai matlamat organisasi ataupun institusi pendidikan terbabit.

Matlamat yang jelas hanya akan tercapai menerusi organisasi yang mempunyai pemimpin yang efektif, manakala organisasi yang didiami oleh pemimpin yang tidak efektif akan menghasilkan matlamat yang tidak jelas dan kabur (Robinson 2006; Robinson et al. 2008). Hanya organisasi yang mempunyai matlamat yang jelas sahaja yang dapat merangsang serta menggerakkan kakitangan bawahannya untuk menyumbang ke arah pencapaian organisasi yang cemerlang menerusi kepimpinan yang berkesan (Robinson 2006; Bush 2008; Robinson et al. 2008).

### **Teori berkaitan**

Pemimpin yang berkesan mampu mempengaruhi orang lain bagi mencapai sesuatu matlamat. Oleh demikian beberapa kajian telah dilakukan oleh para akademik untuk mengenal pasti faktor yang menunjukkan bahawa pemimpin mampu mempengaruhi orang lain khususnya pekerja bawahannya di dalam melaksanakan sesuatu tugas bagi mencapai matlamat.

Teori-teori kepimpinan ini terbahagi kepada dua iaitu teori-teori tradisional dan teori-teori kontemporari. Pendekatan di dalam teori tradisional adalah meliputi teori pendekatan sifat, pendekatan gelagat atau tingkah laku, dan pendekatan kontinjensi atau pendekatan situasi; manakala teori kontemporari pula terdiri daripada teori atribusi, penggantian kepimpinan, kepimpinan karisma, kepimpinan transformasi, kepimpinan “postheroic”, kepimpinan sendiri serta kepimpinan dan kepintaran emosi, (Ab. Wahab Mat, Shahrol Aman Ahmad, Azahari Ramli, Abu Mansor Ahmad, 2007).

Teori pendekatan sifat “...memfokuskan pada sifat-sifat pemimpin di mana pendekatan ini merupakan usaha awal yang dilakukan oleh ahli-ahli psikologi dan penyeldik di dalam memahami konsep kepimpinan. Ciri-ciri ini digunakan bagi membezakan antara pemimpin dengan bukan pemimpin”, (Ab. Wahab Mat, Shahrol Aman Ahmad, Azahari Ramli, Abu Mansor Ahmad, 2007:256). Oleh demikian, Kirkpatrick dan Locke telah menyenaraikan enam sikap yang perlu ada pada pemimpin mengikut perspektif teori pendekatan sifat iaitu dorongan, keinginan untuk memimpin, kejujuran dan ketulusan, keyakinan diri, bijak dan mempunyai pengetahuan berkaitan kerja. Walau bagaimanapun, “...pengkaji berpendapat bahawa penerangan berasaskan sifat semata-mata tidak mencukupi bagi menjelaskan kecekapan pemimpin kerana ia mengabaikan beberapa factor seperti interaksi pemimpin dan kumpulan”, (Ab. Wahab Mat, Shahrol Aman Ahmad, Azahari Ramli, Abu Mansor Ahmad, 2007: 257).

## **Teori kognitif**

Bagi mengenal pasti ciri-ciri seorang pemimpin dengan lebih berkesan, penyelidik terus membuat kajian bagi mengenal pasti keberkesanan seorang pemimpin. Oleh demikian, kemunculan teori gelagat atau tingkah laku telah memberi gambaran berkenaan dimensi gelagat kepimpinan atau gaya kepimpinan bagi seorang pemimpin. Kajian berkenaan gelagat pemimpin ini mendapati bahawa "...perlakuan pemimpin berbeza daripada perlakuan orang yang dipimpin (pengikut)", (Aini Hayati Mohamed et.al., 2005:86). University of Iowa, Ohio State University, University of Michigan dan Managerial Grid merupakan antara universiti yang telah melakukan kajian bagi gelagat kepimpinan. Hasil kajian University of Iowa telah membawa kepada dapatan gaya kepimpinan iaitu gaya kepimpinan demokratik, autokratik dan *laissez-faire*. Ohio State University pula menyatakan bahawa gaya kepemimpinan boleh dikelaskan kepada initiating structure dan consideration. Initiating structure merujuk kepada "...pemimpin yang menetap dan menstrukturkan peranannya dan peranan subordinat untuk mencapai matlamat. Manakala consideration merujuk kepada kepemimpinan yang didasari oleh kepercayaan dan hormat-menghormati antara pemimpin dengan subordinat dan penghargaan kepada pandangan serta perasaan subordinat", (Aini Hayati Mohamed et.al., 2005:86).

Sehubungan dengan itu, terdapat lebih daripada 350 definisi dan beribu-ribu kajian secara empirikal berkaitan dengan kepimpinan sama ada dari segi konsep atau pengisian yang membicarakan tentang kepimpinan. Isu kepimpinan tidak pernah sepi daripada dunia penyelidikan, namun begitu tidak ada satu definisi yang mutlak dan kekal diguna pakai kerana setiap kajian dijalankan dengan objektif yang berbeza. Oleh yang demikian, hal ini akan memberikan definisi yang berbeza dan kadang kala kabur untuk membezakan pemimpin yang berkesan dan tidak berkesan (Ayob 2007; Norlia & Jamil 2006).

## **Teori Kepimpinan Tret**

Menurut Moorhead dan Griffin (1998), pendekatan tret merupakan kajian pertama secara sistematik memfokuskan tentang ciri fizikal dan personaliti seorang pemimpin. Kepimpinan teori tret telah wujud sejak abad ke-20 dan banyak kajian tentang definisi ciri pemimpin yang hebat dikaitkan mempunyai ciri semulajadi atau universal. Namun pandangan penyelidik tret bersetuju bahawa ciri seorang pemimpin lahir secara semulajadi seperti diungkapkan "*he is born to be a leader*". Justeru ciri seorang pemimpin dikaitkan dari segi bentuk fizikal seperti ketinggian, karektor dan ciri-ciri lain seperti kecerdasan sehingga wujudnya Teori Great Man (Bass 1990; Bass & Bernard 1989). Pandangan klasik

bersetuju bahawa pemimpin yang hebat dikaitkan mempunyai tret peribadi yang tinggi, berikutan lahirnya ramai pemimpin yang hebat dalam kalangan ahli politik, agama dan tentera yang mempunyai tret personaliti yang hebat.

## Kajian Lepas

Terdapat kajian-kajian yang menunjukkan bahawa kehadiran wanita sebagai pemimpin dalam organisasi yang secara puratanya didominasi oleh golongan lelaki boleh menimbulkan masalah, kerana terdapat perbezaan jangkaan dari anggota organisasi mengenai peranan mereka sebagai pemimpin dan sebagai seorang wanita. Perbezaan dalam 1 jangkaan ini boleh menimbulkan konflik kepada kaum wanita kerana piawai mengenai tingkah laku pemimpin yang berkesan dan berkualiti sering diasaskan kepada tingkah laku dan kualiti pemimpin lelaki (Gutek dan Morasch, 1982; Eagly, 1992). Sedangkan ini bertentangan dengan proses sosialisasi yang mereka lalui sebagai seorang wanita. Wanita disosialisasikan untuk memainkan peranan yang berbeza dengan lelaki dan faktor ini mempunyai pengaruh yang kuat dalam tingkah laku wanita (Haslett, Geiss dan Carter, 1992; Lipmen - Blumen, 1992). Selain itu, kajian yang telah dilakukan oleh *National Institute of Educational and Public Administration* dan *SNDT Women's University at Bombay* ke atas pengetua kolej-kolej wanita menunjukkan mereka mempunyai keyakinan dan keupayaan yang setara dengan pengetua-pengetua lelaki (Chitnis, 1994).

Pengasas teori kepimpinan tret, Dr Ralph Melvin Stogdill telah memulakan kajian beliau sejak awal tahun 1910an dalam *Traits School of Leadership* dengan menfokuskan beratus kajian untuk mengenal pasti ciri tret pemimpin dan terdapat hubungan yang lemah terhadap pemimpin berkesan. Lanjutan daripada itu, Stogdill telah melaksanakan kajian semula terhadap kajian teori tret pada tahun 1948 hingga 1974 dengan membuat 163 penyelidikan lagi. Beliau mendapati terdapat korelasi antara tret dengan pencapaian seseorang pemimpin (Bass & Bernard 1989).

Mann (1959) dalam Northouse (2007) telah membuat 1400 analisis terhadap kepimpinan dan personaliti. Beliau memberi gambaran tret personaliti yang dominan ialah *intelligence*, *masculinity*, *adjustment*, *extraversion* dan *conservatism* dan faktor situasi banyak mempengaruhi kepimpinan. Manakala Lord dan Alhiger (1986) telah membuat kajian lanjut terhadap pandangan Mann lalu mendapati tiga ciri tret utama iaitu *intelligence*, *masculinity* dan *dominance* dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemimpin yang hebat.

Pelbagai tret dikaitkan dengan tret kepimpinan seseorang pengetua dan guru besar. Banyak kajian membincangkan tret kepimpinan dalam pelbagai pendekatan. Kouze dan Posner (2002) telah menyenaraikan beberapa tret yang ada pada diri pemimpin antaranya ialah seperti kejujuran, kecerdasan, inspirasi, berterus terang dan adil serta mempunyai pemikiran yang kritikal. Walau bagaimanapun Northouse (2007) mendapati terdapat beberapa tret personaliti yang dikenal pasti secara konsisten dalam banyak kajian tret yang menyumbang kepada tret personaliti pemimpin iaitu ciri kecerdasan, keyakinan diri, iltizam dan integriti yang dikenali sebagai Tret Kepimpinan Utama (Major Leadership Traits) yang menjadi fokus dalam kajian ini. Teori tret secara langsung dikaitkan dengan keberkesanan seorang pemimpin yang cemerlang, memandangkan ramai pemimpin dunia yang berjaya mempunyai tret personaliti yang hebat dan disegani.

### **Definisi Konsep dan Operasional**

Kajian ini memberikan fokus iaitu melihat perbezaan berkaitan domain tingkah laku kognitif dalam kalangan pemimpin pertengahan Gred Dg 48 dan Dg 52 di Kementerian Pendidikan Malaysia. Perbezaan dilihat berdasarkan jantina dan tempat bertugas sama ada di Bahagian, Jabatan Pendidikan negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

### **Perbezaan**

Mengikut Kamus Dewan Bahasa perbezaan merujuk kepada keadaan atau sifat yang berbeza atau tidak sama.

### **Kepimpinan**

Kepimpinan menurut Moejiono (2002), merupakan ilmu terapan dari ilmu-ilmu sosial kerana prinsip-prinsip dan rumusannya diharapkan dapat mendatangkan manfaat bagi kesejahteraan manusia. Dalam kajian ini kepimpinan bermaksud pemimpin yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berkesan yang dapat membentuk institusi yang dipimpin menjadi institusi yang cemerlang dan berkesan.

### **Kepimpinan berkesan**

Secara umumnya tidak ada definisi yang tepat yang boleh dihuraikan maksud kepimpinan pendidikan. Menurut Ubben Hughes (2000), kepimpinan berkesan adalah gabungan antara ciri-ciri kepimpinan dan profesionalisme. Untuk tujuan kajian ini istilah pemimpin berkesan merujuk kepada sejauh mana seorang

pemimpin mampu memberikan hasil yang positif dalam organisasi yang ditadbir serta mampu memimpin mengetuai serta mempengaruhi ahli di bawah pimpinannya mencapai matlamat dan visi yang ditetapkan sekaligus menjadikan mereka sebagai pemimpin berkesan.

### **Pemimpin Pertengahan**

Pemimpin Pertengahan ialah mereka yang merupakan pengantara dan orang yang berada di antara golongan pengurusan tertinggi dan pasukan petugas di bawah selian mereka (Fleming,2000). Kedudukan sebagai pengantara memberikan mereka keistimewaan sebagai Pemimpin Pertengahan. Terdapat dua faktor yang menyumbang kepada keistimewaan tersebut. Pemimpin Pertengahan berada bersama-sama para petugas di barisan hadapan di peringkat operasi yang membolehkan mereka mempunyai pengetahuan operasi yang lengkap dan menyeluruh. Pemimpin Pertengahan mempunyai akses yang baik dengan pihak pengurusan tertinggi (Segers, 2013).

Berbekalkan maklumat operasi yang lengkap dan menyeluruh serta kemudahan akses dengan pihak pengurusan tertinggi, hal ini membolehkan Pemimpin Pertengahan berperanan sebagai pengantara di antara merealisasikan strategi organisasi dan tindakan dalam operasi harian. Oleh itu, peranan Pemimpin Pertengahan sangat penting. Pemimpin Pertengahan dapat memastikan strategi organisasi direalisasikan dalam operasi harian.

### **Tingkah laku kognitif**

Menurut Garry Martin & Joseph Pear (2003) tingkah laku juga merangkumi aktiviti, aksi, prestasi, bertindakbalas, tindakan, dan reaksi. Manakala dari segi teknik, aktiviti yang melibatkan otot-otot, kelenjar (glandular) dan aktiviti elektrik oleh setiap organ. Pada dasarnya tingkah laku adalah apa sahaja yang diperkatakan atau dilakukan oleh individu.

Menurut Carl Rogers (1999) bahawa seseorang individu akan bertingkah laku mengikut persepsi diri sendiri dan keadaan sekeliling mereka. Sekiranya individu itu mempunyai konsep sendiri yang positif, maka dia berupaya berinteraksi dan bertindak dengan lebih yakin dalam tindakan yang diambil.

Menurut Lewis M.Beaker (2001) tingkah laku merujuk kepada perbuatan yang dilakukan sama ada secara terus atau tidak, sedar atau separa sedar. Tingkah laku juga adalah manifestasi fizikal, dan sebarang sikap yang berasaskan nilai-nilai tertentu individu.

Pada masa dahulu, apabila memperkatakan tentang sikap, manusia tidak dikaitkan dengan bidang psikologi walaupun kajian terhadapnya telah dilakukan sekian lama. Pada awalnya, ideaidea ahli psikologi memikirkan tingkah laku manusia dipengaruhi oleh naluri, diikuti pula dengan teori tingkah laku yang mengatakan manusia menghasilkan tingkah laku adalah kesan daripada pembelajaran kerana manusia dianggap seperti mesin dan minda manusia adalah kosong. Setelah timbul kesedaran bahawa otak manusia adalah berfungsi untuk melahirkan tingkah laku, maka lahirlah teori-teori yang mengkaji bagaimana minda manusia memainkan peranannya. Berikut dengan itu juga kajian mengenai sikap dan tingkah laku manusia dijalankan.

Pendekatan kognitif menekankan pada proses mental dalaman. Maklumat yang diterima diproses melalui pemilihan, perbandingan dan penyatuan dengan maklumat lain yang sedia ada dalam ingatan. Penyatuan maklumat ini kemudian akan diubah dan disusun semula. Hasil pemikiran bergantung pada proses mental dalaman tersebut. Ahli-ahli psikologi kognitif menekankan bahawa , manusia bukanlah penerima rangsangan-rangsangan yang pasif. Sebaliknya otak manusia akan memproses secara aktif maklumat yang diterima dan menukarkan maklumat kepada bentuk atau kategori baru. Seseorang individu itu seharusnya memaksimumkan penggunaan minda mereka supaya mereka dapat menjadi pemikir yang aktif. Sebagai manusia yang telah dikurniakan otak untuk berfikir, manusia seharusnya dapat bertindak balas degan sewajarnya apabila menerima sesuatu maklumat dan bersedia pula untuk berubah sikap jika di dapati bahawa idea sebelum ini adalah salah atau negatif.

Individu ini cenderung melihat sesuatu perkara itu secara teliti dalam menghasilkan tugas. Selain itu, individu juga berupaya menggunakan daya imajinasi untuk menghasilkan idea-idea baharu.

- Teliti
- Pemikir
- Fokus
- Berimajinasi
- Berkreativiti

Domain Tingkah laku Kognitif menggambarkan personaliti individu yang cenderung melihat sesuatu perkara itu secara teliti dalam menghasilkan tugas. Selain itu, pemimpinan pertengahan juga dapat dilihat berupaya menggunakan daya imajinasi untuk menghasilkan idea-idea baharu. Dalam domain Tingkah laku Kognitif, terdapat dua tret personaliti yang mendasarinya iaitu **Analitikal** dan **Kreatif**.

### **Analitikal**

Berupaya untuk melaksanakan tugas dengan teliti dan berfokus, suka membaca bahan bacaan bermaklumat dan suka bertanya sehingga mendapat jawapan yang boleh diterima.

- Teliti
- Fokus
- Membaca
- Inkuiri

### **Kreatif**

Mampu menghasilkan idea-idea yang tersendiri yang berbeza daripada orang lain. Selain itu, mampu menggunakan imaginasi untuk mencipta perkara-perkara baharu.

- Idea baharu
- Berimaginasi
- Penyelesai masalah

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Persampelan Kajian**

Data Sistem Pengurusan Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling (e2PK), Bahagian Psikologi dan Kaunseling 2019 telah mencatatkan seramai 2088 pegawai pertengahan yang bertugas di organisasi KPM telah menjawab instrumen i2PK. Data pegawai pertengahan yang diperolehi daripada sistem e2PK yang diurus tadbir oleh Unit Data dan Maklumat BPsK ini terdiri daripada pegawai Gred DG 52 dan 48 yang bertugas di Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Negeri. Semua 2088 data yang diperolehi melalui sistem e2PK digunakan sebagai sampel bagi kajian ini.

### **Instrumen**

Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (i2PK) adalah merupakan ujian personaliti yang telah dibangunkan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling untuk mengenali tret personaliti individu. i2PK juga digunakan untuk memenuhi keperluan pengumpulan profil personaliti warga Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tujuan pembinaan Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (i2PK) ini bagi keperluan organisasi dan individu seperti berikut:

- Profil Psikologi
- Pembangunan Diri
- Pembentukan Kumpulan
- Program Pengembangan Bakat bagi Laluan Kerjaya
- Pembentukan Kepimpinan

## **Analisis Data**

Data yang telah diterima daripada Unit Data dan Maklumat, BPsK dianalisis menggunakan SPSS versi 19 untuk mengenal pasti perbezaan jantina dan tempat bertugas bagi kelompok pemimpin pertengahan dalam aspek domain tingkah laku instrument i2PK yang bertugas di KPM. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kajian tinjauan dan data kajian ini adalah merupakan kajian berbentuk deskriptif untuk menerangkan faktor demografi manakala inferensi yang digunakan adalah Ujian-t bagi mengenalpasti perbezaan antara jantina terhadap tingkah laku kognitif melalui instrumen i2PK. Dua hipotesis kajian telah dibina dalam kajian ini berdasarkan pada objektif kajian yang dinyatakan.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Demografi**

Kajian ini melibatkan 2088 orang dalam kalangan pemimpin pertengahan Kementerian Pendidikan Malaysia seluruh Malaysia. Berdasarkan jadual 1 di bawah, daripada 2088 responden, 1231 (59%) adalah lelaki dan 857 (41%) adalah perempuan. Dapatan data juga menunjukkan seramai 1764 (84.5%) adalah melayu, 138 (6.6%) adalah cina, 84 (4%) adalah india dan tiada responden terdiri daripada bumiputera. Manakala 69 (3.3%) adalah bumiputera Sabah/Sarawak, 32 (1.5%) dan 1 (0%) adalah lain-lain. Selain itu, bilangan responden yang berada di bahagian KPM yang terlibat adalah seramai 633 (30.3%), 345 (16.5%) merupakan responden yang bertugas di Jabatan Pendidikan Negeri dan 1110 (53.2%) merupakan responden yang bertugas di Pejabat Pendidikan Daerah. Manakala dari aspek gred jawatan yang terlibat dalam kajian ini adalah DG52 seramai 599 (28.7%) dan DG48 1489 (71.3%).

**Jadual 1: Demografi**

<b>Demografi</b>		<b>Bilangan</b>	<b>Peratus %</b>
Jantina	Lelaki	1231	59
	Perempuan	857	41
Bangsa	Melayu	1764	84.5
	Cina	138	6.6
	India	84	4.0
	Bumiputra	0	0
	Lain-lain (Sabah)	69	3.3
	Lain-lain (Sarawak)	32	1.5
	Lain-lain	1	.0
Tempat Bertugas	Bahagian KPM	633	30.3
	Jabatan Pendidikan Negeri	345	16.5
	Pejabat Pendidikan Daerah	1110	53.2
Gred Jawatan	DG52	599	28.7
	DG48	1489	71.3

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi domain tingkah laku Kognitif berdasarkan jantina dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM

**Jadual 2: Ujian t-Sampel Bebas Antara Jantina Dengan Tingkah Laku Kognitif**

	<b>n</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>t</b>	<b>Sig</b>
Lelaki	1230	1.46	.34	.724	.534
Perempuan	857	1.45	.34		

*N=2088*

Jadual 2 adalah keputusan ujian t-sampel bebas telah dijalankan bagi melihat perbezaan tingkah laku kognitif berdasarkan jantina. Bagi pembolehubah tingkah

laku kognitif, min bagi lelaki adalah 1.46 berbanding min bagi perempuan iaitu 1.45. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi jantina  $t(2085) = .724, p > 0.05$  di antara lelaki dan perempuan. Oleh itu, hipotesis nul adalah diterima.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan signifikan bagi domain tingkah laku kognitif yang berdasarkan tempat bertugas dalam kalangan pemimpin pertengahan KPM

**Jadual 3: Anova Untuk Tempat Bertugas (Bahagian, JPN dan PPD)**

		<b>Jumlah kuasa dua</b>	<b>dk</b>	<b>F</b>	<b>Sig</b>
Tempat Bertugas	Antara Kumpulan	.487	2	2.096	.123
	Dalam Kumpulan	242.169	2085		
	Jumlah	242.656	2087		

\* $p < .05$

Jadual 3 menunjukkan analisa ANOVA untuk melihat perbezaan tingkah laku kognitif berdasarkan tempat bertugas responden. Didapati tiada perbezaan yang signifikan antara tingkah laku kognitif berdasarkan tempat bertugas responden iaitu pada nilai  $F(2,2085) = 2.096, p > .05$ . Justeru itu, hipotesis nul diterima.

## RUMUSAN & CADANGAN

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian pada Tahun 2019 melalui Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (i2PK) di kalangan pemimpin pertengahan (Gred 48-52) KPM di Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah tidak menunjukkan perbezaan domain tingkah laku dari aspek analitikal dan kreatif berdasarkan jantina dan tempat bertugas pegawai terlibat.

Justeru, pemimpin dan ketua jabatan organisasi di KPM perlu menyediakan peluang dan ruang kepada pemimpin pertengahan dalam menangani perubahan yang berlaku dengan menyediakan satu modul latihan kepimpinan seperti '*Talent Pool*' atau program sangkutan di agensi swasta. Ini kerana sistem pendidikan pada hari ini amat memerlukan seorang pemimpin yang berkesan, kreatif serta berkaliber dalam mencapai matlamat KPM.

**RUJUKAN**

- Berndt, T. J. (2002). Friendship quality and social development. *Current Directions in Psychological Science, 11*, 7- 10.
- Harlow, H. F. (1983). Fundamentals for preparing psychology journal articles. *Journal of Comparative and Physiological Psychology, 55*, 893-896.
- Scruton, R. (1996). The eclipse of listening. *The New Criterion, 15*(30), 5-13.
- Wegener, D. T., & Petty, R. E. (1994). Mood management across affective states: The hedonic contingency hypothesis. *Journal of Personality & Social Psychology, 66*, 1034-1048.

## Persepsi Kendiri Kaunselor Pendidikan Terhadap Pengurusan Perkhidmatan Psikologi Dan Kaunseling Abad Ke 21

Siti Suraiyah M.Horsi<sup>1</sup>, Che Mohamad Padali Che Mat<sup>2</sup>,  
Nor Hasnan Sarabani<sup>3</sup>, Shahbani Othman<sup>4</sup>

<sup>1234</sup>*Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*

<sup>1</sup>*suraiyah.horsi@moe.gov.my, <sup>2</sup>cmpadali@moe.gov.my,*

<sup>3</sup>*norhasnan.sarabani@moe.gov.my, <sup>4</sup>shahbani.othman@moe.gov.my*

### ABSTRAK

*Penggunaan teknologi dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi merupakan transformasi yang berlaku dalam sektor pendidikan pada masa ini. Kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau dan meneroka persepsi sendiri kaunselor pendidikan di setiap organisasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi abad ke 21. Penggunaan teknologi dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi memberikan kesan yang positif dan boleh membantu memudahkan kaunselor menjalankan perkhidmatan kaunseling dan psikologi. Terdapat enam tugas utama dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi yang dijalankan oleh kaunselor pendidikan yang dimasukkan dalam item mengikut konstruk, dapatan menunjukkan persepsi kaunselor pendidikan terhadap pengurusan laporan sesi (75%), pengurusan laporan program (76%) dan pengurusan psikometrik (79%) berada di tahap yang tinggi. Walaubagaimanapun, persepsi kaunselor pendidikan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam talian (68%), pengurusan pentadbiran (72%) dan pengurusan rakan pembimbing seperti PRS dan AKRAB (69%) berada di tahap sederhana. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan  $p=0.02$  antara persepsi kaunselor pendidikan yang bertugas di bandar dan di luar bandar. Persepsi kaunselor pendidikan di bandar (75%) lebih tinggi berbanding luar bandar (71%) terhadap penggunaan teknologi dalam pengurusan dan perkhidmatan kaunseling dan psikologi.*

**Kata Kunci:** *Teknologi; Sistem; Pengurusan Perkhidmatan; Penyampaian Perkhidmatan; Kaunseling Dan Psikologi.*

## PENGENALAN

Perkembangan teknologi dalam sistem pendidikan merupakan salah satu yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025). Penggunaan Information Communication Technology (ICT) dalam pendidikan selaras dengan anjakan ke 7 iaitu memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia seiring dengan kemajuan dalam abad ke 21. Perkembangan teknologi ICT dalam pengurusan perkhidmatan psikologi dan kaunseling atau pengurusan psikologi dan kaunseling abad ke 21 selaras dengan gelombang ke 2 di dalam PPPM iaitu memacu peningkatan sistem untuk mempercepatkan perubahan dalam rancangan semua inisiatif semasa di gelombang 1. Fokus utama pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi dengan menggunakan teknologi adalah untuk memastikan kesejahteraan psikologi warga yang membantu untuk meningkatkan kemenjadian murid. Setiap kaunselor pendidikan perlu menerima secara terbuka dan tidak boleh menafikan kepesatan teknologi di dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling dan Psikologi (Mason, Griffith & Belser, 2019). Oleh itu, kajian yang dijalankan adalah untuk meninjau sejauhmanakah persepsi kaunselor pendidikan terhadap penggunaan teknologi ICT dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi abad ke 21.

### **Pernyataan Masalah**

Kepesatan teknologi dalam sistem pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi tidak boleh dinafikan dan sentiasa berkembang dengan pesat (Mason, Griffith & Belser, 2019). Kaunselor pendidikan mempunyai peranan yang pelbagai dalam melaksanakan tugas yang dijalankan di sekolah serta perlu dilaporkan kepada pemegang taruh. Teknologi digunakan bertujuan untuk melengkapkan kemampuan dan keberkesanan kaunselor dalam memberikan perkhidmatan kepada semua klien serta meningkatkan akses kepada sumber, sehingga boleh menyumbang kepada pencapaian secara keseluruhannya. Penggunaan teknologi bukan hanya untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan di dalam pengurusan program psikologi dan kaunseling tetapi juga diperlukan untuk memastikan laporan yang disediakan kepada pemegang taruh dapat dilaporkan dengan kadar segera, tepat dan secara konsisten (Mason, Griffith & Belser, 2019). Sebagai contoh setiap pemegang taruh menginginkan laporan mengenai kerja buat seorang kaunselor terutamanya tentang maklumat bilangan klien yang mendapatkan sesi kaunseling mengikut jantina, kelas, kategori kes dan kategori perkhidmatan yang diberikan. Sekiranya maklumat tersebut tidak diberikan dalam tempoh masa yang ditetapkan, kredibiliti sebagai seorang kaunselor akan tergugat dan akan menyebabkan keyakinan pemegang taruh terhadap kaunselor

akan menurun. Malah kegagalan kaunselor untuk mengikuti arus perkembangan perdana dalam lapangan pekerjaannya akan menyebabkan mereka dianggap sebagai menyimpang daripada tugas utama (Mason, Griffith & Belser, 2019).

Dalam menjalankan peranan kaunselor pendidikan yang banyak menggunakan kemahiran komunikasi dan pengurusan organisasi, kewujudan teknologi sebagai alat memudahkan pengurusan dalam menjalankan perkhidmatan psikologi dan kaunseling tidak boleh dinafikan. Menerusi kod etika kaunselor (2016), bahagian A.12 Aplikasi teknologi dalam perkhidmatan kaunseling perlu mempunyai faedah dan batasan kepada klien. Kaunselor perlu memastikan perkhidmatan kaunseling berbantuan teknologi perlu sesuai dengan keperluan klien dari segi intelektual, emosi dan fizikal. Walaubagaimanapun, sejauhmanakah persepsi kaunselor pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan psikologi dan kaunseling abad ke 21. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk meninjau persepsi kaunselor pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi menggunakan aplikasi abad ke 21.

## **Tujuan Kajian**

Meninjau dan meneroka persepsi kaunselor pendidikan terhadap model aplikasi perkhidmatan kaunseling abad ke 21 dalam mengurus perkhidmatan kaunseling dan psikologi di setiap organisasi KPM.

## **Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan pelaporan sesi kaunseling dan psikologi secara dalam talian.
2. Mengenal pasti tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan pelaporan program kaunseling dan psikologi secara dalam talian.
3. Mengenal pasti tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan psikometrik secara dalam talian.
4. Mengenal pasti tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap perkhidmatan kaunseling dan psikologi secara dalam talian.
5. Mengenal pasti tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan pentadbiran perkhidmatan kaunseling dan psikologi secara dalam talian.
6. Mengenal pasti tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan rakan pembimbing seperti PRS dan AKRAB secara dalam talian.

## **Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan pelaporan sesi kaunseling dan psikologi secara dalam talian?
2. Apakah tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan pelaporan program kaunseling dan psikologi secara dalam talian?
3. Apakah tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan psikometrik secara dalam talian?
4. Apakah tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap perkhidmatan kaunseling dan psikologi secara dalam talian?
5. Apakah tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan pentadbiran perkhidmatan kaunseling dan psikologi secara dalam talian?
6. Apakah tahap persepsi sendiri kaunselor terhadap pengurusan rakan pembimbing seperti PRS dan AKRAB secara dalam talian?

## **Keentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberikan impak dan manfaat terhadap perkhidmatan kaunseling dan psikologi yang dijalankan di setiap peringkat organisasi. Antara kepentingan kajian yang dijalankan adalah memberi manfaat kepada peranan-peranan seperti berikut:

## **Pemegang Taruh**

Penggunaan teknologi dalam perkhidmatan kaunseling dan psikologi akan membantu pemegang taruh mendapat maklumat yang segera, tepat dan berkesan terutamanya dalam merancang aktiviti yang berfokus kepada kemenjadian murid. Setiap kaunselor pendidikan di sekolah berperanan dalam memberikan maklumat kepada pemegang taruh dan bersama-sama dalam merancang aktiviti kaunseling dan psikologi yang bermanfaat. Peningkatan penggunaan teknologi telah mengubah landskap pendidikan yang sedia ada sehingga meningkatkan peluang kaunselor pendidikan untuk meningkatkan produktiviti pendidikan yang dihasilkan (Nandhini, 2016). Menerusi aplikasi pengurusan perkhidmatan psikologi dan kaunseling, kaunselor pendidikan dapat melaporkan semua maklumat kepada pemegang taruh tanpa perlu bersemuka dengan paparan data yang menerangkan secara jelas tentang perkhidmatan kaunselor di setiap organisasi KPM di mana kaunselor tersebut berkhidmat. Kecekapan penyampaian perkhidmatan yang diberikan juga mampu untuk menjadikan bidang kaunseling dan psikologi sebagai nadi kepada peningkatan kecemerlangan murid dan kesejahteraan warga KPM. Justeru, dengan adanya perubahan dalam landskap perkhidmatan kaunseling dan psikologi di pelbagai lapangan organisasi KPM akan meningkatkan keyakinan pemegang taruh dan mampu berdaya saing dalam memberikan perkhidmatan

kepada semua murid dan warga KPM.

## **Kaunselor Pendidikan**

Penggunaan teknologi dalam perkhidmatan kaunseling dan psikologi memberikan banyak manfaat kepada kaunselor pendidikan terutamanya dalam melaporkan pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi. Murid dan pendidik pada hari ini lebih suka untuk menggunakan teknologi tetapi terdapat juga sebahagian yang tenggelam dalam arus perkembangan teknologi (Prensky, 2010). Secara tidak langsung, sebenarnya guru telah pun menggunakan teknologi dalam melicinkan perjalanan perkhidmatan kaunseling dan psikologi (contohnya *email*, laman sesawang professional, laman sesawang kerjaya, sidang video atas talian dan lain-lain) lebih dari 20 tahun (Sampson et al., 1997). Untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam lapangan teknologi, *American Counseling Association* (2014) dan kod etika kaunselor (2016) telah mengemaskini dan menambahkan penggunaan teknologi di dalam dokumen kod etika kaunseling yang perlu dipatuhi oleh semua kaunselor. Berdasarkan garis pematuhan yang ditetapkan ini menunjukkan bahawa kaunselor pendidikan boleh meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan menerusi penggunaan teknologi dalam proses kerja yang dilaksanakan di sekolah. Malah, Rainey, McGlothlin dan Miller (2008) mendapati bahawa kaunselor memberikan pandangan yang positif terhadap sikap dan penerimaan kaunselor terhadap kecekapan teknologi. Hal ini membuktikan bahawa, penggunaan teknologi boleh memberikan manfaat kepada kaunselor dan boleh memudahkan pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi.

## **Model**

Kajian yang dijalankan adalah berpanduan Model Inovasi Perkhidmatan Kaunseling Abad-21 (Che Mohamad Padali, 2019), Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM, 2015-2025) dan juga berpanduan Pelan Transformasi ICT KPM 2019-2023.

## **Model Inovasi Perkhidmatan Kaunseling Abad-21 (2019)**

Model Perkhidmatan kaunseling Abad 21 (PKA21) merupakan amalan atau konsep baharu yang diinovasikan dari amalan perkhidmatan kaunseling kebiasaan yang digunakan selama ini. Merujuk kepada rajah 1, inovasi yang dilakukan pada dua kaedah pengoperasian perkhidmatan kaunseling, iaitu penyampaian perkhidmatan dan pengurusan perkhidmatan. kedua-dua kaedah pengoperasi ini diinovasikan adalah bertujuan untuk wujudkan penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berkesan. Selain itu, ia dapat memenuhi keperluan pelanggan dan kemajuan masakini.



**Rajah 1: Kerangka Model Inovasi Perkhidmatan Kaunseling Abad-21, (2019)**

### **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM 2015-2025**

PPPM 2015-2025 merupakan sebuah pelan pendidikan yang digubal untuk meningkatkan kecemerlangan dan kemenjadian murid mengikut teras ke 7 serta selaras dengan gelombang yang ke 2 iaitu meningkatkan penggunaan sistem. Gelombang 1 (2013-2015) adalah mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran utama. Seterusnya, Gelombang 2 (2016-2020) pula adalah memacu peningkatan sistem dan Gelombang 3 (2021-2025) adalah untuk menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi. Menerusi model yang digunakan ini telah membuktikan bahawa sistem pendidikan berada di tahap Gelombang 2 (2016-2025) iaitu setiap warga KPM perlu memacu peningkatan sistem dalam penyampaian perkhidmatan kaunseling dan psikologi. Perkara ini perlu di sambut oleh semua warga KPM umumnya dan semua pendidik khususnya bagi memastikan keberkesanan pendidikan diberikan kepada semua warga KPM.

## **Pelan Transformasi ICT KPM 2019-2023**

Pelan ini dibina untuk menerangkan persekitaran ICT pada masa hadapan yang ideal dan sejajar dengan inisiatif strategik dan operasi yang menyokong KPM dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan operasi ke tahap yang lebih tinggi. Keupayaan perkhidmatan yang boleh dikembangkan oleh KPM adalah untuk mencapai hasrat yang berikut antaranya ialah 1)memacu kecemerlangan operasi yang menumpukan kepada proses yang telus, 2)menggalakkan budaya berprestasi tinggi dan individu berkebolehan untuk membangunkan potensi diri individu, 3)memacu teknologi baru yang inovatif dan lebih strategik, 4) menyediakan persekitaran yang kolaboratif antara kaunselor pendidikan dengan untuk menjadikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi lebih efektif.

Menerusi Pelan Transformasi ICT 2019-2023 telah menggariskan bahawa penggunaan teknologi untuk memacu kecemerlangan operasi bertumpukan proses yang telus merangkumi pengurusan pelajar, tenaga mahir, institusi pendidikan dan pegawai KPM. Menerusi penggunaan teknologi dalam perkhidmatan kaunseling dan psikologi, kaunselor pendidikan dapat memudahkan proses sedia ada, meningkatkan kepuasan pengguna dan berupaya dalam membuat keputusan bermaklumat menggunakan sumber sedia ada secara optimum.

## **Kajian Lepas**

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Mason et al., (2019) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi kepada kaunselor pendidikan perlu dikaji dengan lebih meluas. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kaunselor pendidikan menggunakan teknologi untuk menguruskan program yang dilaksanakan. Dapatan kajian yang dijalankan juga membuktikan bahawa teknologi digunakan oleh kaunselor pendidikan hanya untuk menguruskan program berbanding menggunakan teknologi sebagai salah satu medium untuk membentangkan maklumat kepada pemegang taruh. Seterusnya penggunaan media sosial menggunakan teknologi juga memberi peluang untuk kaunselor pendidikan berhubung dengan pemegang taruh untuk membentangkan dapatan awal yang diperolehi menerusi proses kerja yang dilakukan (Carpenter & Krutka, 2014; Hur & Brush,2009).

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Nandhini. (2016); Pan & Franklin, (2011) mendapati penggunaan teknologi juga mampu mengubah guru dan pelajar daripada menjadi pengguna pasif yang menjadikan teknologi sebagai medium untuk interaktif dan mendapatkan maklumat kepada pengguna yang boleh menghasilkan sistem, atas talian yang boleh digunakan untuk memudahkan

proses kerja di dalam laman web yang sedia ada. Hal ini terbukti, apabila telah ramai pendidik yang menggunakan teknologi ICT untuk murid menyiapkan tugas yang diberikan. Malah telah banyak sistem yang dibina oleh pihak KPM untuk memastikan maklumat dapat dipusatkan dan mudah di capai sebagai contoh sistem eg-tukar, HRMIS, sistem naik pangkat dan pelbagai lagi sistem untuk memastikan proses kerja menggunakan prosedur sedia ada dapat dilaksanakan dengan mudah. Terdapat juga sekolah yang menggunakan aplikasi *whatsapp* untuk memaklumkan mengenai aktiviti sekolah dan juga memaklumkan tentang isu yang berlaku dalam kawasan sekolah.

Carpenter & Krutka, (2014) dan Hur & Brush (2009) mendapati aplikasi *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram* juga mampu untuk membantu kaunselor untuk berhubung dengan pemegang taruh dan menjalinkan perhubungan dengan komuniti bagi mewujudkan perhubungan yang professional atas talian. Malah Dixon (2011) juga mengatakan media sosial dalam lapangan pendidikan akan membantu pemegang taruh untuk meneroka potensi dan peluang yang wujud serta menggalakkan perhubungan dengan keluarga, fakulti dan komuniti. Hal ini dapat membantu memudahkan proses kerja dan penyampaian maklumat oleh pemegang taruh kepada komuniti yang terlibat. Selain itu, data-data yang diperolehi menerusi aplikasi data boleh membantu kaunselor pendidikan untuk menganalisis dan meneroka pola tingkah laku klien bagi menyokong dapatan yang diperolehi dalam sesi perhubungan menolong yang dijalankan bersama dengan klien. Dapatan ini juga selaras dengan Sapora Sipon (2000) yang mengemukakan tentang cadangan mempertingkatkan pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi yang salah satunya adalah mengenai keperluan kaunselor untuk mengadakan hubungan yang lebih erat dengan ibu bapa atau penjaga untuk tujuan perbincangan mengenai perkembangan dan kemajuan murid. Menerusi media sosial, kaunselor lebih mudah untuk menyampaikan maklumat kepada ibu bapa terutamanya dengan memasukkan perkongsian paparan foto dan aktiviti yang dijalankan oleh murid. Menerusi cara ini juga, perhubungan guru dengan ibu bapa serta komuniti akan lebih erat.

Oleh itu, menerusi kajian yang dijalankan ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi dalam perkhidmatan kaunseling dan psikologi dapat membantu untuk memudahkan proses kerja yang dilakukan oleh kaunselor pendidikan. Kepesatan teknologi pada hari ini mendorong kaunselor pendidikan untuk lebih kreatif dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Kaunselor pendidikan juga perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dan sentiasa *up date* pengalaman yang dimiliki dalam pengurusan kaunseling dan psikologi agar proses kerja lebih mudah untuk diselesaikan.

## Definisi Operasional

### Pengurusan Kaunseling Abad ke 21

Pengurusan kaunseling abad ke 21 berfokus kepada penggunaan teknologi maklumat dalam menyampaikan dan pengurus perkhidmatan kaunseling dan psikologi. Komponen penting dalam pengurusan dan penyampaian adalah melibatkan aktiviti penawaran, menjejak, menganalisis dan berkongsi data; membangunkan pelan tindakan bagi menyokong dasar kurikulum, mengekalkan badan khidmat nasihat dengan pemegang taruh serta menjelaskan tanggungjawab serta peranan dalam kesepakatan yang ditubuhkan. Berdasarkan peranan dan tanggungjawab tersebut, ASCA (2012) telah menggariskan tiga komponen penting dalam pengurusan iaitu 1) komunikasi (penyebaran maklumat), 2) organisasi (menyimpan, menyusun, menggabungkan dan berkongsi data) dan 3) persembahan (penyampaian maklumat kepada pemegang taruh dalam situasi bersemuka dan juga menggunakan *platform* dalam talian).

### Batasan Kajian

Kajian ini akan dilaksanakan kepada kaunselor pendidikan yang menggunakan teknologi sebagai *platform* untuk melaporkan kepada pemegang taruh tentang tugas yang telah dijalankan di organisasi masing-masing. Penggunaan ICT adalah luas dan tidak terbatas kepada perkhidmatan sedia ada sahaja, sebagai contoh penggunaan *whatsapps*, *telegram*, *facebook*, *instagram* dan lain-lain. Kajian ini juga hanya menggunakan instrumen penilaian persepsi yang dibina oleh pengkaji berpandukan beberapa aspek penilaian dalam instrumen penilaian sendiri yang dibina oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) untuk menilai sejauh manakah persepsi peserta kajian terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling abad ke 21.

## METODOLOGI KAJIAN

### Responden Kajian

Kajian tinjauan ini dijalankan kepada kaunselor pendidikan yang menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di bawah pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebelum menjalankan kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian perpustakaan tentang pengurusan perkhidmatan kaunseling yang dijalankan secara dalam talian. Terdapat organisasi yang telah

menjalankan pengurusan perkhidmatan kaunseling menggunakan aplikasi abad 21, namun kepuasan sendiri pengguna terhadap penggunaan model aplikasi sistem pengurusan kaunseling dan psikologi yang terancang dan tersusun masih belum dijalankan. Saiz populasi kajian adalah sebanyak 3600 dan pengkaji telah mendapatkan sebanyak 346 peserta kajian yang terlibat dalam tinjauan ini. Saiz sampel ini bertepatan dengan Cohen, Manion & Morrison (2001) Pengkaji menggunakan persampelan rawak mudah dalam menjalankan kajian ini dengan menghantar pautan soal selidik menggunakan aplikasi *whatsapp*.

### **Instrumen Kajian**

Kajian tinjauan yang dijalankan melibatkan 4 soalan demografi, 5 kategori soalan yang melibatkan 24 item soalan pengurusan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dan 1 soalan terbuka. Peserta memberikan maklum balas yang umum tentang penggunaan teknologi. Item yang dikemukakan menggunakan skala interval (dari “sangat sukar” hingga ke “sangat mudah”). 5 kategori soalan tersebut terbahagi kepada 1) persepsi sendiri kaunselor dalam aspek pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan kaunseling, 2) persepsi sendiri dalam aspek pengurusan sesi bimbingan dan kaunseling, 3) persepsi sendiri dalam aspek pengurusan program bimbingan dan kaunseling, 4) persepsi sendiri dalam aspek pengurusan psikometrik dan 5) persepsi sendiri dalam aspek pengurusan rakan sebaya (PRS) atau rakan pembimbing (AKRAB). Peserta memberikan maklum balas dari “1” hingga “10” untuk setiap item yang dikemukakan oleh pengkaji.

Kajian tinjauan ini melalui beberapa tahap perkembangan dan melalui proses yang berperingkat. Pengkaji menjalankan tinjauan dan kajian lapangan berdasarkan instrumen persepsi sendiri berdasarkan pengurusan perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang menggunakan aplikasi abad ke 21. Pengkaji menyediakan lakaran awal tentang item yang berpotensi untuk meninjau persepsi sendiri kaunselor pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan psikologi dan kaunseling menggunakan teknologi.

### **Prosedur Kajian**

Pengkaji menggunakan rawak mudah untuk mendapatkan sampel kajian berdasarkan populasi kaunselor pendidikan yang menggunakan aplikasi abad ke 21 dalam pengurusan perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Pengkaji menggunakan pautan di dalam *google form* untuk menebarkan soal selidik kepada kaunselor Pendidikan yang terlibat. Setiap kaunselor pendidikan yang menggunakan aplikasi abad ke 21 diberikan soal selidik melalui pautan di dalam *email* dan *whatsapp*. Pengkaji mendapatkan maklum balas terhadap soal selidik

yang dikemukakan dalam tempoh 2 minggu selepas soal selidik dikemukakan kepada semua kaunselor pendidikan yang terlibat. Peserta kajian menjawab soalan tinjauan yang dikemukakan secara dalam talian dalam tempoh masa 20 minit. Pengumpulan data menggunakan *google form* sebelum pengkaji memindahkan data yang diperolehi menggunakan SPSS untuk data berbentuk interval.

## **Kaedah Analisis Data**

Interpretasi skor tahap persepsi kaunselor pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi abad ke 21 berdasarkan skor peratus dibuat seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Norma yang selalu digunakan dapat menjelaskan kedudukan sesuatu skor itu berbanding skor yang lain (Tuckman, 1999). Berdasarkan kepada norma lazim, skor 50% dianggap skor min, manakala skor 75% ke atas dianggap terletak dalam kuartel tertinggi (Gay & Airasian, 2003). Kaedah analisis data kuantitatif adalah menggunakan analisis deskriptif yang menggunakan perisian SPSS

**Jadual 1: Interpretasi Skor Persepsi**

<b>Skor Peratusan</b>	<b>Interpretasi Skor</b>
75% hingga 100%	Tinggi
50% hingga 74%	Sederhana
0% hingga 49%	Rendah

*Sumber: Alias Baba (1999), Tuckman (1999) dan Gay & Airasian (2003) dalam Mohd. Sani Ismail (2011).*

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Perbincangan**

Dapatan kajian yang dijalankan terbahagi kepada dapatan kuantitatif dan kualitatif.

### **Dapatan kuantitatif persepsi kaunselor Pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling psikologi abad ke 21.**

Dapatan kajian yang dijalankan adalah untuk menjawab soalan kajian yang telah dibina oleh pengkaji. Terdapat 6 konstruk yang telah dibina oleh pengkaji untuk

meninjau tahap persepsi kaunselor pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi yang menggunakan teknologi.

Jadual 2 menunjukkan tahap persepsi kaunselor Pendidikan mengikut lokasi organisasi kaunseling dan psikologi di bawah KPM. Dapatan menunjukkan persepsi kaunselor pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi abad ke 21 di bandar lebih tinggi (75%) berbanding kaunselor pendidikan luar bandar yang sederhana (71%). Keputusan ujian menunjukkan  $t=0.02$ ,  $p<0.05$ , menunjukkan terhadap perbezaan persepsi kaunselor pendidikan bandar dan luar bandar. Walaupun mempunyai perbezaan jurang persepsi berdasarkan lokasi, tetapi kedua-dua lokasi ini berapat pada tahap skor persepsi lebih daripada 50%. Ini menunjukkan perkhidmatan kaunseling abad 21 telah mula diterima dan digunakan di bandar dan luar bandar.

**Jadual 2: Tahap Persepsi Kaunselor Pendidikan Mengikut Lokasi Organisasi Kaunseling Dan Psikologi Di Bawah KPM.**

Lokasi	n	Peratus (%)	Tahap	ujian t
Bandar	150	75%	Tinggi	0.02 (sig)
Luar Bandar	196	71%	Sederhana	

*Aras signifikan =  $p<0.05$*

Jadual 3 menunjukkan tahap persepsi kaunselor pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi abad ke 21. Persepsi kaunselor pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi abad ke 21 berada pada tahap tinggi bagi konstruk pelaporan sesi kaunseling dan psikologi (75%), pelaporan program kaunseling dan psikologi (76%), pengurusan psikometrik (79%). Manakala persepsi kaunselor pendidikan terhadap pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi abad ke 21 berada pada tahap sederhana bagi konstruk perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (68%), pengurusan bimbingan dan kaunseling dalam talian (72%) dan pengurusan rakan pembimbing seperti PRS dan AKRAB (69%). Dapatan ini menunjukkan enam konstruk diukur berada pada skor persepsi lebih daripada 50%. Dengan itu, pengkaji merumuskan bahawa kaunselor pendidikan telah mula menggunakan pendekatan atau model perkhidmatan kaunseling abad 21 dalam aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kaunseling di setiap organisasi di bawah KPM.

**Jadual 3: Tahap Persepsi Kaunselor Pendidikan Terhadap Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling Dan Psikologi Abad Ke 21.**

Bil	Konstruk	Peratus (%)	Tahap
1	Pengurusan pelaporan sesi kaunseling dan psikologi.	75%	Tinggi
2	Pengurusan pelaporan program kaunseling dan psikologi	76%	Tinggi
3	Pengurusan psikometrik secara dalam talian.	79%	Tinggi
4	Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara dalam talian.	68%	Sederhana
5	Pengurusan pentadbiran perkhidmatan kaunseling dan psikologi.	72%	Sederhana
6	Pengurusan rakan pembimbing seperti PRS dan AKRAB	69%	Sederhana

## PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau persepsi kaunselor pendidikan terhadap penggunaan teknologi dalam menjalankan pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi dapat memudahkan kerja buat kaunselor pendidikan dalam mengurus dan mentadbir perkhidmatan yang diberikan kepada klien secara lebih tepat, cepat dan berkesan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa persepsi kaunselor pendidikan terhadap penggunaan teknologi adalah tinggi dan menerima penggunaan teknologi dalam pengurusan perkhidmatan yang dijalankan di organisasi masing-masing.

Dapatan menunjukkan persepsi responden kajian menunjukkan tahap yang tinggi terhadap konstruk pengurusan laporan sesi kaunseling dan psikologi, pengurusan laporan program dan pengurusan psikometrik yang menggunakan

teknologi. Pengkaji mendapati bahawa pengurusan laporan adalah melibatkan data dan maklumat yang memerlukan penggunaan statistik agar data dan maklumat yang dilaporkan tepat, cepat dan mudah di capai. Hal ini kerana penggunaan teknologi dapat memudahkan tugas kaunselor pendidikan dalam melaporkan perkhidmatan yang diberikan kepada klien (Rainey and Colleagues, Sabella, Poynton dan Isaacs, 2010). Selain itu, penggunaan teknologi dapat membantu kaunselor pendidikan untuk memberi laporan yang terkini kepada pemegang taruh untuk memudahkan perancangan dan pengurusan organisasi, bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Nandhini, (2016) bahawa penggunaan teknologi dapat meningkatkan produktiviti.

Dapatan juga mendapati bahawa persepsi responden kajian berada pada tahap sederhana dalam konstruk perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam talian, pengurusan pentadbiran dan pengurusan rakan pembimbing seperti PRS dan AKRAB. Ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Carpenter & Krutka, 2014; Hur & Brush, 2009) bahawa dengan menjalankan pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi dapat memudahkan kaunselor pendidikan untuk berhubung dengan pemegang taruh dalam melaporkan kemajuan program yang dilaksanakan. Malah, kajian yang dijalankan oleh Carpenter & Krutka, (2014) menyatakan bahawa interaksi menerusi dalam talian akan menyediakan peluang dan ruang kepada setiap individu untuk terlibat dalam perkhidmatan yang diberikan kerana lebih menjimatkan sumber kewangan dan ada diantaranya penglibatan secara percuma.

### **Implikasi Kepada Kaunselor Pendidikan**

Kaunselor pendidikan yang menggabungkan teknologi dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi abad ke 21 membantu perkhidmatan yang dijalankan secara berkesan dan sistematik. Hal ini disokong oleh kajian (Sampson et al., 1997) bahawa penggunaan teknologi di lapangan pekerjaan akan meningkatkan produktiviti dan untuk tujuan pengurusan. Penyampaian maklumat secara lebih tepat dan cepat serta memberi keyakinan kepada pemegang taruh terhadap perkhidmatan yang dijalankan oleh kaunselor.

### **Implikasi Kepada Organisasi Di Bawah KPM**

Menerusi penggunaan teknologi, pengurusan dari aspek perancangan kewangan dan pentadbiran yang lebih teratur. Organisasi juga akan mendapat pulangan yang lebih jelas terhadap pelaburan kewangan yang dibelanjakan bagi program atau aktiviti yang dilaksanakan adalah lebih jelas apabila penggunaan data dalam menentukan sasaran dengan lebih tepat. Selain itu, pemegang taruh juga dapat

menyampaikan maklumat yang tepat kepada pihak yang berautoriti contohnya pengurusan tertinggi bagi tujuan pembentangan di parlimen yang memerlukan data yang tetap bagi keperluan kesejahteraan rakyat.

### **Kajian Lanjutan**

Pengkaji juga mencadangkan bahawa kajian lanjutan perlulah dijalankan lebih berfokus kepada pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara dalam talian atau e-kaunseling. Kajian yang lebih menyeluruh berkenaan etika yang bersesuaian untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling dan psikologi dalam talian juga perlu dilaksanakan seperti yang dinyatakan oleh Mullen, Griffith, Greene, & Lambie, 2014; Shea, Cinotti, & Stone, 2016; Steele, Jacokes, & Stone, 2015), walaupun perkhidmatan dalam talian ini memberikan banyak manfaat, namun tidak semua kaunselor selesa menggunakan media sosial dan teknologi untuk memberikan perkhidmatan tambahan pula apabila berkaitan dengan etika.

### **RUMUSAN**

Kajian tinjauan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam menjalankan perkhidmatan kaunseling dan psikologi diterima dengan baik apabila melibatkan pelaporan data dan maklumat yang memerlukan ketepatan dan tempoh masa yang segera untuk dilaporkan. Dapatan mendapati bahawa majoriti responden kajian menerima penggunaan teknologi dalam menjalankan perkhidmatan kaunseling dan psikologi. Walaubagaimanapun, seiring dengan arus perkembangan semasa dan transformasi dalam pendidikan, latihan serta pengukuhan dalam penggunaan teknologi untuk meningkatkan kompetensi kaunselor pendidikan perlu dilaksanakan secara terancang. Selain itu, kaunselor pendidikan juga perlu meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi dalam memberikan perkhidmatan untuk menjadikan kaunselor lebih berdaya saing dalam pasaran pekerjaan dan perkhidmatan yang diberikan kepada klien.

**RUJUKAN**

- American Counseling Association. (2014). *ACA code of ethics*. Alexandria, VA: Author. Retrieved from <https://www.counseling.org/knowledge-center/ethics#2014code>
- American School Counselor Association. (2012). *ASCA National Model: A framework for school counseling programs (3rd ed.)*. Alexandria, VA: Author.
- American School Counselor Association. (2016). *ASCA ethical standards for school counselors*. Alexandria, VA: Author. Retrieved from <https://www.schoolcounselor.org/asca/media/asca/Ethics/EthicalStandards2016.pdf>
- American School Counselor Association. (2019). *ASCA school counselor professional standards & competencies*. Alexandria, VA: Author. Retrieved from <https://www.schoolcounselor.org/asca/media/asca/home/SCCompetencies.pdf>
- Association for Counselor Education and Supervision Technology Interest Network. (2007). *Technical competencies for counselor education: Recommended guidelines for program development*. Retrieved from [http://www.acesonline.net/sites/default/files/2007\\_aces\\_technology\\_competencies.pdf](http://www.acesonline.net/sites/default/files/2007_aces_technology_competencies.pdf)
- Carpenter, J. P., & Krutka, D. G. (2014). Engagement through microblogging: Education professional development via Twitter. *Professional Development in Education*, (41), (707–728). doi:10.1080/19415257.2014.939294
- Che Mohamad Padali B. Che Mat (2019), *Model Inovasi Perkhidmatan Kaunseling Abad 21; The International Counseling Innovation Showcase & Competition (i-COUNNOVAS-19)*, PERKAMA International.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research methods in education*. Roudge Taylor & Francis Group; London and New York.
- Dixon, D. B. J. (2011). *The innovative school leaders guide to social media: Recruit students, engage parents, and share your school's story*. Scotts Valley, CA: CreateSpace Independent Publishing Platform.

- Gay, L.R., & Airasian, (2003). *Educational research competencies for analysis and applications (7th ed.)*. Upper Saddle River, NJ Merrill/Prentice Hall.
- Hur, J. W., & Brush, T. A. (2009). Teacher participation in online communities: Why do teachers want to participate in self-generated online communities of K-12 teachers? *Journal of Research on Technology in Education*, (41), (279–303).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Transformasi ICT KPM, (2016-2023)*.
- Kod Etika Kaunselor (1998). *Akta 580*. Lembaga Kaunselor Malaysia.
- Mason, E. C. M., Schumann, M., & Lopez, C. (2016). Technology to the rescue. *ASCA School Counselor*, (53), (20–24).
- Mullen, P., Griffith, C., Greene, J., & Lambie, G. (2014). Social media and professional school counselors: Ethical and legal considerations. *Journal of School Counseling*, (12). Retrieved from <http://www.jsc.montana.edu/articles/v12n8.pdf>
- Nandhini, M. (2016). Web 2.0 tools in education. In E. Ramganes, I. Muthuchamy, S. Senthilnathan, & S. Amutha (Eds.), *National conference on higher education in the knowledge age: Technopedagogical perspectives and innovations* (pp. 64–66). Retrieved from <http://www.sjctni.edu/IQAC/NCHEKA.pdf>
- Pan, S. C., & Franklin, T. (2011). In-service teachers' self-efficacy, professional development, and web 2.0 tools for integration. *New Horizons in Education*, 59, 28–40.
- Prensky, M. (2010). *Teaching digital natives: Partnering for real learning*. Thousand Oaks, CA: Corwin.
- Rainey, S., McGlothlin, J., & Miller, L. (2008). Technology: School counselor attitudes, experiences, and competency. *Journal of Technology in Counseling*, 5. Retrieved from [http://techcounseling.net/Archive/Vol5\\_1/Rainey2.htm](http://techcounseling.net/Archive/Vol5_1/Rainey2.htm)

- Sampson, J. P., Kolodinsky, R. W., & Greeno, B. P. (1997). Counseling and the information highway: Future possibilities and potential problems. *Journal of Counseling & Development*, 75, 203–212. doi:10.1002/j.1556-6676.1997.tb02334.x
- Sapora Sipon (2000). Pengurusan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah. (38-46) Universiti Malaysia Sabah.
- Shea, M. L., Cinotti, D., & Stone, C. (2018). An examination of school counselors' use of electronic case notes. *Journal of School Counseling*, 16, 1–30. Retrieved from <http://jsc.montana.edu/articles/v16n18.pdf>
- Steele, T. M., Jacokes, D. E., & Stone, C. B. (2015). An examination of the role of technology in school counseling. *Professional School Counseling*, 18, 125–135. doi:10.1177/2156759 X0001800118
- Tuckman, B., W. (1999). *Conducting educational research*. Wadsworth Publishing:UK.

## Hubungan Antara Tahap Kecerdasan Pelbagai Dan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Murid Tahun Enam

Azizi Lamat<sup>1</sup>, Mazli Sham Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>1</sup>azizi.lamat@moe.gov.my, <sup>2</sup>mazlisham@moe.gov.my

### ABSTRAK

*Pembelajaran merupakan satu proses yang panjang dan memerlukan proses yang konsisten bagi mencapai matlamat pembelajaran yang bermakna. Proses ini memerlukan inisiatif kreatif yang berterusan dan guru merupakan pemain utama selain ibu bapa dalam membentuk dan mencapai potensi murid secara optimum. Kecerdasan Pelbagai atau dikenali sebagai Multiple Intelligence merupakan teori yang mengandaikan bahawa manusia mempunyai kepelbagaian kecerdasan yang diperolehi sama ada melalui persekitaran ataupun diwarisi. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik dalam kalangan murid tahun Enam. Ia diandaikan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid. Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan soal selidik kecerdasan pelbagai untuk mengumpulkan data. Seramai 120 orang murid tahun enam di Negeri Sembilan terlibat sebagai sampel dalam kajian ini. Data kajian dianalisis secara inferensi dengan menggunakan perisian Statistic Package for Social Science (SPSS) Versi 21.0. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik dikalangan murid tahun enam di Negeri Sembilan. Pembolehubah menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah di atas tahap signifikan .05 yang mana ( $r = .410$ ,  $p < .01$ ). Nilai probability ( $p$ ) adalah .003 yang mana lebih rendah daripada nilai alpha .01. Oleh kerana itu, hipotesis kajian diterima. Ia bermakna semakin tinggi tahap kecerdasan pelbagai murid Tahun Enam, semakin tinggi pencapaian mereka dalam akademik. Hasil kajian ini diharapkan dapat mengembangkan potensi murid dalam pelbagai bidang. Hasil dapatan ini juga akan dapat membantu Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan guru-guru untuk merancang program intervensi untuk perkembangan potensi murid.*

**Kata Kunci:** Kecerdasan Pelbagai; Pencapaian Akademik; Murid Tahun Enam; Kecenderungan Murid; Potensi Murid.

## PENDAHULUAN

Perkembangan dunia pendidikan masa kini yang mendambakan pembangunan potensi murid secara holistik dan komprehensif memberikan cabaran kepada keseluruhan warga pendidikan sama ada kepada pembina dasar pendidikan mahupun pelaksana pendidikan iaitu pendidik. Cabaran baharu ini harus dilihat secara serius seandainya pendidikan di negara ini tidak ketinggalan dalam perkembangan masa kini. Bagi memastikan perkembangan pendidikan negara adalah seiring dengan negara-negara maju yang lain, sistem pendidikan negara perlu mengoptimalkan keupayaan potensi murid ke tahap yang sepatutnya.

Guru memainkan peranan yang amat penting bagi melahirkan murid yang berkeupayaan pelbagai serta mampu memaksimumkan keupayaan murid sebagai usaha membangunkan potensi murid. Inisiatif kreatif perlu dibugarkan agar setiap murid diberikan ruang dan peluang dalam membangunkan potensi mereka secara holistik. Hal ini menepati hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melahirkan individu yang holistik yang meliputi aspek jasmani, emosi, intelektual, rohani dan sosial.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2020-2025) menekankan keperluan murid menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif serta inovatif. Kemahiran ini perlu dikembangkan dengan memfokuskan kecerdasan pelbagai.

Perkembangan kesemua potensi pelajar secara menyeluruh, seimbang dan harmonis adalah selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan konsep kurikulum bersepadu Ikhsan Othman dan Rohizani Yaakub (2010). Proses ini perlu seiring dengan perkembangan semasa yang memerlukan kemahiran-kemahiran yang pelbagai yang penting bagi memenuhi keperluan semasa murid. Justeru itu, dengan mengenal pasti kecenderungan murid dapat membantu guru mengembeleng usaha bagi meningkatkan tahap kecerdasan murid yang pelbagai.

Terdapat banyak kajian yang merujuk kepada kecerdasan intelek yang dijalankan bagi mengenal pasti tahap kecerdasan intelek murid secara tepat dan saintifik. Antaranya ialah Zulhazmi Zahari (2010) dalam Nik Azis (1999), menjelaskan bahawa kajian berkenaan kecerdasan otak telah lama dijalankan dan berkembang dengan luasnya sehingga ke hari ini. Malah bukan sahaja kecerdasan otak, yang diberi tumpuan oleh pakar-pakar psikologi kerana kecerdasan adalah satu konsep yang abstrak, bersifat dinamik dan mempunyai pelbagai dimensi yang saling berkait antara satu sama lain.

Setiap manusia dilahirkan dengan mempunyai keunikan yang tersendiri. Keunikan ini kemudian dipupuk melalui proses pembelajaran sama ada secara formal atau pun tidak formal. Melalui proses ini, keunikan manusia ini berpotensi menjadi bakat atau kecerdasan yang mampu memberikan ruang kepada manusia untuk menjadi insan yang berkebolehan serta mampu menyumbang kepada masyarakat. Justeru, potensi yang ada dalam diri individu boleh dioptimumkan sekiranya persekitaran dimanipulasi dalam bentuk pendedahan mahupun proses pembelajaran yang berkesan.

Akta Pendidikan 1996, menjelaskan bahawa pendidikan adalah memikirkan tentang rupa bentuk manusia, jenis keterampilan, matlamat-matlamat yang amat diperlukan untuk kesejahteraan sosial dan mutu kewujudan tamadun. Keterampilan merupakan kecerdasan atau potensi yang ada pada diri manusia yang boleh dikembangkan agar mencapai kesejahteraan dalam semua aspek kehidupan. Melaluinya, ia dapat membina negara yang mempunyai tenaga kerja yang mempunyai kebolehan yang optimum bagi memacu perkembangan negara pada tahap yang membanggakan.

Teori Kecerdasan Pelbagai diasaskan oleh Howard Gardner, seorang profesor psikologi di Universiti Harvard, Amerika Syarikat. Berdasarkan teori ini, Gardner (2004) menjelaskan bahawa kecerdasan manusia boleh dikembangkan dan berubah mengikut perubahan masa. Kecerdasan bersifat dinamik dan bergantung kepada sokongan persekitaran bagi membantu kecerdasan individu berkembang. Ia juga menjelaskan bahawa kecerdasan manusia tidak hanya terhad kepada hanya satu kecerdasan sahaja tetapi ia meliputi lapan kecerdasan yang pelbagai. Kecerdasan Pelbagai adalah terdiri daripada lapan kecerdasan iaitu kecerdasan verbal linguistik, kecerdasan logik matematik, kecerdasan visual ruang, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal, kecerdasan muzik, kecerdasan kinestetik dan kecerdasan naturalis.

Howard Gardner (1993,1999) telah memberikan lapan jenis kecerdasan pelbagai yang dapat dikembangkan oleh manusia sepanjang hayat. Smith & Smith (2002) kemudian menambah satu lagi kecerdasan iaitu eksistensial yang menjadikan keseluruhan kecerdasan pelbagai kepada sembilan kecerdasan. Pelbagai kelompok manusia telah dijadikan sebagai responden dalam kajian Gardner bagi membuktikan kebenaran teori yang diperkenalkan. Beliau berpendapat bahawa kecerdasan bukan hanya diwarisi dan bersifat biologi namun ia juga dibentuk melalui pengaruh persekitaran dan sokongan persekitaran. Lantaran kecerdasan manusia boleh dikembangkan dari masa ke semasa.

Pengkaji telah membuat tinjauan kepustakaan di dalam dan luar negara. Pada dasarnya, telah ramai pengkaji telah menjalankan penyelidikan lebih lanjut tentang hubungan kecerdasan pelbagai dan sikap terhadap sukan, tahap jantung, pencapaian akademik di pengajian tinggi, (Wan Rezawana et.al 2018; Awang 2015; Reirin Meilita 2016; Yaghoob 2016; Sharma 2017; Zahari 2010) Namun, aspek hubungan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik murid tahun enam masih belum diteroka dengan baik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kecerdasan pelbagai dan menentukan hubungan antara kecerdasan pelbagai dengan pencapaian akademik murid tahun enam di Negeri Sembilan.

### **Pernyataan Masalah**

Pencapaian akademik merupakan aspek yang penting dalam menilai keberhasilan proses pendidikan (Hanita, 2018). Ia merupakan indikasi kepada kejayaan kepada individu. Penilaian ini sering dijadikan kayu pengukur bagi menentukan tahap kejayaan seseorang. Ibu bapa, guru-guru dan masyarakat sering memperkatakan tentang murid-murid yang memperolehi pencapaian akademik yang baik dan cemerlang. Ia adalah sesuatu yang baik namun begitu, masyarakat tidak boleh meletakkan tanggapan bahawa murid yang tidak berjaya adalah individu yang tiada potensi untuk dikembangkan. Persepsi ini memberikan kesan kepada murid atau pelajar yang kurang berjaya dalam akademik untuk terus mengembangkan potensi yang ada dalam diri mereka selain pencapaian akademik.

Perkembangan dan potensi individu tidak seharusnya hanya dilihat dari aspek pencapaian akademik semata-mata. Individu perlu dilihat secara keseluruhan yang melibatkan pelbagai aspek potensi yang ada dalam diri individu. Pelbagai aspek ini merangkumi kepelbagaian keupayaan yang mampu dicorak melalui sokongan persekitaran yang sesuai. Institusi pendidikan merupakan persekitaran yang dekat dengan murid selain daripada rumah. Sekolah perlu dijadikan ruang untuk membantu murid memperkembangkan potensi mereka melalui pelbagai aktiviti yang sesuai dengan kepelbagaian potensi murid. Malangnya, terdapat murid-murid yang gagal dibangunkan potensi mereka akibat pencapaian akademik yang tidak menyerlah. Murid perlu diasuh pembangunan potensi mereka yang pelbagai agar mereka dapat mengenal pasti kecenderungan yang sesuai dengan diri mereka. Kecerdasan Pelbagai dilihat sebagai satu alat pengukur yang bersesuaian bagi mengenal pasti tahap potensi murid selain dapat membuka ruang pengayaan kepada pembangunan diri murid (Yaghoob, R. A., & Hossein, Z.P., 2016)

Permasalahan yang sering menjadi ukuran kepada kejayaan murid pada masa ini adalah tahap pencapaian akademik. Kejayaan sering dirujuk kepada sejauh

mana pencapaian murid dalam aspek akademik semata-mata. Namun begitu, kejayaan seseorang tidak seharusnya digambarkan melalui pencapaian akademik. Pencapaian akademik hanya merupakan sebahagian faktor yang membantu kejayaan seseorang. Kejayaan seseorang perlu dilihat secara keseluruhan aspek dalam diri seseorang individu. Aspek-aspek ini saling menyokong antara satu sama lain dan mendorong kepada pencapaian pada tahap yang tertinggi dalam sesuatu bidang.

Institusi pendidikan memainkan peranan yang penting bagi mencorakkan pembentukan manusia yang mempunyai keterampilan ini serta mampu untuk mewujudkan suasana yang kondusif dan sesuai untuk proses pembentukan dan perkembangan ini. Institusi pendidikan ini meliputi pendidikan pra-sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah mahupun pendidikan tinggi. Pemain peranan dalam institusi ini yang terdiri daripada guru-guru dan pensyarah perlu memastikan setiap murid dan pelajar mendapat akses yang luas untuk memperkembangkan potensi mereka. Mereka merupakan pemudahcara bagi memberikan panduan dan bimbingan kepada murid dan pelajar dalam mengenalpasti dan memperkembangkan kecenderungan agar menjadi kecerdasan dan bakat yang boleh memberikan impak kepada pembangunan negara, Yakcob Jantan (2017)

## **Tujuan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan pelbagai dan hubungan antara tahap kecerdasan pelbagai (*Multiple Intelligence*) dengan pencapaian akademik murid-murid tahun enam dari 12 sekolah di Negeri Sembilan serta perkaitan konstruk-onstruk dalam kecerdasan pelbagai dan mata pelajaran UPSR.

## **Persoalan Kajian**

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai selaras dengan tajuk kajian. Beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti iaitu:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik murid Tahun Enam?
2. Adakah terdapat perkaitan antara konstruk-onstruk dalam kecerdasan pelbagai dan mata pelajaran UPSR?

## Hipotesis Kajian

Ahmad Mahdzan (1995) menjelaskan bahawa hipotesis merupakan saranan yang sementara tentang hubungan antara dua atau lebih pembolehubah yang didapati deduksi. Saranan sementara ini bergantung kepada pengesahan melalui kajian yang dijalankan. Antara hipotesis yang telah dikenalpasti bagi tujuan kajian ini adalah:

Ha1: Terdapat hubungan antara tahap kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik murid dalam kalangan murid tahun 6

## Kajian Lepas

Kecerdasan adalah kebolehan untuk melakukan pemikiran secara abstrak, kebolehan untuk membuat rumusan dan cara tindakan terhadap sesuatu situasi yang bermasalah (Kamus Dewan, 2005). Azizi (2005) dalam kajiannya menyatakan bahawa kecerdasan mula diperkenalkan oleh Francis Galton yang percaya bahawa keupayaan intelektual diwarisi, namun begitu beliau gagal untuk membentuk ujian kecerdasan yang boleh digunakan dalam kajian.

Sternberg dalam Benazir Ayesha dan Fauzia Khurshid (2013) mendefinisikan kecerdasan sebagai kapasiti bagi mendapatkan dan memperkembangkan pengetahuan dan untuk memahami konsep dan kapasiti dan menggunakan persekitaran secara efektif semasa menyelesaikan permasalahan dan komunikasi. Charle Spearman memperkenalkan teori kecerdasan dengan memberikan definisi kecerdasan kepada dua faktor iaitu faktor general dan spesifik. Faktor general merupakan kesemua kecerdasan manusia mempunyai pertindihan manakala faktor spesifik merupakan faktor pelengkap kepada kecerdasan.

Menurut Poon dalam Hamidah (2012), kecerdasan merupakan satu konsep yang abstrak. Konsep tersebut bersifat dinamik dan mengandungi pelbagai dimensi yang saling berkait antara satu sama lain. Oleh kerana itu, murid-murid mempunyai potensi yang kemungkinan kurang diberikan perhatian terhadap dimensi-dimensi kecerdasan dalam diri mereka. Guru berperanan dalam mengenal pasti dimensi-dimensi ini dan ia perlu dikembangkan mengikut kebolehan dan keupayaan murid. Ada antara murid yang mahir dalam penggunaan nombor dan penyelesaian masalah, manakala murid lain cenderung kepada penggunaan jadual, peta dan gambar. Justeru dimensi kecerdasan murid perlu difahami dengan jelas agar proses pembelajaran memberikan makna kepada murid.

Gardner (1983) mendefinisikan kecerdasan pelbagai sebagai sebagai kecenderungan kecerdasan manusia. Beliau menjelaskan bahawa kecerdasan

merupakan satu bentuk kebolehan atau keupayaan bagi menyelesaikan masalah atau menghasilkan produk yang dinilai oleh satu atau pelbagai budaya.

*“Intelligence is the ability to solve problems, or to create products that are valued within one or more cultural setting”* (Gardner 1983). Howard Gardner (1993,1999) telah memberikan lapan jenis kecerdasan pelbagai yang dapat dikembangkan oleh manusia sepanjang hayat. Smith & Smith (2002) kemudian menambah satu lagi kecerdasan iaitu eksistensial yang menjadikan keseluruhan kecerdasan pelbagai kepada sembilan kecerdasan. Pelbagai kelompok manusia telah dijadikan sebagai responden dalam kajian Gardner bagi membuktikan kebenaran teori yang diperkenalkan. Beliau berpendapat bahawa kecerdasan bukan hanya diwarisi dan bersifat biologi namun ia juga dibentuk melalui pengaruh persekitaran dan sokongan persekitaran. Lantaran kecerdasan manusia boleh dikembangkan dari masa ke semasa.

**Jadual 1: Profil Kecerdasan Pelbagai (Gardner 2004)**


<b>Kecerdasan</b>	<b>Definisi</b>
Verbal linguistik	Keupayaan seseorang individu menggunakan bahasa, memahami maklumat dan memberi respon dalam pelbagai bentuk set komunikasi
Logik matematik	Keupayaan seseorang menggunakan nombor dalam kehidupan seharian untuk membuat penyelesaian secara logikal.
Visual ruang	Keupayaan individu mengguna, menganggar dan menginterpretasi ruang.
Muzik	Keupayaan individu menghargai, menghayati dan mengubah muzik.
Naturalis	Keupayaan individu mengenalpasti, menghargai alam semulajadi.
Intrapersonal	Keupayaan individu memahami dan menilai kekuatan, kelemahan, bakat dan minat sendiri.
Interpersonal	Keupayaan individu berkomunikasi, berinteraksi dan bekerjasama dengan orang lain.
Kinestetik	Keupayaan individu melakukan aktiviti yang melibatkan anggota tubuh badan dalam menyelesaikan masalah.
Eksistensial	Keupayaan individu memahami kewujudan fitrah manusia serta alam lain.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif yang mana ia berdasarkan kepada penyelidikan kuantitatif. Menurut Konting (2005), kaedah penyelidikan tinjauan deskriptif dipilih kerana kaedah ini direka bentuk bagi menerangkan sesuatu fenomena melalui tinjauan. Kajian ini adalah dilakukan bagi meninjau fenomena tahap kecerdasan pelbagai bagi murid-murid tahun enam dari 12 buah sekolah di Negeri Sembilan.

Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis inferensi, iaitu kaedah korelasi bagi mendapatkan hubungan antara tahap kecerdasan pelbagai murid dengan pencapaian akademik murid. Data dianalisa berdasarkan objektif kajian dengan bantuan sistem SPSS 21 dengan menggunakan ujian statistik dan korelasi Pearson.

Responden kajian adalah 120 orang murid tahun enam, 12 buah sekolah di Negeri Sembilan. Daripada jumlah populasi tersebut, 60 orang murid adalah murid lelaki manakala murid perempuan pula adalah seramai 60 orang. Jadual 2 menjelaskan secara ringkas populasi kajian.



**Jadual 2: Responden Kajian (Murid Tahun Enam)**

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lelaki	60	50
Perempuan	60	50
<b>Jumlah</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

Pemilihan saiz sampel adalah berdasarkan Jadual Pemilihan Saiz Sampel Krechie dan Morgan (Morgan, 1970), yang mana jumlah sampel 120 orang adalah mencukupi bagi mewakili populasi kajian seramai 351 orang.

Teknik persempelan adalah menggunakan persempelan rawak mudah. Sampel dipilih dan telah dikenalpasti iaitu murid-murid Tahun Enam dari 12 buah sekolah di Negeri Sembilan.

Jadual 3 menunjukkan ringkasan tentang sampel kajian yang dipilih yang mana seramai 120 orang murid dikenalpasti sebagai sampel kajian. Ia mewakili 60 orang murid lelaki dan 60 orang murid perempuan.

**Jadual 3: Bilangan Sampel (Murid Tahun Enam)**

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lelaki	60	50
Perempuan	60	50
<b>Jumlah</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

Instrumen kajian ini menggunakan Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKeP) yang dibangunkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Instrumen ini telah digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengukur kecenderungan murid dalam pelbagai kecerdasan. Justeru, instrumen ini merupakan alat yang amat sesuai bagi mengkaji hubungan antara pencapaian akademik murid dengan tahap kecerdasan pelbagai murid di sekolah.

Kajian ini juga menggunakan soal selidik bagi mendapatkan demografi murid. Jantina dan sosioekonomi ibu bapa murid adalah antara maklumat yang dimasukkan dalam soal selidik ini. Ia bagi mendapatkan tahap kecerdasan pelbagai murid berdasarkan jantina murid serta mendapatkan tahap kecerdasan pelbagai murid dengan tahap sosioekonomi ibu bapa murid.

Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKeP) merupakan instrumen yang mengandungi 90 item yang mana ia terdiri daripada 90 item persepsi dengan jawapan ‘Ya’ atau ‘Tidak’. Ia meliputi Sembilan kecerdasan pelbagai yang diperkenalkan oleh Howard Gardner iaitu item-item yang berkaitan kecerdasan verbal-linguistik, logik matematik, interpersonal, intrapersonal, visual ruang, muzik, kinestatik, naturalis dan eksistensial. Setiap konstruk dalam inventori ini mengandungi 10 item dan murid perlu menjawab dalam masa 45 minit. Jadual 4.3 memberikan gambaran secara ringkas tentang pembahagian item bagi setiap konstruk.

**Jadual 4: Format Item**

Item	Konstruk
1, 10, 19, 28, 37, 46, 55, 64, 73, 82	Kecerdasan Verbal Linguistik
2, 11, 20, 29, 38, 47, 56, 65, 74, 83	Kecerdasan Logik Matematik
3, 12, 21, 30, 39, 48, 57, 66, 75, 84	Kecerdasan Intrapersonal
4, 13, 22, 31, 40, 49, 58, 67, 76, 85	Kecerdasan Visual Ruang
5, 14, 23, 32, 41, 50, 59, 68, 77, 86	Kecerdasan Naturalis
6, 15, 24, 33, 42, 51, 60, 69, 78, 87	Kecerdasan Interpersonal
7, 16, 25, 34, 43, 52, 61, 70, 79, 88	Kecerdasan Kinestatik
8, 17, 26, 35, 44, 53, 62, 71, 80, 89	Kecerdasan Muzik
9, 18, 27, 36, 45, 54, 63, 72, 81, 90	Kecerdasan Existential

Setiap item dalam inventori ini telah melalui pra-ujian kepada murid Tahun Enam mengikut kaedah persampelan strata. Ia ditadbir pada sekitar tahun 2016 dipelbagai peringkat sekolah rendah, sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Ia juga melalui pra-ujian kepada pelbagai peringkat prestasi sekolah, sama ada sekolah berprestasi tinggi, sehingga sekolah berprestasi rendah dan sederhana di pelbagai tempat di Malaysia.

Data pra-ujian ini telah dianalisis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan melalui Kuder-Richardson 20 (KR-20), manakala kesahan item iaitu Mean Fit Square (MNSQ). Item yang mempunyai darjah kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dipilih untuk dijadikan instrumen.

Instrumen kajian telah diberikan kepada responden melalui satu sesi pentadbiran ujian yang dijalankan di dalam kelas. Responden dikumpulkan dan diberikan set instrumen dan diberikan masa selama 45 minit bagi menjawab semua item yang diberikan.

Borang jawapan responden dikumpulkan setelah kesemua responden telah selesai menjawab dan dianalisa menggunakan *The Statistical Package for the Social Science* (SPSS).

Data yang diperolehi melalui instrumen kajian ini dianalisis menggunakan kaedah diskriptif dan inferensi. Kaedah diskriptif digunakan bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan nilai skor min.

Melalui kaedah diskriptif ini, data dianalisa bagi melihat kepada tahap kecenderungan murid berdasarkan jenis-jenis kecerdasan pelbagai dalam kalangan murid Tahun Enam. Data dianalisa melalui perisian SPSS bagi mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan bagi setiap konstruk kecerdasan pelbagai. Berdasarkan Buku Panduan Pentadbiran Inventori Kecerdasan Pelbagai (2016), interpretasi skor bagi intrumen ini adalah berdasarkan peratusan seperti yang dijelaskan dalam Jadual 5.

**Jadual 5: Interpretasi Skor**

Item	Konstruk
1, 10, 19, 28, 37, 46, 55, 64, 73, 82	Kecerdasan Verbal Linguistik
2, 11, 20, 29, 38, 47, 56, 65, 74, 83	Kecerdasan Logik Matematik
3, 12, 21, 30, 39, 48, 57, 66, 75, 84	Kecerdasan Intrapersonal

*Sumber: Alias Baba (1999), Tuckman (1999) dan Gay & Airasian (2003) dalam Mohd. Sani Ismail (2011).*

Bagi kaedah inferensi pula, kajian ini telah menganalisa data bagi mendapatkan hubungan antara pencapaian akademik murid dengan kecerdasan pelbagai melalui perisian SPSS 21.0 dan menggunakan korelasi Pearson.

Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan kaedah kajian berbentuk deskriptif dan inferensi bagi memenuhi objektif kajian. Kajian ini menggunakan perisian SPSS bagi mendapatkan keputusan yang tepat serta memastikan kualiti dapatan kajian diperolehi secara tepat dan jelas.

**DAPATAN KAJIAN**

Analisa Korelasi adalah kaedah untuk menguji corak dan menyiasat perkaitan antara dua pembolehubah (bebas atau bersandar).

**Jadual 6: Korelasi Pearson**

		Pencapaian
IKeP	Korelasi Pearson	.410
	Sig	.003

*Signifikan, p<0.01*

Jadual 6 menjelaskan hubungan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian murid Tahun Enam. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik dikalangan sampel kajian ini. Pembolehubah menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah di atas tahap signifikan .05 yang mana ( $r_{49} = .410$ ,  $p < .01$ ). Nilai probability (p) adalah .003 yang mana lebih rendah daripada nilai *alpha* .01. Oleh kerana itu, hipotesis kajian diterima. Ia bermakna semakin tinggi tahap kecerdasan pelbagai murid Tahun Enam, semakin tinggi pencapaian mereka dalam akademik.

Selain daripada itu, kajian ini turut menguji korelasi antara konstruk kecerdasan pelbagai (verbal linguistik, logik matematik, intrapersonal, visual ruang, naturalis, interpersonal, kinestetik, muzik dan eksistensial) dan konstruk pencapaian akademik murid (Matematik, Bahasa Melayu Penulisan, Bahasa Melayu Pemahaman, Bahasa Inggeris Penulisan, Bahasa Inggeris Pemahaman dan Sains). Dapatan ujian korelasi Pearson antara konstruk kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik dirumuskan dalam Jadual 6.

**Jadual 7: Ujian Korelasi Pearson Hubungan Antara  
Kecerdasan Pelbagai Dan Pencapaian Akademik**

		MATEMATIK	BMPEN	BMPEM	BIPEN	BIPEM	SAINS
VL	Pearson Correlation	.267	.060	.245	.272	.078	.313
	Sig. (2-tailed)	.059	.676	.083	.054	.586	.025
LM	Pearson Correlation	.423	.240	.330	.036	.013	.141
	Sig. (2-tailed)	.002	.090	.018	.802	.926	.325
INTRA	Pearson Correlation	.275	.306	.410	-.233	.208	.179
	Sig. (2-tailed)	.051	.029	.003	.101	.143	.209
VR	Pearson Correlation	.046	.207	.215	-.250	.145	.300
	Sig. (2-tailed)	.749	.144	.129	.077	.311	.033

NAT	Pearson Correlation	.045	.203	.234	-.128	.054	.122
	Sig. (2-tailed)	.753	.152	.098	.370	.705	.395
INTER	Pearson Correlation	.212	.149	.179	-.101	.028	.278
	Sig. (2-tailed)	.135	.296	.208	.481	.844	.048
KINE	Pearson Correlation	.283	.077	.183	.113	.049	.338
	Sig. (2-tailed)	.044	.592	.200	.431	.734	.015
MUZIK	Pearson Correlation	.170	.093	.159	-.038	-.058	.014
	Sig. (2-tailed)	.233	.518	.264	.791	.686	.923
EKSIS	Pearson Correlation	.308	.197	.299	-.265	.301	.252
	Sig. (2-tailed)	.028	.165	.033	.060	.032	.075

Jadual 7 menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan verbal linguistik dan pencapaian sains di kalangan murid Tahun Enam. Ia menunjukkan wujud hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .313, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .025. Dapatan juga menunjukkan hubungan yang sangat rendah antara kecerdasan verbal linguistik dan pencapaian Bahasa Inggeris Penulisan (.272), Bahasa Melayu Pemahaman (.245) dan Matematik (2.67).

Jadual 7 juga menerangkan tentang hubungan kecerdasan logik matematik dan pencapaian akademik murid. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan logik matematik dan pencapaian matematik murid. Ia menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .423, dengan  $p < .01$  pada aras signifikan .002. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan logik matematik dan pencapaian Bahasa Melayu Pemahaman. Ia menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .330, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .018. Selain daripada itu, terdapat hubungan yang sangat rendah antara kecerdasan matematik dan pencapaian Bahasa Melayu Penulisan (.240) dan Sains (.141).

Jadual 7 juga menerangkan tentang hubungan antara kecerdasan intrapersonal dan pencapaian akademik murid. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan intrapersonal dan pencapaian Bahasa Melayu Penulisan murid. Ia menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .410, dengan  $p < .01$  pada aras signifikan .003. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan intrapersonal dan pencapaian Bahasa Melayu Pemahaman. Ia menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .306, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .029. Selain daripada itu, terdapat hubungan yang sangat rendah antara kecerdasan intrapersonal dan pencapaian Matematik (.275), Bahasa Inggeris Pemahaman (.208) dan Sains (.179).

Jadual 7 juga menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan visual ruang dan pencapaian sains di kalangan murid Tahun 6. Ia menunjukkan wujud hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .300, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .033. Dapatan juga menunjukkan hubungan yang sangat rendah antara kecerdasan visual ruang dan pencapaian Bahasa Penulisan (.207), dan Bahasa Melayu Pemahaman (.215).

Jadual 7 juga menjelaskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan naturalis dan konstruk-onstruk pencapaian akademik murid Tahun Enam. Namun begitu, wujud hubungan yang sangat rendah antara kecerdasan naturalis dan pencapaian Bahasa Melayu Penulisan (.203), Bahasa Melayu Pemahaman (.234) dan Sains (.122).

Jadual 7 juga menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan interpersonal dan pencapaian sains di kalangan murid Tahun Enam. Ia menunjukkan wujud hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .395, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .048. Dapatan juga menunjukkan hubungan yang sangat rendah antara kecerdasan interpersonal dan pencapaian Matematik (.212).

Jadual 7 juga menerangkan tentang hubungan kecerdasan kinestetik dan pencapaian akademik murid. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan kinestetik dan pencapaian matematik murid. Ia menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .283, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .044. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan kinestetik dan pencapaian Sains. Ia menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .338, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .015.

Jadual 7 juga menerangkan tentang hubungan antara kecerdasan eksistensial dan pencapaian akademik murid. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan eksistensial dan pencapaian Matematik murid. Ia menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .308, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .028.

Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan eksistensial dan pencapaian Bahasa Melayu Pemahaman. Ia menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .299, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .033. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan eksistensial dan pencapaian Bahasa Inggeris Pemahaman. Ia menunjukkan hubungan yang positif dengan darjah hubungan yang rendah dengan nilai korelasi .301, dengan  $p < .05$  pada aras signifikan .032. Selain daripada itu, terdapat hubungan yang sangat rendah antara kecerdasan eksistensial dan pencapaian Sains (.252).

Kajian ini turut mengkaji tahap korelasi diantara konstruk-construct dalam Kecerdasan Pelbagai. Menurut Howard Gardner (1999), setiap kecerdasan yang ada dalam kecerdasan pelbagai adalah tidak hanya berdiri sendiri, ia juga saling berkait antara satu sama lain. Jadual 7 menjelaskan dapatan ujian korelasi antara konstruk kecerdasan pelbagai dengan menggunakan Ujian Korelasi Pearson. Dapatan kajian ini juga menunjukkan kepentingan kecerdasan pelbagai dalam pencapaian akademik.

## PERBINCANGAN

Ujian Korelasi Pearson digunakan dalam kajian ini yang bertujuan menguji hipotesis kajian yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik murid Tahun Enam. Kajian ini juga turut menguji hubungan semua konstruk kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik murid dalam mata pelajaran UPSR. Ia bertujuan melihat sama ada terdapat hubungan antara semua konstruk kecerdasan dan keputusan peperiksaan murid. Dapatan menunjukkan hubungan yang signifikan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik dalam kalangan murid tahun 6 di Negeri Sembilan. Dapatan ini selaras dengan kajian Yaghoob, R. A., & Hossein, Z.P. (2016) yang menyatakan terdapat hubungan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian akademik murid.

Keputusan ujian telah menerima hipotesis kajian yang mana terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan pelbagai murid dan pencapaian akademik murid. Dapatan ini membuktikan bahawa wujud hubungan yang positif yang mana semakin tinggi tahap kecerdasan pelbagai murid, semakin tinggi juga tahap pencapaian akademik murid. Oleh kerana itu, kajian ini telah membuktikan bahawa kecerdasan pelbagai turut memainkan peranan sebagai agen yang membantu murid memperoleh keputusan peperiksaan yang baik. Kecenderungan murid dalam kepelbagaian kecerdasan ini turut mempengaruhi pencapaian murid. Juteru itu, guru harus memberi perhatian kepada kecerdasan pelbagai murid agar pencapaian akademik dapat ditingkatkan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2020-2025.

Keputusan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran Sains dan kecerdasan verbal linguistik dan visual ruang. Ia menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pencapaian mata pelajaran Sains, semakin tinggi juga tahap kecerdasan verbal linguistik dan visual ruang. Hubungan yang positif ini menunjukkan bahawa murid mempunyai potensi dalam bidang sains seiring tahap kecerdasan yang baik dalam visual ruang yang berkait rapat dengan sains. Selain itu, kecerdasan verbal linguistik dilihat sebagai aspek sokongan untuk murid memperoleh pencapaian akademik yang baik.

Selain daripada itu, hubungan yang signifikan turut wujud antara mata pelajaran Matematik dan kecerdasan logik matematik, kinestetik dan eksistensial. Ia menunjukkan hubungan yang positif yang membawa maksud, semakin tinggi pencapaian murid dalam mata pelajaran matematik, semakin tinggi tahap kecerdasan logik matematik, kinestetik dan eksistensial, dan begitu juga sebaliknya. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa murid yang cenderung kepada kecerdasan-kecerdasan ini mempunyai potensi untuk mendapat pencapaian yang baik dalam mata pelajaran matematik. Justeru, potensi ini perlu sentiasa dikembangkan untuk meningkatkan lagi keupayaan murid dalam matapelajaran matematik.

Seterusnya bagi mata pelajaran bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, keputusan kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara mata pelajaran di atas dan kecerdasan intrapersonal, logik matematik dan eksistensial.

## RUMUSAN

Kecerdasan Pelbagai merupakan bidang yang masih baharu di Malaysia. Tidak banyak kajian yang berimpak tinggi dihasilkan serta mempunyai ruang kajian yang masih luas. Justeru, pengkaji mencadangkan kajian pada masa akan datang agar dapat menumpukan kepada hubungan kecerdasan pelbagai dan kokurikulum dan sukan bagi melihat perkaitan antara dua aspek ini. Selain itu pengkaji juga mencadangkan agar modul yang bersesuaian dapat dibina sebagai usaha memperkembangkan bidang ini selain kajian-kajian dalam bidang ini terus berkembang.

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan kajian ini agar dapat memberikan makna kepada pembangunan pendidikan negara ke arah pendidikan bertaraf dunia. Ia juga sebagai pemangkin dalam mengenal pasti potensi murid-murid di sekolah agar kecenderungan mereka dapat dikesan dan dikembangkan selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, membangunkan potensi murid sama ada jasmani, rohani, intelek, emosi dan sosial.

## RUJUKAN

- Abdullah, S. (2009). *Kecerdasan Pelbagai- Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Wangsa Melawati*: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Armstrong, T., (2003). *The Multiple Intelligences of Reading and Writing*. ASCD, Virginia, USA.
- Ayesha, B., & Khurshid, F. (2013). *Relationship of Multiple Intelligences with Academic Achievement*. Journal of Research in Social Sciences- JRSS January 2013 ISSN: 2306-112X Vol: 1 Number 1 Article 4.
- Azizi, Y. et (2005), *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Biah, Biah. (2017). *Kombinasi Kecerdasan Intelektual dan Kecerdasan Spiritual dalam Pendidikan Era Global*. Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora. 12. 10.18592/khazanah. v12i2.300.
- D Mayer, John & R Caruso, David & Salovey, Peter. (1999). *Emotional Intelligence Meets Traditional Standards for an Intelligence*. Intelligence. 27. 267-298. 10.1016/S0160-2896(99)00016-1.
- Demirel, Ö., et. al. (1998). *Á Implementation of multiple intelligence theory in primary education*. “VII. National Congress of Educational Sciences. Konya: Selcuk University Education, Faculty Publications, I, 531-546.
- Ema Uzlifatul Jannah, (2013). *Hubungan Antara Self-Efficacy dan Kecerdasan Emosional Dngan Kemandirian Pada Remaja*. Persona, Jurnal Psikologi Indonesia, Sept. 2013, Vol. 2, No. 3, hal 278 – 287.
- Eysenk, H. J. (2017). *A New Look Intelligence*. Routledge. New York, USA.

- Fadzilah Sulaiman. (2010). *Keberkesanan aplikasi teori kecerdasan pelbagai untuk meningkatkan pencapaian dan motivasi pelajar berpencapaian akademik rendah dalam mata pelajaran Sejarah*. Disertasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- F. Ebru Ikiz et. al. (2010). *The Relationship Between Multiple Intelligences and Academic Achievements of Second Grade Students*. Mehmet Akif Ersoy University Journal of Institute of Social Sciences, Year: 2 Issue: 3 2010-Fall (p. 83-92).
- Gardner, H. (1999). *Intelligence reframed: Multiple intelligences for the 21st century*. Basic Books, New york.
- Hanita & Norzaini (2018) *Pencapaian Akademik Murid Lelaki dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran dan Keterlibatan Murid*. Malaysian Journal of Learning and Instruction, Vol. 15 (No. 2) 257-287.
- Ismail, R. (2003) *Tinjauan Kecerdasan Spiritual (SQ) Terhadap Permasalahan Sosial Di Indonesia*. Penerbit Makalah 7.
- Ikhsan O., & Rohizani Y. (2010). *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pelaksanaan Kurikulum*. Asian Pasific Journal of Educators, Vol. 25, 21-23.
- Kallenbach, S., & Viens, J. (2004). *Multiple Intelligences and Adult Literacy: A Sourcebook for Practitioners*. Teachers College Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2016), *Panduan Pentadbiran Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKeP)*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kerlinger, F., & Lee, H. (2001). *Behavioral research. Research methods in social science (4thed.)*. Mexico: McGraw Hill.
- Mohamed, Hamidah (2012). *Kecerdasan pelbagai dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup*. Tesis Master, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Majid, K. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nasiron, N. H. (2011). *Pola Kecerdasan Pelbagai Dalam Kalangan Pelajar Fizik berpencapaian Tinggi, Sederhana dan Rendah di Daerah Kulai*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noorzalina Mohd Noor. (2008). *Kajian profil kecerdasan pelbagai dan gaya pembelajaran pelajar Maktab Rendah Sains Mara*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriah, Rosadah, Siti Fatimah. (2009). *PERMATApintar Negara: pengalaman UKM*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS for Windows (Version 10)*. Open University Press.
- Piaw, C. Y. (2006). *Asas statistik penyelidikan, kaedah dan statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGrawhill (M) Sdn. Bhd.
- Reirin Meilita (2016). *Pengaruh Kecerdasan Emosional dan Kesiapan Belajar Terhadap Hasil Belajar Fisika Siswa Kelas X Mia SMA N1 Prambanan Sleman Pada Materi Optika Geometri*. Tesis Master, Universitas Sanata Dharma Yogyakarta.
- Salhah, A. (2009). *Kecerdasan Pelbagai: Aplikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. PTS Professional Publishing. Kuala Lumpur.
- Sharma, Samvedna. (2017). *Internet Addiction and Spiritual Intelligence: Gender Differences Among Adolescents*. International Journal of Research in Economics and Social Sciences (IJRESS), Vol. 7 Issue 11, November-2017.
- Siti Rahayah, A., et. al. (2008). *Faktor Kontribusi Kecerdasan Pelbagai dalam Kalangan Pelajar Remaja*. Jurnal Pendidikan 35. Malaysia.
- Stanford, P. (2003). *Multiple Intelligence for Every Classroom. Intervention in School and Clinic*. SAGE Publications Ltd. <https://doi.org/10.1177/10534512030390020301>
- Telee, S. (2000). *Rainbows of Intelligence; Exploring How Students Learn*. California: Corwin Press. Inc.

- Tuckman, B., W.(1999). *Conducting educational research*. Wadsworth Publishing:UK.
- Yaghoob, R. A., & Hossein, Z.P. (2016). *The correlation of multiple intelligences for the achievements of secondary students*. *Academik Journal*, Vol. 11(4), pp. 141-145
- Yacop Jantan (2017). *Kompetensi Guru Dalam Membentuk Sahsiah Pelajar Sekolah*. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Bil. 4, Isu 3, Universiti Malaya.
- Zahari, Zulhazmi (2010) *Hubungan Antara Kecerdasan Pelbagai Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Kemahiran Hidup Utm*. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia

## Tahap Pengaturan Kendiri Remaja Di Kawasan Bandar

Normazwin Yahya<sup>1</sup>, Salmiah Monshie<sup>2</sup>,

Mazli Sham Abdullah<sup>3</sup>, Azizi Lamat<sup>4</sup>

<sup>1234</sup>*Bahagian Psikologi Dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*

<sup>1</sup>*normazwin.yahya@moe.gov.my, <sup>2</sup>salmiah.monshie@moe.gov.my,*

<sup>3</sup>*mazlisham@moe.gov.my, <sup>4</sup>azizi.lamat@moe.gov.my*

### ABSTRAK

*Pengaturan kendiri adalah salah satu aspek yang perlu diambil kira dalam perkembangan sahsiah remaja. Kertas ini membincangkan tentang kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengaturan kendiri dalam kalangan remaja di kawasan bandar. Kajian literatur menunjukkan kepentingan pengaturan kendiri dalam pengurusan tingkah laku remaja. Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan soal selidik yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi untuk mengumpulkan data. Sampel kajian terdiri daripada 521 orang remaja berumur enam belas tahun di kawasan bandar yang dipilih secara rawak berlapis. Soal selidik pengaturan kendiri remaja diadaptasi dari inventori the Adolescent Self-Regulatory yang telah diadaptasi dari Novak dan Clayton (2001) dan Mazli Sham (2019). Inventori ini mengandungi dua puluh tiga (23) item yang mengukur pengaturan kendiri remaja yang terbahagi kepada 5 dimensi iaitu ketahanan emosi, bertindak aktif, penyesuaian, ketabahan dan pemantauan kendiri. Dapatan kajian menunjukkan pengaturan kendiri remaja di kawasan bandar secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana ( $\text{min} = 3.31, \text{SP} = 0.48$ ) dengan min terendah ialah pada dimensi ketahanan emosi ( $\text{min} = 2.98, \text{SP} = 0.62$ ) yang boleh dikaitkan dengan kemahiran remaja mengurus tingkah laku mereka secara umum. Secara keseluruhan, dapatan menyokong pengaturan kendiri untuk mempertingkatkan perkembangan sahsiah remaja sebagaimana dihasratkan. Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan kepentingan pengaturan kendiri di dalam pengurusan tingkah laku remaja di kawasan bandar. Adalah diharapkan kajian ini dapat membantu warga Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam merancang program untuk peningkatan sahsiah diri remaja di kawasan bandar. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan teoritikal dan juga praktikal kepada semua pihak berkaitan supaya dapat menumpukan dimensi pengaturan kendiri dalam mencipta generasi masa depan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Pengaturan Kendiri; Remaja; Bandar; Pengurusan Tingkah Laku Remaja*

## PENDAHULUAN

“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama, dan inklusif akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa” (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, 2019).

Dalam merealisasikan hasrat tersebut, terdapat 7 teras strategik yang digariskan dan teras yang signifikan dan relevan dengan kajian ini adalah Teras Modal Insan yang mensasarkan sekurang-kurangnya 60% lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET. Tidak ada satu negara pun yang mampu meneruskan matlamat dan wawasan yang dicita-citakan sekiranya golongan yang digelar sebagai modal insan negara ini tidak diberikan pendidikan yang sewajarnya (Zakri, 2014). Antara golongan yang menjadi tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara adalah golongan remaja (fauziah 2012).

Dengan melaksanakan usaha-usaha berdasarkan saranan dalam teras tersebut, matlamat wawasan ini bukan mudah untuk dicapai sekiranya insan-insan tersebut seperti golongan remaja tidak dibantu menangani cabaran dalam kehidupan terutama mereka yang tinggal di kawasan bandar. Kemiskinan bandar umpamanya adalah masalah yang sering dihadapi oleh negara membangun seperti Malaysia. Kemiskinan bandar adalah suatu keadaan yang sukar dialami oleh mereka bukan sahaja kekurangan dari aspek pendapatan tetapi ia lebih merujuk kepada kesukaran bagi menikmati kehidupan yang lebih selesa (Mohd Zin et al., 2019)

Pelbagai masalah sosial yang melibatkan remaja sering berlaku di sekolah seperti ponteng sekolah, gengster, mencuri, membuli, merokok, melawan pihak sekolah, melanggar disiplin sekolah dan penglibatan pelajar dengan jenayah dalam konteks yang lebih luas (Abd. Rahim, 2000). Sebaliknya, remaja yang cemerlang adalah remaja yang seimbang antara pencapaian akademik dan sahsiahnya. Remaja seperti ini telah melalui proses pembentukan diri yang sempurna dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Gabungan kepada empat elemen tersebut akan menjadikan pembentukan sahsiah mereka adalah secara holistik. Justeru, remaja

perlu mempersiapkan diri mereka bukan sahaja dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, tetapi lebih daripada itu untuk menghadapi cabaran-cabaran dan realiti sehingga dapat membuat keputusan yang tepat dan cemerlang dalam kehidupan mereka. Antara kemahiran yang diperlukan adalah kemahiran pengaturan kendiri.

Clayton dan Novak (2001) menyatakan maksud pengaturan kendiri adalah keupayaan mengawal diri untuk bertindakbalas secara boleh lentur atau fleksibel, memantau dan menyesuaikan tingkahlaku yang akhirnya menjurus kepada kemahiran intelektual, berfikir dengan waras dan matang. Terdapat lima dimensi mendefinisikan pengaturan kendiri iaitu ketahanan emosi, bertindak aktif, penyesuaian, ketabahan, pemantauan kendiri. Menerusi kajian oleh Novak dan Clayton (2001), merupakan suatu kemahiran remaja dalam menahan emosi, menjalankan aktiviti, menyesuaikan diri terhadap persekitaran dan tabah menghadapi cabaran.

Menurut Rogers (1951) remaja bermaksud membesar menjadi matang. Remaja dikatakan berusia di antara 11 hingga 21 tahun, merupakan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa yang melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi serta melibatkan perubahan peringkat tidak matang ke peringkat matang.

Bukan itu sahaja, proses transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa ini turut menjadi proses pembentukan identiti apabila mereka dewasa kelak. Perubahan dari peringkat tidak matang ke peringkat matang adalah jangka masa yang kritikal kerana pembentukan sikap bertanggungjawab terhadap peranan turut berlaku. Mereka perlu meletakkan matlamat tentang kendiri yang diinginkan apabila mereka dewasa. Remaja yang berjaya ialah remaja yang boleh menentukan *priority* kehidupannya dan memiliki kesepaduan kendiri yang koheren. Sebaliknya jika kesepaduan itu tidak berlaku remaja akan mengalami kekeliruan identiti. Menurut Teori Perkembangan Psikososial oleh Erik Erikson (1902), mengatakan remaja melalui tahap perkembangan psikososial kekeliruan peranan dan pembentukan.

Bancian Penduduk dan Perumahan tahun 2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kawasan yang diwartakan serta kawasan tepubina yang bersempandan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih semasa bancian 2010 atau kawasan pembangunan khusus yang boleh dikenalpasti kawasannya yang mana sekurang-kurangnya mempunyai penduduk 10,000 ribu orang dan sekurang-kurangnya 60% penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengaturan sendiri dalam kalangan remaja di kawasan bandar.

## **Kajian Lepas**

Kajian tentang pengaturan sendiri dalam kalangan remaja kurang dijalankan berbanding kajian dijalankan dalam kalangan kanak-kanak (Farley & Kim-Spoon, 2014). Tahap kemahiran remaja dalam pengaturan sendiri dan pengurusan tingkah laku remaja, mempengaruhi pencapaian akademik remaja dan juga dapat mengatasi salah laku remaja (Kosnon et al. 2006; Mazumder 2012; Susser & McCabe 2013). Pengaturan sendiri boleh digunakan untuk mengawal diri remaja daripada tindakan-tindakan salah laku dalam menyelesaikan masalah (Abdul Salam et al. 2010). Namun apabila didapati pengurusan tingkah laku remaja sudah berada pada tahap tinggi, maka pihak yang berkaitan seperti pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan dapat menfokuskan kepada peningkatan akademik remaja sehingga tercipta remaja remaja yang cemerlang dan berakhlak karimah.

Kajian ini merupakan kajian pengesanan pengurusan tingkah laku remaja yang berada pada masa remaja. Kajian ini boleh mengenal pasti sama ada remaja remaja memiliki tingkah laku positif ataupun negatif. Menurut Chew (2006), tingkah laku yang positif mempengaruhi daya usaha mereka untuk belajar dengan lebih gigih. Remaja bukan sahaja membuat rujukan tambahan tetapi juga memberi lebih perhatian kepada kerja dan tugas mereka supaya tugas yang dilakukan menjadi lebih teratur dan sempurna. Manakala pengurusan tingkah laku yang negatif atau rendah cenderung menjejaskan akademik dan sahsiah remaja.

Selain mengesan tahap kemahiran remaja dalam pengaturan sendiri dan pengurusan tingkah laku remaja, kajian ini juga merupakan salah satu proses penilaian sahsiah remaja. Proses penilaian ini adalah penting kerana dalam banyak kajian lepas mempengaruhi pencapaian akademik remaja dan juga dapat mengatasi salah laku remaja (Kosnon et al. 2006; Mazumder 2012; Susser & McCabe 2013). Menerusi kajian ini pula, dapat dikesan faktor dominan yang mempengaruhi kecenderungan remaja dalam bertingkah laku. Kajian ini diharapkan dapat memberikan satu perspektif baru dan menjadi panduan kepada para guru, pentadbir di sekolah-sekolah mahupun Kementerian Pendidikan Malaysia dalam meningkatkan pengurusan tingkah laku remaja.

Data dan hasil kajian yang nantinya diperolehi tentang kesan faktor-faktor demografi remaja pula dapat memberi masukan yang berharga bagi membantu pelbagai pihak berkenaan. Selanjutnya, input ini penting bagi pihak tersebut untuk dijadikan sebagai garis panduan bagi perancangan, reka bentuk serta pelaksanaan pelbagai kurikulum pendidikan dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk faktor demografi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengaturan kendiri remaja di kawasan bandar. Kajian tinjauan digunakan kerana ia merupakan cara yang paling berkesan untuk mendapatkan maklumat yang banyak dalam masa yang singkat daripada saiz sampel yang besar. Responden kajian ini terdiri daripada 521 orang remaja yang berumur enam belas tahun di kawasan bandar iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sampel dipilih menggunakan kaedah rawak berlapis. Pada peringkat pertama sebanyak tiga zon dipilih secara rawak dan pada peringkat kedua sebanyak 552 remaja yang mewakili ketiga-tiga zon yang dipilih sebagai sampel. Setelah melalui proses pembersihan data, analisis akhir melibatkan 521 responden sebagai sampel kajian.

Soal selidik pengaturan kendiri remaja diadaptasi dari inventori *the Adolescent Self-Regulatory* yang telah diadaptasi dari Novak dan Clayton (2001) dan Mazli Sham(2019) dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .89. Ini menunjukkan instrumen yang digunakan boleh dipercayai. Inventori ini bertujuan untuk mengukur pengaturan kendiri remaja yang terbahagi kepada 5 dimensi iaitu ketahanan emosi, bertindak aktif, penyesuaian, ketabahan dan pemantauan sendiri. Terdapat 23 item dalam soal selidik pengaturan iaitu 6 item ketahanan emosi, 5 item bertindak aktif, 3 item penyesuaian, 6 item ketabahan dan 3 item pemantauan sendiri. Soal selidik ini menggunakan skala likert lima mata iaitu 1-Langsung Tidak Pernah, 2-Jarang Sekali, 3-Adakala, 4-Kerap Kali dan 5-Sangat Selalu. Item soal selidik meliputi item soalan positif dan soalan negatif seperti dalam taburan item pada Jadual 1.

**Jadual 1: Taburan Item Soal Selidik Pengaturan Kendiri**

<b>Bahagian D Pengaturan Kendiri</b>	<b>No. Item Positif</b>	<b>No. Item Negatif</b>	<b>Bil. Item</b>
Dimensi			
Ketahanan emosi	D13	D2, D12, D15, D17, D21	6
Bertindak aktif	D6, D10, D11, D14	D9	5
Penyesuaian	D1, D3, D7	-	3
Ketabahan	D4, D5, D8, D18, D20	D16	6
Pemantauan sendiri	D19, D23	D22	3
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>23</b>

*Rujukan: diadaptasi dari Novak dan Clayton (2001)*

Inventori berkaitan ketahanan emosi mengukur tentang kebolehan remaja mengawal emosi sebelum melakukan sesuatu tindakan berlandaskan pengalaman, kepercayaan dan matlamat mereka. Hal ini merangkumi item seperti “Dalam keadaan penat, emosi saya mudah terganggu” dan lain-lain. Inventori berkaitan tindakan aktif pula mengikut sejauh mana remaja mampu melakukan sesuatu tindakan yang bermatlamat walaupun dalam keadaan rumit. Hal ini merangkumi item seperti “Jika saya tahu tidak boleh melakukan sesuatu perkara, saya pasti tidak akan melakukannya” dan lain-lain.

Inventori berkenaan penyesuaian mengukur sejauh mana remaja mampu bertindak secara lentur atau fleksible walaupun dalam keadaan yang tidak menentu. Hal ini termasuklah item, contohnya “Saya boleh menyambung semula kerja yang tertangguh walaupun menghadapi gangguan daripada orang lain” dan lain-lain. Inventori berkaitan ketabahan mengukur tentang bagaimana remaja mampu menahan diri secara fizikal ataupun emosi daripada sebarang gangguan untuk mencapai matlamat mereka. Hal ini merangkumi pernyataan seperti “Saya masih boleh memberi tumpuan terhadap kerja walaupun ia sangat membosankan” dan lain-lain.

Wiersma (2000) mengemukakan bahawa 2 ciri penting untuk menentukan kesesuaian dan kegunaan sesuatu instrumen adalah kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Instrumen yang dibina perlu dianalisis kesahan dan kebolehpercayaannya bagi memperoleh instrumen yang baik.

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah kesahan meliputi kesahan muka (*face validity*) dan kesahan isi kandungan (*content validity*). Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada kestabilan dan ketekalan instrumen tersebut terhadap suatu konsep (Chua 2006). Nilai *alpha Cronbach* keseluruhan bagi semua dimensi pengaturan kendiri adalah tinggi iaitu .89.

## DAPATAN KAJIAN, KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

### Tahap Pengaturan Kendiri Dalam Kalangan Remaja Di Kawasan Bandar


Statistik deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap pengaturan kendiri dalam kalangan remaja. Dalam kajian ini, pengaturan kendiri ditinjau daripada lima dimensi. Antara lima dimensi tersebut iaitu ketahanan emosi, bertindak aktif, penyesuaian, ketabahan dan pemantauan kendiri. Analisis deskriptif telah dijalankan mengikut setiap dimensi dalam pengaturan kendiri remaja. Hasil analisis secara keseluruhannya dapat dirumuskan seperti Jadual 2

**Jadual 2: Tahap Pengaturan Kendiri Dalam Kalangan Remaja**

No	Pengaturan kendiri	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Ketahanan emosi	2.98	0.62	Sederhana
2	Bertindak aktif	3.45	0.57	Sederhana
3	Penyesuaian	3.44	0.64	Sederhana
4	Ketabahan	3.30	0.55	Sederhana
5	Pemantauan Kendiri	3.36	0.59	Sederhana
	Keseluruhan	3.31	0.42	Sederhana

Jadual 2 menunjukkan pengaturan sendiri dalam kalangan remaja yang paling tinggi ialah dari segi bertindak aktif (min = 3.45 dan sp = 0.57). Seterusnya diikuti oleh penyesuaian (min = 3.44 dan sp = 0.64), pemantauan sendiri (min = 3.36 dan sp = 0.59), ketabahan (min = 3.30 dan sp = 0.55) dan ketahanan emosi (min = 2.98 dan sp = 0.62). Secara keseluruhannya menunjukkan pengaturan sendiri dalam kalangan remaja berada pada tahap sederhana (min = 3.31 dan sp = 0.42).

Untuk melihat huraian pengaturan sendiri bagi setiap dimensi dengan lebih jelas maka perhatikan Rajah 1.



**Rajah 1: Tahap Pengaturan Kendiri Dalam Kalangan Remaja Di Kawasan Bandar**

Rajah 1 menunjukkan bahawa semua dimensi pengaturan sendiri berada pada tahap sederhana kerana skor min yang dicapai kurang dari 3.67. Bagaimanapun, dimensi bertindak aktif merupakan dimensi pengaturan sendiri paling tinggi yang dimiliki remaja di kawasan bandar. Ini bermakna bahawa remaja di kawasan bandar memiliki kemahiran bertindak aktif lebih baik berbanding kemahiran lain dalam pengaturan sendiri. Kemahiran lain yang hampir sebanding dengan kemahiran bertindak aktif adalah penyesuaian diikuti pemantauan sendiri, ketabahan dan ketahanan emosi. Selain itu, hasil analisis yang penting juga menunjukkan bahawa ketahanan emosi remaja di kawasan bandar adalah paling rendah berbanding dengan dimensi - dimensi pengaturan sendiri yang lain yang sememangnya pada tahap sederhana rendah.

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan pengaturan kendiri berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan remaja di kawasan bandar berkebolehan dalam dimensi bertindak aktif tapi masih lemah dalam dimensi ketahanan emosi. Dimensi bertindak aktif adalah penting untuk dikuasai kerana di dalam melakukan sebarang tindakan yang di ambil seseorang itu perlu melihat lebih jauh dalam merancang dan bertindak selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan. Dimensi ini perlu ditekankan pada remaja agar mereka dapat bertindak aktif untuk mencapai matlamat mereka. Remaja seharusnya dibimbing untuk menetapkan matlamat yang hendak dicapai dengan jelas agar kebolehan mereka bertindak aktif dapat ditingkatkan ke tahap yang tinggi dan akan menjadi amalan secara berterusan. Proses pengajaran dan pembelajaran secara formal dan tidak formal perlu mengambil kira pengaturan kendiri remaja yang berbeza dan para pendidik harus menekankan teknik atau pendekatan yang sesuai agar sahsiah remaja dapat dibangunkan dan diperkukuhkan dan secara tidak langsung dapat menangani masalah serta gejala disiplin dalam kalangan remaja di kawasan bandar.

Selain menangani kelemahan dimensi pengaturan kendiri, kekuatan bagi dimensi bertindak aktif dalam diri remaja amat wajar dimanfaatkan. Kajian ini mendapati bahawa tahap remaja memulakan tindakan bagi mencapai sesuatu matlamat adalah pada tahap sederhana membawa maksud bahawa tahap motivasi mereka untuk mencapai matlamat itu masih belum tinggi. Ini menandakan bahawa remaja kurang memiliki motivasi sebagaimana kajian Bowlin dan Baer (2012) yang mendapati motivasi melibatkan adanya keinginan yang tinggi tentang keupayaan melakukan pencapaian matlamat. Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa tahap kemahiran remaja dalam membuat perancangan untuk mencapai semua matlamat yang penting adalah sederhana. Ini selari dengan kajian oleh Wittmann et al. (2014) yang mendapati kemahiran membuat perancangan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kreativiti, fleksibiliti dan keupayaan dalam pengaturan kendiri juga didapati pada tahap sederhana.

Perbincangan ini turut memberi fokus kepada dimensi pengaturan kendiri yang menunjukkan tahap paling rendah iaitu ketahanan emosi. Kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhan ketahanan emosi murid adalah tahap sederhana. Tahap sederhana bagi ketahanan emosi bermakna keupayaan remaja untuk mengawal ekspresi emosi yang bersesuaian. Sebagai contoh, remaja akan menzahirkan emosi marah jika tidak dapat sesuatu yang diinginkan, mudah bertelagah dengan orang yang tidak sehaluan, dalam keadaan penat emosi mudah

terganggu, selalu risau akan hilang kawalan terhadap perasaan dan apabila marah sering hilang kawalan diri.

Ini dijelaskan dalam Teori Perkembangan Psikososial bahawa dalam semua tahap, seseorang itu perlu menghadapi krisis perkembangan. Cara seseorang itu menghadapi dan menyelesaikan krisis itulah akan memberi kesan terhadap sahsiah diri dan pandangan masyarakat terhadapnya. Cara penyelesaian yang tidak baik terhadap sesuatu krisis dalam suatu tahap perkembangan akan memberi kesan negatif dalam seluruh perkembangan hidupnya walaupun kadangkala kesalahan yang dilakukan boleh dibaiki pada tahap-tahap berikutnya (Woolfork1993).

Teori lain iaitu Teori Kekecewaan Agresif oleh Sigmund Freud (1950) turut menjelaskan bahawa tingkah laku devian agresif ialah salah satu tindak balas semula jadi terhadap kekecewaan yang dialami oleh manusia. Menurut Sigmund Freud (1950) melalui teori psikoanalisisnya, menyatakan bahawa setiap manusia secara semula jadinya menginginkan keseronokan dan cuba mengelak kesakitan. Apabila kedua-dua keinginan itu tidak dapat diperolehi oleh manusia, manusia akan bertindak agresif. Begitu juga dengan remaja di mana mereka sukar mengawal emosi marah jika tidak dapat sesuatu yang diinginkan.

Durkheim (1987) berpendapat perasaan kecewa yang dialami oleh pelajar merupakan satu faktor penyebab kepada perlakuan gengsterisme di sekolah. Penyelidik ini berpendapat tekanan yang dialami oleh pelajar untuk mencapai gred yang baik dalam peperiksaan dan tindakan disiplin yang keras membangkitkan perasaan kecewa dan seterusnya perlakuan gengsterisme berlaku di sekolah.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Sarimah et al. (2011), Muhammed Sharif dan Suria Abd (2012) dan Best et al. (2015) mendapati murid remaja yang terlibat salah laku sebenarnya sebagai bentuk mencurahkan emosi. Ini juga kerana ciri murid remaja yang masih dalam keadaan kurang stabil emosinya adakalanya kurang terkawal dengan baik sehingga melakukan vandalisme (Musliha et al. 2011; Yahya et al. 2010; Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011). Ungkapan emosi juga terkadang dipilih murid remaja sebagai jalan bagi meminta perhatian daripada ibubapa (Wentzel 2014).

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa dimensi ketahanan emosi, bertindak aktif, penyesuaian, ketabahan dan pemantauan berada pada tahap sederhana. Secara asasnya, pengaturan sendiri adalah kemahiran mental yang berkaitan dengan mengurus emosi, pembinaan matlamat, pencapaian matlamat,

perancangan dan mengubah suai sesuai dengan keadaan persekitaran (Novak & Clayton 2001). Ia bukan kemahiran seperti kemahiran membaca, menulis dan sebagainya. Namun, ia adalah suatu proses yang diatur sendiri di mana remaja dapat mengatur kemampuan mental mereka kepada kemahiran akademik (Zimmerman 2002).

Pengaturan sendiri merupakan suatu proses belajar yang berlaku secara berulangan (Mazli Sham 2019). Ia melibatkan keseimbangan antara komponen peribadi dan tingkah laku tentang sejauh mana seseorang berperanan sebagai individu yang dapat menahan emosi, bertindak aktif dalam proses pembelajarannya sendiri secara metakognitif, motivasi dan tingkah laku (Alrajhi & Aldhafri 2015). Proses metakognitif melibatkan aktiviti, merancang, mengatur, membuat arahan sendiri dan menjalankan penilaian sendiri dalam pelbagai tahap proses pembelajaran. Manakala motivasi melibatkan efikasi sendiri yang tinggi tentang keupayaan menjalankan tugas yang bersifat autonomi dan mempunyai motivasi diri. Tingkah laku pula melibatkan aktiviti memilih, menstruktur, mewujudkan tingkah laku yang bersesuaian dengan persekitaran sosial dan fizikal (Arens et al. 2011; Novak & Clayton 2001). Dalam kajian ini, pengaturan sendiri remaja di kawasan bandar adalah tahap sederhana. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa remaja belum memiliki kemahiran metakognitif, motivasi dan tingkahlaku yang baik.

Kajian ini mendapati bahawa tahap remaja memulakan pekerjaan walaupun dia berghairah untuk melakukan pencapaian suatu matlamat adalah sederhana. Ini menandakan bahawa remaja kurang memiliki motivasi sebagaimana kajian Bowlin dan Baer (2012). Lebih lanjut, Bowlin dan Baer (2012) mengemukakan bahawa motivasi melibatkan adanya ghairah yang tinggi tentang keupayaan melakukan pencapaian matlamat. Dalam mencapai matlamat pun, tahap kemahiran remaja dalam merancang bagaimana mencapai matlamat adalah sederhana. Selari dengan dapatan kajian ini bahawa tahap kemahiran remaja dalam membuat perancangan untuk mencapai semua matlamat yang penting adalah sederhana. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran remaja-remaja dalam membuat perancangan dan pentingnya membuat perancangan dalam mencapai matlamat adalah sederhana. Ini disokong oleh kajian Wittmann et al. (2014) yang mengemukakan bahawa dengan kemahiran membuat perancangan yang sederhana merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kreativiti, fleksibiliti dan keupayaan dalam pengaturan sendiri pada tahap sederhana.

## IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa implikasi teoritikal dan praktikal. Dari segi teori, dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa teori yang dihasilkan di Barat boleh diaplikasikan dalam konteks tempatan. Secara umumnya teori Rogerian dan literatur Barat yang digunakan bagi melihat pengaturan sendiri dan konsep sendiri remaja telah disokong oleh kajian ini. Selanjutnya kajian ini meningkatkan pengetahuan remaja dan individu yang berkaitan bagaimana meningkatkan pengaturan sendiri dan motivasi remaja di kawasan bandar untuk mencapai matlamat mereka.

Dari segi implikasi praktikal kajian ini menunjukkan pengaturan sendiri remaja di kawasan bandar yang menjadi aset negara adalah pada tahap sederhana. Langkah-langkah yang penting perlu di ambil untuk meningkatkan pengaturan sendiri remaja di kawasan bandar agar lebih jelas dengan matlamat mereka dan merancang tindakan mereka dengan baik. Maka terdapat keperluan bagi pihak ibu bapa, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangka polisi atau program yang bersesuaian untuk meningkatkan pengaturan sendiri remaja di kawasan bandar.

Kajian ini memberikan sumbangan secara praktikal kepada remaja di kawasan bandar, ibu bapa, guru, dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa pengaturan sendiri remaja di kawasan bandar adalah pada tahap sederhana. Justeru, ini memberi implikasi kepada remaja supaya meningkatkan pengaturan sendiri mereka. Ini kerana zaman moden dan tuntutan zaman menghendaki generasi muda yang seimbang antara akademik, rohani dan jasmani.

Proses pembelajaran pengaturan sendiri merupakan suatu proses dalam pembelajaran dan strategi mengurus diri yang melibatkan kemahiran menahan emosi, bertindak aktif, penyesuaian, ketabahan dan pemantauan sendiri. Oleh itu perlu mengaktifkan dan memantapkan kemahiran kognisi, tingkah laku dan motivasi yang ditumpukan secara sistematik untuk mencapai matlamat. Selari dengan perkara tersebut, maka remaja di kawasan bandar perlu memiliki dua perkara iaitu kemahiran dan kemahuan dalam belajar.

Hasil kajian ini turut memberikan sumbangan praktikal kepada ibu bapa. Dalam kajian ini, pengaturan sendiri remaja di kawasan bandar adalah tahap sederhana. Ini menunjukkan kurang komunikasi antara ibu bapa dan anak

sehingga menyebabkan pengaturan kendiri remaja pada tahap sederhana. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa remaja di kawasan bandar belum memiliki kemahiran metakognitif, motivasi dan tingkah laku yang baik. Ini perlu diambil perhatian yang wajar. Selain itu, kajian ini mendapati pengurusan tingkahlaku remaja di kawasan bandar berada pada tahap sederhana. Oleh itu, guru dapat membantu remaja di kawasan bandar dalam pengurusan tingkahlaku. Guru dapat membantu remaja di kawasan bandar dalam memodifikasikan tingkah laku yang didapati bermasalah menuju satu matlamat yang telah ditetapkan dengan teknik yang sesuai. Guru sebaiknya memiliki sistem pengurusan tingkah laku kawal kelas, pembelajaran yang sihat dan produktif. Dalam membantu remaja di kawasan bandar untuk memodifikasi tingkah laku, guru dapat membuat pemerhatian awal dan penilaian terhadap sesuatu tingkah laku bermasalah, mengenal pasti masalah, dan menetapkan matlamat tingkah laku yang diinginkan, menunjukkan tingkah laku yang benar serta memberikan ganjaran untuk tingkah laku yang positif secara konsisten.

## **RUMUSAN, KESIMPULAN & CADANGAN**

Pengaturan kendiri remaja merupakan satu proses yang melibatkan pemikiran, tingkah laku dan emosi yang aktif dalam usaha untuk mencapai matlamat-matlamat yang dicita-citakan (Woolfolk 2004). Pengaturan kendiri dikenalpasti melalui lima dimensi. Antara dimensi tersebut iaitu ketahanan emosi, bertindak aktif, penyesuaian, ketabahan dan pemantauan kendiri.

Secara keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan pengaturan kendiri berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan remaja di kawasan bandar berkebolehan dalam dimensi bertindak aktif tapi masih lemah dalam dimensi ketahanan emosi. Dimensi bertindak aktif adalah penting untuk dikuasai kerana di dalam melakukan sebarang tindakan yang di ambil kita perlu melihat lebih jauh dalam merancang dan bertindak selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan. Dimensi ini perlu ditekankan pada remaja agar mereka dapat bertindak aktif untuk mencapai matlamat mereka. Remaja seharusnya dan dibimbing untuk menetapkan matlamat yang hendak dicapai dengan jelas agar kebolehan mereka bertindak aktif dapat mencapai tahap yang tinggi dan menjadi amalan secara berterusan. Pengajaran dan pembelajaran secara formal dan tidak formal perlu mengambil kira pengaturan kendiri remaja yang berbeza dan para perancangan harus menekankan teknik atau pendekatan yang sesuai agar pembangunan sahsiah remaja di kawasan bandar dapat diperkukuhkan dan secara tidak langsung dapat menangani masalah serta gejala disiplin dalam kalangan remaja di kawasan bandar.

Sementara itu kekuatan remaja dalam menggunakan dimensi bertindak aktif perlu dimanfaatkan agar matlamat yang ditetapkan tercapai. Kajian ini mendapati bahawa tahap remaja memulakan pekerjaan walaupun dia motivasi untuk mencapai suatu matlamat adalah sederhana. Ini menandakan bahawa remaja kurang memiliki motivasi sebagaimana kajian Bowlin dan Baer (2012). Lebih lanjut, Bowlin dan Baer (2012) mengemukakan bahawa motivasi melibatkan adanya keinginan yang tinggi tentang keupayaan melakukan pencapaian matlamat. Dalam mencapai matlamat, tahap kemahiran remaja dalam merancang bagaimana mencapai matlamat adalah sederhana. Selari dengan dapatan kajian ini bahawa tahap kemahiran remaja dalam membuat perancangan untuk mencapai semua matlamat yang penting adalah sederhana. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran remaja-remaja dalam membuat perancangan dan pentingnya membuat perancangan dalam mencapai matlamat adalah sederhana. Ini disokong oleh kajian Wittmann et al. (2014) yang mengemukakan bahawa dengan kemahiran membuat perancangan yang sederhana merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kreativiti, fleksibiliti dan keupayaan dalam pengaturan sendiri pada tahap sederhana.

Dalam era digital yang mencabar ini aspek ini adalah penting kerana ia akan memberi kesan dipantau agar tidak memberi kesan yang negatif kepada remaja. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa dimensi ketahanan emosi, bertindak aktif, penyesuaian, ketabahan dan pemantauan berada pada tahap sederhana. Secara asasnya, pengaturan sendiri adalah kemahiran mental yang berkaitan dengan mengurus emosi, pembinaan matlamat, pencapaian matlamat, perancangan dan mengubah suai sesuai dengan keadaan persekitaran (Novak & Clayton 2001). Ia bukan kemahiran seperti kemahiran membaca, menulis dan sebagainya. Namun, ia adalah suatu proses yang diatur sendiri di mana remaja dapat mengatur kemampuan mental mereka kepada kemahiran akademik (Zimmerman 2002).

Pengaturan sendiri merupakan suatu proses belajar yang berlaku secara berulang (Mazli Sham 2019). Ia melibatkan keseimbangan antara komponen peribadi dan tingkah laku tentang sejauh mana seseorang berperanan sebagai individu yang dapat menahan emosi, bertindak aktif dalam proses pembelajarannya sendiri secara metakognitif, motivasi dan tingkah laku (Alrajhi & Aldhafri 2015). Proses metakognitif melibatkan aktiviti, merancang, mengatur, membuat arahan sendiri dan menjalankan penilaian sendiri dalam pelbagai tahap proses pembelajaran. Manakala motivasi melibatkan efikasi sendiri yang tinggi tentang keupayaan menjalankan tugas yang bersifat otonomi dan mempunyai motivasi

diri. Tingkah laku pula melibatkan aktiviti memilih, menstruktur, mewujudkan tingkah laku yang bersesuaian dengan persekitaran sosial dan fizikal (Arens et al. 2011; Novak & Clayton 2001). Dalam kajian ini, pengaturan kendiri remaja di kawasan bandar adalah tahap sederhana. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa remaja belum memiliki kemahiran metakognitif, motivasi dan tingkah laku yang baik.

Dari aspek metakognitif, maka kebanyakan remaja belum memiliki aktiviti, perancangan, pengaturan, pembuatan arahan kendiri dan penilaian yang baik dalam pelbagai tahap proses pembelajaran. Begitu juga daripada aspek motivasi, kebanyakan remaja tidak memiliki motivasi dan efikasi yang tinggi dalam pengaturan kendiri. remaja juga belum memiliki keupayaan menjalankan tugas yang bersifat otonomi dan memerlukan motivasi diri. Selanjutnya dari aspek tingkahlaku, kebanyakan remaja di kawasan bandar belum dapat memilih, menstruktur, mewujudkan persekitaran yang bersesuaian dengan persekitaran sosial dan fizikal. Tahap bertindak aktif adalah sederhana kerana apabila remaja ghairah untuk melakukan untuk mencapai sesuatu matlamat mudah memulakan pekerjaan tersebut dan jika remaja tahu tidak boleh melakukan sesuatu perkara, pasti tidak akan melakukannya adalah pada tahap sederhana. Tahap remaja membuat perancangan untuk mencapai semua matlamat yang penting, bertindak mengikut apa yang dirancang dan apabila mempunyai matlamat, remaja merancang bagaimana mencapai matlamat tersebut juga berada pada tahap sederhana.

Kajian ini mendapati bahawa tahap remaja memulakan pekerjaan walaupun dia berghairah untuk melakukan pencapaian suatu matlamat adalah sederhana. Ini menandakan bahawa remaja kurang memiliki motivasi sebagaimana kajian Bowlin dan Baer (2012). Lebih lanjut, Bowlin dan Baer (2012) mengemukakan bahawa motivasi melibatkan adanya ghairah yang tinggi tentang keupayaan melakukan pencapaian matlamat. Dalam mencapai matlamat pun, tahap kemahiran remaja dalam merancang bagaimana mencapai matlamat adalah sederhana. Selari dengan dapatan kajian ini bahawa tahap kemahiran remaja dalam membuat perancangan untuk mencapai semua matlamat yang penting adalah sederhana. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran remaja-remaja dalam membuat perancangan dan pentingnya membuat perancangan dalam mencapai matlamat adalah sederhana. Ini disokong oleh kajian Wittmann et al. (2014) yang mengemukakan bahawa dengan kemahiran membuat perancangan yang sederhana merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kreativiti, fleksibiliti dan keupayaan dalam pengaturan kendiri pada tahap sederhana.

Kajian ini telah mengenal pasti tahap pengaturan sendiri Kajian dijalankan terhadap remaja yang tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data diperoleh daripada mengedarkan satu set soal selidik dan dianalisis menggunakan SPSS 24.0. Kajian ini telah mendapatkan hasil iaitu pengaturan sendiri dan pengurusan tingkah laku remaja di kawasan bandar adalah sederhana. Manakala hasil yang lain menunjukkan bahawa tahap pengaturan sendiri memiliki hubungan dan sumbangan yang signifikan terhadap pengurusan tingkahlaku murid. Oleh itu, hasil kajian ini agar diambil perhatian yang serius oleh pihak-pihak berkenaan sama ada murid, ibu bapa, guru dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim bin Abdul Rahman. 2000. Rancangan Pendidikan Individu (RPI). *Jurnal Akademik Maktab Perguruan Ilmu Khas XVIII*: 1-15.
- Alrajhi, M. & Aldhafri, S. 2015. Academic and social self-concept: Effects of teaching styles and gender in English as a foreign language setting. *Journal of Psychology in Africa* 25(1): 44-49.
- Arens, K.A., Yeung, A.S., Craven, R.G. & Hasselhorn, M. 2011. The twofold multidimensionality of academic self-concept: Domain specificity and separation between competence and affect components. *Journal of Educational Psychology* 103: 970-981.
- Bowlin, S.L. & Baer, R.A. 2012. Relationships between mindfulness, self-control, and psychological functioning. *Personality and Individual Differences* 52: 411-415.
- Chew Soo Mooi. 2006. Hubungan antara sikap dengan pencapaian mata pelajaran ekonomi tingkatan 6 di sebuah sekolah di Tawau, Sabah. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi 2019. Ringkasan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Novak, S.P. & Clayton, R.R. 2001. The influence of school environment and self-regulation on transitions between stages of cigarette smoking: A multilevel analysis. *Health Psychology* 20: 196-207.
- Mazli Sham Abdullah. 2019. Kemahiran Membuat Keputusan, Pengaturan Kendiri, Kerohanian Dalam Pengurusan Tingkah Laku Dalam Kalangan Remaja di kawasan bandar Sekolah Menengah.
- Mohd Zin, Nor Azrul & Tajari, Arvin & Kamaruddin, Siti. (2019). Belia dan Cabaran Mendepani Isu Miskin Bandar di Malaysia (Youth and challenges addressing urban poor issues in Malaysia).
- Saemah Rahman. 2004. Hubungan antara meta kognisi, motivasi dan pencapaian akademik pelajar universiti. Tesis Dr. Fal. Universiti Malaya.

- Saemah Rahman & Phillips, J.A. 2006. Hubungan antara kesadaran meta kognisi, motivasi dan pencapaian akademik pelajar universiti. *Jurnal Pendidikan* 31: 21-39.
- Rogers, D. 1962. *The Psychology of Adolescence*. New York: Appleton-Century-Crofts.
- Wiersma, W. 2000. *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Wittmann, M., Peter, J., Gutina, O., Otten, S., Kohls, N. & Meissner K. 2014. Individual differences in self-attributed mindfulness levels are related to the experience of time and cognitive self-control. *Personality and Individual Differences* 64: 41–45.
- Woolfolk. A.E. 1993. *Educational Psychology*. Jakarta: Allyn dan Bacon.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1: 115-140.
- Zakri Abdullah. 2014. Kemahiran meta-tingkah laku, kemahiran membuat keputusan dan tingkah laku disiplin pelajar. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zimmermann, B.J. 2000. Attaining self-regulation: A social cognitive perspective. In. M. Boekaerts P.R. Pintrich & M. Zeidner. *Handbook of Self-regulation*. San Diego, CA: Academic Press.
- Zimmerman, B.J., & Kitsantas, A. 2014. Comparing students' self-discipline and self-regulation measures and their prediction of academic achievement. *Contemporary Educational Psychology* 39(2): 145–155.

## Hubungan Faktor Tekanan Akademik Dengan Kebimbangan Dalam Kalangan Siswa Pendidik Di Institut Pendidikan Guru

Nadiana Bujang<sup>1</sup>, Norisham Abd Ghani<sup>2</sup>, Norhanita Othman<sup>3</sup>,  
Zaipul Hasni Mat Salleh<sup>4</sup>, Nor Hafizah Mohammad Hanafi<sup>5</sup>

<sup>12345</sup>*Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*

<sup>1</sup>*nadiana.bujang@moe.gov.my*; <sup>2</sup>*norisham.ghani@moe.gov.my*,

<sup>3</sup>*anita.othman@moe.gov.my*, <sup>4</sup>*zaipulhasni@moe.gov.my*, <sup>5</sup>*hafizah.hanafi@moe.gov.my*

### ABSTRAK

*Pencapaian akademik merupakan tuntutan utama dalam memastikan siswa pendidik guru bersedia untuk menyebarkan ilmu kepada anak-anak didik mereka dalam dunia pendidikan sebenar. Namun, dalam kesungguhan mereka mendalami ilmu akademik di Institut Pendidikan Guru, ia turut memberi kesan pada emosi mereka. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan tekanan akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stress dalam kalangan siswa pendidik di Institut Pendidikan Guru. Data dikumpulkan melalui tinjauan yang disertai oleh 279 siswa pendidik Semester 1, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dan Semester 1, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Lembah Klang. Kajian ini menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis data. Tinjauan faktor akademik ini mempunyai 32 soalan, manakala Ujian DASS 21 mempunyai 21 soalan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan di antara faktor akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stres. Dapatan kajian ini dapat dijadikan garis panduan bagi kaunselor di Institut Pendidikan Guru untuk tujuan merangka program dan aktiviti pembangunan, perkembangan, pencegahan dan intervensi bagi kesejahteraan siswa pendidik di Institut Pendidikan Guru.*

**Kata Kunci:** *Faktor Akademik; Kemurungan; Kebimbangan; Stres*

## PENGENALAN

Siswa pendidik merupakan kumpulan bakal guru yang bersiap siaga untuk menghadapi cabaran pendidikan dalam mendidik pembangunan diri dan psikologi murid-murid di sekolah. Justeru, siswa pendidik perlu memastikan mereka adalah individu yang sangat layak untuk digelar guru bukan sahaja dari aspek keperibadian malahan juga dari aspek keupayaan menguasai ilmu. Dalam usaha siswa pendidik membina jati diri sebagai guru yang berwibawa pastinya pelbagai cabaran perlu dihadapi, antara cabaran yang paling getir adalah tekanan akademik. Mohammad Arif & Sa'odah Ahmad (2019) menyatakan bahawa faktor utama yang mempengaruhi kesejahteraan diri pelajar adalah persepsi diri akademik. Dapatan ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Harikiran, Srinagesh, Nagesh & Sajudeen (2012) yang turut mendapati faktor akademik paling kerap dilaporkan sebagai faktor yang menyumbang kepada tekanan dan kebimbangan dalam kalangan pelajar.

Isu akademik dalam kalangan siswa pendidik perlu diberikan perhatian kerana faktor ini adalah antara yang dikenal pasti sebagai faktor dominan yang mendorong kepada tekanan dalam kalangan pelajar, diikuti oleh faktor fizikal, sosial dan emosi (Wafi & Rohayah, 2019). Antara isu dalam faktor akademik adalah terlalu banyak tugas yang diberikan oleh pensyarah, persaingan dengan pelajar lain, kegagalan dan hubungan persahabatan yang renggang dengan rakan sebaya, peperiksaan dan harapan ibubapa dan pensyarah (Fairbrother & Warn, 2003). Isu-isu ini perlu ditangani dengan sebaiknya kerana berkemungkinan ia memberi kesan pada kestabilan emosi mereka. Ini bersesuaian dengan dapatan kajian Morbiditi Kementerian Kesihatan Malaysia 2017 yang melibatkan 5.5 juta remaja, telah menunjukkan 36.6% remaja mengalami kemurungan, 79.4% mengalami kebimbangan, dan 19.2 % mengalami stres. Dalam kajian yang sama, tinjauan tentang idea membunuh diri meningkat kepada 10%, manakala merancang membunuh diri meningkat kepada 7.3% manakala tingkah laku cubaan membunuh diri meningkat kepada 6.9 %.

Walaupun kajian ini melibatkan isu kesihatan mental remaja, namun dalam konteks kehidupan siswa pendidik, faktor akademik adalah merupakan faktor yang boleh memberi kesan pada kesihatan mental mereka. Ini bertepatan dengan pandangan yang mengatakan bahawa pelajar dilihat sebagai individu yang mudah dipengaruhi oleh kemurungan (Herrmann, Déchelott, Ladner & Tivolacci, 2019), kebimbangan (Adeoye-Agboola & Hala, 2015) dan stres (Bhargava & Trivedi, 2018). Menurut Hashim (2016) tahap kebimbangan yang tinggi mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik. Oleh itu, dirumuskan bahawa apabila

ketidakstabilan emosi berlaku, keadaan ini dibimbangi menjejaskan kefungsiian pelajar dalam perhubungan dengan ahli keluarga, rakan-rakan serta persekitaran mereka. Justeru, pelajar yang berhadapan dengan masalah kemurungan, kebimbangan dan stres ini perlu didekati dan dibantu dengan efektif agar emosi yang mereka alami tidak bertambah berat dan boleh memberikan kesan terhadap masa hadapan mereka.

Sehubungan itu, pengkaji mendapati adalah perlu untuk menjalankan kajian yang berkaitan dengan faktor akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan Siswa Pendidik. Ini kerana berdasarkan pembacaan literatur, pengkaji mendapati kajian yang dijalankan berkaitan faktor akademik dengan kesihatan mental dalam kalangan kumpulan ini belum dijalankan oleh mana-mana pengkaji di negara ini. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji hubungan faktor akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan siswa pendidik di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

### **Objektif Kajian**

Mengenal pasti hubungan faktor akademik dengan tahap kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan siswa pendidik di Institut Pendidikan Guru.

### **Persoalan kajian**

Adakah terdapat hubungan antara faktor akademik dengan kemurungan kebimbangan dan stres dalam kalangan siswa pendidik Institut Pendidikan Guru?

### **Hipotesis Kajian**

Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan siswa pendidik.

### **Kajian Lepas**

Faktor akademik dalam kalangan pelajar adalah tidak asing lagi dan sering mendapat liputan di media massa dan menjadi pilihan topik kajian oleh pengkaji-pengkaji dalam dunia penulisan akademik. Antara isu-isu yang sering diperkatakan adalah tugas yang banyak, jam pembelajaran yang bertambah, peperiksaan, isu bahasa, ponteng dan lain-lain lagi (Campbell, Svenson, & Jarvis, 1992). Galloway, Conner & Pope (2013) menyatakan bahawa tugas yang banyak adalah penyebab tekanan akademik pelajar. Selain daripada itu, dalam

suatu kajian yang lain pula menyatakan ponteng adalah tanda-tanda kebimbangan dalam diri pelajar (IBCCES, 2020).

Pascoe, Hetrick & Parker (2020) pula telah menjalankan kajian bertajuk *Kesan Tekanan Terhadap Pelajar Di Sekolah Menengah Dan Pendidikan Tinggi*. Hasil kajian mendapati pelajar di sekolah menengah dan pengajian tinggi menghadapi pelbagai tekanan berterusan yang berkaitan dengan tuntutan akademik. Kajian menunjukkan bahawa tekanan akademik dapat menurunkan pencapaian akademik, mengurangkan motivasi dan meningkatkan risiko sekolah tercicir. manakala kesan jangka panjang pula, kemungkinan berkurang pekerjaan mampan sehingga meningkatkan kos kepada kerajaan.

Selain komitmen akademik, bebanan kewangan, pengurusan masa yang lemah dan isu-isu perhubungan adalah antara penyebab pelajar menghadapi tekanan dalam sesuatu masa dalam setiap semester. Menurut Campbell & Svenson (1992), kesihatan dan prestasi akademik akan terjejas disebabkan tahap stres yang tinggi. Dalam kajian yang lalu menyatakan bahawa tahap kebimbangan seseorang pelajar itu berbeza mengikut faktor tekanan akademik yang dihadapi (Yumba, 2008). Dalam kajian I'zzatul, Nurul Azuwa & Norhayati Yusof (2020) juga menyatakan faktor akademik adalah punca stres pelajar di Politeknik.

Shamzaeffa Samsudin dan Tan (2016) telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan antara tahap kesihatan mental dan prestasi pelajar Sarjana Muda di Universiti Utara Malaysia. Kajian ini melibatkan 316 responden dengan menggunakan Soal Selidik Kesihatan Umum 12-item (12-item General Health Questionnaire (GHQ-12)) untuk mengukur tahap kesihatan mental dan prestasi pula diukur berdasarkan Purata Mata Gred Terkumpul (PMK). Analisis kajian menggunakan dua kaedah iaitu deskriptif dan inferensi regresi dengan menggunakan Model Probit. Hasil kajian ini secara deskriptifnya mendapati 36.08% (70) orang pelajar yang memiliki PMK kurang daripada 3.67, berada pada tahap kesihatan mental yang baik manakala 63.92% (124) orang berada pada tahap kesihatan mental yang kurang baik. Sementara itu, bagi responden yang mendapat PMK 3.67 dan ke atas, hasil kajian menunjukkan 67.21% (82) berada pada tahap kesihatan mental yang baik dan selebihnya 32.79% (40) berada pada tahap kesihatan mental yang kurang baik. Melalui model probit, kajian ini mendapati tahap kesihatan mental yang diukur menggunakan GHQ-12, adalah signifikan yang memberi maksud semakin kurang baik tahap kesihatan mental, semakin kurang kebarangkalian mendapat PMK 3.67 ke atas. Pengkaji menyimpulkan kesihatan mental pelajar sangat penting kerana kesan dari kesihatan yang lemah atau teruk, akan memberi kesan negatif kepada diri pelajar dan khususnya faktor akademik.

Walaupun penulisan kajian di atas menunjukkan terhadap hubungan yang signifikan antara faktor akademik dan kesihatan mental pelajar, berlainan pula dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Nor Akma Abd Shukor, Norashikin Amir & Wildatunnur Irwansyah (2019). Mereka telah menjalankan kajian untuk melihat tahap kemurungan dan tekanan pelajar di sebuah kolej Institusi Pendidikan Tinggi. Hasil dapatan menunjukkan tahap tekanan dan kemurungan pelajar berada dalam keadaan yang normal manakala tahap kebimbangan berada pada tahap ringan. Kajian hubungan pula menunjukkan hubungan yang lemah antara tekanan ( $r=1.43$ ), kebimbangan ( $r=0.73$ ) dan kemurungan ( $r=1.32$ ) dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan dengan dapatan kajian yang dinyatakan oleh Izzatul et al. (2020)

## **Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian ini memberi gambaran tentang faktor akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stres. Kajian ini juga dapat memberikan ruang kepada kaunselor di kampus untuk peka dan prihatin terhadap kesejahteraan emosi dengan merancang, mempromosi dan melaksanakan sesi kaunseling dan program pengembangan, pencegahan, pemulihan dan intervensi secara proaktif kepada siswa pendidik yang memerlukan. Hal ini sedikit sebanyak dapat mengubah stigma tentang perkhidmatan kaunseling sekaligus dapat membantu organisasi mengenal pasti siswa pendidik yang memerlukan sokongan.

## **Definisi Operasional**

### Faktor Akademik

Dalam kajian ini, faktor akademik merujuk kepada beban tugasan, gred rendah, jam pembelajaran yang berlebihan, kesukaran dari segi bahasa, kekurangan sokongan Institusi pengajian, peperiksaan, esei yang banyak, tidur lewat menyiapkan penulisan dan tidak menghadiri kuliah.

### Kemurungan

Kemurungan dalam konteks kajian ini memberi maksud emosi keletihan, kesedihan yang berpanjangan, cepat marah serta kehilangan minat dalam kegiatan harian (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012) yang boleh mengganggu psikologi seseorang pelajar seperti melambatkan aktiviti pergerakan serta mengganggu tahap pemikiran normal seseorang Siswa Pendidik di Institut Pendidikan Guru.

### Kebimbangan

Kebimbangan adalah respons badan secara semula jadi kepada tekanan (Holland, 2020). Ia juga merupakan rentetan kepada perasaan takut dan bimbang akan

perkara yang belum terjadi (Cloninger, 1988). Menurut (Meriam-Webster, 2020) kebimbangan adalah perasaan yang bercampur baur dengan keraguan, ketakutan dan tidak selesa. Kebimbangan dalam konteks kajian ini merujuk pada emosi bimbang yang mengurangkan motivasi pelajar dan boleh memberi kesan pada kehidupan Siswa Pendidik di Institusi Pendidikan Guru.

### Stres

Merujuk kepada Hans Selye (1974), tekanan atau stres didefinisikan sebagai “sesuatu reaksi yang tidak spesifik oleh diri seseorang disebabkan oleh bebanan yang menyimpannya” yang telah dirujuk daripadanya. Manakala A.S Hurnby (2007) pula mendefinisikan tekanan atau sebagai satu desakan, usaha, tuntutan ke atas keupayaan fizikal atau mental. Dalam konteks kajian ini, stres bermaksud emosi tertekan yang berkaitan dengan faktor akademik Siswa Pendidik di Institusi Pendidikan Guru.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kuantitatif. Kajian ini dijalankan dalam bentuk tinjauan. Kumpulan sasaran bagi kajian ini adalah terdiri daripada siswa pendidik Institut Pendidikan Guru Malaysia di sekitar zon tengah, Semenanjung Malaysia. Institut Pendidikan Guru Malaysia merupakan sebuah institusi pendidikan yang melatih bakal-bakal guru sekolah rendah. Responden kajian ini adalah seramai 279 siswa pendidik Semester 1, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dan Semester 1, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Lembah Klang. Seramai 229 (82.1%) orang responden adalah siswa pendidik perempuan dan 50 (17.9%) orang adalah siswa pendidik lelaki. Responden kajian ini di pilih secara persampelan rawak mudah dengan memilih responden yang berada di sekitar zon tengah untuk memudahkan pentadbiran responden.

Bagi menjawab objektif kajian ini ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara faktor akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stres siswa pendidik, beberapa soal selidik yang bersesuaian telah diambil kira. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Faktor Akademik) dan Bahagian C (Ujian Saringan DASS21).

Dalam bahagian A, responden diminta untuk memberikan maklumat berkaitan latar belakang responden seperti jantina, program yang diikuti dan sebab memilih bidang pendidikan. Dalam bahagian B mengandungi soalan-soalan yang

berkaitan dengan faktor-faktor tekanan akademik. Instrumen yang digunakan dalam bahagian ini dibangunkan oleh Yumba (2010) yang mengandungi 32 soalan yang dikelaskan kepada empat faktor tekanan akademik yang utama iaitu faktor berkaitan dengan orang lain, faktor peribadi, faktor akademik, dan faktor persekitaran. Namun dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan satu konstruk sahaja iaitu Faktor Akademik yang menggunakan skala *Likert* (1= Sangat tidak setuju dan 5= Sangat setuju)

Dalam bahagian C, alat yang digunakan adalah soal selidik *Depression, Anxiety, Stress Scale (DASS 21)* dengan menggunakan skala *Likert* (0= tidak pernah sama sekali dan 3 = kerap) Pengkaji telah mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian ini di kampus-kampus Zon Tengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Responden telah menjawab soal selidik ini melalui pautan dalam talian *google form* untuk memudahkan pengumpulan data.

Kajian ini menggunakan kaedah inferensi untuk menganalisis data responden. Kaedah deskriptif hanya digunakan untuk melaporkan demografi responden. Analisis data inferensi dilakukan dengan menggunakan kaedah Korelasi Pearson untuk melihat hubungan antara faktor Akademik dengan Kemurungan, Kebimbangan dan Stres dalam kalangan siswa pendidik di IPG.

## KEPUTUSAN KAJIAN

**Jadual 1: Taburan Responden Kajian Berdasarkan Jantina**

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	50	17.9
Perempuan	229	82.1

Responden yang digunakan dalam kajian ini adalah siswa pendidik yang berada di Institusi Pendidikan Guru Zon Tengah. Seramai 279 orang telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan bahawa 17.9% atau 50 orang daripada keseluruhan jumlah responden adalah lelaki dan 82.1% atau 229 orang responden perempuan.

**Jadual 2: Taburan Responden Kajian Berdasarkan Program**

<b>Program</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
PPISMP	153	54.8
PISMP	126	46.2

Bagi program yang sedang diikuti, 54.8% atau 153 orang adalah dalam program persediaan ijazah sarjana muda perguruan. Manakala 46.2% atau 126 orang adalah dalam program ijazah sarjana muda perguruan. Data ini ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Hipotesis Kajian** - Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan siswa pendidik

**Jadual 3: Dapatan Ujian Korelasi Antara Faktor Akademik Dengan Kemurungan, Kebimbangan Dan Stres Dalam Kalangan Siswa Pendidik**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Kemurungan</b>	<b>Kebimbangan</b>	<b>Stres</b>
Faktor Akademik	.422**	.347**	.397**

Jadual 3 menunjukkan keputusan analisis korelasi Pearson yang positif di antara faktor akademik dengan Kemurungan ( $r = .422, p < .05$ ), Kebimbangan ( $r = .347, p < .05$ ) dan Stres ( $r = .397, p < .05$ ) dalam kalangan siswa pendidik. Ini menunjukkan faktor akademik siswa pendidik mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan siswa pendidik. Oleh itu, hipotesis kajian ini ditolak. Walau bagaimanapun, hubungan korelasi yang ditunjukkan berada di tahap sederhana sebagaimana tafsiran perkaitan yang dikemukakan oleh Chua (2011). Menurutnya, nilai 'r' yang berada dalam lingkungan 0.30 hingga 0.49 diinterpretasikan sebagai mempunyai perkaitan yang sederhana.

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor akademik pelajar dengan kemurungan, kebimbangan dan stres. Berdasarkan kajian-kajian yang lalu, kebanyakan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara faktor akademik dengan kesihatan mental pelajar (Galloway, Conner & Pope 2013; Campbell & Svenson, 1992; Pascoe, Hetrick & Parker, 2020; I'zzatul, Nurul Azuwa & Norhayati Yusof, 2020). Dapatan ini menyokong kajian-kajian tersebut. Ini menunjukkan bahawa bebanan emosi remaja pelajar secara umumnya berkaitan dengan faktor akademik mereka.

Dalam konteks kajian ini, walaupun faktor akademik adalah merujuk pada faktor yang menjadi penentu pada pencapaian akademik pelajar, namun pengkaji melihat ianya isu yang perlu diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sungguhpun dapatan kajian ini menunjukkan hubungan yang sederhana antara kedua pemboleh ubah ini, namun secara statistik, ia tetap mempunyai hubungan yang positif. Ini bermakna semakin tinggi faktor akademik yang dihadapi, semakin berat emosi kemurungan, kebimbangan dan stres yang dialami. Hasil dapatan ini selari dengan pengalaman pengkaji semasa menjalankan sesi kaunseling dengan pelajar siswa pendidik semester satu. Melalui pengalaman ini, pengkaji mendapati terdapat isu-isu kesihatan mental siswa pendidik khususnya yang berada di semester satu, perlu diberikan fokus dan ketelitian. Jika ini tidak dilakukan, dibimbangi akan memberi kesan pada pembangunan emosi siswa pendidik sehingga mereka berada dalam dunia keguruan sebenar. Ini kerana kestabilan emosi guru mampu mencetuskan budaya kerja sihat di sekolah dan dapat melahirkan modal insan yang berwibawa, bijak dan berkualiti memberi sumbangan pada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat (Norisham, 2018).

## KESIMPULAN & CADANGAN

Kehebatan seorang pelajar bukan sahaja bergantung pada keupayaan diri mereka sendiri tetapi juga terletak pada hebatnya seorang pendidik yang mencurahkan ilmu untuk melestarikan kemenjadian murid. Justeru, untuk menyediakan siswa didik yang mampu mendidik seperti yang dihasratkan dalam visi Kementerian Pendidikan Malaysia, emosi mereka perlu diuruskan dengan baik. Kebijaksanaan bukan sahaja tertumpu pada status akademik namun yang lebih utama pada kematangan emosi. Kedua-dua faktor ini berkait antara satu sama lain. Ini jelas seperti yang diperoleh dalam dapatan kajian ini yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor akademik dengan Kemurungan, kebimbangan dan stres.

Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah dalam memilih responden kajian. Walau bagaimanapun, kajian yang telah dijalankan ini juga mempunyai responden yang kecil disebabkan kekangan masa dalam mengutip data. Justeru, adalah dicadangkan untuk kajian akan datang untuk menggunakan sampel yang lebih besar dalam kalangan siswa pendidik di pendidik Institut Pendidikan Guru seluruh negara. Kajian yang lebih menyeluruh akan memberikan gambaran yang lebih komprehensif berkaitan faktor akademik dan isu kesihatan mental siswa pendidik.

Di samping metodologi kajian yang perlu dipelbagaikan, berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stres, maka adalah dicadangkan juga agar strategi menangani kesihatan mental perlu dibangunkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Strategi ini dikenali sebagai strategi kemahiran berdaya tindak atau *coping skills*. Sabitha (1995) mencadangkan bahawa strategi yang dibangunkan akan dapat merangsang sikap dan pemikiran individu secara positif dan sekaligus dapat mengurangkan tekanan yang dialami. Oleh itu, Unit Kaunseling Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus boleh mengadakan program-program motivasi diri dan pengurusan masa yang lebih baik bagi meningkatkan keyakinan dan persepsi diri yang positif supaya pelajar lebih bersedia dalam menghadapi sebarang cabaran dan tekanan dalam kehidupan di kampus.

## RUJUKAN

- Adeoye-Agboola , D. I., & Hala, E. (2015). The Relationship Between Anxiety and Academic Performance of Postgraduate International Students in a British University: A Cross-Sectional Quantitative Design. *Science Journal of Public Health*, 331-338.
- Agolla, E.J., & Organi, H. (2009). An Assessment of academic stress among undergraduates students: The Case of University Bostwana. 63-70.
- Ahmad Hazuad Salleh & Dini, Rahiah Kadir. (2014). *Kajian mengenai hubungan antara kemurungan, kebimbangan dan tekanan dengan tret personaliti di kalangan pelajar tahun akhir fakulti pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*. International Counseling Conference and Work. Diperolehi pada 19 Ogos 2020 daripada <http://digilib.unimed.ac.id/4756/1/Fulltext.pdf>
- Asrizal Aris. 4.2 *Juta Kemurungan*. Diperolehi pada 22 Ogos 2020 daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/04/223900/42-juta-kemurungan>
- A.S. Hurnby. 2007. Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay Dictionary.
- Bhargava, D., Trivedi, H. (2018). A Study of Causes of Stress and Stress Management among Youth. *IRA- International Journal of Management & Social Sciences*. 11(3), 108-117
- Bedewy, D., & Gabriel, A. (2015). *Examining perception of academic stress and its sources among university student: The Perception of Academic Stress Scale*. Di perolehi pada 19 Mac 2020 daripada <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/2055102915596714>
- Burrows, G. D., Noyes, R., & Roth, M. (1988) *Handbook of Anxiety*. Volume 2, Classification, Etiological Factors And Associated Disturbances Amsterdam : Elsevier Science. Diperolehi pada 22 Januari 2020 daripada <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S1526590005005924>

- Campbell, R. L., Svenson, L. W., & Jarvis, G. K. (1992). *Perceived Level of Stress among University Undergraduate Students in Edmonton, Canada*. Volume: 75 issue: 2, page(s): 552-554.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Mc Graw Hill Education: Kuala Lumpur Fairbrother, K. & Warn, J. (2003). *Workplace dimension: Stress and Job satisfaction*. *J. Management Psychol*, 18(1), 8-21.
- Galloway M, Conner J & Pope D (2013) Nonacademic Effects of Homework in Privileged, High-Performing High Schools, *The Journal of Experimental Education*, 81:4, 490-510.
- Harikiran AG, Srinagesh J, Nagesh KS, & Sajudeen N. (2012) *Perceived sources of stress amongst final year dental undergraduate students in a dental teaching institution at Bangalore, India: a cross sectional study*. *Indian J Dent Res*.
- Herrmann, K., Déchelotte, P., Ladner, J. & Tavolacci, M.P. (2019) *Depression, Anxiety Stress And Associated Factors Among University Students In France*, *European Journal of Public Health*, Volume 29, Issue Supplement\_4, November 2019, Diambil pada 24 September 2020 daripada ckz186.555, <https://doi.org/10.1093/eurpub/ckz186.555>
- Hill, C. (2014). *School stress, Academic Performance and Coping in College Freshmen*. Cloninger, C. R. (1988). Diperolehi pada 22 Januari 2020 daripada <https://digscholarship.unco.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1089&context=urj>
- Holland, K. (2020, Jun 30). Everything you need to know about anxiety. Diperolehi pada 22 May 2020 daripada <https://www.healthline.com/health/anxiety>
- The International Board of Credentialing and Continuing Education Standards. Diperolehi pada 12 May 2020 daripada [https://academic.oup.com/eurpub/article/29/Supplement\\_4/ckz186.555/5623809](https://academic.oup.com/eurpub/article/29/Supplement_4/ckz186.555/5623809)
- May Psychic Parapsychologist. (2020). Retrieved from Punca Kebimbangan Ujian dan Akademik Tekanan - Sumber pelajar - 2020: <https://may.psychic-parapsychologist.com/causes-test-anxiety-21636>

- Meriam-Webster. (2020, August 12). Merriam-Webster. (n.d.). Anxiety. Retrieved from In Merriam-Webster.com dictionary.: [tps://www.merriam-webster.com/dictionary/anxiety](https://www.merriam-webster.com/dictionary/anxiety)
- Mohammad Arif Johari, & Sa'odah Ahmad (2019) *Persepsi tekanan akademik dan kesejahteraan diri di dalam kalangan pelajar universiti di Serdang, Selangor*. Diperolehi pada 15 Mac 2020 daripada <https://www.researchgate.net/publication/339175901>
- Muhammad Wafi Ramli, & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. (2020). Faktor tekanan dalam kalangan pelajar Universiti Sains Malaysia: Satu tinjauan awal. *Journal of Social Sciences and Humanities*, UKM, Vol. 17. No (7). 66-76.
- National Health Morbidity Survey 2017: Adolescent Health Survey. Kuala Lumpur: Institute for Public Health, Ministry of Health, Malaysia, 2017
- Nor Akma Abd Shukor, Norashikin Amir & Wildatunnur Irwansyah (2019) *Penilaian Hubungan Antara Elemen Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar di Kolej Komuniti Masjid Tanah* diperolehi pada 23 Oktober 2020 di <http://myjms.moe.gov.my/index.php/PKKJLLL/article/view/7397>
- Norisham Abd Ghani (2018). Faktor-faktor tekanan dalam kalangan guru di Malaysia. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*. Bil 9, 285-306.
- Pascoe, C.M., Hetrick, E.S. & Parker, G.A. Parker (2019) *The Impact Of Stress On Students In Secondary School And Higher Education* Pages 104-112 | Received 29 Jan 2019, Accepted 14 Mar 2019, Published online: 11 Apr 2019 Diperolehi dari <https://doi.org/10.1080/02673843.2019.159682>
- Rahil, H., Zaidatol, A., Lope, P., & Noran, F. Y. (2001). Tahap tekanan akademik dan kebimbangan pelajar mempelajari komponen teras kemahiran hidup. *Pertanika Journal*, 87-93.
- Rahim, A. Z., & Husna, N. M. (2015). Stress dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia. *Al 'Abqari Journal*, 39-53.

- Ranjita Misra, Linda g. Castillo. (2004). Academic stress among college students: comparison of American and International students. *International Journal of Stress Management*, 132-148.
- Rizkiyani, D., & Saragih, S. R. (2014). Stress Kerja dan Motivasi Kerja pada Petugas Lembaga Permasalahannya. *Jurnal Manajemen Maranatha*, 12(1).
- Sabitha Marican (1995) Kajian terhadap daya tindak stress dan perkaitannya dengan kepuasan kerja di tempat kerja di kalangan pentadbir. Laporan Projek. Universiti Utara Malaysia, Sintok. (Tidak diterbitkan)
- Selye, H. (1974). *Stress without distress*. Philadelphia: Lippincott.
- Shamzaeffa Samsudin & Tan, K.C.H. (2016). Hubungan Antara Tahap Kesihatan Mental dan Prestasi Pelajar Sarjana Muda: Satu Kajian di Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 14(1): 11-16
- Thakar, A. (2018). Academic Stress in Students. Diperolehi pada 15 Mac 2020 daripada <https://medium.com/one-future/academic-stress-in-students-498c34f064d7>
- Yumba, W. (2010). Academic stress: A case of the undergraduate students. Diperolehi pada 15 Mac 2020 daripada <https://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:556335/FULLTEXT01.pdf>

## Profil Personaliti Belia *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) Sebagai Bakal Pemimpin Masa Hadapan Negara

Sharifah Hanizah binti Syed Jaafar<sup>1</sup>, Linda binti Jamaludin<sup>2</sup>,  
Wan Mohd Agil bin Mat Yamin<sup>3</sup>, Nurrul Azwa Kassim<sup>4</sup>  
<sup>1234</sup>*Bahagian Psikologi Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*  
<sup>1</sup>*shanzah.sjaafar@moe.gov.my, <sup>2</sup>linda.jamaludin@mohe.gov.my,*  
<sup>3</sup>*agil.myamin@moe.gov.my, <sup>4</sup>azwa.mkassim@mohe.gov.my*

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tret personaliti belia sebagai bakal pemimpin masa hadapan negara. Kajian ini telah dijalankan terhadap 199 orang belia yang merupakan murid sekolah di seluruh Malaysia yang mengikuti program Program Sekolah Pemimpin Masa Depan atau Malaysia Future Leaders School (MFLS). Subjek kajian terdiri daripada pelajar berusia di antara 15 hingga 17 tahun dipilih secara rawak mudah untuk memberi respon kepada Instrumen Profil Personaliti Tajma. Dapatan kajian menunjukkan tret personaliti yang dominan bagi belia bagi program MFLS adalah tret patriotisme, silang budaya dan prihatin. Implikasi dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk merancang dan merangka dasar, polisi dan program-program kempimpinan belia, di samping merangka strategi intervensi kepada belia berdasarkan tret personaliti dan keperluan psikologikal mereka. Cadangan kajian pada masa akan datang adalah melaksanakan kajian kuantitatif berbentuk inferensi untuk membuat generalisasi dan kualitatif berbentuk kajian kes bagi meneroka mendalam tret personaliti belia MFLS.*

**Kata Kunci:** *Tret Personaliti; Instrumen Profil Personaliti Tajma; Belia MFLS*

## PENGENALAN

Belia merupakan aset penting bagi sesebuah negara kerana mereka bakal menggantikan pemimpin serta menentukan hala tuju negara pada masa hadapan. Mengikut Dasar Belia Malaysia, (2015), umur bagi belia di Malaysia adalah antara 15 hingga 30 tahun. Golongan belia sering diberikan penekanan dan perhatian khusus oleh kerajaan dalam usaha melahirkan belia yang mempunyai kualiti kepimpinan. Pada 11 Julai 2018, keputusan Jemaah Menteri bahawa program MFLS merupakan program menggantikan Biro Tata Negara (BTN) dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang bertujuan untuk membina jati diri sebagai persediaan pemimpin di masa hadapan negara.

Program-program pembangunan belia menyediakan diri belia menghadapi cabaran ke arah kematangan diri dan mencapai potensi sebagai pemimpin negara. Roselena Mansor & Mohd Izham Mohd Hamzah (2015) telah mengenal pasti lima kompetensi utama yang perlu ada pada pemimpin berkualiti iaitu berpengetahuan, berkemahiran, berkeperibadian positif, menyumbang kepada organisasi dan kesanggupan memimpin. Manakala, kajian Eddy (2013) mendapati kompetensi kepimpinan hendaklah dibangunkan melalui latihan, pemerolehan ilmu pengetahuan dan pengalaman sepanjang perkhidmatan di organisasi.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengambil inisiatif untuk merangka dan memperkenalkan program baharu bagi memupuk nilai moral dan semangat patriotisme yang tinggi dikenali sebagai Program Sekolah Pemimpin Masa Depan atau *Malaysia Future Leaders School* (MFLS). MFLS merupakan program baharu yang dibentuk untuk melahirkan pemimpin belia yang boleh menyumbang sebagai rakan strategik dalam pembangunan negara serta berkeupayaan berperanan di peringkat antarabangsa di samping membentuk generasi belia yang lebih berwawasan dan mempunyai nilai jati diri yang tinggi. Program ini merupakan kerjasama antara KBS dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pelaksanaan program MFLS melibatkan kumpulan sasar belia berumur antara 15 hingga 17 tahun dan terbahagi kepada tiga peringkat pelaksanaan saringan iaitu Peringkat Pertama atau *Tier 1* bertujuan untuk mengenal pasti belia yang efektif dalam pengurusan diri berdasarkan elemen pencapaian akademik, kegiatan kokurikulum, sahsiah dan kecergasan fizikal. Peringkat ini dilaksanakan oleh pihak sekolah dengan melibatkan pelajar berumur 15 hingga 17 tahun.

Peringkat Kedua atau *Tier 2* merupakan peringkat yang bertujuan membangunkan belia untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti dan masyarakat. Peringkat ini dilaksanakan menggunakan modul khusus bagi melahirkan pemimpin dalam kalangan belia yang mempunyai keupayaan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif, mahir berkomunikasi, mengamalkan nilai-nilai murni, serta mempunyai semangat kesukarelawanan. Pada peringkat ini peserta akan mengikuti program selama 10 hari melibatkan aktiviti *indoor* dan *outdoor* di kem-kem yang telah ditetapkan. Seterusnya, peringkat ketiga atau *Tier 3* yang bertujuan melahirkan pemimpin belia sebagai rakan strategik dalam pembangunan negara dan berkeupayaan berperanan ke peringkat antarabangsa. Pada peringkat ini, peserta akan melalui pelbagai program di peringkat yang lebih tinggi mencakupi elemen kepimpinan, komunikasi, kenegaraan, pembinaan karakter, kesukarelawanan, keusahawanan dan pengantarabangsaan.

Justeru, salah satu komponen dalam program MFLS adalah untuk mengenal pasti tret-tret personaliti belia sebagai bakal pemimpin masa hadapan negara. Melalui pengukuran psikologi dapat membantu individu memahami dan mengenal pasti kekuatan serta kekurangan diri untuk menjana potensi yang ada ke arah kesejahteraan emosi, tingkah laku dan pemikiran dalam konteks hubungan interpersonal dan intrapersonal serta persediaan sebagai pemimpin masa hadapan negara (Roberts, 2011).

## **Pernyataan Masalah**

Setiap individu mempunyai keunikan dan potensi yang perlu digilap dan dibangunkan. Personaliti merupakan salah satu elemen penting dalam membangunkan belia sebagai pemimpin. Personaliti adalah keunikan seseorang dari aspek pemikiran, emosi, tingkah laku serta sikap yang berbeza antara satu individu dengan individu yang lain (Lahey 2011). De Simone (2012) menjelaskan bahawa struktur personaliti seorang pemimpin hendaklah mempunyai pengetahuan, sikap, bijak membezakan kehendak dan keperluan, membuat keputusan, kemahiran intra dan interpersonal serta berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan penulisan dengan berkesan. Selain itu, kajian Tolan et al. (2016) menyatakan bahawa dalam membangunkan belia perlu mengutamakan potensi, bakat dan kemahiran yang dimiliki mempunyai kaitan dengan personaliti belia tersebut.

Namun, kajian-kajian lepas kurang memberi fokus kepada tret personaliti belia sebagai bakal pemimpin di masa hadapan yang menggunakan instrumen Profil Personaliti TAJMA. Hanya terdapat beberapa kajian yang menggunakan instrumen ini iaitu kajian Muhammad Nurulamin A Aziz & Ku Suhaila Ku Johari

2018) dan kajian (Hasbullah Haji Abu Kassim, Ahmad Syukran Baharuddin & Mohd Tajudin Ningal 2016). Keperluan menggunakan ujian psikologi adalah penting bagi mengenal pasti ciri-ciri personaliti bagi pemilihan bakal pemimpin masa hadapan negara.

Dalam konteks kajian ini, belia yang mengikuti program MFLS di peringkat Tier 3 telah mengambil ujian personaliti yang dibangunkan oleh Tajuddin Ninggal (2020) yang terdiri daripada 12 tret personaliti iaitu Asertif, Analitikal, Pencapaian, Keyakinan Diri, Kepimpinan, Jati diri, Silang Budaya, Prihatin, Integriti, Patriotisme, Kecelaruan dan Ketidakselarasan.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri tret personaliti belia di bawah program MFLS dengan menggunakan instrumen profil personaliti TAJMA.

### **Objektif Kajian**

1. Mengetahui demografi pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS.
2. Mengetahui profil tret personaliti mengikut dimensi dalam kalangan pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS.
3. Mengetahui tret personaliti yang dominan dalam kalangan pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS.

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah demografi pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS?
2. Apakah profil tret personaliti mengikut dimensi dalam kalangan pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS?
3. Apakah tret personaliti yang dominan dalam kalangan pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS?

### **Kepentingan Kajian**

Instrumen Profil Personaliti TAJMA bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri personaliti belia yang berpotensi sebagai bakal pemimpin masa hadapan negara. Melalui dapatan ini, para belia dapat mempunyai maklumat tentang tret-tret personaliti diri dan potensi diri untuk dipertingkatkan. Dapatan ini dapat membantu kaunselor-kaunselor untuk merancang dan melaksanakan intervensi kepada belia berdasarkan tret personaliti dan keperluan psikologikal mereka. Kajian ini turut

mempunyai kepentingan kepada para penyelidik, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta pemegang taruh yang bertanggungjawab untuk merangka dasar, polisi dan program-program intervensi berkaitan dengan belia sebagai pelapis pemimpin pada masa hadapan negara.

## **Teori**

Asas pembinaan instrumen Profil Personaliti TAJMA adalah berdasarkan Model Big Five yang terdiri daripada lima konstruk iaitu; (i) *openness to experience* atau keterbukaan pada pengalaman yang mewakili ciri-ciri karakter berkaitan dengan kreativiti, imaginatif dan pemikiran kritikal; (ii) *Conscientiousness* yang merupakan tret yang dikaitkan dengan pencapaian dan kebolehpercayaan; (iii) *Extraversion* adalah merupakan elemen personaliti yang mempamerkan karakter mudah didekati, aktif, suka pada keseronokan, asertif, mudah mesra, dan berkomunikasi dengan orang lain; (iv) *Agreeableness* atau persetujuan iaitu ciri-ciri personaliti ini mempunyai kecenderungan untuk menjadi orang yang lembut, mudah mempercayai, boleh dipercayai dan mudah menerima, bertolak ansur dan mudah bekerjasama dengan orang lain; (v) *Emotional Stability* atau kestabilan Emosi menunjukkan individu tersebut seorang yang positif, tenang, memiliki keyakinan diri, rasa selamat dan dikaitkan dengan kepuasan hidup.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif untuk mengenal pasti tret personaliti belia program MFLS melalui instrumen Profil Personaliti TAJMA.

### **Persampelan**

Responden kajian dipilih secara rawak mudah iaitu terdiri daripada 199 orang belia berumur 15 hingga 17 tahun dari seluruh Malaysia daripada peringkat tier 3. Pemimpin belia ini merangkumi pelbagai sekolah iaitu Sekolah Harian, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan lain-lain.

### **Material/ Instrumen/ Soal Selidik**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah Profil Personaliti TAJMA yang telah dibangunkan oleh Prof. Datuk Dr Mohd Tajudin Ninggal. Instrumen ini

mempunyai tiga versi iaitu Sekolah, Kolej dan Universiti serta Organisasi. Dalam konteks ini, Instrumen Profil Personaliti TAJMA versi Sekolah telah digunakan.

Profil personaliti TAJMA PPT3 mengukur tret personaliti berikut iaitu Asertif (AS), Analitikal (AN), Keyakinan Diri (KD), Kepimpinan (KP), Jati Diri (JD), Prihatin (PT), Silang Budaya (SB), Pencapaian (PN), Integriti (IG), Patriotisme (PM), Kecelaruhan (KC) dan Ketidakselarasan (KS).

Instrumen ini menggunakan skala likert iaitu “sangat setuju”, “setuju”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju”. Secara keseluruhan, kebolehpercayaan instrumen menunjukkan bahawa Alpha Cronbach adalah tinggi iaitu antara 0.8 - 0.9 (Mohd, P., Ninggal, T., & Oke, J. O., 2015): Nilai alpha melebihi 0.8 dianggap baik dan diterima (Pallant 2016; Sekaran & Bougie 2016).

### **Analisis Data/Cara Analisis**

Data dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan dan kekerapan. Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual bagi menggambarkan setiap dapatan.

## **DAPATAN KAJIAN, KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

### **Persoalan Kajian 1:**

Apakah profil demografi pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS?

### **1. Profil Demografi Responden**

**Jadual 1: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Lelaki	99	49.7
Wanita	100	50.3
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden yang mengikuti program MFLS iaitu seramai 199 orang. Dalam aspek jantina menunjukkan seramai 99 orang (49.7 %) terdiri daripada responden lelaki manakala seramai 100 orang (50.3%) terdiri daripada responden perempuan. Hasil dapatan menunjukkan bilangan responden mengikut jantina hampir sama yang mengikut program MFLS.

**Jadual 2: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Bangsa**

<b>Bangsa</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Melayu	161	80.9
Cina	12	6
India	8	4
Lain-lain	18	9
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 2 menunjukkan bilangan responden mengikut bangsa iaitu melayu seramai 161 orang (80.9 %), cina seramai 12 orang (6 %), india seramai 8 orang (4 %) dan lain-lain bangsa iaitu seramai 18 orang (9 %). Dapatan ini menjelaskan belia MFLS daripada bangsa melayu paling ramai mengikuti program MFLS, berbanding bangsa lain seperti cina, india dan lain-lain bangsa.

**Jadual 3: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Kategori Institusi Sekolah**

<b>Kategori Institusi</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
SMK	82	41.2
MRSM	51	25.6
SBP	45	22.6
Lain-lain	21	10.6
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 3 menunjukkan bilangan responden mengikut kategori institusi sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) seramai 82 orang (41.2 %), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) seramai 51 orang (25.6 %), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seramai 45 orang (22.6 %) dan lain-lain institusi iaitu seramai 21 orang (10.6 %). Dapatan ini menjelaskan responden daripada sekolah harian paling ramai mengikuti program MFLS, diikuti sekolah MRSM, SBP dan lain-lain institusi sekolah.

**Jadual 4: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Negeri**

<b>Negeri</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Perlis	4	2.0
Kedah	30	15.1
Pulau Pinang	28	14.1
Perak	39	19.6
Selangor	9	4.5
Negeri Sembilan	8	4.0
Melaka	6	3.0
Johor	10	5.0
Pahang	16	8.0
Terengganu	10	5.0
Kelantan	9	4.5
Sabah	10	5.0
Sarawak	15	7.5
Putrajaya / Cyberjaya	5	2.5
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4 menunjukkan bilangan responden mengikut negeri iaitu Perlis seramai 4 orang (2 %), Kedah seramai 30 orang (15.1 %), Pulau Pinang seramai 28 orang (14.1 %), Perak seramai 39 orang (19.6 %), Selangor seramai 9 orang (4.5 %), Negeri Sembilan seramai 8 orang (4.0 %), Melaka seramai 6 orang (3.0 %), Johor seramai 10 orang (5.0 %), Pahang seramai 16 orang (8.0 %), Terengganu seramai 10 orang (5.0 %), Kelantan seramai 9 orang (4.5 %), Sabah seramai 10 orang (5.0 %), Sarawak seramai 15 orang (7.5 %), dan Putrajaya/ Cyberjaya iaitu seramai 5 orang (2.5 %).

## Persoalan Kajian 2 :

Apakah jenis profil tret personaliti dalam kalangan pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS?

**Jadual 5: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Asertif**

Dimensi Asertif	n	%
Rendah	10	5.1
Sederhana	54	27.1
Tinggi	135	67.8
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 5 menunjukkan skor bagi tret personaliti TAJMA bagi dimensi asertif iaitu seramai 10 orang (5.1 %) adalah pada tahap rendah, seramai 54 orang (27.1 %) adalah pada tahap sederhana dan seramai 135 orang (67.8 %) adalah pada tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti asertif adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana dan rendah. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seseorang individu yang tegas dan tidak mudah mengalah. Individu ini tidak mudah bertolak ansur dengan orang lain terutama sekali apabila ianya berkaitan dengan kepentingan dan hak diri. Bagi responden

yang memiliki tret personaliti di tahap sederhana adalah seorang individu yang agak tegas dan asertif. Walau bagaimanapun, dalam banyak keadaan individu ini boleh bertolak ansur, mengambil kira perasaan orang lain walaupun melibatkan kepentingan dan haknya. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap rendah menunjukkan seseorang individu yang agak pasif. Dalam kebanyakan situasi, individu ini sangat mudah mengalah dan membiarkan diri mereka dimanipulasikan oleh orang lain dan mereka sanggup memendam perasaan daripada melahirkannya secara berterus terang.

**Jadual 6: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Analitikal**

<b>Dimensi Asertif</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Rendah	1	.5
Sederhana	17	8.5
Tinggi	181	90.9
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 6 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi analitikal iaitu seramai 1 orang (0.5 %) adalah pada tahap rendah, seramai 17 orang (8.5 %) adalah pada tahap sederhana, seramai 181 orang (90.9 %) adalah pada tahap tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti analitikal adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana dan rendah. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seseorang individu yang sangat peka dan berminat dengan perkara-perkara yang berlaku di sekeliling serta suka membuat pemerhatian dan menganalisa sesuatu perkara dengan terperinci. Individu ini suka memikirkan sesuatu secara kritis dan sangat berhati-hati dalam membuat sesuatu keputusan. Bagi responden yang memiliki tret personaliti di tahap sederhana adalah seorang individu yang peka dan berminat dengan perkara-perkara yang berlaku di sekeliling serta suka membuat analisa dan pemerhatian tentang apa yang berlaku. Individu juga agak berhati-hati apabila diminta untuk membuat sesuatu keputusan. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap rendah menunjukkan seseorang individu yang kurang berminat dengan perkara-

perkara yang memerlukan penelitian dan pemerhatian. Individu tersebut tidak suka menggunakan aktiviti mental atau memikirkan sesuatu secara mendalam dalam kehidupan seharian.

**Jadual 7: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Keyakinan Diri**

<b>Dimensi Keyakinan Diri</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Rendah	3	1.5
Sederhana	56	28.1
Tinggi	140	70.3
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 7 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi keyakinan diri iaitu seramai 3 orang (1.5 %) adalah pada tahap rendah, seramai 56 orang (28.1 %) adalah pada tahap sederhana dan seramai 140 orang (70.3 %) adalah pada tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti keyakinan diri adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana dan rendah. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seorang individu yang bermotivasi, sentiasa memamirkan pemikiran dan tingkah laku yang positif dan selalu melihat diri sebagai orang yang berjaya dan berkeyakinan diri. Bagi responden yang memiliki tret personaliti di tahap sederhana adalah seorang individu yang kebiasaannya memamirkan tahap keyakinan diri yang sederhana dan tahap keyakinan diri juga berubah-ubah bergantung kepada situasi dan meningkat apabila mendapat sokongan dari keluarga atau orang lain. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap rendah menunjukkan seseorang individu yang sering merendah diri, bimbang dan rasa bersalah dengan apa yang sedang dan telah dilakukan serta selalu berasa tidak yakin dengan kemampuan diri sendiri. Emosi individu ini juga agak kurang stabil dan sering menaruh prasangka negatif terhadap diri sendiri dan orang lain.

**Jadual 8: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Kepimpinan**

<b>Dimensi Kepimpinan</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Rendah	5	2.5
Sederhana	34	17.1
Tinggi	160	80.4
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 8 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi kepimpinan iaitu seramai 5 orang (2.5 %) adalah pada tahap rendah, seramai 34 orang (17.1 %) adalah pada tahap sederhana dan seramai 160 orang (80.4 %) adalah pada tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti kepimpinan adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana dan rendah. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seorang individu yang bercita-cita tinggi, suka mengawal, mempengaruhi dan memimpin orang lain dalam kebanyakan situasi. Bagi responden yang memiliki tret personaliti pada tahap sederhana adalah seorang individu yang suka mengawal dan memimpin orang lain sekiranya diberikan peluang bergantung mengikut kesesuaian tempat dan situasi. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap rendah menunjukkan seseorang individu yang lebih selesa dipimpin daripada memimpin dan dalam kebanyakan situasi mereka lebih suka akur dengan keputusan kumpulan, menurut arahan dan sedia bekerjasama dengan orang lain

**Jadual 9: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Jati Diri**

<b>Dimensi Jati Diri</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Rendah	4	2.0
Sederhana	27	13.6
Tinggi	168	84.4
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 9 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi jati diri iaitu seramai 4 orang (2.5 %) adalah pada tahap rendah, seramai 27 orang (13.6 %) adalah pada tahap sederhana dan seramai 168 orang (84.4 %) adalah pada tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti jati diri adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana dan rendah. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seorang individu yang mempunyai daya ketahanan mental dan emosi yang tinggi, tabah dan bersemangat apabila menghadapi sesuatu tekanan atau berhadapan dengan situasi sukar. Bagi responden yang memiliki tret personaliti pada tahap sederhana adalah seorang individu yang mempamirkan daya ketahanan mental dan emosi yang sederhana iaitu kebiasaannya individu tidak mudah mengaku kalah apabila berhadapan dengan sesuatu tekanan atau situasi sukar. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap rendah menunjukkan seseorang individu yang mempunyai daya ketahanan mental dan emosi yang rendah dan sangat mudah mengalah apabila menghadapi sesuatu tekanan.

**Jadual 10: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Prihatin**

<b>Dimensi Prihatin</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Sederhana	11	5.5
Tinggi	188	94.5
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 10 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi prihatin iaitu seramai 11 orang (5.5 %) adalah pada tahap sederhana dan seramai 188 orang (94.5 %) adalah pada tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti prihatin adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana. Oleh itu dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seorang individu yang mudah membantu orang lain yang sedang menghadapi masalah, berjiwa sensitif, penyayang, ambil berat tentang rakan dan mudah kasihan dengan orang lain. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap sederhana adalah seorang individu yang bersedia untuk membantu orang lain sekiranya ianya benar-benar memerlukan dan bersedia menghulurkan bantuan kepada orang lain mengikut keadaan.

**Jadual 11: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Silang Budaya**

<b>Dimensi Silang Budaya</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Sederhana	11	5.5
Tinggi	188	94.5
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 11 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi silang budaya iaitu seramai 11 orang (5.5 %) adalah di tahap sederhana dan seramai 188 orang (94.5 %) adalah pada tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti silang budaya adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seorang individu yang sangat berminat untuk berkawan dengan orang yang berbeza budaya dan bangsa serta sangat menghormati dan menghargai nilai budaya orang lain. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap sederhana adalah seorang individu yang berminat untuk berkawan dengan orang yang berbeza budaya dan bangsa sekiranya mempunyai peluang dan dalam banyak keadaan mereka menghormati dan menghargai nilai budaya rakan yang berlainan budaya dan bangsa.

**Jadual 12: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Pencapaian**

<b>Dimensi Pencapaian</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Rendah	2	1.0
Sederhana	17	8.5
Tinggi	180	90.5
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 12 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi pencapaian iaitu seramai 2 orang (2.5 %) adalah pada tahap rendah, seramai 17 orang (8.5 %) adalah pada tahap sederhana dan seramai 180 orang (90.5 %) adalah pada tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti pencapaian adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana dan tahap rendah. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seorang individu yang bercita-cita tinggi serta menunjukkan semangat yang tinggi untuk berjaya dalam kehidupan.

Bagi responden yang memiliki tret personaliti pada tahap sederhana adalah seorang individu yang mempunyai tahap motivasi yang sederhana dan dalam banyak situasi tahap motivasi untuk berjaya tidak konsisten. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap rendah menunjukkan seseorang individu yang kurang bermotivasi dan mudah selesa dengan apa yang ada dan dalam kebanyakan situasi mereka lebih selesa berada dalam keadaan sekarang dan tidak suka kepada perubahan yang mendadak.

**Jadual 13: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Integriti**

<b>Dimensi Integriti</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Rendah	9	4.5
Sederhana	48	24.1
Tinggi	142	71.3
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 13 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi integriti iaitu seramai 9 orang (4.5 %) adalah pada tahap rendah, seramai 48 orang (24.1 %) adalah pada tahap sederhana dan seramai 142 orang (71.3 %) adalah pada tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti integriti adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana dan tahap rendah. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seorang individu yang sentiasa memprioritaskan nilai-nilai murni dalam kehidupan dan dalam banyak keadaan mereka akan sering mengutamakan keperluan dan kepentingan orang lain berbanding kepentingan diri sendiri. Bagi responden yang memiliki tret personaliti pada tahap sederhana adalah seorang individu yang bertanggungjawab serta memprioritaskan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap rendah menunjukkan seseorang individu yang agak kurang memprioritaskan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian dan lebih mengutamakan kepentingan diri dalam mencapai sesuatu yang dikehendaki tanpa mengambil kira tentang nilai, amanah dan tanggungjawab.

**Jadual 14: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Patriotisme**

<b>Dimensi Patriotisme</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Sederhana	5	2.5
Tinggi	194	97.5
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 14 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi patriotisme iaitu seramai 5 orang (2.5 %) adalah pada tahap sederhana dan seramai 194 orang (97.5 %) adalah pada tahap tinggi.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memiliki tret personaliti integriti adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap sederhana. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa responden yang memiliki tret personaliti pada tahap tinggi menunjukkan seorang individu yang menunjukkan semangat patriotisme dan cintakan negara yang tinggi. Manakala responden yang memiliki tret personaliti pada tahap sederhana adalah secara umumnya seorang individu yang mempunyai semangat patriotisme dan cintakan negara.

**Jadual 15: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Tret Personaliti TAJMA Bagi Dimensi Kecelaruhan**

<b>Dimensi Kecelaruhan</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Bawah nilai 55	134	67.3
Melebihi nilai 55	65	32.7
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 15 menunjukkan skor bagi tret personaliti bagi dimensi kecelaruan iaitu seramai 134 orang (67.3 %) memperoleh skor di bawah nilai 55 dan seramai 65 orang (32.7 %) memperoleh skor melebihi nilai 55.

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memperoleh skor di bawah nilai 55 tidak menunjukkan kecenderungan mengalami simptom-simptom kecelaruan personaliti manakala bagi responden yang memperoleh skor melebihi nilai 55 responden mempunyai kecenderungan mengalami tekanan, depresi dan masalah emosi.

**Jadual 16: Taburan Bilangan Responden Dan Peratusan Mengikut Skala Ketidakselarasan**

<b>Tahap Ketidakselarasan</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Bawah nilai 40	192	96.5
Melebihi nilai 40	7	3.5
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>100.0</b>

Jadual 16 di atas menunjukkan skor skala ketidakselarasan mengikut kekerapan peserta iaitu skor di bawah nilai 40 seramai 192 orang (96.5 %) dan skor melebihi nilai 40 adalah seramai 7 orang (3.5 %).

Hasil dapatan ini menunjukkan responden yang memperoleh skor di bawah nilai 40 tahap keikhlasan dan kejujuran diri yang tinggi apabila menjawab profil personaliti TAJMA manakala responden yang memperoleh skor di melebihi nilai 40 adalah menunjukkan kecenderungan yang tinggi untuk mempamerkan diri yang ideal apabila menjawab profil personaliti ini.

**Persoalan Kajian 3 :**

Apakah tret personaliti yang dominan dalam kalangan pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS?

Dapatan menunjukkan bahawa tiga tret personaliti yang dominan dalam kalangan pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS ialah tret patriotisme (97.5%), tret silang budaya (94.5%) dan tret prihatin adalah (94.5%). Dapatan

kajian ini menunjukkan pemimpin belia tier 3 program MLFS amat menitikberatkan kepada nilai-nilai murni iaitu patriotism, silang budaya dan prihatin. Hal ini merupakan wadah daripada sistem pembelajaran yang ditempuhi oleh mereka memandangkan semua responden pernah mengikuti pendidikan formal di sekolah dan juga pembelajaran daripada program MLFS. Dapatan ini juga selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013 – 2025) iaitu semangat patriotik perlu dipupuk dalam diri bermula di peringkat pra sekolah lagi. Sistem pendidikan negara juga berhasrat untuk membentuk individu yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara. Selain itu, kajian ini dapat membantu usaha kerajaan mengasah bakat kepimpinan dan menyediakan pemimpin pelapis dalam kalangan belia di peringkat awal selari dengan Dasar Belia Malaysia (2015).

Walau bagaimanapun, dapatan turut menunjukkan dua tret personaliti yang kurang dominan dalam kalangan responden pemimpin belia tier 3 program MFLS ini adalah tret asertif (67.8%) dan tret keyakinan diri (70.3%). Dapatan ini dapat menjelaskan bahawa tret asertif dan keyakinan diri adalah kurang dominan bagi pemimpin belia tier 3 yang mengikuti program MFLS. Hal ini perlu diberi perhatian oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan kerana objektif program MLFS ini adalah melahirkan pemimpin belia masa hadapan negara, berkeupayaan berperanan di peringkat antarabangsa, berwawasan dan tinggi nilai jati diri. (Nawab et al. 2019) menyatakan bahawa bagi melahirkan pemimpin yang mempunyai kualiti diri yang positif, belia muda perlu mendapat bimbingan berterusan.

Selain itu, walaupun dapatan menunjukkan walaupun belia MFLS memperoleh skor tinggi dalam semua tret personaliti sebagai pemimpin masa hadapan negara, namun masih terdapat belia yang mengalami simptom-simptom tekanan dan depresi. Kajian Tobin (2020) bahawa pemimpin perlu menitik beratkan penjagaan dan kesejahteraan diri. Oleh itu, KBS perlu memberi perhatian terhadap isu tekanan emosi dan merujuk kepada agensi-agensi yang menyediakan khidmat sokongan emosi dan kaunseling seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

## **RUMUSAN, KESIMPULAN & CADANGAN**

Secara keseluruhan menunjukkan bahawa responden belia MFLS memperoleh skor di tahap tinggi bagi semua tret personaliti yang amat diperlukan sebagai persediaan bakal pemimpin pada masa hadapan. Dapatan ini turut menunjukkan bahawa program MFLS anjuran KBS dan KPM telah dapat mengenalpasti pemimpin yang mempunyai tret personaliti yang berpotensi sebagai pemimpin dari awal lagi iaitu di peringkat sekolah. Dapatan ini menyokong dapatan kajian lepas bahawa ciri-ciri personaliti pemimpin bagi sesebuah negara perlu mempunyai kesemua tret personaliti tersebut iaitu ciri-ciri ketahanan diri (Tobin 2020, May 2014) mementingkan pencapaian (Jacobson 2011), memahami aspek silang budaya (Boorum 2009), asertif diri (Lazenby 2015), analitikal diri, mempunyai keyakinan diri, mempunyai ciri-ciri kepimpinan (Brockner et al. 2006), integriti diri (Philip 2013; Saridan Abu Bakar 2017) dan semangat patriotisme (Zamal Abd Rahman et al. 2015). Selain itu, kajian Roselena Mansor & Mohd Izham Mohd Hamzah (2015) telah mengenal pasti lima kompetensi utama yang perlu ada pada pemimpin berkualiti iaitu berpengetahuan, berkemahiran, berkeperibadian positif, menyumbang kepada organisasi dan kesanggupan memimpin.

Justeru, pihak KBS sebagai agensi bertanggungjawab dalam merancang dan menilai program kepimpinan secara berterusan supaya pemimpin belia yang akan dilahirkan mempunyai elemen kepimpinan yang diperlukan bagi sesebuah negara pada masa hadapan negara, di samping menitik beratkan penjagaan diri dan kesejahteraan diri belia tersebut. Cadangan kajian pada masa akan datang adalah melaksanakan kajian kualitatif berbentuk kajian kes bagi meneroka secara mendalam tret personaliti belia MFLS.

## RUJUKAN

- Berndt, T. J. (2002). Friendship quality and social development. *Current Directions in Psychological Science*, 11, 7- 10.
- Boorum, R. 2009. Spiritual leadership: A study of the relationship between spiritual leadership theory and transformational leadership. *ProQuest Dissertations and Theses* (May): 174. [https://search.proquest.com/docview/305133283?accountid=14701%0Ahttp://sfx.scholarsportal.info/ottawa?url\\_ver=Z39.88-2004&rft\\_val\\_fmt=info:ofi/fmt:kev:mtx:dissertation&genre=dissertations+%26+theses&sid=ProQ:ProQuest+Dissertations+%26+Theses+Global&atitle](https://search.proquest.com/docview/305133283?accountid=14701%0Ahttp://sfx.scholarsportal.info/ottawa?url_ver=Z39.88-2004&rft_val_fmt=info:ofi/fmt:kev:mtx:dissertation&genre=dissertations+%26+theses&sid=ProQ:ProQuest+Dissertations+%26+Theses+Global&atitle).
- Brockner, J., Flynn, F.J., Dolan, R.J., Ostfield, A., Pace, D. & Ziskin, I. V. 2006. Commentary on “radical HRM innovation and competitive advantage: The Moneyball story.” *Human Resource Management* 45(1): 127–145.
- Dasar Belia Malaysia. (2015). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
- Harlow, H. F. (1983). Fundamentals for preparing psychology journal articles. *Journal of Comparative and Physiological Psychology*, 55, 893-896.
- Petty, R. E. (1994). Mood management across affective states: The hedonic contingency hypothesis. *Journal of Personality & Social Psychology*, 66, 1034-1048.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). Taburan Penduduk dan Taburan Penduduk Belia di Malaysia.
- Jacobson, S. 2011. Leadership effects on student achievement and sustained school success. *International Journal of Educational Management* 25(1): 33–44.
- Lazenby, C. 2015. Assertiveness and Leadership Perceptions : The Role of Gender and Leader-Member Exchange (MAY)

- May, S.T.W. 2014. A Correlational Study On Transformational Leadership And Resilience In Higher Education Leadership A Dissertation Presented in Partial Fulfillment of the Requirements for the Degree of Doctor of Education with a Major in Education in the College of Gradua. tesis PhD College of Graduate Studies University of Idaho.
- Millon, T. & Davies, R.D. 1996. *Disorder of Personality: DSM-IV and Beyond*. New York: John Wiley & Sons, Inc
- Nawab, N., Arshad, M.M., Ismail, I.A. & Omar, Z. 2019. Exploring Leadership Developmental Process within Executive Coaching Conversation in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9(12): 348–362.
- Philip, T. 2013. Perceptions of leadership style, leadership effectiveness, and leadership integrity: A correlation of followers' assessments. (March): 1–96. <https://library.gcu.edu:2443/login?url=http://search.proquest.com/library.gcu.edu:2048/docview/1346227018?accountid=7374>.
- PPPM (2013 – 2025). Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya : KPM
- Roselena Mansor & Mohd Izham Mohd Hamzah (2015). Kepimpinan berkualiti: Perspektif mengenai Kompetensi yang diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan. *Jurnal Pengurusan*. Vol 45, No 2015
- Samsudian A.Rahim.(2007).Generasi Belia:Satu Cetusan Pandangan.Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.Putrajaya
- Scruton, R. (1996). The eclipse of listening. *The New Criterion*, 15(30), 5-13.
- Tobin, D. 2020. Socially And Emotionally Competent Leadership: Promoting Staff Resilience And Well-Being Through Sel Opportunities. Tesis PhD. Lynch School of Education and Human Development Department, Boston.
- Zamal Abd Rahman, Hufaidatul Azfa Saffie & Arlina Ali. 2015. *Kepimpinan Hebat, Transformasi Cemerlang* 6(1): 2018.

## **Tret Personaliti Dominan Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (I2pk) Pegawai Pendidikan Di Sebuah Bahagian Di Kementerian Pendidikan Malaysia**

Maheran Alias<sup>1</sup>, Azizurahman Hj. Samian<sup>2</sup>, Zulazan Mohamed Yusoff<sup>3</sup>,  
Sharifah Hanizah Syed Jaafar<sup>4</sup>, Haslinda Hussein<sup>5</sup>

<sup>12345</sup>*Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia*  
<sup>1</sup>*ann.oriental@gmail.com*, <sup>2</sup>*azizurahman@moe.gov.my*, <sup>3</sup>*zulazan.mohamed@moe.gov.my*  
<sup>4</sup>*shanzah.sjaafar@moe.gov.my*, <sup>5</sup>*haslinda.hussein@moe.gov.my*

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tret personaliti yang dominan dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di sebuah bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian berbentuk kuantitatif ini melibatkan 70 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang bertugas di sebuah bahagian di Kementerian Pendidikan. Instrumen Inventori Personaliti Psikologi Kaunseling (i2PK) digunakan yang dijawab melalui pautan dalam sistem e2PK melalui arahan yang diberikan dalam memo antara bahagian. Analisa menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 24. Dapatan Kajian mendapati responden mempunyai skor min 3.55 bagi domain Tingkah Laku Kognitif, Skor Min 3.32 bagi domain Komunikasi, 3.68 bagi domain Struktur, 3.59 bagi domain Penerimaan dan 3.40 bagi domain Introspeksi. Tiga domain yang dominan bagi kumpulan responden ini adalah Struktur (3.68), Penerimaan (3.59) dan Introspeksi (3.40). Daripada 3 domain tersebut, dikenalpasti subdomain yang dominan iaitu sub domain Tanggungjawab (3.81), sub domain Toleransi (3.68) dan sub domain Intra Refleksi (3.62). Dapatan kajian ini dapat membantu organisasi mengenal pasti tret personaliti yang dominan dan kurang dominan dalam sesebuah organisasi. Seterusnya boleh melaksanakan perancangan program 3Pi bagi meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan organisasi mengikut PP Bil 18 tahun 2005 yang bersesuaian dengan kumpulan sasaran.*

**Kata Kunci:** *Tret Personaliti; i2PK; Pegawai Perkhidmatan Pendidikan; Dominan*

## PENGENALAN

Personaliti adalah proses di antara emosi, interpersonal dan sikap personaliti tidak dapat dilihat oleh diri sendiri tetapi mudah ditemui dan dilihat oleh individu lain (Seng, Theng, Ling, Siang & Yean, 2013). Setiap manusia di dunia mempunyai gaya, sikap, sifat, pendekatan dan cara yang tersendiri. Istilah-istilah ini melambangkan ciri-ciri personaliti diri seseorang yang boleh menjadikan seseorang individu tersebut unik berbanding dengan individu yang lain di dalam pelbagai aspek. Perbezaan ini menyebabkan seseorang individu mempunyai ciri keperibadian dan personaliti yang berbeza yang akan menentukan tingkah laku dan tindakan mereka dalam kehidupan seharian mereka. Personaliti juga merupakan sifat atau ciri keperibadian diri seseorang yang boleh membezakan seseorang individu dengan individu yang lain. Oleh itu, personaliti dapat dikesan dan dilihat dengan jelas mengikut situasi-situasi tertentu. Tret personaliti merupakan sistem psiko-fizikal yang dinamik dan akan memberi garis panduan kepada individu untuk menentukan ciri-ciri tingkah laku yang bersesuaian dengan persekitaran kemanusiaan dan fizikalnya. Dengan ini, tret personaliti yang dinamik dapat memberi ruang kepada perubahan yang positif dan negatif bergantung kepada fizikal seseorang. Minat yang mendalam terhadap kajian dalam personaliti dan prestasi kerja adalah disebabkan oleh kemunculan taksonomi “Big Five” (Jayan, 2006; Detrick & Chibnall, 2006). Tret personaliti ditakrifkan sebagai bentuk emosi atau motivasi yang menerangkan tingkah laku dalam setiap situasi yang berbeza (Cook, 2005). Mullins (2005) menyatakan bahawa tret personaliti dapat menjelaskan mengapa individu berkelakuan dengan cara yang tertentu. Setiap individu mempunyai personaliti yang berbeza, iaitu Keterbukaan Fikiran (*Openness To Experience*), Kesedaran (*Conscientiousness*), Ekstraversi (*Extraversion*), Neurotisme (*Neuroticism*) dan Kesetujuan (*Agreeableness*) (Nikolaou & Robertson, 2001). Faktor personaliti Ekstraversi berkaitan dengan individu yang biasanya suka bersantai dan bergaul manakala faktor kesedaran adalah individu yang lebih berhati-hati dalam membuat keputusan, juga memiliki disiplin diri. Seterusnya, faktor kesetujuan merupakan individu yang mempunyai personaliti yang boleh mengelakkan konflik antara pekerja dan majikan. Fleksibel, sopan dan sabar adalah juga tret personaliti yang ada dalam dimensi kesetujuan. Individu yang bijak dalam mencari penyelesaian

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah menggariskan program transformasi yang menyeluruh untuk sistem pendidikan termasuk perubahan utama dalam kementerian yang membolehkan sistem ini memenuhi permintaan baharu. PPPM melalui anjakan kelapan mentransformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian bertujuan memperkukuh kebolehpayaan

kepimpinan bagi 150-200 jawatan utama mulai 2013. Seajar dengan hasrat yang terkandung dalam PPPM, aplikasi psikologi melalui penggunaan alat psikometrik personaliti boleh digunakan untuk menilai dan mengenalpasti individu yang berkelayakan untuk dilantik sebagai pemimpin. Pendapat ini disokong oleh Fatimah Wati & Nor Azizi (2013) menyatakan bahawa setiap pekerjaan personaliti pekerja dan prestasi kerja berkesan yang tersendiri.

Menurut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18, Tahun 2005 Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Manusia Sektor Awam menyatakan keperluan ujian psikologi adalah sebagai salah satu sumber untuk penilaian, penempatan, kerjaya, pemilihan dan persaraan. Bahagian Psikologi dan Kaunseling telah membangunkan Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (i2PK) untuk memenuhi keperluan tersebut

Sehubungan itu, KPM menyambut hasrat yang terkandung di dalam PPPM untuk pembangunan bakat, laluan kerjaya, pencegahan, pembangunan, pemulihan dan intervensi (3pi). Mesyuarat Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 19 Februari 2016 telah mengarahkan untuk mewujudkan profil psikologi bagi setiap warga kerja KPM. Bagaimanapun, tiada bahagian yang bertanggungjawab untuk mengumpul data profil warga KPM, Justeru itu, Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK) telah diamanahkan untuk mengadakan profil melalui instrumen i2PK yang siap dibina pada tahun 2017.

KPM telah menetapkan bahawa setiap warganya perlu mempunyai profil personaliti pegawai bagi membantu membangunkan produktiviti organisasi selaras dengan keperluan dan Dasar Pendidikan Negara. Pegawai yang kompeten dan komited yang mempunyai personaliti yang dominan dalam sesebuah organisasi perlu diberi intervensi pencegahan, pembangunan dan pemulihan (3pi) bagi memastikan integriti dan akauntabiliti sebagai penjawat awam sentiasa dipatuhi. Pengumpulan profil psikologi telah bermula pada tahun 2017 hingga 2019 yang memberi fokus kepada warga kerja di Bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Institut KPM. Dapatan skor i2PK adalah untuk individu mengenalpasti tret personaliti yang dominan dan kurang dominan bagi membantu individu dan organisasi menjalankan proses pengembangan bakat atau pembangunan diri.

## **Pernyataan Masalah**

Walau bagaimanapun, KPM tidak mempunyai data untuk dirujuk bagi melaksanakan program-program pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi (3pi). Hal ini menyebabkan program 3pi tidak dilaksanakan secara berfokus

serta memenuhi keperluan dan kehendak organisasi sehingga berlaku peningkatan kes dan isu yang berkaitan dengan psikologi. Melalui data yang dikumpulkan berdasarkan instrumen i2PK yang dibina oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK) dapat membantu individu dan organisasi melaksanakan program berkaitan laluan kerjaya, pengembangan bakat, pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi. Kajian ini dapat memberi gambaran berkaitan profil personaliti pegawai yang berada di sebuah bahagian di KPM. Dengan adanya profil ini, ianya dapat membantu organisasi tersebut merancang intervensi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti. Ianya juga berguna menjadi sumber rujukan terhadap pengurusan sumber manusia dan pelan penggantian kepimpinan. Limitasi kajian ini adalah untuk mengukur tret personaliti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat di Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia meliputi Gred 44 dan Gred 48 dan tidak boleh digeneralisasikan kepada kumpulan perjawatan di tempat lain.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tret personaliti yang dominan dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Objektif Kajian**

1. Mengetahui tret personaliti yang dominan dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia mengikut jantina.
2. Mengetahui tret personaliti yang dominan dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia mengikut gred perjawatan.

### **Kajian Lepas**

Nik Nabil Safwan Nik Anuay & Tajul Arifin Muhamad (2019) mengkaji hubungan antara tret personaliti dengan prestasi kerja dalam kalangan pegawai sukan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan soal selidik *Big Five Inventory* (BFI). Hasil kajian menunjukkan bahawa min yang tertinggi bagi tret personaliti pegawai sukan di UKM ialah Keterbukaan Fikiran ( $\text{min}=3.70$ ) dan tahap prestasi kerja adalah sangat tinggi ( $\text{min}=0.93$ ). Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tret personaliti dan prestasi kerja dalam kalangan pegawai sukan di UKM ( $\text{sig} = 0.01p<0.05$ ).

Nur Farhah Mohd Shah & Fatimah Wati Halim (2018) pula mengkaji pengaruh personaliti Big Five terhadap tingkah laku organisasi dalam kalangan guru rendah di sekitar Putrajaya. Kajian yang berbentuk kuantitatif ini melibatkan 287 orang guru daripada sekolah berprestasi tinggi dan sekolah harian biasa. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini ialah *Big Five Inventory* (BFI) bertujuan untuk mengukur lima faktor personaliti iaitu *neuroticism*, *agreeableness*, *consciousness*, *openness* dan *extroversion*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa neurocitism, agreeableness dan openness memberi kesan kepada tingkah laku organisasi dalam kalangan guru secara keseluruhannya.

Selain itu, Che Mohd Syaharuddin Che Cob, Bahyah Halim & Aziz Amin (2017) menyatakan prestasi kerja adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti personaliti, autonomi pembelajaran dan gaya kepimpinan. Melalui kajian ini, pengkaji mencadangkan satu model iaitu tingkah laku terancang yang diasaskan oleh Ajzen (1991). Teori ini menyatakan bahawa kecenderungan seseorang untuk melakukan sesuatu itu lebih tinggi sekiranya apabila perkara itu semakin mudah untuk dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa personaliti yang positif mampu melahirkan pekerja yang mempunyai nilai-nilai positif melibatkan emosi, kognitif dan tingkah laku. Selain itu, terdapat juga hubungan antara autonomi pembelakaran dengan prestasi kerja. Autonomi pembelajaran pekerja menunjukkan proses memperoleh pengetahuan melalui rasa ingin tahu. Motivasi pula mempengaruhi prestasi kerja dengan mengakibatkan, menyalur dan menyokong tingkah laku supaya mahu bekerja giat untuk mencapai hal yang optimum. Manakala gaya kepimpinan transaksional dan transformasional pula memberi kesan kepada prestasi kerja bergantung kepada kecendungan gaya kepimpinan seseorang ketua.

Ianalisa Ghazali, Azlina Mohd Khir, Zanariah Ismail (2019) pula mengkaji hubungan antara personaliti dan kepuasan kerja dalam kalangan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), di Selangor. Seramai 300 orang responden terdiri daripada anggota PGA berpangkat Konstabel hingga Sub-Inspektor yang bertugas di Batalion 4 dan Batalion 19, Briged Tengah, Cheras, Selangor terlibat dalam kajian ini. Responden dipilih melalui kaedah persampelan pelbagai peringkat (multi-stage sampling). Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden yang mengandungi tiga bahagian iaitu latar belakang responden, Indeks Kepuasan Kerja (IKK) dan Big Five Inventory (BFI). Hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai ciri personaliti ekstraversi, kesetujuan, berhemah dan terbuka kepada pengalaman pada tahap tinggi manakala ciri neurotisme berada pada tahap rendah. Bagi kepuasan kerja, majoriti responden mempersepsikan kepuasan kerja pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan kerja responden adalah

berbeza mengikut tempoh perkhidmatan di mana responden yang berkhidmat melebihi 20 tahun mempunyai tahap kepuasan tertinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan ciri personaliti ekstraversi, kesetujuan dan berhemah mempunyai hubungan negatif yang signifikan manakala ciri neurotisme mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepuasan kerja. Hubungan negatif antara ciri personaliti ekstraversi, kesetujuan dan berhemah dengan kepuasan kerja menunjukkan bahawa responden yang mempunyai skor rendah bagi ciri-ciri tersebut seperti dominan, konservatif, tidak ramah, kasar dan rasa curiga lebih berpuas hati dengan tugas sebagai PGA. Manakala responden yang mempunyai tinggi ciri neurotisme seperti bimbang, berjaga-jaga dan cemas lebih berpuas hati dengan tugasnya berbanding yang rendah ciri neurotisme.

Zulelawati Bujang & Yusni Zaini Yusof (2015) meninjau hubungan personaliti dalam kalangan bakal guru Semester 8 IPGKTAR dengan prestasi akademik. Kajian ini adalah berdasarkan kepada Teori Personaliti '*The Big-Five*'. Seramai 87 orang bakal guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 8 Ambilan Januari 2011 terlibat sebagai responden. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Data dikumpul melalui soal selidik yang dibina oleh John dan Srivastava (1999). Dapatan deskriptif telah menunjukkan bahawa bakal guru memiliki personaliti yang sesuai dengan ciri-ciri seorang guru iaitu *Extroversion*, *Conscientiousness*, *Openness*, dan *Agreeableness*. Manakala bagi *Neuroticism* berada pada tahap yang rendah di antara kelima-lima *Big Five* personaliti. Ujian korelasi Spearman telah mendapati bahawa tiada hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah personaliti dan prestasi akademik.

Farrah Syamimi Che Ros (2016) mengenal pasti *Big Five* personaliti kalangan graduan wanita di *Malaysian Technical University* (MTU) dalam pemilihan kerjaya serta persepsi majikan mengenai kesesuaian personaliti tersebut di industri. Kajian menggunakan kaedah mod campuran melibatkan soal selidik dan temu bual sebagai instrumen. Responden terdiri daripada 297 orang graduan wanita Sarjana Muda tahun akhir yang mengikuti bidang kejuruteraan di UTHM dan UniMAP manakala temu bual dijalankan ke atas 4 orang majikan di zon utara dan selatan. Keputusan kajian mendapati personaliti paling dominan merupakan personaliti Sosial dan ianya tidak selari dengan permintaan majikan iaitu personaliti Realistik. Manakala, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara *Big Five* personaliti kalangan graduan wanita bidang kejuruteraan di UTHM dan UniMAP kecuali bagi personaliti Konvensional yang terdapat perbezaan yang signifikan. Secara keseluruhannya, graduan wanita bidang kejuruteraan perlu mempunyai personaliti yang selari dengan program yang diikuti mereka serta memenuhi kehendak firma atau industri yang bersesuaian.

Syamimi Mansor, Mohd Abdullah Jusoh & Rusliza Yahaya (2016) mengkaji setiap tahap dan pengaruh antara struktur, sokongan, identiti, ekstraversi dan keterbukaan dengan prestasi kerja dalam kalangan pegawai syarikat Teras Bumiputera. Pengkaji menggunakan pendekatan soal selidik yang melibatkan responden di 60 buah syarikat Teras Bumiputera di Shah Alam, Selangor. Seramai 214 orang pegawai telah dipilih secara rawak mudah bagi mendapatkan maklum balas terhadap soal selidik yang telah diedarkan. Dapatan kajian menunjukkan dimensi struktur, sokongan, identiti, ekstraversi dan keterbukaan mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan prestasi kerja. Namun demikian dimensi kesetujuan pula mempunyai hubungan yang signifikan negatif dengan prestasi kerja

## Teori Kajian

### Personaliti Big Five

Personaliti dalam organisasi amat penting dalam memastikan sesebuah organisasi terurus, stabil dan terus bertahan (Anderson, Spataro, & Flynn, 2008). Untuk mengenali personaliti, diri ujian psikologi diperlukan. Dalam pembangunan profiling ini, Bahagian Psikologi dan Kaunseling telah menggunakan ujian psikologi i2PK yang dibina berasaskan Teori Personaliti *Big Five* (Allport, 1961)

Model *Big Five* yang terdiri daripada lima konstruk asas keperibadian tret individu (Ashton, 2013; Han & Pistole, 2017; Hassan, Asad, & Hoshino, 2016; Otero-Lopez, Villardefrancos Pol, & Castro Bolano, 2017) yang sering dijadikan rujukan. 5 faktor tersebut adalah

- Faktor 1- *openness to experience* atau keterbukaan pada pengalaman yang mewakili ciri-ciri karakter berkaitan dengan kreativiti, imajinatif dan pemikiran kritikal. Dalam instrumen i2PK faktor ini menjadi asas kepada konstruk **Tingkah Laku Kognitif**.
- Faktor 2 - *Conscientiousness* yang merupakan tret yang dikaitkan dengan prestasi kerja. Ada dua tret yang mendasari faktor ini iaitu pencapaian dan kebolehpercayaan. Dalam instrumen i2PK konstruk personaliti **Struktur** merupakan konstruk personaliti yang berasaskan kepada ciri personaliti *Conscientiousness* ini.

- Faktor 3 - *Extraversion* adalah merupakan elemen personaliti yang mempamerkan karakter mudah didekati, aktif, suka pada keseronokan, asertif, mudah mesra, dan berkomunikasi dengan orang lain. Justeru, dalam instrumen i2PK, ciri-ciri individu ini dikaitkan dengan konstruk **Komunikasi**.
- Faktor 4 - *Agreeableness* atau persetujuan iaitu ciri-ciri personaliti ini mempunyai kecenderungan untuk menjadi orang yang lembut, mudah mempercayai, boleh dipercayai dan mudah menerima, bertolak ansur dan mudah bekerjasama dengan orang lain. Ciri-ciri ini diukur dalam konstruk **Penerimaan** dalam instrumen i2PK
- Faktor 5 - *Emotional Stability* atau kestabilan Emosi menunjukkan individu tersebut seorang yang positif, tenang, memiliki keyakinan diri, rasa selamat dan dikaitkan dengan kepuasan hidup. Dalam instrumen i2PK konstruk **Introspeksi**

### Pembelajaran Sosial Bandura (Bandura, 1969)

Pada tahun 1941, dua orang ahli psikologi, iaitu Neil Miller dan John Dollard dalam laporan hasil eksperimennya mengatakan bahawa peniruan (*imitation*) merupakan hasil proses pembelajaran yang ditiru daripada orang lain. Proses belajar tersebut oleh Miller dan Dollard dinamakan "**Social Learning**" ataupun "**Pembelajaran Sosial**". Tingkah laku peniruan (*imitative behavior*) manusia terjadi kerana manusia merasa telah memperoleh imiginasi ketika kita meniru perilaku orang lain, dan memperoleh hukuman ketika kita tidak menirunya.

Albert Bandura dan Richard Walters (1959, 1963), telah melaksanakan eksperimen lain yang juga berkenaan dengan peniruan. Hasil eksperimen mereka mendapati, peniruan boleh berlaku hanya melalui pengamatan terhadap perilaku model (*orang yang ditiru*) meskipun tanpa sebarang peneguhan. Proses belajar ini disebut "*Observational Learning*" atau *pembelajaran melalui pengamatan*. Albert Bandura (1971), kemudian menyarankan agar teori pembelajaran sosial diperbaiki memandangkan teori pembelajaran sosial yang sebelumnya hanya mementingkan perilaku tanpa memberi pertimbangan terhadap proses mental seseorang.

Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura telah memberi penekanan tentang bagaimana perilaku kita dipengaruhi oleh persekitaran melalui peneguhan (*reinforcement*) dan *observational learning*, cara memandang dan

cara berfikir yang kita miliki terhadap sesuatu maklumat dan juga sebaliknya, iaitu bagaimana tingkah laku kita mempengaruhi persekitaran dan menghasilkan penegasan (*reinforcement*) dan peluang untuk diperhatikan oleh orang lain (*observational opportunity*).

Menurut Bandura, proses mengamati dan meniru perlakuan dan sikap orang lain sebagai model merupakan tindakan belajar Bandura, 1977. Eksperimen beliau yang terkenal ialah “eksperimen patung Bobo”, kerana ia melibatkan patung yang dikenali sebagai Bobo. Eksperimen ini menunjukkan bahawa kanak-kanak meniru pelakuan agresif dari orang dewasa di sekitarnya. Perkara yang lebih penting yang didapati daripada eksperimen ini telah menunjukkan pertalian antara teori-teori pembelajaran behaviourisme dan kognitif kerana ia merangkumi aspek-aspek pemerhatian, ingatan dan motivasi.

Teori Pembelajaran Sosial Bandura menyatakan bahawa faktor sosial, kognitif dan tingkah laku memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran. Tingkah laku manusia dipelajari melalui pemodelan dan pemerhatian terhadap orang lain seterusnya membentuk tingkah laku baharu (Bandura 1977)

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan soal selidik personaliti. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif menggunakan min dan peratusan adalah untuk menerangkan pemboleh ubah, data diperolehi melalui analisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences 24* (SPSS). Data yang diperolehi ini akan memberikan ringkasan kepada keseluruhan demografi responden dalam kajian ini. Ciri-ciri demografi responden yang akan diuraikan ialah jantina, bangsa dan gred dalam perkhidmatan responden. Interpretasi skor Min menggunakan tret dominan dan kurang dominan. Hasil kajian dibentangkan secara deskriptif dan bagi menjawab objektif kajian.

### Populasi Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 70 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, dalam gred DG 44 (seramai 44 orang) dan DG 48 (26 orang) yang bertugas di salah satu bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan Instrumen Personaliti Psikologi Kaunseling (i2PK) yang mengukur 5 domain dan 11 sub-domain. Lima (5) domain (dan 11 sub-domain berkaitan) ialah Tingkah laku Kognitif (Analitik, Kreatif), Komunikasi (Asertif, Ekstrovert), Struktur (Keakuran, Tanggungjawab), Penerimaan (Penyesuaian diri, Toleransi), dan Introspeksi (Kerohanian, Intra refleksi, Penghargaan). Skala likert empat mata digunakan untuk menunjuk skala persetujuan iaitu 1= sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=setuju dan 4=sangat setuju.

## **Tatacara Kajian**

Soal selidik i2PK disebarikan secara atas talian melalui pautan laman sesawang <https://e2pk.moe.gov.my/>.

Penerangan tentang domain dan subdomain yang terdapat dalam soal selidik i2PK adalah seperti berikut:

### **Personaliti**

Personaliti adalah cara seseorang itu bertindak, berfikir, bertaakul, bertingkah laku, dan mempamerkan sikap terhadap persekitaran. Personaliti adalah karakter yang dinamik dipamerkan oleh individu yang mempengaruhi pemikiran, motivasi dan tingkah laku dalam situasi yang pelbagai ( Fathimah, Baiduri & Zubir 2015). Personaliti merupakan corak pelakuan stabil dan konsisten yang menunjukkan kecenderungan tingkah laku seseorang individu (McShane & Von Glinow, 2008).

Menurut Alport 1961, menyatakan personaliti ialah satu organisasi dinamik yang berkait dengan system psiko fizikal dalam diri individu yang akan menentukan penyesuaian tertentu ke atas persekitaran. Menurutnya, terdapat tiga bahagian personaliti, iaitu kesan luaran, struktur dalaman dan pandangan positif.

Pendekatan kesan luaran boleh dimaksudkan sama seperti topeng dan merujuk kepada ciri-ciri tertentu yang ada pada seseorang sebagaimana ia diamati atau dilihat oleh orang lain. Manakala pendekatan struktur dalaman pula tidak melihat personaliti sebagai topeng semata-mata tetapi merangkumi struktur psikologi atau psikofizikal. Pendekatan ini melihat personaliti sebagai satu sistem, tret dan ciri. Pendekatan pandangan positif pula merujuk kepada operasi sebenar seperti skor yang diperolehi dalam ujian personaliti. Setiap satu komponen personaliti ditafsir daripada pemerhatian tentang tingkah laku setiap satu daripadanya merupakan satu konstruk (binaan).

## **Tingkah Laku Kognitif**

Individu ini cenderung melihat sesuatu perkara itu secara teliti dalam menghasilkan tugas. Selain itu individu juga berupaya menggunakan daya imaginasi untuk menghasilkan idea-idea baharu. Terdapat dua sub domain dalam domain tingkah laku kognitif iaitu:

- i. **Analitikal:** Individu berupaya melaksanakan tugas dengan teliti dan berfokus. Suka membaca bahan yang bermaklumat dan suka bertanya hingga mendapat jawapan yang boleh diterima.
- ii. **Kreatif:** Individu mampu menghasilkan idea-idea yang tersendiri yang berbeza daripada orang lain. Selain itu individu cenderung menggunakan imaginasi untuk mencipta perkara-perkara baharu.

## **Komunikasi**

Individu yang suka berinteraksi dan memiliki daya memujuk serta cenderung untuk mempengaruhi orang lain. Individu tersebut juga berupaya memberikan pandangan dan teguran dengan berhemah untuk menjaga hubungan dengan individu lain. Terdapat dua sub domain bagi komunikasi iaitu :

- i. **Asertif:** Individu mampu menyatakan sesuatu kebenaran atau teguran, namun dalam masa yang sama masih tetap menjaga dan menghargai hak-hak serta perasaan orang. Individu juga berani untuk menyatakan pandangan walaupun tahu pandangan itu tidak dipersetujui atau disukai oleh orang lain.
- ii. **Ekstrovert:** Individu suka berinteraksi, cenderung menonjol diri apabila berada dalam kelompok yang ramai dan seronok jika dapat berbual dengan orang lain. Individu juga suka berjenaka dan berupaya membina jaringan persahabatan dengan mudah.

## Struktur

Struktur boleh ditafsirkan sebagai kecenderungan seseorang menjaga kelakuan dan keperibadian agar tidak bercanggah dengan nilai dan perturan yang telah ditetapkan. Ia juga menerangkan seseorang yang mengutamakan disiplin diri dan berusaha untuk memikul tanggung jawab sebaiknya. Terdapat dua sub domain bagi struktur iaitu :

- i. Tanggungjawab: Individu berupaya memenuhi tanggungjawab terhadap kerja, keluarga dan rakan-rakan serta berusaha untuk melengkapkan tugas seperti yang diarahkan mengikut masa yang ditetapkan. Individu cenderung untuk menjaga penampilan diri agar tidak mempamerkan imej buruk di mata masyarakat.
- ii. Keakuran: Individu cenderung untuk mengutamakan kerja daripada kepentingan peribadi. Walau dalam keadaan apa pun, individu akur pada peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Individu juga berupaya mengelak menggunakan kuasa untuk kepentingan peribadi.

## Penerimaan

Individu yang cenderung berfikir secara positif dalam menghadapi apa sahaja keadaan. Mampu untuk mendepani cabaran dan perubahan dalam hidup selain boleh mengurus emosi dengan baik apabila terganggu. Individu berupaya untuk menukar perancangan dan melihat cabaran sebagai satu pengalaman. Selain itu individu juga mampu untuk bertolak ansur dengan orang lain, bersedia menerima pandangan dan berupaya menyesuaikan diri dengan budaya persekitaran yang baharu. Terdapat dua sub domain bagi penerimaan iaitu :

- i. Penyesuaian Diri: Individu cenderung untuk percaya perbezaan pandangan adalah suatu perkara yang positif dalam organisasi dan kehidupan. Individu berupaya untuk bertolak ansur dalam menerima perbezaan budaya dalam kepelbagaian agama serta berupaya untuk mengadaptasi budaya dan menyesuaikan diri dalam persekitaran yang baharu.
- ii. Toleransi: Individu mampu untuk menyesuaikan diri pada kepelbagaian keadaan. Individu cenderung berfikir secara positif dan boleh menerima perubahan. Selain itu individu juga berupaya mengurus emosi sekiranya berdepan dengan konflik dan gangguan.

## **Introspeksi**

Individu cenderung untuk menghayati kekuatan dalaman diri. Individu tersebut juga cenderung untuk mengukuhkan hubungan dengan Tuhan. Selain itu individu tersebut menghargai diri sendiri dan percaya kepada kebolehan diri, berupaya menyatakan pandangan dengan berkesan melalui penulisan berbanding lisan. Individu tersebut lebih selesa berfikir terlebih dahulu sebelum memberikan pandangan sekiranya diperlukan. Terdapat tiga sub domain Introspeksi iaitu :

- i. **Kerohanian:** Individu cenderung membina hubungan baik dengan Tuhan. Sekiranya menghadapi masalah, individu percaya bahawa Tuhan akan membantu. Individu cenderung untuk menghayati nilai-nilai keagamaan sebagai panduan dalam kehidupan.
- ii. **Intra Refleksi:** Individu mempunyai keupayaan untuk menyatakan pandangan melalui penulisan dengan berkesan jika dibandingkan melalui lisan. Individu suka berfikir dan mendengar sebelum memberikan jawapan atau pandangan dan cenderung menggunakan gerak hati dalam melakukan sesuatu perkara atau membuat keputusan.
- iii. **Penghargaan Kendiri:** Individu cenderung menghargai diri, yakin kepada kebolehan dan berupaya membuktikan kemampuan diri sendiri. Individu seorang yang tidak mengharapkan pujian orang lain untuk meningkatkan penghargaan diri.

**KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

**Maklumat Demografi**

Taburan demografi responden mengikut jantina, bangsa dan gred seperti jadual berikut :

**Jadual 1: Latar Belakang Responden Mengikut Jantina, Bangsa Dan Gred**

		<b>Kekerapan (N = 70)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Jantina	Lelaki	25	35.7
	Perempuan	45	64.3
	Jumlah	70	100.0
Bangsa	Melayu	52	74.3
	Cina	6	8.6
	India	10	14.3
	Lain-lain	2	2.9
	Jumlah	70	100.0
Gred	DG 44	44	62.9
	DG 48	26	37.1
Jumlah		70	100.0

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden mengikut jantina. Kekerapan responden kajian adalah 70 orang. Seramai 45 orang responden perempuan iaitu 64.3% dan 25 orang responden lelaki iaitu 35.7%. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut bangsa. Responden bagi pegawai pendidikan KPM terdiri daripada 52 orang (74.3%) berbangsa Melayu, 6 orang (8.6%) berbangsa Cina, 10 Orang (14.3%) berbangsa India dan dua orang (2.9%) berbangsa selain Melayu, Cina dan India. Secara keseluruhannya, responden adalah lebih ramai daripada bangsa lain. Seramai 70 orang menjadi respon terdiri daripada 25 orang lelaki (35.7%) dan 45 orang perempuan (64.3%). Berdasarkan Jadual 3, didapati seramai 44 orang (62.9%) dalam Gred DG44 dan selebihnya seramai 26 orang (37.1%) dalam gred DG48.

**Jadual 2: Taburan Min Profil Personaliti i2PK**

<b>Domain</b>	<b>Gred</b>	<b>Min</b>	<b>Dominan/ Kurang Dominan</b>
Tingkah Laku Kognitif	44	3.39	Dominan
	48	3.33	Kurang Dominan
Komunikasi	44	3.31	Kurang Dominan
	48	3.31	Kurang Dominan
Struktur	44	3.68	Dominan
	48	3.68	Dominan
Penerimaan	44	3.60	Dominan
	48	3.60	Dominan
Introspeksi	44	3.38	Kurang Dominan
	48	3.38	Dominan

Jadual 2 menunjukkan Profil Personaliti i2PK bagi kumpulan Gred 44 dan Gred 48. Tiga tret personaliti yang dominan bagi kumpulan Gred 44 adalah Struktur mempunyai skor min 3.68, Penerimaan memperoleh skor min 3.60 dan Tingkah laku Kognitif memperoleh skor min 3.39. Manakala tret personaliti yang kurang dominan bagi pegawai Gred 44 adalah Komunikasi memperoleh skor min 3.31 dan Introspeksi 3.38. Tiga tret personaliti yang dominan bagi pegawai kumpulan DG 48 pula adalah Struktur di mana skor min adalah 3.68, tret Penerimaan memperoleh skor min 3.60 dan tret Introspeksi skor min 3.38. Dua tret yang kurang dominan bagi pegawai Gred 48 adalah Komunikasi dan Introspeksi. Dua tret dominan bagi kumpulan pegawai Gred 44 dan Gred 48 adalah Struktur dan Penerimaan yang menunjukkan bahawa pegawai di bahagian ini mempunyai tret yang cenderung menjaga kelakuan dan keperibadian agar tidak bercanggah dengan nilai dan peraturan yang telah ditetapkan. Ia juga menerangkan seseorang yang mengutamakan disiplin diri dan berusaha untuk memikul tanggung jawab sebaiknya. Tret penerimaan pula menunjukkan bahawa pegawai cenderung berfikir secara positif dalam menghadapi apa sahaja keadaan. Mampu untuk mendepani cabaran dan perubahan dalam hidup selain boleh mengurus emosi dengan baik

apabila terganggu. Pegawai berupaya untuk menukar perancangan dan melihat cabaran sebagai satu pengalaman. Selain itu, mampu untuk bertolak ansur dengan orang lain, bersedia menerima pandangan dan berupaya menyesuaikan diri dengan budaya persekitaran yang baharu. Tret ketiga yang dominan bagi pegawai kumpulan Gred 44 adalah Tingkah Laku Kognitif yang menunjukkan bahawa pegawai Gred 44 cenderung melihat sesuatu perkara itu secara teliti dalam menghasilkan tugas. Selain itu juga pegawai berupaya menggunakan daya imaginasi untuk menghasilkan idea-idea baharu, fokus dan teliti serta kreatif. Manakala tret ketiga yang dominan bagi pegawai kumpulan Gred 48 adalah Introspeksi yang menunjukkan pegawai cenderung untuk menghayati kekuatan dalaman diri, mengukuhkan hubungan dengan Tuhan, menghargai diri sendiri dan percaya kepada kebolehan diri, berupaya menyatakan pandangan dengan berkesan melalui penulisan berbanding lisan. Tret ini juga menunjukkan bahawa pegawai lebih selesa berfikir terlebih dahulu sebelum memberikan pandangan sekiranya diperlukan.

**Jadual 3 Taburan Min Profil Personaliti i2PK Mengikut Jantina**

<b>Domain</b>	<b>Jantina</b>	<b>Min</b>	<b>Dominan/ Kurang Dominan</b>
Tingkah laku Kognitif	Lelaki	3.39	Dominan
	Perempuan	3.38	Kurang Dominan
Komunikasi	Lelaki	3.34	Kurang Dominan
	Perempuan	3.31	Kurang Dominan
Struktur	Lelaki	3.58	Dominan
	Perempuan	3.73	Dominan
Penerimaan	Lelaki	3.56	Dominan
	Perempuan	3.60	Dominan
Introspeksi	Lelaki	3.32	Kurang Dominan
	Perempuan	3.45	Dominan

Jadual 3 menunjukkan Profil Personaliti i2PK mengikut jantina. Tiga tret personaliti yang dominan bagi pegawai lelaki adalah Struktur mempunyai skor min 3.58, Penerimaan memperoleh skor min 3.56 dan Tingkah laku Kognitif memperoleh skor min 3.39. Manakala tret personaliti yang kurang dominan adalah Komunikasi memperoleh skor min 3.34 dan Introspeksi 3.32.

Tiga tret personaliti yang dominan bagi pegawai perempuan pula adalah Struktur di mana skor min adalah 3.73, tret Penerimaan memperoleh skor min 3.60 dan tret Introspeksi skor min 3.45. Dua tret yang kurang dominan bagi pegawai perempuan adalah Komunikasi skor min 3.31 dan Tingkah laku Kognitif memperoleh skor min 3.38.

Dua tret dominan bagi kedua-dua pegawai lelaki dan perempuan adalah Struktur dan Penerimaan yang menunjukkan bahawa pegawai di bahagian ini mempunyai tret yang cenderung menjaga kelakuan dan keperibadian agar tidak bercanggah dengan nilai dan peraturan yang telah ditetapkan. Ia juga menerangkan seseorang yang mengutamakan disiplin diri dan berusaha untuk memikul tanggung jawab sebaiknya. Tret penerimaan pula menunjukkan bahawa pegawai cenderung berfikir secara positif dalam menghadapi apa sahaja keadaan. Mampu untuk mendepani cabaran dan perubahan dalam hidup selain boleh mengurus emosi dengan baik apabila terganggu. Pegawai berupaya untuk menukar perancangan dan melihat cabaran sebagai satu pengalaman. Selain itu, mampu untuk bertolak ansur dengan orang lain, bersedia menerima pandangan dan berupaya menyesuaikan diri dengan budaya persekitaran yang baharu.

Tret ketiga yang dominan bagi pegawai lelaki adalah Tingkah laku kognitif yang menunjukkan bahawa pegawai lelaki cenderung melihat sesuatu perkara itu secara teliti dalam menghasilkan tugas. Selain itu juga pegawai berupaya menggunakan daya imaginasi untuk menghasilkan idea-idea baharu, fokus dan teliti serta kreatif. Manakala tret ketiga yang dominan bagi pegawai perempuan adalah Introspeksi yang menunjukkan pegawai cenderung untuk menghayati kekuatan dalaman diri, mengukuhkan hubungan dengan tuhan, menghargai diri sendiri dan percaya kepada kebolehan diri, berupaya menyatakan pandangan dengan berkesan melalui penulisan berbanding lisan. Tret ini juga menunjukkan bahawa pegawai lebih selesa berfikir terlebih dahulu sebelum memberikan pandangan sekiranya diperlukan.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan tersebut menunjukkan bahawa personaliti memainkan peranan penting dalam pengurusan organisasi yang berkesan. Tiga personaliti dominan iaitu struktur, penerimaan dan introspeksi menggambarkan bahawa responden kajian mempunyai ciri-ciri pekerja yang positif, bertanggung jawab serta berpegang teguh kepada ajaran agama. Pekerja yang mempunyai nilai diri yang positif mampu memberikan komitmen yang baik terhadap kerja dan bersama-sama mendukung matlamat organisasi untuk memacu pencapaian produktiviti. Pandangan ini disokong oleh Mas Ayu Othman, Fatimah Wati Halim (2013), yang menyatakan bahawa faktor personaliti keterbukaan, kehematan dan kepersetujuan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan prestasi kerja guru dalam kajian. Justeru profil personaliti pegawai adalah amat perlu dalam meningkatkan prestasi kerja sesebuah organisasi.

Selain itu, dapatan daripada kajian ini juga dapat digunakan untuk membangunkan potensi dan bakat seseorang pekerja berdasarkan minat dan kecenderungan terhadap sesuatu bidang. Pembangunan bakat dan potensi pekerja boleh dilakukan dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang terdapat pada pekerja di sesebuah organisasi. Melalui kajian ini, terdapat dua domain yang mendapat skor yang kurang dominan iaitu tingkah laku kognitif dan komunikasi. Oleh itu, program pembangunan kerjaya boleh dijalankan bagi meningkatkan aspek kognitif seperti kemahiran berfikir secara analitikal dan kreatif serta berupaya untuk melihat sesuatu perkara dengan lebih teliti. Selain itu, aspek komunikasi juga boleh ditingkatkan melalui program komunikasi berkesan untuk membantu pekerja berinteraksi dan membina jaringan interpersonal, memiliki daya memujuk, mampu memberikan pandangan dan teguran secara berhemah demi menjaga keharmonian dalam organisasi. Menurut Suzanah (2015), usaha dan sokongan yang berterusan oleh pekerja haruslah jelas dan dilihat oleh pihak pengurusan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan kerjaya yang merangkumi usaha mengkomunikasikan maklumat perancangan sumber manusia, latihan dan pembangunan, penilaian prestasi, perekrutan dan peletakan serta pampasan dan faedah.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Penggunaan alat ujian psikologi amat penting bagi pembangunan sesebuah organisasi melalui dapatan instrumen i2PK, organisasi ini juga dapat melaksanakan intervensi, penempatan tugas baharu, pemilihan pegawai, mentoring serta laluan kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan peluang pegawai tersebut.

Dapatan kajian ini dapat membantu organisasi tersebut melihat kekuatan dan kelemahan warga kerja mereka melalui tret personaliti yang dominan dan kurang dominan mengikut keperluan sesebuah organisasi. Organisasi dapat melaksanakan perancangan dalam bentuk latihan atau program yang bersesuaian mengikut tahap domain pengetahuan, komunikasi, struktur, penerimaan dan introspeksi selaras dengan keperluan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 2005 iaitu Aplikasi Psikologi dan Kaunseling Dalam Pengurusan Sumber Manusia. Ia akan dapat meningkatkan integriti, kebolehan, pengetahuan, nilai, perubahan sikap dan minat, motivasi serta personaliti pegawai tersebut.

**RUJUKAN**

- Anderson, C., Spataro, S.E., & Flynn, F.J. (2008). Personality and organizational culture as determinants of influence. *J Appl Psychol*, 93(3), 702-710 doi: 10.1037/0021- 9010.93.3.702
- Ashton, M. C. (2013). *Individual differences and personality (2. ed)*. Amsterdam: Academic Press.
- Bandura . A & Richard Walters (1963) . *Social Learning and Personality Development*. New York: Holt, Rinheart & Winston. Translation : Spanish
- Bandura. A (1977). *Self Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change*. *Psychological Review*, (84), 191-215
- Berndt, T. J. (2002). Friendship quality and social development. *Current Directions in Psychological Science*, 11, 7- 10.
- Che Mohd Syaharuddin Che Cob, Bahyah Halim & Aziz Amin (2017) *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Komitmen Prestasi Kerja dalam Kalangan Penjawat Awam: Satu Kajian Teoritikal*. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah*. Vol.4 (1)
- Cook, V. D. (2005). *An Investigation of The Construcy Validity of The Big Five Construct of Emotional Stability in Relation to Job Performance, Job Satisfaction and Career Satisfaction*. (Doctoral Dissertations, University of Tennessee, Knoxville, US).
- Fatimah wati & Nor Azizi (2013). *Mengenalpasti Dimensi Prestasi Kerja Pegawai Psikologi Dari Perspektif Analisis Pekerjaan Berasaskan Personaliti Lima Faktor*. *Jurnal Psikologi Malaysia* 27:99-115.
- Farrah Syamimi Che Ros .(2016). *Trait Personaliti Graduan Wanita di Malaysia Technical University (MTU) Dalam Pemilihan Kerjaya*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Harlow, H. F. (1983). Fundamentals for preparing psychology journal articles. *Journal of Comparative and Physiological Psychology*, 55, 893-896.

- Ianalisa Ghazali, Azlina Mohd Khir, Zanariah Ismail (2019). *Faktor Personaliti dan Keuasan Kerja dalam kalangan Anggota Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia di Selangor. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities Vol.4 Issue 3*
- Jayan, C. (2006). Emotional competence, personality and job attitudes as predictors of job performance. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology*, 32(2), 135-134.
- Mas Ayu Othman, Fahtimahwati Halim (2013), *Pengaruh Personaliti Lima Faktor Terhadap Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru*. Jurnal Psikologi dan Kaunseling, 13-20.
- Mullins, L.J. (2007). *Management and organisational behaviour*. Pearson Education.
- Nik Nabil Safwan Nik Anuay & Tajul Arifin Muhamad (2019). *Trait Personaliti Terhadap Prestasi Kerja Dalam Kalangan Pegawai Sukan di Universiti Kebangsaan Malaysia*. Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani 8(1), 13-21
- Nur Farhah Mohd Shah & Fatimah wati Halim (2018). *Pengaruh Personaliti Lima Faktor Terhadap Tingkah laku Kewargaan Organisasi (TKO) Dalam Kalangan Guru*. Jurnal Psikologi Malaysia, 32(2).pp.136-147
- Nikolaou, I., & Robertson IV, I.T. (2001). The five-factor model of personality and work behaviour in Greece. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 10(2), 161-186.
- Rorlinda Yusof, Noriah Mohd Ishak, Jamaliah Hamdan, Roslina Ahmad Faisal, Md Jais Ismail, Salleh Huddin Bin Abdul Rashid (2019). *Pola Personaliti, Minat Kerjaya dan Kecenderungan Bidang Sains*.
- Seng, C. C., Theng, C. S., Ling, L. S., Siang, T. T., & Yean, W. B. (2013). *The Effect Of Big Five Personality On Job Performance: Job Autonomy As The Moderator*. UNITAR Theses
- Syamimi Mansor, Mohd Abdullah Jusoh & Rusliza Yahaya (2016). *Iklm Organisasi, Ciri Personaliti dan Prestasi Kerja Syarikat Teras Bumiputera*. Jurnal Peradaban Melayu. Vo.11

Zulelawati Bujang & Yusni Zaini Yusof (2015). *Trait Personaliti dan Hubungan dengan Prestasi Akademik Bakal Guru di Sebuah Institusi Latihan Perguruan*. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI vol.8, Edisi Khas ,171-180

Pekeliling Perkhidmatan bilangan 18, Tahun 2005 Panduan Apilikasi Psikologi Dalam Pengurusan Manusia Sektor Awam. Jabatan Perkhidmatan Awam

Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah). Kementerian Pendidikan Malaysia.

## BIODATA PENULIS

### 1. **NORMAZWIN BINTI YAHYA**

Setiausaha Bahagian, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Sarjana dalam bidang Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga memiliki Sijil *Inspirational Leadership* (ILM), London dan Sijil Talent Pool, KPM. Bidang kepakaran beliau adalah Pengurusan kepimpinan dan pengurusan perkhidmatan kaunseling dan Psikologi di organisasi. Beliau berkhidmat selama 26 tahun dalam bidang kaunseling di KPM (14 tahun di organisasi). Beliau juga merupakan anggota Lembaga Kaunselor (2018-2023) dan anggota Majlis Penasihat Kaunselor Malaysia (2015-2020) KPWKM, ahli seumur hidup PERKAMA International dan PEKA.

### 2. **HALAWIAH SAFINAS BINTI ISHAK**

Ketua Penolong Setiausaha (Ketua Unit) di Unit Pembangunan dan Penyelidikan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau berkelulusan Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di Universiti Putra Malaysia dan Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia. Kini beliau sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA.

### 3. **NORDIANA BINTI ABD RAHIM**

Penolong Setiausaha di Unit Pembangunan dan Penyelidikan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau berkelulusan Master Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2014, Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2008 dan Diploma Pengurusan Perniagaan di Universiti Putra Malaysia 2004. Kini beliau sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman dalam bidang penyelidikan, penulisan artikel dan kajian kes serta membina instrumen dalam bidang psikologi kaunseling. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA.

**4. HALIMATUN SAADIAH BINTI AHMAD USULDIN**

Penolong Pengarah di Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Berkelulusan Bachelor Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2008. Kini sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang Master Psikologi Pendidikan di Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman dalam bidang penyelidikan, penulisan artikel dan kajian kes serta membina instrumen dalam bidang psikologi kaunseling. Beliau sedang membina Modul Latihan Kepimpinan khususnya kepada pelajar Program Matrikulasi dan juga boleh digunapakai kepada pelajar Pra Universiti yang berumur 18 hingga 21 tahun. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA.

**5. MOHD KHAIRUDDIN BIN MOHAMED**

Penolong Setiausaha di unit Modal Insan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) daripada Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) dari Universiti Malaysia Sabah. Bidang kepakaran adalah Kaunseling Ketagihan Bahan. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**6. MOHD HANIFF BIN ZAWAWI**

Penolong Setiausaha di unit Modal Insan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman dalam pembinaan modul bimbingan dan kaunseling dan mengendalikan kursus-kursus pembangunan sendiri dan kompetensi. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**7. AZIZI BIN LAMAT**

Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang kaunseling, Universiti Utara Malaysia (UUM), Ijazah Sarjana Muda dalam bidang psikologi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang kepakaran beliau adalah psikologi dan kaunseling dan bidang pendidikan pintar dan berbakat. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**8. NORWAZNI BINTI WAHAB**

Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Sarjana dalam bidang Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang kepakaran beliau adalah didalam Bimbingan dan Kaunseling. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**9. SALAMIAH BINTI HASAN**

Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Psikologi dan Sarjana Sastera dalam Kaunseling Psikologi daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah psikologi dan kaunseling. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**10. FARADILLA BINTI MHD SIDIN**

Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi Dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Sarjana dalam bidang Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah didalam Bimbingan dan Kaunseling. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**11. MOHAMAD SUPIAN BIN TAHARIM**

Penolong Setiausaha di Unit Profesionalisme Kaunselor, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Sijil Perguruan Asas (Pengajian Matematik) daripada Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang, Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) daripada Universiti Putra Malaysia dan Master Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran adalah dari Bimbingan dan Kaunseling (Kaunseling Individu dan Kaunseling Kelompok). Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**12. ZAIDI BIN KORIB**

Ketua Penolong Setiausaha (Ketua Unit) di Unit Profesionalisme Kaunselor di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Berkelulusan Ikhtisas Sijil Perguruan Pengajian Melayu dari Institut Bahasa Kuala Lumpur, memiliki Bachelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling serta Master Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**13. ROSLI BIN SUYOT**

Ketua Penolong Setiausaha (Ketua Unit) di Unit Pembangunan Dasar, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Diploma (Eksekutif) Pengajian Usuluddin dari Universiti Malaya, Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Putra Malaysia dan kini sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sedang memberikan tumpuan terhadap bidang kaunseling dalam Pendidikan Khas dengan membina beberapa pendekatan latihan dan kursus kepada guru bimbingan dan kaunseling pendidikan khas di peringkat kebangsaan. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**14. S. VIGNESWARA RAO**

Penolong Setiausaha di Cawangan Pembangunan Strategik, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Sarjana dalam bidang Kaunseling dan Sarjana dalam bidang Pengadialan Jenayah Universiti Malaya (UM). Bidang khusus spesifikasi tugas beliau kini adalah berkenaan strategik perkhidmatan kaunseling dan psikologi KPM yang mengambil kira fungsi dan peranan perkhidmatan kaunseling dan psikologi KPM. Beliau juga terlibat secara langsung dalam pelbagai inisiatif yang memberi fokus kepada pembangunan organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**15. RUSHDAN BIN NORDIN @ NOORDIN**

Ketua Penolong Setiausaha (Ketua Unit) di Unit Pembangunan Organisasi di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bidang khusus tugas beliau kini adalah berkenaan pengurusan, pembangunan dan publisiti perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi KPM. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**16. MOHD HARIS FARUQI BIN NOR RAHIM**

Juruaudio Visual di Cawangan Organisasi, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Tugas beliau adalah membantu, memperkukuhkan dan memantapkan sistem penyampaian sedia ada serta menyokong pelaksanaan program Bahagian Psikologi Dan Kaunseling.

**17. WAN SYARMIELLA BINTI WAN SAMSUDIN**

Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi Dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau telah menamatkan pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang psikologi kaunseling di Universiti Malaysia Sabah dan selepas itu melanjutkan pengajian Diploma Pendidikan di Maktab Perguruan Kampus Perlis. Setahun selepas itu, beliau telah ditempatkan di sekolah pertama setelah tamat pengajian. Beliau telah melanjutkan pengajian di bidang Ijazah Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Bimbingan Dan kaunseling. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**18. SITI SURAIYAH BINTI M.HORSI**

Penolong Setiausaha di Unit Data dan Maklumat, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dan Ijazah Sarjana Bimbingan dan Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bidang pengkhususan beliau adalah dari Bimbingan dan Kaunseling (Teori Pilihan Terapi Realiti, CTRT) dan banyak terlibat dalam penulisan dan pembentangan jurnal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**19. CHE MOHAMAD PADALI BIN CHE MAT**

Penolong Setiausaha di Unit Data dan Maklumat, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling (UPSI) dan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau yang mencetus Model Perkhidmatan Kaunseling Abad-21 (PKA21) pada tahun 2016 selepas mencipta inovasi perkaitan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kaunseling berasaskan reka bentuk teknologi dan data. Banyak terlibat dengan penulisan, pembentangan dan pertandingan inovasi diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**20. NOR HASNAN BIN SARABANI**

Ketua Penolong Setiausaha (Ketua Unit) di Unit Data dan Maklumat, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, (Universiti Putra Malaysia). Pengalaman selama 17 tahun dalam pengurusan data perkhidmatan kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan banyak terlibat dalam pertandingan inovasi kaunseling di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**21. SHAHBANI BIN OTHMAN**

Timbalan Setiausaha Bahagian, Cawangan Pembangunan Organisasi, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Ijazah Sarjana Bimbingan dan Kaunseling, Universiti Sains Malaysia (USM). Selain itu, beliau juga mendapat latihan NPQEL dan bertugas sebagai pengetua sekolah. Pengalaman selama 10 tahun dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan banyak terlibat dalam pertandingan inovasi kaunseling di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**22. SALMIAH BINTI MONSHIE**

Timbalan Setiausaha Bahagian, Cawangan Operasi, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dan Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling) dari Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM). Kepakaran beliau adalah pengurusan perkhidmatan kaunseling di sekolah menengah dan pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi di organisasi. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**23. MAZLI SHAM BINTI ABDULLAH PhD**

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Putra Malaysia (UPM), Sarjana dalam bidang Psikologi Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Psikologi Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah bimbingan dan kaunseling dan Psikologi Pendidikan terutamanya dalam bidang Pengurusan Tingkah Laku Remaja dan kanak-kanak, Metakognitif, Kemahiran Membuat Keputusan, Pengaturan Kendiri dan Kerohanian. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**24. NADIANA BINTI BUJANG**

Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam Bidang Bimbingan dan Kaunseling, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Sarjana Kaunseling, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**25. NORISHAM BINTI ABD GHANI PhD**

Ketua Penolong Setiausaha (Ketua Unit) di Unit Modal Insan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Doktor Falsafah (Psikologi) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah melaksanakan program-program pembangunan, pencegahan dan pemulihan, serta banyak terlibat dalam menjalankan penyelidikan dan pembinaan instrumen juga dalam pembinaan modul-modul berkaitan bidang kaunseling psikologi. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**26. NORHANITA BINTI OTHMAN**

Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan kepujian Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang kepakaran beliau adalah Bimbingan dan Kaunseling. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**27. ZAIPUL HASNI BINTI MAT SALLEH**

Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia, Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian Psikologi Kaunseling di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Sarjana dalam Psikologi Pendidikan (UPSI). Sedang maju dalam bidang Psikologi Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia Bidang kepakaran beliau adalah dari Bimbingan dan Kaunseling dari perspektif agama. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**28. NORHAFIZAH BINTI MOHAMMAD HANAFI**

Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Bachelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia, Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan sedang maju dalam Doktor Falsafah Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**29. SHARIFAH HANIZAH BINTI SYED JAAFAR**

Ketua Penolong Setiausaha (Ketua Unit) di Unit Pengujian dan Pengukuran Psikometrik, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Bachelo Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dan Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling) Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran adalah dari Bimbingan dan Kaunseling (Psikometrik). Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**30. LINDA BINTI JAMALUDIN PhD**

Ketua Penolong Setiausaha di Unit Pengujian dan Pengukuran Psikometrik, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Ijazah Sarjana Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang Kepakaran Kaunseling Kanak-Kanak dan *Play Therapy*. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**31. WAN MOHD AGIL BIN MAT YAMIN**

Penolong Setiausaha di Unit Pengujian dan Pengukuran Psikometrik, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Sarjana Pengurusan Sumber Manusia daripada Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran adalah dari Bimbingan dan Kaunseling (Psikometrik). Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**32. NURRUL AZWA BINTI MOHD KASSIM**

Penolong Setiausaha di Unit Pengujian dan Pengukuran Psikometrik, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Ijazah Sarjana Psikologi dan Kaunseling, Sekolah Psikologi dan Sosial Sains (SPKS) Universiti Malaysia Sabah. Bidang Kepakaran Grafologi dalam Bidang Pengurusan Sumber Manusia. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**33. MAHERAN BINTI ALIAS**

Timbalan Setiausaha Bahagian, Cawangan Pembangunan Strategik, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengalaman awal beliau berkhidmat sebagai kaunselor sepenuh masa ialah di SMK Raja Jumaat, selama 20 tahun, disusuli perkhidmatan sebagai Kaunselor Organisasi Daerah, di Pejabat Pendidikan Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan, selama 3 tahun dan disusuli berkhidmat di Bahagian Psikologi dan Kaunseling KPM semenjak tahun 2019 sehingga kini. Beliau mempunyai latar belakang pendidikan di bidang Pentadbiran dan Undang-undang UiTM, Melaka dan Pendidikan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia. Merupakan Guru Cemerlang, Bimbingan dan Kaunseling, sebelum menjalankan tugas sebagai Kaunselor Organisasi Daerah. Bergiat aktif sebagai penceramah bebas ke sekolah dan agensi kerajaan dalam bidang kepimpinan, motivasi dan integriti dan sebagai kaunselor NGO Dakwah di Kompleks As Saadah, Seremban, Negeri Sembilan. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**34. AZIZURAHMAN BIN HJ SAMIAN**

Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Mengendalikan program psikologi kepimpinan KPM, program-program intervensi kewangan dan pengurusan kewangan berhemat di peringkat Bahagian dan agensi KPM. Beliau pernah terlibat dengan program psikologi dan kaunseling dalam Rancangan Via Kaunselor KPM, Rancangan Selamat Pagi Malaysia, Borak Kopitiam, Malaysia Hari Ini, Rancangan Assalamualaikum untuk siaran RTM, TV3, TV Hijrah juga Radio tempatan. Beliau pernah dilantik menjadi moderator Program Bersama KPM. Pernah menghasilkan Modul *Home Therapy* dan PT MC CARE. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Psikologi dan Komunikasi UKM serta Master Bimbingan dan Kaunseling, UTM. Beliau merupakan ahli Lembaga Kaunselor Malaysia dan ahli seumur hidup PERKAMA International. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**35. HJ. ZULAZAN BIN HJ. MOHAMED YUSOFF**

Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Terlibat secara khusus di Unit Pembangunan Organisasi. Memiliki Bachelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Malaya. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

**36. HASLINDA BINTI HUSSEIN**

Penolong Setiausaha di Unit Pembangunan Dasar, Cawangan Pembangunan Strategik, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Memiliki Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dan Master Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Putra Malaysia dan sedang melanjutkan pelajaran peringkat kedoktoran di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran adalah Bimbingan dan Kaunseling (Modul Intervensi Kreatif). Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

ISSN 1985-3602



9 771985 360007

**BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**